Sejarah Johor

Kaitannya dengan Negeri Melayu

Shaharom Husain

SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1985

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995
Pertama kali diterbitkan 1995
Cetakan kedua 1995

ISBN 967 65 3169 3

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Vivar Printing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

M
959.5119
SFF

M 814345

16 MAR 1996
Perpustakaan Negara
Malaysia

Pendahuluan

KERAJAAN Johor pada masa dahulu, setelah Kerajaan Melayu Melaka dihapuskan oleh Portugis dalam tahun 1511, dikatakan sebuah kerajaan besar di Tanah Melayu. Kebanyakan jajahan takluk Kerajaan Melayu Melaka dahulu telah beralih tangan dan diperintah oleh Kerajaan Johor kerana raja yang memerintah Johor masa itu berasal daripada keturunan raja-raja dari Melaka.

Pemerintahan Johor masa itu meliputi hampir setengah daripada Tanah Melayu ini. Utaranya hingga ke Pahang, Terengganu dan Kelantan. Selatannya hingga ke gugusan pulau-pulau Riau serta Siak dan Kampar. Timurnya hingga ke Laut China, pulau-pulau Tujuh dan di sebelah baratnya hingga ke Melaka dan Selangor.

Pusat pemerintahan Johor masa itu ialah di Johor Lama, di tepi Sungai Johor, Kota Tinggi. Ia diperintah oleh raja-raja yang berasal keturunan daripada Raja-raja Melayu Melaka. Bagaimanapun, kebesaran Kerajaan Johor itu tiada berkekalan disebabkan oleh keadaan huru-hara dan kacau-bilau yang dibangkitkan oleh raja-raja dan orang Melayu sesama sendiri. Kerajaan Johor diserang oleh orang Acheh, Raja Kecil dari Siak dan orang Portugis. Sesetengah jajahan takluk Johor seperti Pahang telah memerintah sendiri.

Sekarang, yang dikatakan negeri yang diperintah oleh Kerajaan Johor itu hanya tinggal seluas lebih kurang 7500 batu persegi, dari Sungai Endau sebelah utara bersempadankan negeri Pahang, ke selatan di tengah-tengah Selat Teberau, ke timur Laut China, tujuh batu ke laut dan ke barat di Selat Melaka serta Sungai Kesang menjadi sempadan dengan Melaka dan Negeri Sembilan. Pemerintahan Johor sekarang bukan lagi dipegang oleh raja-raja keturunan daripada Tun Habab (Habib) Dato' Bendahara Seri Maharaja Pahang Saujana Johor. Ia berada di bawah pemerintahan raja-raja keturunan Bugis, hinggalah ke hari ini. Pusat pemerintahan berpindah dari Teluk Belanga, Singapura ke Johor Bahru.

Demikianlah, berdasarkan sejarah ini, saya tulis buku *Sejarah Johor— Kaitannya Dengan Negeri Melayu* yang sebahagiannya adalah salinan daripada buku *Tawarikh Johor* dalam tulisan Jawi yang

telah saya karang dan diterbitkan oleh Jabatan Persuratan Guru-guru Melayu Johor pada Januari 1950. Selain daripada namanya diubah, isinya juga ditambah, diperluas dan dibaiki. Isinya mengandungi sejarah Kerajaan-kerajaan Johor Tua, Kerajaan Besar Johor Lama, Kerajaan Johor, Singapura, Riau dan Lingga dan Kerajaan Johor Bahru dari zaman pemerintahan almarhum Temenggung Daeng Ibrahim dan Sultan Abu Bakar hingga ke zaman 60 tahun pemerintahan Sultan Ibrahim dan pemerintahan Sultan Ismail.

Beberapa buah buku, risalah dan majalah, di antaranya seperti yang disenaraikan di muka penghabisan buku ini, telah dibaca bagi membanding, memadan dan menyesuaikan kandungannya. Demikian juga saya sentiasa mengikut dan mengambil ingatan segala siaran akhbar yang berhubung dengan perubahan dan pergolakan siasah tanah air kita ini.

Buku ini dikarang dan disusun memandangkan betapa megahnya nama Johor, iaitu sebuah Kerajaan Melayu yang masyhur, besar kuasa dan pengaruhnya di zaman gemilang. Kerajaan ini telah memberikan kebaktiannya terhadap kemajuan bangsa dan agama serta perkembangan bahasa, kebudayaan dan kesenian kita. Kerajaan ini menggantikan Kerajaan-kerajaan Sriwijaya, Majapahit dan Melaka yang telah runtuh dan hapus itu.

Penuntut-penuntut khasnya dan orang ramai amnya yang hendak memperdalam pengetahuannya tentang sejarah tanah air dan hendak mengetahui selok -belok percaturan siasah dan bangun jatuhnya bangsa, kerajaan dan negara mustahaklah membaca dan mempelajari isi buku ini.

Kesempurnaan isinya tentu sukar ditemui dan dipercayai banyak lagi bahan yang masih terpendam yang belum dapat diisi dalam buku ini. Oleh kerana itu sumbangan yang berupa teguran membina ke arah penyempurnaan buku ini, akan diterima dengan segala senang hati dan diucapkan ribuan terima kasih. Sangat besar gunanya teguran yang saudara-saudari berikan. Semoga teguran itu akan menjadi pendorong dalam usaha memperbaiki lagi isinya.

"Gapura Sastera"
Johor Bahru.
November 1994

SHAHAROM HUSAIN

Isi

Pendahuluan v

Plat Gambar ix

1 KERAJAAN-KERAJAAN TERTUA DI JOHOR 1

2 NEGERI JOHOR SEMENJAK KERAJAAN MELAKA 4
- Muar dan Batu Pahat Mula Terkenal
- Darihal Johor Tertakluk kepada Melaka

3 JOHOR DALAM PEMERINTAHAN RAJA-RAJA MELAYU 7
- Asal Keturunan Raja-raja
- Anak Cucu Raja-raja Melayu Melaka di Johor
- Johor di bawah Acheh dan Belanda ke Johor
- Johor Membantu Acheh dan Belanda Mengalahkan Portugis di Melaka
- Salasilah Anak Cucu Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana (Tun Habib)

4 JOHOR DALAM PEMERINTAHAN RAJA KETURUNAN BENDAHARA TUN HABIB 27
- Raja Kecil
- Raja Kecil Menyerang Johor dan Anak-anak Raja Bugis
- Pemerintahan Sultan Mahmud Shah III

5 JOHOR DI BAWAH DUA PEMERINTAHAN 55
- Sultan Husain Shah dan Orang Inggeris di Singapura

6 JOHOR DI BAWAH RAJA-RAJA KETURUNAN TEMENGGUNG (BUGIS) 74
- Sultan Ali dan Temenggung Daeng Ibrahim

- Pemerintahan Sultan Abu Bakar
- Pemerintahan Sultan Ibrahim

7 JOHOR SELEPAS PERANG DUNIA II (1941–45) 148
- Perjanjian Malayan Union (MacMichael Treaty)
- Perjanjian di Antara Kerajaan Baginda King (United Kingdom) Dengan Johor
- Bantahan Perjanjian Malayan Union dan berdirinya Persekutuan Tanah Melayu
- Jubli Intan dan Ucapan Tahniah dan Titah Sultan
- Menteri Besar Johor
- Johor Dalam Pemerintahan DYMM Sultan Ismail Almarhum Sultan Ibrahim
- Kesan-kesan Sejarah Dalam Negeri Johor

Lampiran 190

Plat Gambar

Antara hal. 102 dan 103

Gambar warna Gambar

Koleksi pengarang.

- DYMM Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail Sultan Johor ke-22 5
- DYMM Sultanah Zanariah 6
- DYMM Tunku Mahkota Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar 7
- YAM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah 8
- DYMM Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail bersama DYMM Sultanah Zanariah dan keluarga baginda 9
- Istana Besar, Johor Bahru 28
- Istana Bukit Serene, Johor Bahru 29
- Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru 30

Gambar hitam putih

Koleksi pengarang dan Muzium Diraja Abu Bakar, Istana Besar Johor.

- Temenggung Daeng Ibrahim Ibni Temenggung Abdul Rahman, Raja Johor ke-18 1
- DYMM Sultan Abu Bakar Ibni Temenggung Daeng Ibrahim, Sultan Johor ke-19 2
- DYMM Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar, Sultan Johor ke-20 3
- DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Sultan Johor ke-21 4
- DYMM Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar Bergambar dengan ahli-ahli Lembaga Penasihat Kerajaan baginda 10

- DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Ibrahim sewaktu baginda masih kanak-kanak bergambar dengan ahli keluarga serta rakan baginda 11
- Upacara membuka Tambak Johor oleh DYMM Sultan Ibrahim, Johor pada tahun 1924 12
- Kawasan Teluk Belanga, Singapura dan bekas Balairong Seri Temenggung 13
- Ahli-ahli majlis mesyuarat negeri Johor sebelum perang Jepun (1941–1945) 14
- Dato' Jaafar bin Hj. Muhammad, Menteri Besar Johor pertama 15
- Dato' Muhammad bin Mahbub, Menteri Besar Johor ke-2 16
- Dato' Abdullah bin Jaafar, Menteri Besar Johor ke-3 17
- Dato' Mustafa bin Jaafar, Menteri Besar Johor ke-4 18
- Dato' Abdul Hamid bin Yusuf, Menteri Besar Johor ke-5 19
- Engku Abdul Aziz bin Abdul Majid, Menteri Besar Johor ke-6 20
- Dato' Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor ke-7 21
- Dato' Syed Abdul Kadir bin Mohamed, Menteri Besar Johor ke-8 22
- Dato' Wan Idris bin Ibrahim, Menteri Besar Johor ke-9 23
- Tan Sri Hj. Hassan Yunus, Menteri Besar Johor ke-10 24
- Tan Sri Hj. Othman Saat Menteri Besar Johor ke-11 25
- Dato' Abdul Ajib Ahmad, Menteri Besar Johor ke-12 26
- Tan Sri Hj. Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Johor ke-13 27
- Polis Johor sebelum perang Jepun (1941–1945) 31
- Pasukan Volunteer Johor (JVF) bergambar beramai-ramai di hadapan bangunan pejabat besar Timbalan Setia Negeri Johor (JMF) pada tahun 1935 32
- Pasukan pancaragam Timbalan Setia Negeri Johor (JMF) sebelum perang Jepun (1941–1945) 33

1

Kerajaan-kerajaan Tertua Di Johor

MENURUT ahli-ahli sejarah, pada zaman purba kala, terdapat beberapa buah kerajaan yang tertua letaknya di hulu Sungai Johor.

Kitab babad Jawa yang bernama *Nagara Kertagama* yang terkarang pada tahun 1365 oleh Parapancha ada menyebutkan nama Ujong Madini atau Ujong Tanah, Muar, Pahang serta Temasik (Singapura) yang tertakluk kepada Majapahit. Ujong Madini (Ujong Tanah) itulah negeri Johor pada zaman dahulu. Muar itu pula ialah sebuah jajahan yang letaknya dalam negeri Johor sekarang.

Menurut keterangan lain pula, adalah negeri atau Kerajaan Johor Tua itu bernama Wurawari. Nama Wurawari ini ada tersebut dalam satu karangan bahasa Sanskrit dan bahasa Jawa yang dikarang pada tahun 1006. Dalam karangan ini diceritakan sebab Kerajaan Wurawari telah menjadikan kemalangan negeri Jawa.

Sejarah Melayu, yang dikarang oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1612, mengatakan Raja Suran (Raja Benua Hindi), setelah menaklukkan Gangga Negara (sebuah kerajaan tua di Perak), menaklukkan pula Genggayu, iaitu sebuah kerajaan di hulu Sungai Johor. Genggayu (Gengga Ayu) ini ialah sebuah negeri dan kerajaan yang besar dan mempunyai sebuah kota yang dibuat daripada batu hitam. Hingga tarikh *Sejarah Melayu* itu terkarang (1612), kota itu masih ada lagi di hulu Sungai Johor.

Sebenarnya asal nama Genggayu ialah Kelangkio, berasal daripada bahasa Siam . Negeri Kelangkio atau Genggayu itu, kadang-kadang disebut juga Gelangkiu atau Lenggiu. Rajanya bernama Raja Chulan dan negeri itu dibangunkan oleh orang Siam asli. Disebabkan selisih pada sebutannya, maka nama negeri itu disebutnya bermacam-macam seperti di atas. Raja Chulan itu seorang raja besar dan sekalian raja di sebelah timur ini boleh dikatakan kesemuanya takluk kepada baginda.

Buku undang-undang Siam yang bernama *Kot Monthieraban* yang ditulis pada tahun 1360 menyebutkan seorang raja telah menaiki takhta Kerajaan Wurawari dalam tahun 1435 dan kerajaan itu di bawah takluk Siam. Ada pun erti Wurawari itu dalam bahasa Jawa tua ialah air jernih. Genggayu atau Kelangkio itu dalam bahasa Jawa tua bermakna air jernih

juga. Dengan demikian ada persamaan makna dalam kedua-dua nama itu. Boleh jadi juga Genggayu (Kelangkio) atau Gengga Ayu yang tersebut dalam Kitab *Sejarah Melayu* itu kerajaan yang disebut dalam buku undang-undang Siam itu. Sekadar sebutan sahaja yang berlainan, tetapi makna tetap sama.

Genggayu (Kelangkio) dalam bahasa Siam bermakna perbendaharaan permata bersesuaian pula dengan pendapat Dr. Rouffaer, seorang ahli sejarah. Doktor itu telah biasa menggunakan perkataan Galoh, dalam bahasa Jawa tua yang bermakna permata. Manakala di dalam bahasa Arab pula, permata itu disebutnya jauhar. Dari sebutan jauhar inilah harus terbit nama Johor yang ada sekarang.

Hal negeri atau Kerajaan Tua Johor itu, tidaklah didapati keterangannya yang lebih lanjut. Sekadarkan pada tahun 1302 ada tersebut suatu cerita seorang raja Jawa yang memerintah Arlangga. Raja itu telah membinasakan Jong atau Ujong Galoh. Ujong dan Galoh yang dikatakan ini boleh jadi Ujong Madini atau Ujong Tanah seperti yang tersebut dalam babad Jawa yang bernama *Nagara Kertagama*.

Sebaliknya pula telah disiasat lebih jauh lagi, bahawa nama Galoh itu merupakan nama sebuah kerajaan yang letaknya di Sungai Berantas di Jawa Timur. Ternyata terdapat perbezaan. Nama Jong atau Ujong Galoh yang telah ditaklukkan oleh Raja Arlangga Jawa itu, haruslah kerajaan di Jawa Timur, bukan Ujong Madini atau Ujong Tanah seperti yang tersebut dalam *Nagara Kertagama*.

Chau Jokoa, seorang ahli pelayaran China yang terkenal dalam tahun 1225 menyebut Jiloting atau Jelutung, yang letaknya di sebelah tenggara hujung negeri Johor. Dalam *Sejarah Melayu* pun ada disebut nama Sayong (sebuah daripada cawangan Sungai Johor) berhubung dengan perkara-perkara cerita Badang yang termasyhur gagah itu. Melalui cerita-cerita ini pun tidak dapat dipastikan sama ada nama-nama itu wujud di Johor.

Kalau ada ahli-ahli sejarah yang dapat menyiasat lebih jauh lagi ke dalam kawasan-kawasan di tepi Sungai Johor di Kota Tinggi, tidak syak kita akan dapat mengetahui lebih lanjut dan lebih jelas lagi akan hal kerajaan-kerajaan tua dalam negeri Johor.

Sejarah Pasai pula ada menyebutkan beberapa buah pulau di sebelah timur Semenanjung, termasuk Pulau Tioman, Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil dan Pulau Laut. Semua pulau ini di bawah taklukan Majapahit. Dari kenyataan ini makin bertambah kuat kita katakan, bahawa Johor masa dahulu tertakluk di bawah kuasa Kerajaan Jawa Majapahit kerana pulau-pulau yang dikatakan tadi seperti Pulau Tinggi dan Pulau Pemanggil ialah pulau-pulau yang terletak di sebelah pantai timur Johor dan termasuk di bawah perintah Kerajaan Johor sekarang.

Sungguhpun Ujong Tanah (Johor) sebahagian daripada negeri di

bawah penjajahan orang Jawa Majapahit, tetapi tiada pula kita dapati ceritanya lebih lanjut berhubung dengan hal negeri itu. Apakah bangsanya yang mendiami tempat itu dan apakah tamadun yang telah dibawa ke negeri itu supaya menjadi sebuah negeri yang kaya dengan perniagaan dan hasil-hasil yang boleh didapati dari dalam negeri itu. Beberapa lama kemudian beransur-ansur lemah, akhirnya lenyap langsung setelah rajanya Hayam Wurok mangkat pada tahun 1389. Dari semenjak itu Ujong Tanah (Johor) sebuah daripada jajahan takluk Majapahit di Tanah Melayu ini, telah terlepas dari genggamannya, akhirnya telah berpindah tangan di bawah taklukan Kerajaan Islam Melayu Melaka setelah kerajaan itu bangkit mengembangkan sayap kekuasaannya di seluruh Tanah Melayu itu.

Berkenaan nama Ujong Tanah, ada juga disebutkan oleh seorang pengarang Portugis bernama Godinho d' Eredia yang telah menceritakan darihal pelayaran Marco Polo dalam tahun 1292. Di antaranya dia mengatakan, '. . . sebab itu bolehlah dikirakan panjang masa itu tiada orang yang bertamadun di dalam Sumatera dan Ujong Tanah atau Johor sekarang. Terkecuali daerah pantai barat Ujong Tanah sahaja, yang telah ada dan sudah membuat hubungan dengan Attay atau Cathay, iaitu sebuah negeri di utara China'.

Selain dari itu Eredia juga ada menulis lebih kurang bunyinya, 'Agama Islam telah diterima dalam Patani dan Pam (Pahang) di pantai timur Ujong Tanah dan beberapa pulau di dalam gugusan pulau-pulau Aromatic, terutama di pelabuhan Bantan di Tanah Jawa. Kemudian daripada itu agama Islam itu telah diterima dan digalakkan pula oleh permaisuri Melaka, dalam tahun 1411'.

Maka dari sepanjang kenyataan ini, nyatalah nampaknya nama Ujong Tanah (Johor sekarang) telah biasa disebut-sebut orang dari semenjak sebelum kekuasaan Kerajaan Melayu Melaka bangkit.

2

Negeri Johor Semenjak Kerajaan Melaka

MUAR DAN BATU PAHAT TERKENAL

SEJARAH MELAYU ada mengatakan pada masa Singapura di bawah perintah Raja Iskandar Shah (raja terakhir memerintah Singapura daripada keturunan raja-raja Melayu yang turun di Bukit Seguntang Mahamiru, Palembang), Kerajaan Jawa Majapahit di bawah perintah Hayam Wurok yang termasyhur gagah perkasa itu telah menghantarkan tenteranya menyerang Singapura secara mengejut pada T.M. 1360 (1377). Setelah beberapa hari diserang, Singapura pun tewas. Raja Iskandar Shah terpaksa berundur ke Seletar kemudian ke Muar dan akhirnya membuka negeri dan berkerajaan di Melaka.

Di sini nyatalah ketika Singapura ditewaskan oleh Kerajaan Jawa Majapahit, Muar (sebuah jajahan yang terletak dalam negeri Johor sekarang) telah dikenali orang kerana pada masa Raja Iskandar Shah berundur dari Singapura, baginda telah menetap di sebuah tempat dalam Muar sekarang. Di tempat itu terdapat terlalu banyak biawak. Walaupun kerap dibunuh jumlah biawak di situ tiada juga berkurangan. Tempat itu menjadi busuk kerana banyaknya bangkai biawak lalu dinamakan Biawak Busuk. Kemudian baginda pun berundur dan berpindah ke suatu tempat lain untuk mendirikan kota. Kota itu kononnya akan menjadi buruk pada waktu malam lalu tempat itu dinamakan Kota Buruk. Dari situ baginda berpindah pula ke Sening Ujong (Sungai Ujong dalam Negeri Sembilan) dan akhirnya baginda telah membuka negeri dan berkerajaan di Melaka.

Keturunan raja-raja Melayu Hindu Singapura itulah yang menjadi raja memerintah negeri Melaka hingga ke zaman Raja Kecil Besar (raja Melaka yang keempat yang merupakan raja yang mula-mula memeluk agama Islam dengan gelaran Sultan Muhammad Shah). Semenjak itu negeri Melaka semakin meluas dan kuasa Kerajaan Melaka semakin bertambah hingga ke luar negeri. Arah ke barat hingga ke Beruas (Perak) dan Ujong Karang dan arah ke timur hingga ke Terengganu. Tiada pula diterangkan tempat itu sama ada di Muar seperti di Biawak Busuk dan Kota Buruk yang menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Melaka. Walau bagaimanapun, kita ketahui bahawa tempat-tempat itu asalnya

dibuka oleh Raja Iskandar Shah ketika baginda berundur dari Singapura.

Pada masa di bawah perintah Sultan Mudzaffar Shah (T.M. 1445–T.M. 1458), negeri Melaka telah dua kali diserang Siam. Kedua-dua serangan itu dapat dipatahkan oleh orang Melaka. Dalam serangan kali kedua ke atas Melaka, angkatan Siam yang diketuai oleh Awi Chakeri telah berhenti di suatu tempat di Batu Pahat. Mereka telah membuat sebuah perigi batu yang dipahat yang terletak di kuala Sungai Batu Pahat kerana hendak mendapatkan bekalan air untuk menyerang Melaka. Angkatan Siam itu akhirnya dapat ditewaskan oleh hulubalang-hulubalang Melaka. Mereka terpaksa balik ke negeri mereka dan perigi tadi kekal sampai sekarang yang disebut Batu Pahat.

Daripada kenyataan *Sejarah Melayu* ini nyatalah dua tiga tempat tersebut telah sedia terkenal semenjak terdirinya Kerajaan Islam Melayu Melaka pada kira-kira kurun Masihi ke-14.

DARIHAL JOHOR TERTAKLUK KEPADA MELAKA

Sejarah Melayu juga ada menyebutkan bahawa pada zaman Sultan Mansur Shah memerintah Melaka (T.M. 1458–T.M. 1477), ada seorang anak Keraing Manchoko, Raja Balului Mengkasar bernama Semerluki telah datang ke laut Ujong Tanah (Johor) ". . . lalu ia ke laut Ujong Tanah dirosakkannya segala teluk rantau Melaka. . . ." Dari keterangan ini, nampaknya pada masa itu Ujong Tanah (Johor) yang telah dirosakkan oleh Semerluki ialah sebahagian daripada jajahan di bawah kuasa Kerajaan Melayu Melaka.

Sejarah Melayu juga ada menyebutkan, pada zaman Melaka di bawah perintah Sultan Mahmud Shah (T.M. 1488–T.M. 1511), negeri Melaka itu terlalu ramai, ". . . segala dagang pun berkampung maka dari Air Leleh datang ke Kuala Muar, pasar tiada berputusan lagi, dari Kampung Keling hingga ke Kuala Penajeh pun tiada berputusan. Jika orang dari Melaka datang ke Jugera tiada membawa api, di mana berhenti di sana adalah rumah orang. Dari sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga. Kerana masa itu rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang di dalam negeri juga. . . ." Kuala Muar dan Batu Pahat yang disebutkan itu ialah tempat-tempat dalam negeri Johor sekarang. Dari keterangan ini, nyatalah Muar dan Batu Pahat pernah menjadi jajahan takluk Kerajaan Melayu Melaka.

Hikayat pada menyatakan cetera Tanah Melayu serta Pulau Percha dan sebagainya yang dicetak pada T.M. 1891 ada menyebutkan, ". . . maka sebelum negeri Melaka itu diambil oleh orang Perenggi (pada T.M. 1511), maka negeri Johor itu masuk bersama dalam perintah Melaka. . . ." Dengan keterangan ini, bertambah kuatlah keyakinan kita bahawa pada masa dahulu Johor tertakluk kepada Melaka.

Sejarah Melayu juga ada menyebutkan, pada masa Sultan Mahmud Shah memerintah Melaka, iaitu pada T.M. 1511 angkatan Portugis yang diketuai oleh Alfonso d'Albuquerque telah datang menyerang Melaka.

> . . . Maka Sultan Ahmad pun berundur ke hulu Muar dan baginda menetap di Pagoh dan Sultan Mahmud menetap di Batu Hampar, maka Sultan Ahmad berkota di Bentayan. Maka Perenggi pun menetap di Melaka. Maka pagar ruang istana diperbuatnya kota, maka Perenggi pun datang pula menyerang Pagoh, maka berperanglah ada beberapa hari maka Sang Setia pun mati maka Pagoh pun kalah lalu Sultan Ahmad berundur ke hulu Muar lalu ke Penarekan. Bendahara pun mati dan ditanam orang di Lubuk Batu yang disebut orang Dato Di Lubuk Batu. Maka Sultan Ahmad dengan ayahanda baginda Sultan Mahmud pun berjalan dari Penarekan lalu ke Pahang. . . .

Mengikut keterangan di atas, nyatalah Ujong Tanah (Johor), Muar, Batu Pahat, Pagoh, Batu Hampar, Bentayan, Kota Buruk dan Biawak Busuk itu adalah tempat-tempat lama belaka. Cuma hal ehwal dan ceritanya yang lengkap pada masa itu tidak dapat kita ketahui. Sampai sekarang masih boleh didapati bekas-bekas lama (zaman Melaka) di beberapa tempat yang dikatakan tadi seperti Perigi Batu Pahat dan makam raja di Pagoh (makam Sultan Alauddin Riayat Shah yang memerintah Melaka di antara T.M. 1477–T.M. 1488). Nama-nama tempat yang dikatakan tadi pun masih ada lagi sampai sekarang.

Pendeknya, semenjak sebelum bangkit kuasa Kerajaan Melayu Melaka lagi tempat-tempat yang ada dalam negeri Johor sekarang seperti yang telah dikatakan tadi, bukan sahaja tertakluk kepada Siam (Siam Asli), Majapahit dan Melaka mengikut giliran masanya masing-masing tetapi juga menurut sesetengah riwayat, tanah-tanah di bahagian selatan Tanah Melayu ini boleh dikatakan kesemuanya (termasuk Johor sekarang) terjumlah negeri yang di bawah kekuasaan Kerajaan Pahang.

Bagi menguatkan tanda kebesaran Kerajaan Pahang Tua itu, pada zaman dahulu orang Majapahit memanggil Tanah Melayu ini dengan nama 'Pahang' sahaja. Dalam kurun Masihi ke–16, sempadan negeri Pahang di sebelah selatannya hingga ke Sedili Besar dan di sebelah baratnya hingga ke Rembau dan Selangor.

Kalau benar riwayat ini, bolehlah kita katakan bahawa tanah jajahan hingga ke Sedili Besar itu adalah sebahagian daripada jajahan di bawah kuasa Pahang. Ini kerana yang dikatakan Sedili Besar itu ialah sebuah sungai atau kawasan yang terletak di pantai timur dalam negeri Johor sekarang.

3

Johor Dalam Pemerintahan Raja-raja Melayu

ASAL KETURUNAN RAJA-RAJA

KEKUASAAN Kerajaan Melayu Melaka hapus dibinasakan oleh Portugis dalam T.M. 1511. Setelah negeri Melaka kalah, Sultan Mahmud Shah, isterinya Tun Fatimah, puteranya Sultan Ahmad dan Raja Mudzafar, berserta para pembesar dan hulubalangnya yang masih taat setia kepada baginda segera berundur ke Muar. Sultan Mahmud Shah bersemayam di Batu Hampar dan anakanda baginda Sultan Ahmad Shah di Pagoh.

Apabila masyhur negeri Pagoh, datanglah orang Portugis melanggar dan membinasakan negeri itu. Baginda Sultan Mahmud Shah, isterinya Tun Fatimah dan puteranya terpaksa berundur ke Penarekan. Dari sana mereka terus ke Pahang dan kemudian ke Bentan pula. Apabila sampai di Bentan baginda Sultan Mahmud Shah bersemayam di Kota Kara dan Sultan Ahmad Shah membuka negeri di Kopak.

Akhirnya baginda Sultan Ahmad mangkat di Kopak dan dimakamkan di Bukit Batu. Inilah yang disebut orang 'Marhum Di Bukit Batu'. Kemangkatan baginda itu kononnya akibat diracun oleh ayahanda baginda Sultan Mahmud Shah sendiri. Setelah Sultan Ahmad mangkat, maka anakanda baginda Raja Mudzafar menjadi bakal pengganti kerajaan dengan gelaran 'Raja Muda'. Akan tetapi, gelaran itu kemudiannya dibatalkan kerana dalam T.M. 1513 baginda Sultan Mahmud Shah beroleh seorang putera lelaki dengan isterinya, Tun Fatimah, anak Bendahara Seri Maharaja I yang dibunuhnya di Melaka. Putera itu dinamakan Raja Ali dan bergelar Raja Kechil Besar.

Tidak lama selepas Raja Ali diputerakan, dia pun ditabalkan oleh ayahandanya Sultan Mahmud Shah menjadi Sultan Muda bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah, mengikut kemahuan isteri baginda Tun Fatimah. Oleh itu cadangan supaya Raja Mudzafar menjadi bakal pengganti kerajaan itu pun dibatalkan. Raja Mudzafar merajuk ke Perak lalu menjadi raja di sana, iaitu sultan Perak yang pertama.

Baginda Sultan Mahmud Shah bersemayam di Kopak, sehinggalah pada T.M. 1526 apabila Kopak dikalahkan oleh Portugis. Sebelum itu,

kira-kira dalam T.M. 1521 Alfonso d'Albuquerque telah cuba menawan Bentan tetapi gagal kerana keteguhan dua buah kubu di situ dan juga kegagahan hulubalang Melayu. Angkatan Alfonso itu terdiri daripada 18 buah kapal dan 600 orang tentera sahaja.

Percubaan Portugis hendak menakluk Bentan itu telah diulangi oleh seorang ketua perangnya yang bernama Don Sancho Enriguez dengan 200 buah kapal. Percubaan ini tidak berjaya juga kerana 70 buah daripada kapalnya telah terkena ribut. Akhirnya pada T.M. 1526 satu angkatan Portugis terdiri daripada 25 buah kapal, ghali dan pusta diketuai oleh Wizurai Maascarenhas telah menawan Bengkalis, membakar Bulang dan menakluk Kopak.

Sultan Mahmud Shah terpaksa berundur ke Kampar lalu menjadi raja di sana. Lebih kurang dalam T.M. 1529 baginda pun mangkat. Kerajaannya telah digantikan pula oleh puteranya Sultan Alauddin dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II. Baginda tiada lama bersemayam dan berkerajaan di Kampar. Entah apakah sebabnya, baginda terpaksa beredar dari negeri itu. Barangkali negeri itu didatangi orang Portugis. Akhirnya baginda berundur membuka negeri Johor. Negeri Johor itu, bagindalah yang mula-mula membukanya setelah negeri itu dibuka oleh almarhum ayahandanya Sultan Mahmud Shah, ketika almarhum berundur dari Melaka oleh serangan Portugis, iaitu berundur ke hulu Muar.

ANAK CUCU RAJA-RAJA MELAYU MELAKA DI JOHOR

Sesungguhnya dengan terhapusnya kuasa Kerajaan Melayu Melaka oleh Portugis pada T.M. 1511, maka hapuslah kuasa raja-raja Melayu yang telah menguasai seluas-luas kawasan bukan sahaja di Tanah Melayu bahkan hingga ke negeri-negeri di sekeliling Tanah Melayu. Semenjak Portugis berkuasa di Melaka, perpaduan negeri-negeri Melayu dengan kerajaan naungannya beransur-ansur longgar. Setelah kuasa Kerajaan Melayu Melaka berpindah ke Johor, kebanyakan negeri yang tertakluk di bawah kuasa Melaka dahulu telah bernaung pula di bawah kuasa Kerajaan Melayu Johor kerana raja-raja Johor adalah keturunan raja Melaka yang telah ditewaskan oleh Portugis.

Walau pun raja-raja Melayu telah kehilangan Melaka tetapi kuasa dan pengaruhnya masih ada lagi di negeri-negeri takluknya seperti Muar, Rembau, Sungai Ujong, Klang, Selangor, Manjong, Beruas, Perak dan Pahang. Dalam pada itu ada di antara negeri-negeri tersebut telah berkuasa memerintah sendiri dan tidak lagi duduk di bawah naungan kebesaran Kerajaan Melayu Johor. Kuasa kerajaan itu nampaknya beransur-ansur longgar dari semasa ke semasa.

Sungguhpun dahulu ada di antara negeri-negeri yang tersebut tertakluk kepada Melaka tetapi tiadą pula tertinggal kekuasaan Kerajaan Melayu Melaka di atas negeri-negeri itu. Tiada pula terdapat arahan atau perintah kepada negeri-negeri jajahan takluknya supaya menghantar ufti atau bunga emas sebagai tanda tunduk di bawah naungan kekuasaannya. Ada tidaknya, memadailah kalau raja-raja negeri yang di bawah takluknya sanggup mengaku kedaulatan atau kebesaran Kerajaan Melayu Melaka dan sanggup berkhidmat atau bekerjasama dengan raja-raja Melaka. Tatkala itu nyatalah yang raja dan negeri itu tertakluk di bawah kedaulatan raja Melaka.

Tidak hairanlah akhirnya Kerajaan Melayu Melaka tiada dapat mengekalkan perhubungannya dengan negeri-negeri takluknya. Semakin lama semakin pupus kuasanya dan negeri-negeri yang tertakluk itu mudah sahaja dapat mengelakkan diri daripada menjadi jajahan takluk. Sesetengahnya berjaya pula mendirikan kuasanya sendiri.

Sultan Alauddin Riayat Shah II beredar dari Kampar ke Pahang melalui jalan laut diiringi oleh bendahara dan segala menteri, hulubalang, bentara, sida-sida dan bala tentera yang diketuai oleh Hang Nadim.

Raja Pahang pada masa itu yang bergelar Sultan Mansur Shah ialah saudara dua pupu Sultan Alauddin Riayat Shah II. Mereka berdua adalah cicit Sultan Mansur Shah I (raja VII Melaka) yang berkerajaan di Melaka di antara 1458–1477 T.M. Setelah berada di Pahang baginda Sultan Alauddin Riayat Shah II pun beristerikan puteri Sultan Mansur Shah yang bernama Puteri Kesuma Dewi, iaitu anak saudara dua pupu kepada baginda.

Seorang lagi puteri baginda Sultan Mansur Shah yang bernama Puteri Puspa Dewi iaitu kekanda Puteri Kesuma Dewi telah dikahwinkan dengan Raja Ahmad putera Raja Muhammad (Raja Terengganu). Ayahanda Raja Muhammad ialah anak raja Kelantan dan bondanya anak raja Terengganu. Bonda Raja Ahmad itu saudara dua pupu kepada Sultan Pahang. Jadi Raja Ahmad dengan isterinya Puteri Puspa Dewi ialah saudara tiga pupu. Raja Ahmad berputerakan Raja Omar yang akhirnya menjadi suami kepada Raja Fatimah (puteri Sultan Alauddin Riayat Shah II, Sultan Johor).

Setelah beberapa lama baginda di Pahang, baginda pun bermohon kepada ayahanda baginda Sultan Pahang untuk membawa isterinya berpindah membuka negeri di Johor. Baginda diiringi oleh bendahara, laksamana dan sekalian pembesarnya. Baginda menitahkan bendahara dan Seri Nara Diraja menghimpunkan rakyat untuk membuka negeri di Kuala Johor itu.

Beberapa hari siaplah negeri itu lengkap dengan kota paritnya. Dari sebelah hilirnya ialah Sungai Serting dan dari sebelah hulunya Sungai Johor. Mengikut keterangan buku sejarah Perak, dalam kurun Masihi ke-

18, Sultan Alauddin Riayat Shah II telah mendirikan kerajaannya di Pasir Raja. Tempat ini telah ditemui oleh Hervey, seorang ahli penyiasat sejarah dalam T.M. 1879. Pasir Raja yang ditemui oleh Hervey itu ialah di sebelah atas Kota Tinggi di antara Seluang dengan Batu Hampar. Walau bagaimanapun Pasir Raja yang disebutkan oleh sejarah Perak itu menimbulkan sedikit kekeliruan dengan mengatakan tempat itu tempat kerajaan Sultan Alauddin Riayat Shah II.

Semenjak baginda bersemayam di Johor, bilangan penduduk Johor semakin bertambah dan pekannya semakin besar dan penuh dengan kedai. Masa itu kampung-kampung ke hilirnya sampai ke Beladong dan ke hulunya hingga ke Bukit Piatu iaitu di hulu Kuala Johor.

Sultan Alauddin Riayat Shah II boleh dikatakan kekal memerintah negeri Johor. Baginda beristerikan Puteri Kesuma Dewi (puteri Sultan Mansur Shah, Pahang) dan memperoleh dua orang anak. Seorang lelaki bernama Raja Mudzafar Shah dan seorang perempuan dinamai baginda Raja Fatimah yang akhirnya berkahwin dengan Raja Omar. Perhubungan di antara Raja Omar dengan Raja Fatimah ialah saudara sepupu di sebelah pihak ibu. Ibu mereka adik-beradik.

Daripada keturunan di sebelah ayahandanya, Raja Omar tidak termasuk dalam lingkungan keluarga raja-raja Melayu Melaka, Pahang dan Johor. Tetapi, oleh sebab dia berkahwin dengan Raja Fatimah, akhirnya dia berpeluang menaiki takhta Kerajaan Johor.

Kira-kira dalam T.M. 1536, seramai 400 orang Portugis yang dibantu oleh orang Melayu dengan diketuai oleh Estevao da Gama telah menyerang Johor. Dalam peperangan itu Johor telah dibakar dan baginda kehilangan ramai orangnya. Akhirnya baginda telah meminta berdamai dan baginda dibenarkan berpindah ke Muar dan bersahabat dengan orang Portugis. Pada masa itu Acheh sebuah kerajaan yang kuat dan merupakan musuh yang sangat ditakuti oleh Portugis. Johor, Perak dan Pahang juga terpaksa menjadi sahabat Portugis.

Orang Acheh masa itu samalah keadaannya seperti orang Portugis, iaitu mereka hidup dengan merompak, berniaga, mengembara dan menjadi pengembang agama. Kira-kira pada penghujung T.M. 1539, Raja Acheh, Sultan Alauddin Rayat Shah Al-Kahar telah menyerang Haru dengan satu angkatan yang terdiri daripada 160 buah kapal, 12 000 orang yang di antaranya 600 orang dari Melaka, Gujerat, Turki dan Habshi. Akibat perbuatan khianat seorang daripada ketuanya, maka Haru pun dapat dikalahkan. Walau bagaimanapun, beberapa bulan kemudian, seorang puteri Haru telah belayar ke Bentan. Di sana puteri itu telah berkahwin dengan Sultan Johor dan Sultan Johor sanggup menolong Haru berperang.

Dalam T.M. 1540 Haru dengan bantuan Perak, Siak dan Johor telah mengalahkan angkatan Acheh dalam peperangan besar di laut. Ketua

angkatan Acheh terbunuh. Pihak Acheh kehilangan 13 500 orang. Hanya 14 buah kapalnya yang terselamat. Dalam T.M. 1547 Sultan Alauddin dengan saudara-saudaranya Sultan Perak dan Pahang telah menghimpunkan satu angkatan 300 buah kapal dan 8000 orang di Sungai Johor untuk menyerang Patani. Tetapi akhirnya rancangan ini gagal. Kemudian baginda telah menghantarkan angkatannya pula bersama-sama Portugis bertahan di Melaka melawan orang Acheh.

Sultan Alauddin Riayat Shah II mangkat kira-kira pada T.M. 1550. Jenazahnya dimakamkan di Johor Lama lalu disebut sebagai 'Marhum di Johor Lama'. Tetapi sesetengah riwayat pula mengatakan baginda hidup lagi pada T.M. 1564. Menurut riwayat itu dalam T.M. 1564 orang Acheh telah menakluk Johor Lama pada zaman pemerintahan baginda.

Hikayat Bustan al-Salatin ada mengatakan pada masa serangan orang Acheh itu, Johor telah tewas, Sultan Alauddin Riayat Shah II berserta anak isterinya ditawan dan dibawa ke Acheh. Khabarnya baginda dibunuh oleh orang Acheh.

Setelah baginda mangkat, anakanda baginda Raja Mudzafar Shah dilantik menduduki takhta Kerajaan Johor bergelar Sultan Mudzafar Shah II. Baginda menaiki takhta semasa berusia 19 tahun. Sungguhpun usia baginda muda tetapi tingkah laku dan sifatnya tidak pernah membelakangkan rakyat jelata atau membantah cakap bendahara dan sekalian orang besarnya. Sifat bekerjasama di antara baginda dengan orang besarnya menyebabkan Kerajaan Johor masa itu bertambah besar kuasanya dan masyhur dan dikenali oleh bangsa-bangsa asing.

Permusuhan Johor dengan orang Acheh masih berpanjangan. Dalam bulan Februari 1568 orang Portugis di Melaka dibantu oleh orang Johor telah mematahkan serangan orang Acheh. Dalam T.M. 1570 angkatan orang Acheh telah datang membakar kampung-kampung di Sungai Johor. Dalam T.M. 1570 dan 1573 orang Acheh telah mengepung Melaka.

Sejarah Melayu ada menyebutkan setelah beberapa lama baginda Sultan Mudzafar Shah II bersemayam di Johor Lama, maka baginda pun berpindah dari sana dan membuka negeri di Seluyut (Kota Batu). Dari Kuala Seluyut hingga ke Padang Riang-riang penuh dengan pasar. Negeri yang ramai penduduknya itu dan mewah dengan hasil-hasil dan perniagaannya makin bertambah maju. Dalam bulan Julai 1578 orang Portugis tiba-tiba cuba hendak membinasakan Johor. Angkatan Portugis diketuai oleh Antonio de Noronna telah berperang dengan angkatan Melayu di Sungai Johor. Percubaan orang Portugis itu mendapat tentangan daripada 20 buah perahu Melayu yang cukup lengkap dengan senjata. Angkatan Portugis terpaksa berundur.

Pada 6 Ogos 1587, angkatan Portugis yang diketuai Don Paolo de Lima Pereira pula tiba ke Johor. Pada 15 Ogos 1587 baharulah Portugis melancarkan serangan hebatnya ke atas negeri Johor. Kota Batu dibinasa-

kan. Sekalian orang Melayu berundur ke hutan. Sebanyak 2000 buah kapal kecil dan besar, 1000 laras senapang dan 1500 jenis senapang lain dapat dirampas oleh Portugis. Pihak Portugis hanya kehilangan 80 orang. Pihak Melayu kehilangan 100 orang. Pada 15 Oktober 1587, de Lima telah balik melalui Singapura dengan menawan beberapa buah pusta di Sungai Johor dan membakar Bentan.

Sungguhpun demikian, tiada pula dinyatakan apa kesudahannya negeri Johor itu setelah dibinasakan oleh orang Portugis. Tidak berapa lama kemudian Sultan Mudzafar Shah II mangkat. Jenazahnya dimakamkan di Bukit Seluyut disebut 'Marhum Mangkat di Seluyut'.

Semasa ada hayat Sultan Alauddin Riayat Shah II iaitu ayahandanya, almarhum telah dikahwinkan dengan Tun Mas Jiwa (anak Tun Hasan Temenggung dan cucu Bendahara Seri Maharaja I yang terbunuh di Melaka). Baginda tiada beroleh putera daripada perkahwinan ini. Kemudian dari itu, baginda telah berkenankan bonda Raja Mansur, iaitu anak Seri Nara Diraja Pahang atau janda Raja Omar suami Raja Fatimah. Dengan persetujuan orang besar Johor, baginda pun beristerikan bonda Raja Omar itu lalu beroleh seorang putera dinamakan Raja Abdullah yang akhirnya bergelar Sultan Abdullah Maayat Shah.

Perkahwinan baginda dengan bonda Raja Mansur terpaksa dirahsiakan kerana baginda segankan iparnya Raja Omar. Inilah yang menyebabkan Raja Abdullah seolah-olah tidak diakui putera oleh baginda. Untuk menggantikan kerajaannya kelak, baginda mengambil anak saudaranya bernama Raja Abd. Jalil iaitu putera Raja Fatimah dengan Raja Omar sebagai anak angkat dan warisnya. Dari kecil lagi kedua-dua putera raja itu iaitu Raja Abd. Jalil dan Raja Abdullah dipelihara dengan sempurna. Mereka hidup seperti saudara seibu kandung sehingga begitu mesra perhubungan antara satu dengan lain.

Sultan Mudzafar Shah II tidak lama menduduki takhta kerajaan. Beberapa lama bersemayam di Seluyut, baginda pun mangkat. Jenazahnya dimakamkan di Bukit Seluyut. Bagindalah yang disebut orang 'Marhum Mangkat di Seluyut'. Anak saudara baginda Raja Abd. Jalil menggantikan baginda dengan gelaran Sultan Abd. Jalil I. Namum begitu kerajaannya telah dipangku oleh Bendahara Paduka Raja sebab baginda belum cukup usia.

Pada masa baginda berusia sembilan tahun, tiba-tiba baginda gering. Sebelum baginda mangkat, baginda telah berwasiat meminta kerajaannya digantikan dengan adinda baginda Raja Abdullah. Walau bagaimanapun, pada masa Raja Abdullah hendak ditabalkan menjadi sultan, sedikit pertelingkahan telah berlaku di antara Raja Fatimah (bonda Sultan Abd. Jalil) dengan Bendahara. Pihak Raja Fatimah dan suaminya Raja Omar berkeras tidak bersetuju Raja Abdullah dilantik menjadi sultan menggantikan anakanda mereka yang telah mangkat itu. Kalau mengikut

susur galurnya, Raja Abdullah memang berhak mewarisi takhta kerajaan itu sebab baginda ialah putera kepada Sultan Mudzafar Shah II (Marhum Mangkat di Seluyut). Peraturan ini nampaknya telah dibelakangkan oleh Raja Fatimah sendiri kerana baginda telah dipengaruhi oleh kemahuan suaminya Raja Omar yang memang berhajat menduduki takhta kerajaan menggantikan anakandanya. Tambahan pula, almarhum baginda Sultan Mudzafar Shah II sendiri telah tersilap perbuatan berkahwin dengan bonda Raja Abdullah (janda Raja Omar) dahulu, hingga menyebabkan baginda terpaksa menyerahkan takhta kerajaan baginda kepada Sultan Abd. Jalil anak saudaranya untuk menutup malunya.

Akhirnya atas desakan Raja Fatimah yang mendapat persetujuan daripada para pembesar dan menteri, maka Raja Omar pun ditabalkan menjadi sultan menggantikan kerajaan anakandanya dengan gelaran Sultan Abd. Jalil Riayat Shah II. Sungguh pun Raja Abdullah telah terlepas peluang menaiki takhta Kerajaan Johor tetapi kerana nasibnya masih baik ditambah pula kelayakannya yang ada, akhirnya dapat juga baginda mewarisi takhta Kerajaan Johor.

Tiada berapa lama setelah baginda Sultan Abd. Jalil Riayat Shah II ditabalkan menjadi sultan, maka bendahara pun mangkat. Tun Seri Lanang (pengarang *Sejarah Melayu*) telah dititahkan mengganti jawatan bendahara, dengan gelaran Bendahara Paduka Raja III. Baginda Sultan Abd. Jalil Riayat Shah II kemudiannya berpindah dari Seluyut (Kota Batu) dan membuka tanah di Tanah Puteh dinamakan Batu Sawar.

Sejarah Melayu ada menyebutkan pada zaman baginda bersemayam di Batu Sawar, orang Portugis dari Melaka telah datang menyerang. Serangan Portugis ini tidak berjaya. Lebih kurang dua tahun lamanya baginda di Batu Sawar, ramai rakyatnya telah sakit dan mati akibat keadaan tempat itu yang tidak sesuai untuk dijadikan negeri. Baginda terpaksa berpindah membuka negeri di hulu Sungai Damar (anak sungai Batu Sawar). Setelah siap negeri itu dengan kota paritnya, bersemayamlah baginda di situ. Baginda menamakan tempat itu Makam Tauhid. Negeri baginda ini telah dua kali diserang oleh orang Portugis. Serangan-serangan Portugis itu dengan mudah sahaja dapat dipatahkan. Kesudahannya, bukan pihak baginda yang ditewaskan bahkan pihak Portugis yang ramai terkorban dibunuh oleh orang Melayu.

Riwayat Belanda menyebutkan pada zaman baginda Sultan Abd. Jalil Riayat Shah II memerintah Johor (Makam Tauhid), beberapa kali orang Portugis mencuba hendak mengembangkan pengaruh penjajahannya. Portugis melancarkan serangan-serangan hebat tetapi pertahanan Melayu yang masih teguh pada masa itu dapat menghalang segala pancaroba itu dan niat musuh yang hendak menghapuskan kuasa raja-raja Melayu.

Baginda Sultan Abd. Jalil Riayat Shah II mempunyai ramai putera.

Dengan seorang gundik, baginda berputera tiga orang, iaitu Raja Husain, Raja Mahmud dan Raja Hasan. Raja Husain dirajakan di Kelantan. Raja Mahmud dirajakan di Kampar dan Raja Hasan dirajakan di Siak. Dengan anak Seri Nara Diraja Pahang baginda mendapat seorang putera bernama Raja Mansor. Raja Mansor tinggal bersama-sama baginda di Makam Tauhid. Anakanda baginda, Raja Mansor, sangatlah baik hubungan persaudaraannya dengan Raja Abdullah putera Sultan Mudzafar Shah II (Marhum Mangkat di Seluyut). Oleh kerana itu, setengah-setengah orang menyangkakan Raja Abdullah ialah putera baginda Sultan Abd. Jalil.

Dari kenyataan di atas, nyatalah Siak, Kampar dan Kelantan ialah negeri-negeri di bawah kuasa Johor. Oleh sebab negeri-negeri itu tertakluk di bawah kuasa Johor, maka putera-putera baginda Sultan Abd. Jalil telah dihantarkan memerintah di sana.

Lebih kurang pada T.M. 1597, baginda Sultan Abd. Jalil Riayat Shah II pun mangkat. Jenazahnya dimakamkan di Makam Tauhid. Baginda disebut orang 'Marhum Mangkat di Batu'. Setelah baginda mangkat, Bendahara Paduka Raja mencadangkan Raja Abdullah dilantik menaiki takhta kerajaan iaitu mengikut kemahuan dan keredaan baginda Raja Mansor. Akan tetapi, pihak Raja Abdullah sendiri telah menolak peluang itu, dengan menyuruh kekanda baginda Raja Mansor menjadi sultan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah III. Semenjak baginda menjadi sultan, baginda tiada begitu mengambil berat terhadap pemerintahan negeri. Baginda sentiasa khayal membuang masa bersuka-suka dengan pekerjaan yang tidak digemari ramai. Sebagai seorang sultan, baginda seolah-olah tiada bertanggungjawab dalam soal kemajuan negerinya. Baginda bermain-main dan meminum minuman keras dengan hulubalang-hulubalang yang muda-muda. Mengikut riwayat Belanda baginda dan kesemua saudaranya boleh dikatakan peminum, kecuali Raja Abdullah.

Memandangkan pemerintahan negeri pada masa itu terbiar kerana tidak dihiraukan oleh sultan, bendahara pun menyerahkan pemerintahan negeri itu kepada Raja Abdullah. Bendahara bersama-sama memangku kerajaan. Pemerintahan negeri masa itu seolah-olah telah dipegang pula oleh Raja Abdullah (adinda Sultan Alauddin Riayat Shah III) yang bersemayam di seberang Pangkalan Raja. Itulah sebabnya Raja Abdullah disebut orang Raja Seberang.

Ketika pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah III, orang Portugis dan orang Acheh telah beberapa kali datang menyerang negeri Makam Tauhid. Serangan-serangan itu tidak berjaya. Beberapa lama kemudian baginda Sultan Alauddin serta adinda baginda, bendahara dan sekalian menteri dan hulubalang berpindah dari Makam Tauhid ke Pasir Raja (di hulu Sungai Rion). Pemerintahan negeri pada masa itu masih dipegang oleh Raja Abdullah dan dipangku oleh Bendahara Paduka Raja.

JOHOR DI BAWAH ACHEH DAN BELANDA KE JOHOR

Lebih kurang di antara T.M. 1606 dengan T.M. 1636, Acheh diperintah oleh Iskandar Muda Mahkota Alam, seorang raja yang terkenal gagah perkasa dan bercita-cita hendak meluaskan pemerintahannya di sebelah timur ini. Cita-cita Iskandar Muda Mahkota Alam yang amat tinggi ditambah pula dengan kekuasaan Acheh yang amat besar dan terkenal pada masa itu di antara negeri-negeri dalam Pulau Percha (Sumatera), menyebabkan beberapa buah negeri di Tanah Melayu dapat ditakluknya.

Pada 17 Ogos 1606 seorang ketua perang Belanda bernama Admiral Matelief dengan angkatannya cuba hendak mengepung negeri Melaka yang dalam pemerintahan Portugis. Dalam peperangan di Laut Melaka, didapati Admiral Matelief kehilangan dua buah kapal, 24 orang yang terbunuh dan ramai lagi yang luka. Namun begitu, dia dapat pula membinasakan dua buah kapal Portugis dan membunuh 500–600 orang termasuk para pegawai Portugis. Walau bagaimanapun, pada akhirnya pihak Belanda tidak berjaya juga kerana bantuan dari Johor tidak sampai.

Seminggu kemudian, iaitu pada 24 Ogos, Admiral Matelief belayar ke Johor. Pada 18 September beliau singgah ke Batu Sawar. Seorang Belanda yang bernama Valentijn menerangkan, "Batu Sawar sebuah bandar yang terletak lima atau enam batu di hulu Sungai Johor. Tempat itu terlalu cantik. Kedudukan bandarnya terlalu cantik, lebar dan dalam sungainya. Boleh dapat air dengan mudah. Sebahagian besar daripada tempat itu tanahnya rendah, rumah-rumah yang didirikan berbaris di tepi pantai (sungai). Dalamnya didapati dua buah kubu, satu di Batu Sawar dan satu lagi di seberang sungai disebut Kota Seberang. Besarnya Batu Sawar lebih kurang 1,300 langkah panjang keliling serta dikotai dengan batang-batang kayu yang tingginya 40 kaki. Bentuk ukirannya boleh dikatakan tidak berapa baik. Dibangunkan di atas kawasan tanah rata rapat ke tepi sungai. Suku jam lamanya berjalan daripada bukit yang dekat. Dari tempat ini ke sungai dibuat jalan air kerana menyenangkan orang boleh sampai ke kota itu. Di sebelah dalamnya, didapati ramai penduduknya dengan rumah-rumah atap. Tetapi tempat kediaman raja-raja dan pembesar-pembesar negerinya dibangunkan daripada kayu. Kota Seberang lebih kurang besarnya dari 400 hingga 500 langkah panjang kelilingnya. Di Batu Sawar itu didapati lebih kurang 3,000 atau 4,000 orang askar yang boleh berlawan kerana mempertahankan serangan-serangan. Dalam pada itu ramai juga menetap di sebelah luar".

Admiral Matelief yang pergi ke negeri Batu Sawar telah memberi Sultan Alauddin Riayat Shah III berbagai-bagai contoh dan cara untuk mempertahankan serangan dari luar. Tetapi orang Melayu masa itu dikatakan malas bekerja. Kedatangan Matelief ke Batu Sawar itu berke-

hendakkan peluru tetapi pihak orang Melayu tiada dapat menyediakannya.

Pada 23 September 1606, perjanjian baru di antara Matelief bagi pihak Belanda dengan Sultan Alauddin Riayat Shah III bagi pihak Johor telah dibuat. Perjanjian-perjanjian yang dibuat terdahulu daripada itu kesemuanya dipererat dan diakui. Rancangan hendak menakluk negeri Melaka dari tangan Portugis telah ditangguhkan. Sultan Alauddin telah mengaku bersetuju memberi Belanda sebahagian tanah atau pulau yang dikehendaki untuk rumah-rumah dan gudang-gudang (loji).

Dalam kenyataannya, Matelief, ada menyebutkan darihal Sultan Alauddin Riayat Shah III sebagai, "Seorang sultan yang kuat minum minuman keras dan cenderung kepada orang Portugis" dan "Raja seberang tiada berpengaruh atau berkuasa untuk menasihatkan". Raja seberang yang dimaksudkan oleh Matelief itu ialah Raja Abdullah adinda Sultan Alauddin Riayat Shah III.

Orang Belanda boleh dikatakan telah beberapa kali mencuba hendak mengalahkan orang Portugis di Melaka. Pada 22 Disember 1607 seorang ketua angkatan laut Belanda bernama Admiral Verhoeff telah mengetuai suatu angkatan 13 buah kapal bertolak dari negeri Belanda. Mereka sampai ke Melaka pada 24 November 1608. Verhoeff telah menghantar sepucuk surat kepada Abraham van den Broek iaitu wakil Belanda yang menjadi penasihat Sultan Johor dari bulan November 1607 hingga bulan Februari 1609. Dalam surat itu Verhoeff berkehendakkan Sultan Alauddin Riayat Shah III bersama-sama menyerang Melaka dari darat sambil orang Belanda menyerang dari laut. Pihak van den Broek dan wakil sultan telah menerangkan, bahawa mustahil negeri Melaka dapat dikepung dan ditaklukkan. Cadangan Verhoeff hendak menyerang Portugis di Melaka dibatalkan. Akhirnya pada 29 Disember tahun itu juga, dia telah belayar ke Johor (Batu Sawar) dan pada 5 Januari 1609 angkatannya telah berlabuh di kuala Sungai Johor.

Pada 8 Januari Admiral Verhoeff telah mudik ke Batu Sawar. Kedatangannya telah disambut dengan upacara oleh Sultan Johor. Selama di Batu Sawar, Verhoeff telah diraikan dengan secukupnya dan dibawa oleh sultan melawat-lawat ke jajahan baru di hulu Batu Sawar itu. Verhoeff telah cuba meminta kebenaran daripada sultan untuk mendirikan sebuah kota bagi menaungi Johor melawan orang Portugis. Kehendak Verhoeff itu telah menimbulkan rasa bimbang di hati baginda. Baginda bimbang kalau-kalau Belanda berperangai seperti orang Portugis yang berkelakuan tidak sopan suka mencabul atau merogol perempuan Melayu. Akhirnya kehendak Verhoeff itu tidak berhasil.

Sungguh pun perhubungan orang Johor dengan orang Belanda boleh dikatakan sangat rapat, tetapi orang Johor dengan Acheh masih tetap bermusuh. Pada 7 Mei 1613, Iskandar Muda Mahkota Alam, raja yang me-

merintah Acheh telah membawa satu angkatan menyerang Batu Sawar, Johor. Ketua saudagar orang Belanda di Acheh yang bernama A. Theaunemans ada menyebutkan Sultan Alauddin Riayat Shah III, permaisurinya, putera-puteranya dan adinda Raja Abdullah serta tiga atau empat orang putera yang lain, beberapa orang besar dan orang tawanan Belanda telah dibawa ke Acheh. Dari keterangan Theaunemans itu, nyatalah kedatangan Iskandar Muda Mahkota Alam dapat menaklukkan Johor. Sultan Alauddin, adindanya Raja Abdullah , permaisuri dan putera-puteranya telah ditawan dan dibawa balik ke Acheh. Di Acheh baginda telah dipelihara dengan sepertinya. Adindanya Raja Abdullah telah dikahwinkan dengan saudara perempuan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Seperti yang disebutkan tadi, Admiral Matelief ada mengatakan darihal keburukan perangai Sultan Alauddin Riayat Shah III. Dikatakan baginda itu seorang yang kuat minum. Matelief ada menambah lagi, "Sultan Alauddin Riayat Shah III, seorang raja yang tiada usaha, tidur sampai tengah hari, bangun-bangun makan, mandi-manda terus minum hingga mabuk. Sebab itu di sebelah petang mustahil baginda boleh membuat apa-apa kerja atau tanggungannya. Sekiranya baginda tidak mendapat arak dan perempuan, sudah tentu baginda tidak menghiraukan tentang soal pemerintahan negeri dan rakyatnya."

Kiranya benar apa yang diceritakan oleh Admiral Matelief, tidaklah hairan kalau negeri Batu Sawar itu dengan mudah dapat ditaklukkan oleh Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Acheh. Sultan sendiri sebagai tempat naungan rakyat jelatanya telah mencemarkan diri dengan perlucahan dan mabuk. Kalau tidak kerana serangan orang Acheh pun, harus Tuhan akan mendatangkan satu mala petaka yang amat hebat bagi memusnahkan Kerajaan Batu Sawar, Johor itu.

Setelah beberapa lama Sultan Alauddin Riayat Shah III ditawan dan dibawa ke Acheh, pada 25 Ogos 1614 baginda telah dihantar balik oleh Mahkota Alam ke Johor. Baginda memerintah semula di atas takhta kerajaannya seperti sedia kala. Segala kelakuannya yang sangat-sangat tidak disetujui oleh rakyat dan orang besar negeri, semuanya telah berubah. Ini kerana baginda telah dapat melihat beberapa teladan yang baik-baik semenjak berada di Acheh.

Cerita Sultan Alauddin Riayat Shah III telah dihantar balik memerintah Johor, ada disebutkan dalam sepucuk surat orang Belanda yang bertarikh 22 Oktober 1615. Isinya menceritakan darihal penghidupan Jan Pieters Coen. Di antaranya ada tersebut, ". . . Bandar Batu Sawar atau Johor dipulangkan oleh orang Acheh dan telah dibesarkan. Semenjak bulan Oktober tahun yang lalu, kita (orang Belanda) telah meletakkan wakil kita di sana sebagai penolong. . ."

Pada 25 Ogos 1614 Adriaen van den Dussen telah datang ke Batu Sawar (Johor) bagi mengulang permintaan Verhoeff yang telah dibuat

dalam bulan Januari 1609 untuk mendirikan sebuah kota perlindungan. Permintaan orang Belanda kali ini pun telah ditolak. Sekiranya Johor menunaikan permintaan itu, tentulah Johor terjauh daripada kepungan yang berbagai-bagai rupa dan penderitaan dan mungkin juga Tanah Melayu di bawah takluk Belanda tidak di bawah Inggeris.

Sultan Alauddin Riayat Shah III kemudiannya telah bersama-sama membantu orang Acheh menyerang Portugis di Melaka. Malangnya dalam peperangan itu baginda telah dituduh bersubahat menyebelahi orang Portugis. Pertolongan yang diberikan oleh baginda membantu Acheh itu seolah-olah tidak bersungguh-sungguh. Oleh sebab inilah Mahkota Alam telah membalas dendam dengan menyerang negeri Johor. Serangan orang Acheh ini merupakan serangan yang kedua kalinya.

Admiral Steven van der Haghen ada menuliskan dalam buku peringatannya bagaimana dia telah menangguhkan pelayarannya ke Johor kerana hendak menetapkan kedudukan orang Belanda di Pulau Kerimon. Dia telah belayar lebih dahulu ke Pulau Kerimon dalam bulan Oktober (1615?) dengan kapal-kapalnya Nieu-Seelandt, Hollandia, Middelbrugh, de Sonne dan de Maene. Angkatan ini telah diperintahkan untuk merosakkan dan menyekat satu angkatan orang Portugis dari Makau.

Van der Haghen menambah bahawa dia mendapati di Sungai Johor, Raja Acheh dengan satu angkatan 300 buah kapal dan 30 000 hingga 40 000 orang telah membakar negeri Johor itu. Akhirnya Negeri Johor tewas dan baginda Sultan Alauddin Riayat Shah III terpaksa berundur ke Bentan. Di Bentan baginda telah didatangi juga oleh orang Acheh yang menyerang negeri itu.

Sungguh pun dalam peperangan di antara Johor dengan Acheh yang kedua kalinya itu orang Johor dapat sedikit bantuan dari orang Portugis, tetapi bantuan itu nampaknya tidak memberi kesan apa-apa kepada orang Acheh. Sebaliknya baginda Sultan Alauddin Riayat Shah III yang terpaksa berundur meninggalkan negerinya. Dalam pada itu baginda tidak berputus harap bahkan baginda berikhtiar lagi mengikat perhubungannya supaya lebih rapat dengan orang Portugis untuk menahan dan melawan serangan musuhnya iaitu orang Acheh. Akan tetapi nasibnya tidak baik. Dalam peperangan itu baginda telah tertawan lalu dibawa oleh musuhnya balik ke Acheh dan akhirnya baginda mangkat dibunuh oleh angkatan yang menawan baginda itu juga.

Setelah baginda Sultan Alauddin Riayat Shah III mangkat, adinda baginda Raja Abdullah telah menggantikan takhta kerajaan bergelar Sultan Abdullah Maayat Shah. Kalau kita ingat kembali perkara yang telah dinyatakan dahulu baginda Sultan Abdullah Maayat Shah sebenarnya memang berhak mewarisi takhta Kerajaan Johor. Bagindalah putera Sultan Mudzafar Shah II (Marhum Mangkat di Seluyut) iaitu raja daripada keturunan raja-raja Melayu Melaka.

Sebaliknya, baginda kini dapat menaiki takhta Kerajaan Johor bukanlah kerana mengikut gilirannya tetapi oleh sebab perkahwinan baginda dengan saudara perempuan Raja Acheh (Iskandar Muda Mahkota Alam) seperti yang telah dinyatakan di atas tadi. Namun bagitu, baginda tidaklah pula diberikan apa-apa kekuasaan oleh Iskandar Muda Mahkota Alam berhubung dengan perkara memerintah negeri.

Pada masa itu Sultan Abdullah Maayat Shah dipandang sebagai patung atau seperti harimau yang tidak berkuku lagi. Maklumlah seorang sultan yang negeri dan kerajaannya di bawah takluk atau naungan orang lain.

Sultan Abdullah Maayat Shah pula tidak menuntut sebarang hak dan kekuasaannya. Baginda hanya berserah nasib kepada rahim ihsan Iskandar Muda Mahkota Alam, raja yang menaunginya. Akhirnya pada T.M. 1623 dengan kehendak Raja Acheh, baginda dihalau lalu berundur bersemayam di Pulau Lingga.

Kalau ditelitikan hal ehwal baginda Sultan Abdullah ini, baginda sememangnya merupakan seorang daripada raja-raja Melayu yang tidak bernasib baik. Walaupun baginda seorang anak raja yang berhak mewarisi takhta Kerajaan Johor, baginda telah tiba-tiba ditolak daripada mewarisi hak itu oleh perbuatan atau kemahuan ayahandanya sendiri.

Sungguh pun pada akhirnya baginda beroleh gelaran sultan dan berkerajaan tetapi negeri dan kedudukan baginda tidaklah menentu. Kalau ada pun baginda memerintah, pemerintahan dan kuatkuasanya semata-mata di bawah telunjuk orang lain.

Admiral Matelief telah menerangkan dalam T.M. 1606 bahawa Sultan Abdullah itu seorang yang berumur 35 tahun. Warna kulitnya putih, pandangannya luas, tidak segera marah, boleh bertolak ansur, pintar, tidak pemabuk, bermusuh dengan orang Portugis dan bersahabat dengan orang Belanda.

Setelah beberapa lama bersemayam di Pulau Lingga, pada T.M. 1637 baginda pun mangkat di sebuah pulau kecil bernama Tembelan. Seorang anak saudara baginda iaitu putera kepada Sultan Alauddin Riayat Shah III yang bernama Raja Abd. Jalil telah menggantikan kerajaan baginda bergelar Sultan Abd. Jalil Riayat Shah III. Sungguh pun baginda ada meninggalkan seorang putera hasil perkahwinannya dengan adik Iskandar Muda Mahkota Alam, tetapi pada masa baginda mangkat puteranya itu masih kecil benar.

Di sekitar waktu yang sama, kuasa Kerajaan Acheh pula beransur-ansur lemah kerana Iskandar Muda Mahkota Alam raja Acheh yang terkenal gagah perkasa itu telah mangkat pada T.M. 1636. Kuasa kerajaannya telah terserah kepada menantunya Raja Moghal (Sultan Iskandar Thani suami puteri Safiat al-Din). Apabila Sultan Iskandar Thani mangkat pada T.M. 1641, takhta Kerajaan Acheh terserah pula ke tangan isterinya Safiat al-Din (puteri Iskandar Muda Mahkota Alam). Semenjak Acheh

berajakan perempuan, terhapuslah kuasa dan pengaruh Acheh di luar negeri. Semenjak itu juga Johor sebuah daripada negeri takluk Acheh telah berpeluang melepaskan diri daripada ikatan kuasa Acheh.

JOHOR MEMBANTU ACHEH DAN BELANDA MENGALAHKAN PORTUGIS DI MELAKA

Lebih kurang pada T.M. 1603 wakil Belanda yang bernama Jacob Van Heemskerck telah datang ke Johor untuk membuat persetiaan dengan Kerajaan Johor hendak mengalahkan orang Portugis di Melaka. Setelah Belanda dapat menawan kapal Portugis yang bernama Santa Catharina di laut Johor, Kerajaan Johor telah mengesahkan lantikan seorang pegawai Belanda sebagai wakil saudagar Belanda di Johor. Kerajaan Johor telah menghantarkan pula dua orang pegawai Melayu sebagai wakil Kerajaan Johor di negeri Belanda.

Dalam T.M. 1606 Admiral Matelief telah membuat satu perjanjian lagi dengan Kerajaan Johor, mengaku hendak membantu Johor menawan semula negeri Melaka yang dalam takluk Portugis. Syarat yang diberikan ialah jika negeri Melaka dapat ditawan semula, Johor hendaklah membenarkan Belanda memiliki bandar Melaka dan membenarkan Belanda berniaga dengan Johor dengan tidak membayar sebarang cukai. Tatkala itu Johor hendaklah berhenti daripada berniaga dengan bangsa-bangsa Eropah yang lain.

Beberapa hari setelah membuat perjanjian itu, orang Belanda telah mengepung bandar Melaka. Akan tetapi Admiral Matelief gagal dan terpaksa berundur dari Melaka kerana angkatan kapal perang Portugis yang handal telah datang dari Goa membantu orangnya di Melaka. Sebagai membalas perbuatan Belanda itu, Portugis telah melepaskan geramnya menyerang negeri Johor. Dalam serangan orang Belanda kali yang keduanya ke atas bandar Melaka, didapati orang Johor tidak mengambil bahagian sama menyerang bandar itu.

Beberapa hari kemudian, Johor, Perak, Pahang dan Kedah telah diserang oleh orang Acheh yang mengikut jejak langkah kerajaan Seri Wijaya, Majapahit dan Melaka untuk mengembangkan pemerintahan jajahan takluk dan perniagaannya. Mereka yang telah membuat perhubungan perniagaan dengan orang Portugis yang dipandang sebagai musuh orang Islam telah dihukum.

Pada T.M. 1628 baginda Iskandar Muda Mahkota Alam, raja Acheh yang gagah perkasa itu, telah buat kali keduanya menghantarkan angkatan perangnya untuk menakluk Melaka. Akan tetapi angkatan itu pun tidak berjaya kerana teguhnya pertahanan Portugis di sana.

Sungguh pun beberapa kali orang Acheh tidak dapat menewaskan

Portugis di Melaka, tetapi mereka tidak berputus harap. Akhirnya pada T.M. 1641 mereka telah berikhtiar bersekutu dengan orang Belanda serta dibantu oleh orang Johor menyerang dan menghapuskan kuasa Portugis di Melaka.

Dalam bulan Jun 1640, orang Belanda yang dibantu oleh orang Johor dan Acheh telah mulai mengepung pelabuhan Melaka. Sehingga 3 Ogos tahun itu juga belumlah lagi dapat orang Belanda mendarat di Melaka. Angkatan orang Belanda pada kali ini diketuai oleh Adriaen Antonisz. Pada mulanya orang Belanda telah bersungguh-sungguh cuba hendak menawan bandar Melaka sebelum tiba musim buah. Ini kerana lazimnya pada musim itu berbagai-bagai penyakit berlaku. Akan tetapi, manakala didapati kota Melaka bukanlah satu hidangan yang sudah bersaji, pihak yang berkuasa Belanda telah memilih seorang yang bakal menggantikan Adriaen Antonisz supaya kalau terjadi sesuatu kemalangan ke atas diri ketua itu, peperangan dapat diteruskan.

Kemalangan yang dijangkakan itu telah berlaku dengan kematian Adriaen Antonisz serta orang yang dipilih untuk menggantikannya akibat ditimpa penyakit. Sungguh pun pada 5 September ada 2,283 orang askar darat dan laut Belanda yang telah bersama-sama berperang, tetapi pada 4 Disember bilangan askar yang seramai itu didapati telah tinggal 1,707 orang sahaja. Kemalangan banyak menimpa mereka akibat penyakit malaria, taun dan cirit-birit. Seramai 700 daripada orang Melayu Johor, Naning dan Rembau yang berjumlah di antara 2,000 dengan 2,5000 orang itu didapati telah jatuh sakit. Mereka yang masih sihat pula telah merosakkan tanam-tanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran, selain daripada membantu Belanda menyerang Melaka. Portugis yang diserang dan terkepung telah merasa azab yang amat sangat, sehingga terpaksa memakan anjing, kucing, tikus dan belalang.

Pada 14 Januari 1641 sepasukan askar Belanda seramai 650 orang telah dihantar menyerang kota Melaka, *A. Famosa*. Kota Melaka yang termasyhur itu telah dapat ditawan Belanda pada pukul 10 pagi itu juga. Mengepung dan menawan kota yang masyhur itu terpaksa mengambil masa selama 5 bulan 12 hari. Kerugian yang dialami pihak Belanda ialah 1,000 orang askarnya telah mati kerana berperang dan kerana korban penyakit.

Menurut pandangan orang Belanda, kepungan kota tersebut telah mengambil masa yang panjang kerana kesalahan Sultan Acheh yang masih menyimpan dendam terhadap orang Johor dan kerana kepungan itu tidak dapat meliputi keliling kota Portugis itu. Sebab-sebab lain ialah penyakit yang merebak di kalangan mereka yang menyerang dan keberanian Gabenor Portugis, Manuel de Sousa Coutinho yang terkorban dan dikuburkan dengan kehormatan tentera dua hari sesudahnya kota Melaka ditewaskan.

Hikayat Hang Tuah ada menyebutkan orang Belanda telah meminta bantuan daripada orang Johor, dengan mengikat perjanjian di antara kedua-duanya dan mengaku bersahabat. Orang Belanda mengaku tiada mendatangkan apa-apa kesusahan kepada orang Johor. Dalam serangan itu orang Johor diketuai oleh Dato' Paduka Raja. Orang Belanda dan orang Johor telah berjaya mengepung Kota Portugis. Oleh kerana kota itu tidak dapat dialahkan walaupun setelah beberapa kali diserang, maka Dato' Paduka Raja menyuruh orang membuat tangga dan sigai. Dengan menggunakan tangga dan sigai itu, dapatlah Dato' Paduka Raja bercawat bulat serta orang Belanda memanjat kota itu pada waktu dinihari. Dato' Paduka Raja pun mengamuk, memarang dengan pedangnya, hinggakan ramai orang Portugis yang mati. Akhirnya orang Portugis tewas dalam serangan itu. Semenjak itu, Melaka telah beralih tangan diperintah oleh Belanda pula. Orang Johor balik ke negerinya dengan kemenangan dan sejak itu, tiadalah orang Belanda mengganggu negeri Johor.

Johor pada zaman itu diperintah oleh Sultan Abd. Jalil Riayat Shah III. Perhubungan orang Johor dengan orang Belanda bolehlah dikatakan baik. Banyaklah orang Johor menerima bantuan daripada orang Belanda dan tiada sunyi daripada berutus untuk merapatkan perhubungan dengan orang Belanda di Betawi (Jakarta). Orang Belanda pula telah berikhtiar mendamaikan orang Johor dengan orang Acheh iaitu dua bangsa yang telah beberapa tahun sentiasa bermusuh-musuhan.

Baginda Sultan Abd. Jalil Riayat Shah III memerintah negeri Johor sehingga pada T.M. 1673. Pada zaman baginda memerintah ada juga angkatan orang Jambi melanggar dan membinasakan negeri Johor, hingga baginda terpaksa berundur dari Johor. Tidak lama kemudian baginda pun mangkat.

Kitab *Salasilah Melayu dan Bugis* ada menyebutkan bahawa orang yang menggantikan baginda menduduki takhta kerajaan ialah putera baginda yang bernama Raja Ibrahim dengan gelaran Sultan Ibrahim Shah I. Tetapi mengikut sesetengah riwayat pula mengatakan bahawa orang yang menggantikan baginda menduduki takhta kerajaan itu ialah sepupu baginda yang bernama Raja Ibrahim juga dan Sultan Ibrahim juga gelarannya, iaitu seorang putera raja dari Pahang. Sungguh pun demikian, tidak salah jika dikatakan bahawa baginda adalah seorang daripada keluarga Sultan Abd. Jalil Riayat Shah III yang telah dikalahkan oleh Sultan Jambi.

Sultan Ibrahim I ialah raja yang mula-mula membuat tempat semayam di Riau. Baginda juga telah berjaya menuntut bela ayahandanya menyerang dan mengalahkan Sultan Jambi. Sejak itu negeri Johor, Pahang, Riau dan Lingga berada di bawah pemerintahan baginda dengan pusat pemerintahannya di Riau.

Setelah beberapa lama baginda di Riau, pada T.M. 1685 baginda pun

mangkat dengan meninggalkan seorang putera yang belum cukup usia. Putera baginda inilah ganti menduduki takhta kerajaan bergelar Sultan Mahmud Shah II. Baginda telah bersemayam pula di Kota Tinggi, Johor Lama dengan kerajaannya dipangku oleh Bendahara Paduka Raja. Negeri Johor aman sentosa semenjak Bendahara Paduka Raja menyelenggarakan pemerintahan negeri. Malangnya dalam T.M. 1691 Bendahara Paduka Raja yang bijaksana itu telah mangkat. Semenjak itu tinggallah Johor diperintah oleh baginda Sultan Mahmud Shah II sendiri.

Baginda Sultan Mahmud Shah II mempunyai banyak perangai yang ganjil. Baginda tidak mengenal kasihan dan berkelakuan bengis terhadap para pembesar dan rakyatnya. Kezaliman dan kebengisannya itu, akhirnya menyebabkan baginda telah mangkat terbunuh, seperti yang akan diceritakan di bawah ini.

Mengikut keterangan kitab *Tuhfat al-Nafis*, pada suatu hari ketika baginda Sultan Mahmud Shah II beradu, datanglah seorang mempersembahkan nangka masak untuk baginda. Nangka itu pun ditaruh oleh Penghulu Istana kerana menantikan baginda bangun. Tiba-tiba datang isteri Megat Seri Rama yang sedang mengandung dan mengidam hendak memakan nangka. Dia meminta kepada Penghulu Istana seulas daripada nangka baginda itu. Penghulu itu memberikan seulas kepada isteri Megat Seri Rama. Isteri Megat Seri Rama pun baliklah. Apabila baginda terjaga hendak memakan nangka, Penghulu Istana pun mempersembahkannya kepada baginda sambil menyatakan bahawa seulas nangka yang tiada baik dan hendak dibuang telah diberikan kepada isteri Megat Seri Rama. Apabila baginda mendengarnya, baginda pun murka lalu disuruhnya panggil isteri Megat Seri Rama itu. Oleh kerana baginda hendak melihat sendiri akan anak yang ada dalam kandungan isteri Megat Seri Rama itu, lalu dibelahnya perut si isteri itu. Kasihan! Matilah isteri Megat Seri Rama yang malang itu.

Apabila perkhabaran itu sampai kepada Megat Seri Rama, maka Megat Seri Rama pun menangis. Dengan serta-merta Megat Seri Rama hilang akal kerana terlalu marah di atas perbuatan baginda yang zalim itu. Dengan tiada bertempoh lagi dia mendapatkan Dato' Bendahara (Bendahara Abd. Jalil) dan menyatakan dia hendak membuat pembalasan di atas kematian isterinya. Katanya, 'Jikalau Dato hendak menjadi raja, inilah ketikanya yang hamba hendak menderhaka.. . . .'

Masa itu Megat Seri Rama bolehlah dikatakan seorang daripada hulubalang yang handal. Dia juga mempunyai ramai anak buah serta mempunyai kuatkuasa dalam negeri Johor. Dato' Bendahara pun bermesyuarat dengan saudara-saudaranya tentang segala maksud Megat Seri Rama. Kesemuanya sebulat suara membenarkan kerana langkah yang akan dilakukan oleh Megat Seri Rama itu seolah-olah pucuk dicita ulam mendatang kepada sekalian orang besar negeri Johor. Mereka

sekalian memang tersangat benci dan bimbang akan kezaliman dan kebengisan yang dilakukan oleh sultan. Mereka sukakan Bendahara Abd. Jalil menjadi sultan negeri itu.

Pada masa itu baginda sentiasa didampingi oleh seorang hulubalangnya yang gagah perkasa bernama Seri Bija Wangsa. Hulubalang ini menjadi pengawal diri baginda daripada sesuatu kecelakaan. Maka dengan kebijaksanaan Bendahara Abd. Jalil, entah bagaimana hulubalang itu dengan mudah sahaja dapat ditipu lalu dibunuh. Jika tidak, selagi Seri Bija Wangsa masih hidup, sukarlah Megat Seri Rama melakukan kehendaknya.

Setelah Seri Bija Wangsa mati, maka ikhtiar-ikhtiar hendak membunuh baginda Sultan Mahmud Shah II pun siap diatur dengan rapinya. Pada suatu hari ketika baginda di atas julang hendak pergi ke masjid untuk bersembahyang Jumaat, tiba-tiba datanglah Megat Seri Rama memarang baginda sebaik sahaja baginda sampai di pintu gerbang masjid itu. Maka baginda pun mangkat. Megat Seri Rama mati juga kerana dilontar oleh baginda dengan kerisnya. Jenazah baginda di makamkan di Kota Tinggi. Hingga sekarang makamnya masih baik dalam jagaan Kerajaan Johor dan masih tetap dimuliakan dan diziarahi oleh orang ramai.

Baginda disebut 'Marhum Mangkat Dijulang'. Mengikut riwayat *Tuhfat al-Nafis*, baginda mangkat pada hari Jumaat, bulan Safar 1111 iaitu bersamaan dengan T.M. 1699.

Setelah Sultan Mahmud Shah II mangkat, putuslah keturunan anak cucu raja-raja Melayu Melaka yang berasal daripada titisan darah raja-raja Melayu yang turun di Bukit Seguntang iaitu keturunan daripada Iskandar Dzulkarnain yang telah memerintah dan berkerajaan di Johor. Oleh sebab baginda tiada meninggalkan putera dan puteri dan tiada pula adik-beradik, maka sekalian orang besar Johor pun mengangkat Dato' Bendahara Seri Maharaja bergelar Sultan Abd. Jalil Riayat Shah IV, iaitu anak bendahara Tun Habib Abd. Majid (Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana). Mengikut adat istiadat Melayu pada zaman dahulu, manakala putus keturunan raja yang memerintah negeri, maka keturunan pihak bendahara pula dilantik menjadi raja. Ini kerana asal keturunan bendahara sedarah dengan raja yang memerintah dan berhak menduduki takhta kerajaan.

SALASILAH ANAK CUCU BENDAHARA SERI MAHARAJA PADANG SAUJANA (TUN HABIB)

Oleh kerana telah putus keturunan raja-raja Melayu Melaka merajai Johor, maka pemerintahan negeri itu terpaksa berpindah kepada keturunan Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana. Elok juga kita siasat

kembali akan salasilah bendahara yang dapat menaiki takhta kerajaan itu supaya lebih jelas lagi letak susur-galur perhubungan di antara raja-raja yang memerintah dengan keturunan bendahara. Di antara bendahara-bendahara zaman Kerajaan Melayu Hindu Singapura dengan bendahara-bendahara zaman Kerajaan Melayu Melaka dan Johor nyata serumpun asalnya.

Menurut salasilahnya, jawatan bendahara telah ada sejak wujudnya Kerajaan Melayu Hindu Singapura. Orang yang mula-mula menjawat jawatan bendahara ialah seorang daripada putera Sang Nila Utama (Seri Teri Buana) anak raja yang datang dari Palembang (Pulau Perca) bernama Raja Muda Kecil dan semasa menjadi bendahara bergelar Tun Perpatih Permuka Berjajar I.

Seterusnya keturunan bendahara yang pertama Singapura hinggalah ke zaman Kerajaan Melayu Hindu Singapura itu berpindah ke Melaka berkerajaan Islam dan akhirnya berkerajaan di Johor.

Tun Jenal (Bendahara Paduka Raja IV) iaitu bendahara ke-16 tiada pula nampak berketurunan atau berputera untuk menggantikan jawatan bendahara kerana dalam *Sejarah Melayu* tiada dinyatakan nama-nama bendahara dengan cukup terang atau tetap susur-galur perkaitannya seperti bendahara-bendahara yang tersebut di atas. Ada tidaknya, nama tiga orang bendahara sahaja yang disebut, di antaranya ialah Bendahara Sekudai. Menurut *Sejarah Melayu* seorang daripada anak Bendahara Seri Maharaja Tun Anum (Bendahara ke-15 Johor) yang bernama Tun Puteh telah berkahwin dengan Tun Ahmad iaitu anak kepada Bendahara Sekudai. Di sini nyatalah bahawa dengan perkahwinan itulah ada perhubungan di antara Bendahara Seri Maharaja Tun Anum dan Bendahara Tun Jenal dengan Bendahara Sekudai. Akhirnya Bendahara Sekudai itu dapat menggantikan Bendahara Paduka Raja Tun Jenal (Bendahara ke-16 Johor) dengan gelaran Bendahara Sekudai (Bendahara ke-17 Johor).

Selain daripada Bendahara Paduka Raja Tun Jenal iaitu Bendahara Johor ke-16, ada pula disebut, Bendahara Paduka Raja yang diagakkan menjadi bendahara pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim Shah I iaitu ayahanda baginda Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang). *Sejarah Melayu* ada menyebutkan seorang daripada anak cucu keturunan Tun Hasan Temenggung anak Bendahara Seri Maharaja I yang telah dibunuh oleh Sultan Mahmud Shah I di Melaka itu ada memegang jawatan Bendahara dengan gelaran Bendahara Paduka Raja Tun Mamat. Akan tetapi tiada pula disebutkan dengan tepat masa dan zaman siapa dia dilantik menjadi bendahara. Walau bagaimanapun, tidak syak lagi dia adalah seorang daripada bendahara-bendahara Johor. Boleh jadi juga dia yang telah menggantikan Bendahara Sekudai menjadi Bendahara ke-18 di Johor dalam zaman pemerintahan Sultan Ibrahim Shah I hingga zaman Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang).

Kemudian daripada Bendahara Paduka Raja Tun Mamat itu, baharulah Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana (Tun Habib) iaitu ayahanda kepada Bendahara Seri Maharaja Abd. Jalil yang telah menggantikan kerajaan Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang,) menjadi Bendahara ke-19. Setelah Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana (Tun Habib) hilang, maka anakandanya Tun Abd. Jalil menjadi bendahara bergelar Bendahara Seri Maharaja juga iaitu Bendahara ke-20 pada zaman Sultan Mahmud Shah II. Apabila mangkat baginda Sultan Mahmud Shah II pada T.M. 1699, Bendahara Seri Maharaja Tun Abd. Jalil dilantik menjadi sultan menggantikan kerajaan Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang) dengan gelaran Sultan Abd. Jalil IV.

4

Johor Dalam Pemerintahan Raja Keturunan Bendahara Tun Habib

RAJA KECIL

PADA zaman Sultan Abd. Jalil IV, iaitu keturunan daripada Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana (Tun Habib) memerintah Johor, ada pula tersebut raja Melayu di sebelah Siak bernama Raja Kecil (Yang Di Pertuan Raja Kecil). Kisah Raja Kecil ini berbeza-beza diriwayatkan orang. Kalau mengikut keterangan sejarah Siak, asal Raja Kecil ialah putera kepada Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang) yang terbunuh di Kota Tinggi oleh Megat Seri Rama. Bondanya bernama Che Pong anak seorang laksamana. Dalam sejarah Terengganu pula, Che Pong itu mengandung sewaktu baginda mangkat dan para pembesar Johor sedang sibuk merundingkan hal marhum dan hal mencari gantinya. Che Pong telah dilarikan orang ke Pagar Ruyong (Minangkabau) dan diserahkan kepada Puteri Jenilan. Di sanalah Che Pong bersalin seorang putera yang dinamai Tuan Bujang atau Si Buyong. Akhirnya putera ini dinobatkan dengan meletakkan mahkota kerajaan di atas kepalanya supaya tiadalah baginda itu tulah. Dari sini nyatalah bahawa Tuan Bujang atau si Buyong itu anak Marhum Mangkat Dijulang lalu diberi nama Raja Kecil.

Perhubungan Che Pong dengan Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang), tiadalah dapat ditentukan kerana tiap-tiap satunya berlainan dan tidak patut disebutkan di sini. Kalau mengikut kata sejarah yang lain, apabila mangkat Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang), Che Pong pun dilarikan orang bernama Panglima Lais lalu dibawa ke Pagar Ruyong (Minangkabau). Ketika itu Che Pong sedang mengandung dan di sana dia telah bersalin seorang putera. Dia telah mengaku bahawa puteranya (Raja Kecil) itu ialah putera Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang). Oleh itu tidaklah menghairankan yang Raja Kecil itu kelak akan datang ke Johor menuntut takhta kerajaan ayahandanya dari tangan Sultan Abd. Jalil IV, iaitu seperti yang akan diceritakan di bawah.

Beberapa cerita Melayu meriwayatkan hal kelebihan dan berbagai-bagai perkara yang telah dialami oleh baginda Raja Kecil (Sultan Abd. Jalil

Rahmat Shah). Bagindalah seorang daripada raja-raja Melayu yang gagah perkasa dapat menentang anak-anak raja Bugis. Akan tetapi tentang cerita yang mengatakan baginda itu sebenarnya putera Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang), tiada pula didapati dalil yang sah dalam cerita-cerita Melayu. Namun begitu, tiada syak lagi yang baginda itu daripada keturunan raja juga. Sungguhpun pada akhirnya baginda dihalau dari Johor, tetapi kesudahannya baginda berpeluang juga merajai Siak.

RAJA KECIL MENYERANG JOHOR DAN ANAK-ANAK RAJA BUGIS

Raja Kecil berada di Minangkabau beberapa lama dan dipelihara dengan baiknya oleh Puteri Jenilan hingga usia baginda muda remaja. Sekalian orang Minangkabau dapat dipengaruhi menyebelah kepadanya. Nama baginda menjadi masyhur apabila dapat menyediakan berbagai-bagai kelengkapan perang serta dengan hulubalangnya hendak menyerang Johor untuk merampas balik takhta kerajaan ayahandanya Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang) yang pada masa itu dalam tangan Sultan Abd. Jalil IV.

Setelah siap segala kelengkapan, Raja Kecil pun pergilah ke Johor lalu menyerang negeri itu. Peperangan di antara kedua belah pihak amat dahsyat. Oleh kerana ada orang Johor yang berpaling tadah ke pihak lawan (Raja Kecil), bertambah pula kebanyakan orang besarnya telah lemah hati untuk meneruskan peperangan itu, akhirnya pihak Johor (Sultan Abd. Jalil IV) terpaksa menyerah kalah. Penyerahan itu disambut dengan baik oleh Raja Kecil yang memberi pengakuan bahawa Sultan Abd. Jalil IV akan dijadikan bendahara semula memegang jawatan lamanya.

Setelah beberapa lama berada di Johor, Raja Kecil pun bertunang dengan seorang daripada puteri Sultan Abd. Jalil IV yang bernama Tengku Tengah. Walau bagaimanapun, pada waktu hari raya, Sultan Abd. Jalil IV dengan puterinya yang bongsu telah mengunjungi baginda. Tiba-tiba Raja Kecil telah jatuh hati akan paras Tengku Kamariah puteri bongsu Sultan Abd. Jalil IV itu.

Cadangan baginda hendak memperisterikan Tengku Tengah terpaksa dibatalkan dan diganti pula pertunangannya dengan Tengku Kamariah atau Tengku Busu itu. Sultan Abd. Jalil IV terpaksalah menurut segala kemahuan Raja Kecil itu kerana walaupun baginda seorang sultan tetapi sebenarnya kuasa dan kedaulatan baginda telah terhapus oleh Raja Kecil. Apabila tiba masanya, Raja Kecil pun berkahwin dengan Tengku Kamariah dan bersemayam di Johor. Negeri Johor seolah-olah mempunyai dua raja pada ketika itu. Sesungguhnya, orang yang memegang

tampuk kekuatan negeri Johor ialah Raja Kecil. Baginda memerintah Johor dengan gelaran Sultan Abd. Jalil Rahmat Shah dan pada masa itu Johor, Pahang, Riau dan Lingga di bawah pemerintahannya.

Sesetengah riwayat lain pula mengatakan, kedatangan Raja Kecil ke Johor itu sebenarnya hendak menuntut takhta Kerajaan Johor dari tangan Sultan Abd. Jalil IV. Baginda mengaku putera kepada Marhum Mangkat Dijulang dengan menyatakan hal ehwal dirinya dari semenjak dikandung oleh bondanya hingga baginda dilarikan ke Minangkabau (Sumatera). Pada masa itu sesetengah orang besar Johor tidak mahu mengakui baginda itu sebenarnya putera Marhum Mangkat Dijulang kerana menganggap perkahwinan di antara Marhum Mangkat Dijulang dengan bonda Raja Kecil (Che Pong) itu tidak sah. Walau bagaimanapun, ada pula sebahagian daripada orang besar Johor yang lain telah percaya akan pengakuan Raja Kecil itu. Akhirnya Sultan Abd. Jalil IV pun terpaksa menyerahkan takhta Kerajaan Johor kepada Raja Kecil dengan mengikat perjanjian Raja Kecil akan berkahwin dengan puterinya yang tua yang bernama Tengku Tengah.

Setelah itu Raja Kecil pun ditabalkan menjadi raja dengan gelaran Sultan Abd. Jalil Rahmat Shah. Akan tetapi entah bagaimana agaknya, tiba-tiba baginda telah berubah hati tidak jadi berkahwin dengan Tengku Tengah. Baginda sebaliknya berkahwin dengan Tengku Kamariah puteri bongsu Sultan Abd. Jalil IV. Ini telah menerbitkan api persengketaan dan pergaduhan di antara Tengku Tengah dengan baginda hingga anak-anak raja Bugis terpaksa campur tangan.

Sebelum Johor diperintah oleh Raja Kecil, tersebutlah kisah anak-anak raja Bugis yang menjadi Kelana Perajurit Agong di sebelah timur. Anak-anak raja Bugis itu ialah putera-putera Upu Tenderi Burung anak Lamdu Salat, raja negeri Luwok di tanah Bugis. Nama-nama mereka ialah Daeng Perani, Daeng Menambun, Daeng Merewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi.

Beberapa lamanya, maka kelima-lima anak raja Bugis itu pun bersiap membuat penjajab tujuh buah lengkap dengan alat senjata, kerana hendak belayar mengembara ke Johor. Apabila sampai ke Bengkalis, mereka berjumpa dengan Raja Kecil yang pada masa itu sedang berkira-kira dan bersiap sedia hendak melanggar Johor dan merampas takhta kerajaan ayahandanya Marhum Mangkat Dijulang. Kedatangan mereka telah diajak oleh Raja Kecil bersama-sama membantu menyerang Johor. Tetapi pihak mereka tidak dapat mempersetujukan. Mereka berdalih hendak ke Langat (Selangor) kerana hendak berjumpa dengan bugis-bugis yang ada di sana bersiap kelengkapan perang. Akan tetapi pada masa itu mereka di dalam serba salah ke pihak mana yang patut mereka bantu.

Pada masa anak-anak raja Bugis ini di Langat, kedengaranlah khabar

angkatan orang Minangkabau yang diketuai oleh Raja Kecil telah datang menyerang Johor. Sedang kedua-dua pihak berperang, angkatan anak-anak raja Bugis itu pun tibalah di Johor. Didapati Raja Johor telah kalah dan Raja Kecil telah berkahwin dengan Tengku Kamariah (Puteri bongsu kepada Sultan Abd. Jalil IV). Mereka sekalian terlalu hairan melihatkan negeri itu dengan mudah dapat ditewaskan. Kedatangan mereka sekalian telah disambut dengan baik oleh Raja Kecil.

Sultan Abd. Jalil IV serta puteranya, Raja Sulaiman sangat dukacita setelah kerajaannya terserah ke tangan Raja Kecil. Untuk menutup malu yang kuasanya telah dirampas oleh Raja Kecil, Raja Sulaiman terpaksa meminta bantuan daripada anak-anak raja Bugis lima bersaudara itu. Kedua-dua pihak berjanji, kiranya berjaya menghalau Raja Kecil keluar dari negeri Johor, salah seorang daripada anak-anak raja Bugis itu akan dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda Johor, Riau dan Lingga hingga kepada keturunannya. Untuk merapatkan tali persaudaraan antara kedua-dua belah pihak, Tengku Tengah, puteri Sultan Abd. Jalil IV telah dikahwinkan dengan Daeng Perani. Semenjak itu, Raja Kecil berasa cemburu kepada anak-anak raja Bugis itu. Baginda terasa dirinya seolah-olah akan menerima ancaman dari pengaruh anak-anak raja Bugis yang memang telah bersedia menyebelah ke pihak Raja Sulaiman. Tidak lama kemudian, Daeng Merewah berserta dengan saudara-maranya meminta izin daripada Sultan Abd. Jalil IV keluar dari Johor belayar ke Siantan.

Setelah anak-anak raja Bugis lima bersaudara itu keluar meninggalkan Johor, berbangkitlah berbagai-bagai fitnah dalam negeri, seolah-olah pemerintahan Johor masa itu mempunyai dua orang raja. Rakyat Johor berpecah belah menjadi dua pihak. Sepihak mengikut Raja Kecil dan sepihak yang lain menyebelah Sultan Abd. Jalil IV. Dari sehari ke sehari api persengketaan itu makin bertambah marak hingga timbullah perkara mengatakan Raja Kecil itu sebenarnya bukan putera Marhum Mangkat Dijulang. Perkhabaran itu sampai kepada Raja Kecil. Baginda murka. Tengku Tengah yang sedia bengkak hati kepada baginda, sebab baginda mungkir janji untuk memperisterikannya, berpeluang mencucuk saudaranya, Tengku Kamariah balik ke istana. Baginda murka dan disuruhnya orang mengambil isterinya Tengku Kamariah tetapi tidak diberi oleh Tengku Tengah. Akhirnya timbullah kembali persengketaan dan perkelahian antara baginda dengan Sultan Abd. Jalil IV, lalu berperang.

Tiada berapa lama kemudian, Sultan Abd. Jalil IV yang berkubu di Seluyut pun tewas. Sultan Abd. Jalil IV serta putera puterinya berundur ke Terengganu. Kira-kira tiga tahun di Terengganu, Sultan Abd. Jalil IV berpindah pula membuka negeri di Kuala Pahang.

Setelah Sultan Abd. Jalil IV berundur, Raja Kecil bertitah kepada sekalian menterinya berpindah ke Riau. Apabila sampai di Riau baginda memerintah Riau dan separuh daripada jajahan perintah Sultan Abd. Jalil

IV di sana. Johor pada masa itu ditinggalkan dalam keadaan huru-hara tiada ketentuan tanpa pemerintah.

Apabila didengarnya Sultan Abd. Jalil IV membuat negeri di Kuala Pahang, Raja Kecil menitahkan supaya beberapa banyak kelengkapan perang disiapkan dengan diketuai oleh Laksamana Nakhoda Sekam pergi ke Kuala Pahang untuk menitahkan Sultan Abd. Jalil IV ke Riau. Jikalau Sultan Abd. Jalil IV berkeras, disuruhnya berperang. Apabila sampai angkatan itu ke Kuala Pahang disampaikan oleh Nahkoda Sekam akan perintah Raja Kecil itu. Malangnya titah baginda itu ditolak oleh Sultan Abd. Jalil IV. Maka berperanglah kedua-dua belah pihak. Akhirnya Sultan Abd. Jalil IV tewas.

Sungguhpun Sultan Abd. Jalil IV telah tewas, tetapi pihak Laksamana Nakhoda Sekam tidak pula berani membuat apa-apa terhadap baginda; hanya menyampaikan titah supaya baginda ke Riau. Sultan Abd. Jalil IV terpaksalah mentaati perintah itu.

Sementara angkatan itu bergerak keluar dari Pahang menuju ke Riau, maka datanglah orang suruhan Raja Kecil dari Riau yang bernama Emas Radin membawa surat kepada Laksamana Nakhoda Sekam menitahkan membunuh Sultan Abd. Jalil dan jangan dibawa ke Riau. Laksamana Nakhoda Sekam serba salah mendengar titah itu. Hendak mentaati, nampaknya bersalahan dengan titah yang mula-mula. Tidak ditaati takut bersalah; kerana surat itu dengan capnya sekali.

Akhirnya Bendahara Wan Ahmad telah berbaik dan membuat empat orang panglima serta beberapa orang pergi mengamuk kenaikan baginda itu. Tatkala itu baginda sedang duduk di tikar sembahyang membaca wirid lepas sembahyang subuh. Panglima itu pun memarang kepala baginda. Baginda terkejut lalu disambarnya pedang panglima itu lalu diparangnya pula panglima-panglima itu, banyak yang mati. Setelah baginda dapat membunuh kelapan-lapan orang panglima itu, maka baginda pun mangkat. Tarikh mangkatnya ialah pada T.M. 1133.

Apabila didengarnya yang ayahandanya mangkat, Tengku Tengah pun keluar membela kematian ayahandanya. Ditetaknya sekalian orang Minangkabau yang tinggal itu. Maka ditegah oleh Laksamana Nakhoda Sekam akan orang Minangkabau yang cuba hendak melawan Tengku Tengah itu, sebab takut dimurkai oleh Raja Kecil. Sekalian orang Minangkabau yang tinggal itu pun berundur. Jenazah Sultan Abd. Jalil IV dimakamkan di Kuala Pahang di sebuah tempat bernama Teluk Kandang. Baginda juga disebut 'Marhum Mangkat Di Kuala Pahang'.

Mengikut cerita yang lain pula, baginda Sultan Abd. Jalil IV dikatakan ada lagi mempunyai saudara lelaki yang tua bernama Tun Husain yang telah dilantik menjadi bendahara menggantikan Bendahara Tun Abdullah. Akan tetapi Tun Husain sebenarnya tidak puas hati terhadap saudaranya (baginda) kerana dirinya yang tua tiada dapat menaiki takhta

kerajaan. Sebab itu dia sentiasa mencari ikhtiar hendak merebut takhta kerajaan daripada saudaranya kerana dialah yang lebih berhak mewarisi takhta Kerajaan Johor.

Dengan hal yang demikian terjadilah fitnah mengatakan Raja Kecil itu sebenarnya bukan asal raja dan bukan putera Sultan Mahmud Shah II, Marhum Mangkat Dijulang. Ini menyebabkan Tengku Kamariah isteri Raja Kecil telah diambil oleh kaum keluarganya lalu dibawa berpindah ke istananya. Raja Kecil berkecil hati lalu baginda berundur dari Johor. Bendahara Tun Husain yang sedia berdendam akan saudaranya itu pun berkirim surat kepada Raja Kecil meminta baginda melanggar negeri Johor. Akhirnya Sultan Abd. Jalil IV dan putera-puteranya tewas lalu berundur ke Kuala Pahang.

Pada zaman itu pemerintahan negeri Johor tiada berketentuan dan penuh dengan kacau-bilau serta berbagai-bagai kezaliman dan aniaya. Kebanyakan para pembesarnya tidak bersatu padu. Banyak juga yang cemburu di antara satu dengan lain. Masing-masing cuba menegakkan kebesarannya dan tidak menghiraukan nasib rakyat negerinya. Dari sebab itulah Kerajaan Johor binasa. Kalau tidak dialahkan oleh kuasa-kuasa luar seperti Raja Kecil sekali pun Kerajaan Johor lambat laun akan binasa juga.

Sultan Abd. Jalil IV mangkat dan meninggalkan beberapa orang putera dan puteri. Putera-puteranya Raja Sulaiman dan Raja Abas. Puteri-puterinya ialah Tengku Tengah (Irang) akhirnya bersuamikan Daeng Perani, Tengku Puan (Tengku Mandak) bersuamikan Daeng Chelak (Yam tuan Muda Riau II) berputerakan Raja Lumun yang akhirnya menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Salehuddin dan yang bongsunya Tengku Kamariah (Tengku Busu) yang bersuamikan Raja Kecil beroleh seorang putera lelaki bernama Raja Buang yang akhirnya bergelar Sultan Muhammad menjadi Sultan Siak.

Setelah selesai memakamkan jenazah Sultan Abd. Jalil IV, Laksamana Nakhoda Sekam membawa putera-putera almarhum ke Riau lalu diserahkan kepada Raja Kecil. Raja Kecil telah menyambut isterinya Tengku Kamariah serta putera-putera Sultan Abd. Jalil dan dipeliharanya dengan sempurna. Sungguhpun demikian mereka sekalian sentiasa dalam kesedihan mengenangkan kemangkatan ayahandanya yang telah dibunuh itu.

Sebaliknya, Raja Sulaiman telah berikhtiar dengan persetujuan Dato Bendahara membuat sepucuk surat meminta bantuan anak-anak raja Bugis lima bersaudara untuk mengambil Riau dan jajahan takluknya daripada tangan Raja Kecil.

Apabila Daeng Perani mendengar bunyi surat Raja Sulaiman itu, bangkitlah kemarahannya lalu bermuafakat dengan saudara-saudaranya. Dengan segala kelengkapan perang, belayarlah mereka ke Riau. Kira-kira sehari semalam berperang, akhirnya Raja Kecil tewas dan melarikan diri ke Lingga. Riau dapat ditakluk oleh anak-anak raja Bugis.

Daeng Perani serta saudara-saudaranya telah menghadap Raja Sulaiman untuk membuat perundingan hendak mencari kelengkapan kerana menghapuskan Raja Kecil daripada menguasai Johor, Pahang, Riau dan Lingga. Anak-anak raja Bugis bermohon kepada Raja Sulaiman belayar ke Selangor kerana hendak meminta bantuan daripada orang Bugis di sana. Kedatangan mereka ke Selangor dan Langat diterima dengan segala kehormatan oleh orang Bugis serta diberikan berbagai-bagai bantuan dan berharap anak-anak raja Bugis beroleh kejayaan membantu Raja Sulaiman mengambil takhta Kerajaan Johor daripada tangan musuhnya, Raja Kecil.

Dalam masa anak-anak raja Bugis ke Selangor, Raja Sulaiman telah belayar ke Pahang kerana mencari bantuan kelengkapan pada Bendahara Pekok. Sepasukan orang Bugis telah keluar juga dari Riau pergi mengusir Raja Kecil yang telah lari ke Lingga. Maka tinggallah orang-orang tua sahaja menunggu dan mengawal Riau.

Pasukan Bugis telah bertemu dengan angkatan Raja Kecil di Lingga, lalu berperang. Akhirnya angkatan Raja Kecil tewas lalu meninggalkan Lingga. Oleh sebab pasukan Bugis tidak berdaya mengusir angkatan musuhnya, akhirnya mereka ke Selangor dan mendapatkan anak-anak raja Bugis dan menyatakan hal mereka mengusir angkatan Raja Kecil.

Sementara pasukan orang Bugis ke Selangor, angkatan Raja Kecil pula lari meninggalkan Lingga dan berpeluang balik ke Riau serta berbuat baik dengan orang di Riau. Dengan segera didirikan kubu pada tempat yang akan diserang oleh musuh. Anak-anak raja Bugis yang diketuai oleh Upu Kelana Jaya Putera (Daeng Merewah) yang berada di Selangor telah bersiap membuat kelengkapan tiga puluh buah perahu perang, serta dilengkapkan dengan meriam dan peluru, beberapa banyak senapang dan pemuras. Demikian juga dengan pihak Raja Sulaiman apabila sampai di Pahang baginda menerima bantuan kelengkapan. Masing-masing bersedia, tinggal menanti masanya sahaja balik ke Riau menyerang Raja Kecil.

Pada masa itu, tiba-tiba berlakulah sedikit perbalahan di Kuala Linggi disebabkan penghulu Linggi (wakil Raja Kecil memerintah Linggi) telah memaksa orang Bugis di Selangor yang bekerja memasang belat di Kuala Linggi membayar cukai kepadanya. Pihak Bugis enggan. Akhirnya pergaduhan di antara kedua-dua belah pihak berlaku. Upu Kelana Jaya Putera yang pada masa itu sedang berada di Selangor telah berasa marah lalu bersiap hendak menyerang Linggi. Pihak penghulu Linggi pula dengan perintah Raja Kecil telah mengerahkan anak-anak buahnya mendirikan beberapa buah kubu untuk menahan serangan anak-anak raja Bugis.

Dalam peperangan itu Raja Kecil masih ada di Riau, belum dapat menghantar bantuannya ke Linggi. Ini menyebabkan penghulu Linggi tewas. Akhirnya Penghulu Linggi terpaksa membuat helah untuk berdamai buat sementara. Dalam masa perdamaian itu, pihak Penghulu Linggi telah

mengutus surat meminta bantuan daripada Raja Kecil di Riau. Apabila angkatan Raja Kecil sampai ke Linggi, berperanglah antara angkatan Raja Kecil dengan angkatan Upu Kelana Jaya Putera. Akhirnya Raja Kecil tewas. Baginda terpaksa berundur balik ke Siak kerana mencari kelengkapan dan bertahan di sana. Pihak Upu Kelana Jaya Putera dengan segera balik ke Riau menghadap Raja Sulaiman lalu diserangnya orang Raja Kecil yang ada di Riau. Akhirnya sekali lagi Riau jatuh ke tangan anak-anak raja Bugis.

Di Riau, anak-anak raja Bugis telah mengadakan mesyuarat hendak melantik Raja Sulaiman menaiki takhta kerajaan memerintah Johor dan jajahan takluknya menggantikan ayahandanya Sultan Abd. Jalil IV. Akan tetapi keputusan mesyuarat itu tergendala sebab pada masa itu segala alat Kerajaan Johor masih di tangan Raja Kecil di Siak. Akhirnya dengan sebulat suara anak-anak raja Bugis belayar ke Siak secara baik meminta alat kerajaan itu daripada Raja Kecil. Walau bagaimanapun, kehendak anak-anak raja Bugis telah ditolak oleh baginda. Anak-anak raja Bugis marah lalu menyerang Raja Kecil. Akhirnya, pihak Raja Kecil tewas dan menyerahkan alat kerajaan itu. Maka anak-anak raja Bugis pun baliklah ke Riau membawa alat kerajaan itu dan diserahkan kepada Raja Sulaiman.

Tidak berapa lama kemudian, iaitu pada T.M. 1722 anak-anak raja Bugis lima bersaudara itu melantik Raja Sulaiman menaiki takhta kerajaan menggantikan ayahandanya Sultan Abd. Jalil IV dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.

Apabila selesai sahaja anak-anak raja Bugis melantik Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, maka bermuafakatlah Sultan Sulaiman dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Abas hendak membalas jasa anak-anak raja Bugis yang telah banyak berbakti dan menolong baginda mengambil kembali takhta Kerajaan Johor daripada tangan musuhnya, Raja Kecil. Baginda telah meminta salah seorang daripada anak-anak raja Bugis lima bersaudara itu menjadi Yang Di-Pertuan Muda untuk memerintah Johor, Pahang, Riau dan Lingga. Akhirnya Daeng Merewah (Upu Kelana Jaya Putera) telah dilantik memegang jawatan Yang Di-Pertuan Muda dengan gelaran Yamtuan Muda Riau I dan Daeng Perani dikahwinkan oleh Sultan Sulaiman dengan adindanya Tengku Tengah, berputerakan Daeng Kemboja akhirnya menjadi Yam Tuan Muda Riau III dan Daeng Chelak dikahwinkan dengan adindanya Tengku Mandak. Kononnya dalam tahun itu Daeng dengan nasihat Sultan Sulaiman telah berkahwin dengan anak perempuan seorang Yam Tuan Bugis di Selangor dan beroleh seorang anak perempuan.

Tidak lama kemudian, Daeng Perani telah menerima surat daripada Raja Kedah meminta bantuan kerana kerajaannya diambil oleh adindanya. Akhirnya Daeng Perani berserta anak-anak raja Bugis telah melantik putera raja Kedah yang tua menjadi Sultan. Putera Raja Kedah yang

muda menjadi marah apabila mendengar saudaranya yang tua dilantik menjadi Sultan oleh anak-anak raja Bugis. Maka berlakulah peperangan. Setelah kira-kira sebulan lamanya berperang, tewaslah dia lalu berundur dari Kedah. Daeng Perani dan sekalian anak-anak raja Bugis balik semula ke Riau. Khabarnya, ketika Daeng Perani berada di Kedah, dia telah berkahwin pula dengan saudara perempuan Raja Kedah yang tua.

Apabila anak-anak raja Bugis balik ke Riau, maka adinda Sultan Kedah telah meminta bantuan kepada Raja Kecil di Siak kerana hendak menurunkan kekandanya dari takhta Kerajaan Kedah. Apabila Raja Kecil datang membantu, anak-anak raja Bugis dari Riau datang semula membantu Sultan Kedah. Dalam pada itu, pihak anak-anak raja Bugis telah membuat perundingan hendak mendamaikan Sultan Kedah dengan adindanya. Akan tetapi pihak Raja Kecil berkeras dan tidak menghiraukan rancangan itu dan masih hendak mencari jalan pergaduhan. Anak-anak raja Bugis menjadi marah dan berlakulah peperangan. Dalam peperangan itu, Daeng Perani telah terbunuh kena peluru meriam di dadanya.

Lebih kurang dua tahun lamanya peperangan itu berlaku, barulah selesai. Akhirnya pihak anak-anak raja Bugis beroleh kemenangan. Raja Kecil dapat dihalau keluar dari Kedah balik ke Siak dan jenazah Daeng Perani yang terbunuh itu selamat dikebumikan di Kedah juga. Kemudian anak-anak raja Bugis itu balik ke Riau.

Lebih kurang setahun daripada peperangan di Kedah itu, iaitu pada tahun Hijrah 1137, Raja Kecil datang menyerang Riau. Berperanglah orang Riau dengan orang Siak. Akhirnya kedua-dua belah pihak bersetuju berdamai dan masing-masing berjanji tidak akan melakukan pencerobohan ke pihak lawannya. Pada masa itu Raja Sulaiman dan Raja Kecil seolah-olah telah berbaik semula. Oleh itu Raja Kecil dibenarkan membawa isterinya, Tengku Kamariah balik ke Siak.

Akan tetapi tidak lama kemudian, pada tahun Hijrah 1139, Raja Kecil melanggar persetiaan itu dengan menimbulkan kembali perbalahan antaranya dengan Raja Sulaiman. Raja Kecil menyerang Riau. Terjadilah peperangan antara anak-anak raja Bugis dan Raja Sulaiman melawan Raja Kecil. Nasib Raja Kecil tidak baik dan tewas lalu berundur ke Siak. Semenjak itu Riau mulai aman dari serangan Raja Kecil. Raja (Sultan) Sulaiman serta Yam Tuan Muda Riau I, Daeng Marewah dan adindanya, Daeng Chelak bermuafakat hendak membaiki pemerintahan negeri dan jajahan takluk Johor yang beberapa lama tidak berketentuan pemerintahannya itu.

Dalam masa Yam Tuan Muda Riau I memeriksa jajahan Johor di sebelah Sumatera, tiba-tiba dia jatuh sakit dan meninggal dunia. Jenazahnya dibawa balik ke Riau dan dimakamkan di Sungai Baru lalu disebut 'Marhum Sungai Baru'. Sultan Sulaiman kemudiannya melantik Daeng

Chelak menjadi Yam Tuan Muda Riau Johor, Pahang dan Lingga dengan gelaran Yam Tuan Muda Riau II.

Kalau mengikut keterangan salasilahnya dalam *Tuhfat al-Nafis* Yam Tuan Muda Riau II, Daeng Chelak berkahwin dengan Tengku Mandak (Puteri Sultan Abdul Jalil IV atau adinda Sultan Sulaiman) dan beroleh dua orang putera iaitu Tengku Putih dan Tengku Hitam. Baginda juga berkahwin dengan seorang perempuan yang tidak diketahui namanya dan beroleh dua orang putera iaitu Raja Lumun (Lumu) yang akhirnya dapat menjadi raja di Selangor dengan gelaran Sultan Salehuddin (Sultan Selangor yang pertama), dan seorang lagi Raja Haji yang kemudiannya menjadi Yam Tuan Muda Riau IV. Raja Haji itulah yang menyerang Belanda di Melaka pada T.M. 1784 hingga hampir-hampir negeri Melaka dapat ditewaskan. Akan tetapi nasib Raja Haji tidak baik dan terbunuh oleh sebutir peluru sesat Belanda di Teluk Ketapang (Melaka). Baginda kemudiannya digelar Marhum Teluk Ketapang.

Marhum Teluk Ketapang berputerakan Raja Jaafar yang menjadi Yam Tuan Muda Riau VI. Yam Tuan Muda Raja Jaafar pula berputerakan Tengku Abd. Rahman yang menjadi Yam Tuan Muda Riau VII. Yam Tuan Muda Tengku Abd. Rahman berputerakan Tengku Muhammad yang akhirnya menjadi Yam Tuam Muda Riau VIII.

Raja Kecil yang telah berkali-kali hendak menewaskan Sultan Sulaiman tetapi tidak berjaya telah mencuba lagi sekali melanggar Riau. Serangan yang akhir ini juga gagal dan sejak itu baginda tidak lagi berdaya hendak memanjangkan permusuhannya dengan Sultan Sulaiman dan anak-anak raja Bugis. Semenjak itu, barulah Sultan Sulaiman merasa aman, kekal memerintah Riau, Johor dan jajahan takluknya. Setelah cita-citanya memerangi Riau gagal, Raja Kecil telah berubah perangai dan fikirannya tidak berketentuan lagi memerintah Siak. Pemerintahannya terpaksa diserahkan kepada puteranya Raja Alam. Beberapa lama kemudian oleh sebab baginda masih belum puas hati lagi untuk menewaskan Raja Sulaiman yang dibantu oleh anak-anak raja Bugis itu, maka pada T.M. 1150 baginda menitahkan puteranya Raja Alam (putera dengan isteri baginda di Siak) membawa angkatan menyerang Riau. Peperangan ini sia-sia juga. Kehendak baginda itu tidak berhasil.

Tidak berapa lama kemudian isteri baginda, Tengku Kamariah mangkat. Baginda telah jatuh gila hinggalah membawa ke akhir hayatnya. Baginda mangkat pada T.M. 1745 dan dimakamkan jenazahnya di Siak juga. Puteranya Raja Buang telah dilantik menjadi sultan bergelar Sultan Muhammad. Semenjak itu tiada lagi berlaku peperangan di antara Siak dengan Johor dan berkekalanlah Sultan Sulaiman memerintah dan bersemayam di Riau dengan pemerintahannya dibantu oleh anak-anak raja Bugis. Dari sehari ke sehari, Riau beransur ramai penduduknya dan bertambah makmur. Segala dagang ramai datang terutama dari China,

Jawa, Benggala, Siam dan lain-lain lagi. Masing-masing dengan dagangannya seperti candu, beras, kain dan sebagainya.

Pada masa itu Yam Tuan Muda Riau II (Daeng Chelak) telah memerintahkan orang menanam gambir. Kuli-kulinya daripada bangsa China. Kemakmuran Riau dari sehari ke sehari makin dikenali orang dan ramai ahli-ahli saudagar yang datang menumpu berniaga di sana. Dari semenjak itu Sultan Sulaiman serta Yam Tuan Muda Riau II banyaklah menerima hasil daripada cukai barang-barang yang keluar masuk. Dengan kemakmuran ini dapatlah Sultan Sulaiman melengkapkan kelengkapannya untuk mengawal negeri dan kerajaannya. Lebih kurang pada 19 Mei 1745 Yam Tuan Muda Riau II (Daeng Chelak) pun mangkat.

Kalau mengikut peraturannya, puteranya yang bernama Raja Haji patut dilantik menggantikan jawatan Yam Tuan Muda itu. Akan tetapi oleh kerana baginda belum cukup usianya, maka dengan persetujuan pihak Bugis, Sultan Sulaiman telah melantik Daeng Kemboja (putera Daeng Perani yang mangkat di Kedah) menjadi Yam Tuan Muda bergelar Yam Tuan Muda Riau III. Sebelum Daeng Kemboja memegang jawatan Yam Tuan itu, dia telah ke Selangor kerana bermesyuarat lebih dahulu dengan saudara-maranya di sana. Pada 11 Mac 1748 baharulah dia memegang jawatan Yam Tuan itu. Kata sesetengah riwayat, dia ditabalkan di Selangor menjadi Yam Tuan Muda Riau.

Pada zaman Yam Tuan Muda Riau III, kemakmuran Riau telah terganggu sedikit sebab timbul perbalahan antara anak-anak raja Bugis dengan anak-anak raja Melayu. Daeng Kemboja terpaksa ke Linggi dan memerintah di sana. Dalam bulan Januari 1756, Sultan Sulaiman telah ke Melaka membuat perjanjian dengan pihak Belanda. Dalam perjanjian itu, Belanda telah mengaku sanggup hendak mengembalikan jajahan-jajahan baginda yang telah hilang, dengan syarat Belanda dibenarkan memborong bijih timah di Selangor, Kelang dan Linggi.

Perbuatan baginda yang demikian itu sangatlah dimarahi oleh Daeng Kemboja dan para pembesar Bugis. Sebelum Sultan Sulaiman balik meninggalkan Melaka iaitu pada 30 Januari 1756, baginda telah berkirim surat kepada Daeng Kemboja di Linggi, Raja Tua Kelang dan Raja Lumun (Sultan Salehuddin Selangor), bertanyakan adakah sekalian mengaku pemerintahannya atau tidak. Mereka telah menjawab dengan marah. Pada akhir bulan April tahun itu juga mereka sekalian telah datang membakar rumah-rumah di Melaka. Dalam bulan Julai tahun itu juga, angkatan Belanda telah bersekutu dengan orang Terengganu yang diketuai oleh Sultan Mansur Shah Terengganu (menantu Sultan Sulaiman) datang pula melanggar Linggi dan menghalau orang Bugis dari situ. Dalam bulan Oktober pula Daeng Kemboja dan orang Bugis serta orang Rembau telah datang menyerang jajahan Melaka.

Dalam bulan Disember 1757, Sultan Sulaiman telah mencuba menye-

rahkan Linggi kepada Belanda supaya Daeng Kemboja dan rakan-rakannya tertakluk kepada Belanda. Tetapi kemudian dari itu, pada 1 Januari 1758, Daeng Kemboja, Raja Tua Kelang dan Raja Adil Yang Dipertuan Muda Rembau telah membuat perjanjian dengan pihak Belanda di Linggi. Pada bulan Disember 1759, Raja Haji Panglima Bugis yang gagah perkasa itu telah singgah di Riau lalu dipujuknya Sultan Sulaiman supaya berbaik semula dengan orang Bugis dan diminta panggil Daeng Kemboja balik ke Riau.

Cerita perbalahan antara anak-anak raja Bugis dengan raja-raja Melayu nampaknya ada sedikit perselisihan. Tersebut dalam *Tuhfat al-Nafis* bahawa punca-punca persengketaan itu ialah dari pihak raja-raja Melayu yang diketuai oleh Sultan Mansor Shah Terengganu (menantu Sultan Sulaiman) berserta temenggung dan bendahara telah tidak berpuas hati terhadap Sultan Sulaiman kerana memberikan jawatan Yam Tuan Muda itu kepada anak-anak raja Bugis. Mereka itu boleh dianggapkan bangsa luar yang tidak berhak bercampur tangan memegang kuasa pemerintahan negeri Johor dan jajahan takluknya.

Pada masa itu sekalian para pembesar Melayu seperti bendahara dan temenggung seolah-olah telah kurang berkuasa di bawah tangan Yam Tuan Muda. Sungguhpun pada masa itu Sultan Sulaiman lebih berat hatinya menyebelahi ke pihak Yam Tuan Muda, oleh mengenangkan banyak jasa anak-anak raja Bugis kepada baginda, tetapi akhirnya baginda tidak dapat menahan kehendak Yam Tuan Muda Daeng Kemboja keluar dari Riau untuk mengelakkan daripada berlaku perbalahan yang berpanjangan di antara anak-anak raja Melayu dengan anak-anak raja Bugis.

Sepeninggalan Yam Tuan Muda Daeng Kemboja itu ke Linggi, Raja Haji (putera Yam Tuan Muda Riau II Daeng Chelak) bersama-sama Sultan Sulaiman ke Riau berasa bimbang di atas perselisihan yang telah berlaku di antara anak-anak raja Melayu dengan anak-anak raja Bugis. Baginda berserta puteranya Raja Abd. Jalil telah berikhtiar hendak menetapkan kedudukan anak-anak raja Bugis dalam jawatan Raja Muda itu.

Yam Tuan Muda telah beredar ke Linggi dan tinggallah dia di sana menjalankan kerja-kerjanya berulang ke Selangor. Raja Haji dan saudara-maranya telah tinggal di Riau. Tiba-tiba pada suatu masa anak-anak raja Melayu iaitu Sultan Mansor Shah Terengganu dan bendahara telah membuat perhubungan dengan pihak Belanda. Dipohonnya kepada Sultan Sulaiman supaya Raja Haji serta saudara-maranya Raja Aminah dan Raja Halimah dikeluarkan dari Riau dan diserahkan kepada pihak Belanda di Melaka. Mendengar ini, Raja Haji marah lalu bersedia diajaknya berperang dengan Sultan Mansor Shah. Hal ini telah menimbulkan kemurkaan Raja Abd. Jalil putera Sultan Sulaiman dan dengan segera mendesak Sultan Mansor Shah, bendahara dan pengikutnya supaya membuat perdamaian dengan pihak anak-anak raja Bugis serta memaksa

anak-anak raja Melayu mengambil Yam Tuan Muda Daeng Kemboja yang ada di Linggi balik ke Riau. Jika tidak baginda sendiri akan keluar dari Riau dan enggan memerintah negeri itu.

Pihak Sultan Mansor Shah Terengganu telah berpura-pura sanggup membuat perdamaian itu serta dimintanya Raja Haji bersama-sama ke Linggi menjemput Yam Tuan Muda Daeng Kemboja balik ke Riau. Dalam pelayarannya ke Linggi, Sultan Mansor Shah telah singgah berjumpa Gabenor Belanda di Melaka. Baginda mengaku menjadi wakil Sultan Sulaiman mengatakan Sultan Sulaiman hendak menghalau anak-anak raja Bugis keluar dari Riau sebab mereka hendak merampas takhta Kerajaan Johor. Baginda meminta bantuan Belanda menyerang Yam Tuan Muda Daeng Kemboja di Linggi serta menahan Raja Haji di Melaka. Tetapi sebelum rancangan itu dapat dijalankan, seorang yang bernama Encik Awal telah mendengar hal itu dan lebih dahulu memaklumkan kepada Yam Tuan Muda Linggi. Yam Tuan Muda menyuruh Yang Dipertuan Selangor (Sultan Salehuddin) datang dengan segera untuk mengambil Raja Haji dan membawanya ke Linggi. Dua hari kemudian baharulah angkatan Sultan Mansor Shah datang dengan dibantu oleh pihak Belanda menyerang Linggi. Ahirnya pihak anak-anak raja Bugis tewas dan Raja Haji mendapat luka di pahanya lalu berundur ke Rembau.

Dari Rembau, Yam Tuan Muda dibantu oleh Penghulu Rembau telah datang menyerang Belanda di Melaka. Akhirnya peperangan itu berdamai. Pihak Belanda telah diminta menerangkan mengapa mereka campur tangan memerangi anak-anak raja Bugis di Linggi. Orang Belanda telah menyatakan segala hal yang telah berlaku di antara mereka dengan Sultan Mansor Shah Terengganu itu. Akhirnya dibuatkan perjanjian di antara kedua-dua belah pihak. Semenjak itu, perniagaan dapat dijalankan semula di antara orang Bugis di Riau, Selangor, Linggi dan Langat dengan pihak Belanda di Melaka.

Sementara Yam Tuan Muda Daeng Kemboja tewas di Linggi dan meminta bantuan ke Rembau menyerang Belanda di Melaka, Sultan Mansor Shah Terengganu telah balik ke Riau dan terpaksa berdusta kepada Sultan Sulaiman. Dikatakan Yam Tuan Muda Daeng Kemboja bertangguh datang menghadap baginda. Dalam pada itu dia telah bermuafakat dengan para-pengikutnya hendak membawa isterinya (puteri Sultan Sulaiman) serta dipersilakan Sultan Sulaiman bersama-sama ke Terengganu. Raja Abd. Jalil (putera Sultan Sulaiman) suami isteri sahaja yang telah berkeras tidak mahu bersama-sama kerana hendak menantikan Yam Tuan Muda itu datang.

Sebelum angkatan itu bertolak, tiba-tiba terdengar khabar melalui perantaraan saudagar-saudagar dari Melaka mengatakan Linggi telah ditewaskan oleh Belanda. Baginda Sultan Sulaiman serta Raja Abd. Jalil murka lalu ditempelaknya Sultan Mansor Shah Terengganu itu di atas

perbuatan keji yang telah dilakukannya. Tetapi kemurkaan baginda itu tidaklah membangkitkan apa-apa perkelahian. Sultan Mansor Shah Terengganu dengan segera berlepas balik ke Terengganu.

Sepeninggalan Sultan Mansor Shah balik ke Terengganu, Raja Abd. Jalil telah bermesyuarat dengan ayahandanya Sultan Sulaiman hendak mengambil Yam Tuan Muda Daeng Kemboja di Linggi balik ke Riau. Tidak berapa lama kemudian pihak Belanda telah mempersilakan Sultan Sulaiman ke Melaka kerana merundingkan hal perbalahan yang telah berlaku di antara anak-anak raja Melayu (Sultan Mansor Shah Terengganu) dengan dibantu oleh Belanda menyerang anak-anak raja Bugis (Yam Tuan Muda Daeng Kemboja) di Linggi dahulu. Pihak Belanda telah mendesak Sultan Sulaiman dengan menyuruhnya membayar ganti rugi Belanda sebanyak $703,457 kerana membantu Sultan Mansor Shah Terengganu menyerang Linggi. Pihak Sultan Sulaiman telah menolak desakan itu dengan keterangan mengatakan perbuatan Sultan Mansor Shah meminta bantuan Belanda kerana menyerang Linggi itu, sebenarnya bukanlah dengan suruhan baginda. Hal itu semata-mata dengan kemahuan Sultan Mansor Shah sendiri. Dengan sebab orang Belanda berkeras juga berkehendakkan ganti ruginya, Sultan Sulaiman terpaksa bertangguh kerana baginda hendak berjumpa sendiri dengan menantunya Sultan Mansor Shah Yang Dipertuan Terengganu itu.

Setelah selesai berbicara, Sultan Sulaiman balik ke Riau dan terlalu dukacita mengenangkan perbuatan yang telah dilakukan oleh menantunya, Sultan Mansor Shah itu. Pada masa itu Riau telah sunyi kerana tiada saudagar-saudagar datang dan harga beras terlalu mahal sehingga rakyat kelaparan dan sesetengahnya terpaksa memakan ubi, keladi dan umbut. Oleh yang demikian baginda telah berunding dengan puteranya Raja Abd. Jalil (Raja di Baruh) dan disuruhnya memanggil Yam Tuan Muda Daeng Kemboja balik ke Riau.

Sungguhpun Riau masa itu ada bendahara, temenggung serta para pembesarnya tetapi tidak ada harapan untuk membina semula kemakmuran negeri itu. Kejayaan untuk memulihkan balik kesentosaan negeri itu hanya terserah di bawah pentadbiran anak-anak raja Bugis juga. Oleh yang demikian Sultan Sulaiman seberapa daya berkehendakkan juga supaya Yam Tuan Muda Daeng Kemboja balik ke Riau membantu baginda menyelenggarakan kemajuan dan kemakmuran negeri dan kerajaannya.

Sebelum Raja Abd. Jalil belayar ke Linggi untuk menjemput Yam Tuan Muda Daeng Kemboja balik ke Riau, Sultan Sulaiman telah menitahkan sekalian anak raja Bugis di Selangor yang diketuai oleh Raja Haji berserta anak-anak raja Melayu supaya berkampung untuk menguatkan lagi sumpah setia perjanjian yang telah dibuat dan ditetapkan oleh baginda (Sultan Sulaiman) dengan Yam Tuan Muda Riau I, bekerjasama untuk memajukan Kerajaan Johor dan jajahan takluknya.

Pada masa anak-anak raja Bugis Selangor berada di Riau, Raja Haji dan saudaranya Raja Lumun (Sultan Salehuddin Selangor) ada bersama-sama hadir. Jadi baginda berserta Raja Abd. Jalil telah dititahkan oleh Sultan Sulaiman mempersilakan Yam Tuan Muda Daeng Kemboja balik ke Riau.

Dalam masa Raja Abd. Jalil, Raja Haji dan Raja Lumun itu ke Linggi, baginda Sultan Sulaiman telah mangkat iaitu pada T.M. 1760 dan jenazahnya selamat dimakamkan di Riau juga. Setelah Sultan Sulaiman mangkat, anakanda baginda iaitu Raja Abd. Jalil (Raja di Baruh) telah naik takhta kerajaan dengan gelaran Sultan Abd. Jalil Muadzam Shah.

Hikayat *Tuhfat al-Nafis* pula ada mengatakan pada masa perkhabaran kemangkatan Sultan Sulaiman diberitahu kepada Raja Abd. Jalil (Sultan Abd. Jalil Muadzam Shah) iaitu tatkala baginda di Selangor, baginda telah terkejut. Tidak lama kemudian baginda telah gering hingga mangkat di sana; jenazahnya selamat dibawa balik dan dimakamkan di Riau. Apabila baginda mangkat, putera baginda yang bernama Raja Ahmad telah dilantik menggantikan kerajaan baginda dengan gelaran Sultan Ahmad Riayat Shah.

Oleh sebab baginda belum cukup umur, maka kerajaan baginda telah dipangku oleh orang besar pihak Melayu. Tetapi pemerintahan baginda tidaklah berlanjutan. Dalam T.M. 1761 baginda telah mangkat.

Pada zaman pemerintahan baginda, pihak Belanda di Melaka telah mengulang tuntutan hutang yang telah dijanjikan oleh Sultan Sulaiman dahulu. Pihak baginda, bendahara dan temenggung tidak berupaya hendak menyempurnakan tuntutan itu kerana Riau pada masa itu masih belum pulih pemerintahan dan keamanannya. Pihak Belanda telah mendesak, kiranya hutang-hutang itu tidak dapat diselesaikan, putera Sultan Abd. Jalil iaitu Sultan Ahmad dan saudaranya Raja Mahmud hendaklah diserahkan kepada Belanda.

Oleh sebab desakan itu tidak dapat disempurnakan oleh bendahara dan temenggung, terpaksalah hal itu diserahkan kepada Yam Tuan Muda Daeng Kemboja untuk menyelesaikannya. Setelah diselesaikan hutang itu, Yam Tuan Muda Daeng Kemboja telah berpeluang menempelak kepada bendahara dan temenggung di atas perbuataannya bersekutu dengan Sultan Mansor, Yang Dipertuan Terengganu menyerang dia masa di Linggi dahulu. Bendahara dan temenggung tidak berkata apa-apa sebab kesalahan itu sebenarnya di pihak mereka.

Setelah selesai hutang itu disempurnakan oleh Yam Tuan Muda Daeng Kemboja dalam tahun itu juga (T.M. 1761), Sultan Ahmad pun mangkat.

Pada masa hendak mencari gantinya, terbitlah perbalahan di antara pihak anak-anak raja Melayu dengan anak-anak raja Bugis. Anak-anak raja Melayu berkeras hendak melantik salah seorang saudara Marhum Raja Di Baruh (Sultan Abd. Jalil Muadzam Shah) seperti Tengku Abd. Kadir, Tengku Othman dan Tengku Buang untuk dijadikan sultan ganti

kerajaan. Pihak anak-anak raja Bugis pula telah berkeras berkehendakkan Raja Mahmud (saudara Sultan Ahmad putera Sultan Abd. Jalil Raja Di Baruh) itu ditabalkan menjadi sultan.

Pihak anak-anak raja Melayu berkeras hendak melantik salah seorang saudara Marhum Raja Di Baruh menjadi sultan kerana hendak memelihara supaya kekuasaan sultan itu berkekalan dalam tangan raja-raja Melayu sendiri. Kalau mengikut kehendak anak-anak raja Bugis, Raja Mahmud saudara Sultan Ahmad tadi dilantik menjadi sultan supaya kekuasaan sultan akan terserah pula ke tangan anak-anak raja Bugis. Ini kerana pada masa itu Raja Mahmud masih kanak-kanak lagi. Takhta kerajaannya tentulah kelak berkehendakkan pemangku oleh anak-anak raja Bugis (Yam Tuan Muda Daeng Kemboja). Barangkali inilah yang menyebabkan pihak anak-anak raja Melayu berkeras berkehendakkan salah seorang saudara Marhum Raja Di Baruh dilantik menjadi sultan.

Akhirnya, oleh sebab pengaruh anak-anak raja Bugis lebih besar, cadangan anak-anak Raja Melayu tidak dipersetujui.

Anak-anak raja Bugis sebulat suara melantik Raja Mahmud menjadi Sultan. Pihak anak-anak raja Melayu terpaksa bertolak ansur taat kepada keputusan yang diberi oleh anak-anak raja Bugis itu.

Sebaliknya kalau dilawan sudah tentu akan menerbitkan berbagai-bagai kecelakaan mengganggu perhubungan baik di antara kedua-dua pihak. Keamanan negeri dan Kerajaan Johor juga boleh terjejas.

Setelah kedua-dua pihak sebulat suara bersetuju Raja Mahmud menjadi sultan, maka baginda pun dilantik menaiki takhta kerajaan menggantikan saudaranya Raja Ahmad dengan gelaran Sultan Mahmud Shah III.

PEMERINTAHAN SULTAN MAHMUD SHAH III

Pusat pemerintahan kerajaan Johor dari zaman pemerintahan Sultan Sulaiman hingga ke zaman pemerintahan Sultan Mahmud tetap di Riau. Riau pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah III telah beransur pulih kemakmurannya. Yam Tuan Muda Daeng Kemboja serta Raja Haji telah berusaha membesarkan perniagaan negeri itu. Ramai para saudagar dari Benggala, China, Siam dan Jawa menumpu ke Riau dengan dagangan masing-masing. Dengan sebab kemakmuran negeri itu, ramailah di antara penduduknya terutama orang Bugis yang telah menjadi kaya-raya. Pada masa yang sama permusuhan di antara anak-anak raja Bugis dengan Belanda telah lenyap dan perniagaan di antara Riau dengan Melaka dapatlah dihubungkan.

Tidak berapa lama kemudian pihak anak-anak raja Melayu yang diketuai oleh temenggung dan bendahara telah menimbulkan balik api

persengketaan dengan anak raja Bugis. Mereka membuat fitnah mengatakan sekalian anak raja Bugis hendak membunuh dan membinasakan sekalian anak raja Melayu di Riau serta hendak merampas kuasa Sultan Mahmud daripada merajai Riau. Fitnah yang dinyatakan melalui surat juga disebarkan kepada Yang Dipertuan Raja Ismail Siak yang pada masa itu berada di Tembelan, Bendahara Tun Husain Pahang dan kepada Sultan Mansor Shah Terengganu. Pihak Sultan Mansor Shah yang memang tidak berpuas hati dengan anak-anak raja Bugis mempercayai segala fitnah itu. Bagai retak mencari belah, dengan serta-merta diperintahkannya Raja Ismail, Tun Husain dan sekalian orang yang menyebelah ke pihaknya bersiap menyerang Riau.

Sementara menantikan angkatan Sultan Mansor Shah dan Bendahara Tun Husain tiba, Raja Ismail berserta enam puluh perahu kelengkapan telah bersedia di Singapura. Sebelum angkatan anak-anak raja Melayu bertolak ke Riau, Yam Tuan Muda Daeng Kemboja telah lebih dahulu mendapat tahu tentang rancangan itu. Disiasatnya sekalian anak raja Melayu yang ada di Riau dan yang sedia belot atau bersekutu dengan pasukan Melayu yang akan datang menyerang yang diketuai pihak bendahara dan temenggung.

Yam Tuan Muda Daeng Kemboja sangat berdukacita mendengarkan hal ini kerana pihak anak-anak raja Melayu dengan sengaja hendak menimbulkan balik perbalahan yang tujuannya hendak menghalau atau menghapuskan pengaruh Bugis di Riau. Yam Tuan Muda terpaksa berkirim surat menitahkan Raja Lumun (Sultan Salehuddin Selangor) dan Tok Kelana Raja Haji yang pada masa itu berada di Inderagiri datang ke Riau.

Yam Tuan Muda dengan segera bersiap dengan kelengkapan kira-kira lima puluh penjajab dan merampas segala senjata yang ada di dalam tangan anak-anak raja Melayu di Riau. Pihak anak-anak raja Melayu dengan segera telah memberitahu Raja Ismail di Singapura meminta bersabar daripada menyerang Riau sebelum mendapat apa rahsia jalan masuk ke Riau dengan mudah.

Baginda Raja Lumun (Sultan Salehuddin Selangor) apabila menerima surat titah dari Yam Tuan Muda Daeng Kemboja, telah menitahkan penggawanya belayar ke Riau. Apabila tiba di Singapura Raja Ismail telah berikhtiar menjalankan helahnya dan disuruhnya penggawa Sultan Selangor itu menyampaikan kepada Yam Tuan Muda meminta kebenaran hendak datang ke Riau untuk menziarahi makam Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan puteranya Marhum Sultan Abdul Jalil Raja di Baruh. Walau bagaimanapun, pihak Yam Tuan Muda tidak begitu bodoh atau cepat mempercayai segala tipu muslihat itu. Sebaliknya dia telah meminta sumpah supaya Raja Ismail tidak akan melakukan sebarang pencerobohan dan membangkitkan sebarang pergaduhan de-

ngan anak-anak raja Bugis di Riau. Raja Ismail telah menolak permintaan Yam Tuan Muda itu dengan alasan dia akan menunaikan kehendak Yam Tuan Muda itu setelah dia menghadap Yam Tuan Muda di Riau kelak.

Akhirnya berperanglah angkatan Raja Ismail dengan angkatan Yam Tuan Muda di Singapura. Dalam peperangan itu pihak Raja Ismail tewas lalu berundur dari sana. Angkatan Tok Kelana Raja Haji yang telah datang dari Inderagiri hendak membantu Yam Tuan Muda telah berjumpa dengan angkatan Raja Ismail yang berundur itu lalu menyerang mereka. Raja Ismail dapat juga melepaskan diri balik ke Siak dan Tok Kelana Raja Haji ke Riau menghadap Yam Tuan Muda.

Semenjak itu amanlah semula Riau dari huru-hara yang dibangkitkan oleh anak-anak raja Melayu. Kemakmuran negeri itu telah beransur pulih dan peperangan di Singapura di antara Raja Ismail dengan Yam Tuan Muda telah berakhir. Begitu juga peperangan di antara anak-anak raja Melayu dengan anak-anak raja Bugis. Semenjak itu tetaplah Yam Tuan Muda Daeng Kemboja bersemayam di Riau bersama-sama dengan Raja Haji sebagai penolongnya dan bergelar Tok Kelana. Pada T.M. 1777 Yam Tuan Muda Daeng Kemboja mangkat.

Raja Lumun (saudara Raja Haji) dilantik menjadi Sultan Selangor kira-kira di antara T.M. 1743 dengan T.M. 1770 iaitu tatkala baginda berangkat ke Pulau Pangkor lalu dipersilakan Sultan Perak ke negerinya. Setelah dipersetujui oleh para pembesar kedua-dua pihak, baginda pun dilantik menjadi Sultan memerintah Selangor dengan gelaran Sultan Salehuddin. Kemudian baginda balik ke Selangor lalu ditabalkan dan dinobatkan di sana dengan dihadiri oleh Sultan Perak.

Setelah Daeng Kemboja mangkat pada T.M. 1777, Raja Haji pun belayarlah ke Pahang untuk berjumpa Bendahara Abd. Majid dan meminta supaya dia dilantik menjadi Yam Tuan Muda Riau dengan gelaran Yam Tuan Muda Riau IV. Raja Haji ialah seorang daripada anak raja Bugis yang gagah perkasa. Pada masa Raja Haji memegang jawatan Yam Tuan Muda, Riau menjadi tumpuan ramai dengan segala dagangan. Negeri itu menjadi makmur.

Hikayat *Tuhfat al-Nafis* ada menyebutkan lebih kurang dalam T.M. 1782, Yam Tuan Raja Haji telah mengacau di Selat, iaitu dengan bantuan orang Selangor dan Rembau. Hingga dalam bulan Januari 1784 bangkitlah perselisihan di antara pihak Belanda dengan Yam Tuan Muda. Pihak Belanda menghantar beberapa buah kapal perang melanggar dan mengepung Kuala Riau dan menahan segala perahu dagang yang masuk ke negeri itu. Berperanglah Raja Haji dengan pihak Belanda.

Sedang peperangan itu berlaku hampir setahun lamanya, Sultan Ibrahim yang menggantikan ayahandanya Raja Lumun (Sultan Salehuddin Selangor) bersama-sama adindanya Raja Muda Raja Nala telah membantu. Sultan Ibrahim telah belayar mudik Sungai Linggi. Setelah di-

kumpulkannya orang Minangkabau dari Rembau dan Pedas, berangkatlah baginda ke Sungai Baharu lalu ke Batang Tiga dan membuat kubu di situ. Kemudian datanglah angkatan Belanda menyerang. Pihak Belanda ramai yang terbunuh dalam peperangan itu dan tewas lalu berundur balik ke Melaka. Dengan serta-merta Gabenor Belanda menghantar surat kepada Jacob Pieter Van Braam, ketua angkatan Belanda yang berperang di Riau dan mengatakan angkatan Sultan Ibrahim Selangor telah menyerang Melaka. Itulah sebabnya dia balik segera ke Melaka.

Apabila pasukan Belanda telah berundur, pihak Sultan Ibrahim pun berangkatlah ke Riau mengajak Yam Tuan Muda Raja Haji bersama-sama untuk menyerang Melaka. Pada masa itu Sultan Mahmud Shah III ada bersama-sama di dalam angkatan itu, tetapi baginda ditinggalkan di Muar. Dari Muar angkatan Raja Haji dan Sultan Ibrahim menuju ke Melaka berkubu di Teluk Ketapang di suatu tempat di Tanjung Palas. Di sini pihak Raja Haji telah bertapak dan mula melakukan serangan melanggar Semabok dan akhirnya Semabok jatuh ke tangan Raja Haji.

Khabarnya pada masa Raja Haji di Teluk Ketapang, Sultan Mahmud Shah III yang ditinggalkan di Muar itu telah datang mendapatkan Raja Haji di sana. Namun demikian, Raja Haji telah mempersilakan baginda balik ke Muar.

Setelah Sultan Mahmud Shah balik ke Muar, Raja Haji memerintahkan Sultan Ibrahim berkubu di Batang Tiga menyerang Belanda dari sebelah darat. Pasukan Raja Haji yang berkubu di Teluk Ketapang pun mula melakukan serangan. Kedua-dua pihak iaitu pihak Raja Haji dan Belanda telah mengalami banyak kematian. Dalam peperangan itu hampir kesemua tempat yang terletak di sekeliling Bandar Melaka dapat dikalahkan oleh angkatan Bugis melainkan Kota Melaka.

Kira-kira setahun lamanya peperangan itu berlaku, pihak Belanda telah terdesak dan hampir-hampir tewas. Akhirnya mereka terpaksa meminta belas kasihan dan bantuan daripada negeri-negeri Melayu yang berhampiran. Dalam pada itu ada juga pihak Melayu seperti Yam Tuan Muda Ali Siak mahu memberi bantuan bersekutu kepada pihak Belanda menahan serangan angkatan Melayu dan Bugis dari Riau yang diketuai oleh Raja Haji.

Pasukan Sultan Ibrahim Selangor yang berkubu di Batang Tiga telah bergerak pula ke Sungai Baharu untuk melanggar Melaka. Sementara itu pasukan bantuan Belanda dari Betawi iaitu kira-kira tiga puluh buah kapal perang serta beberapa ribu askar Belanda dan askar kulit hitam telah datang menyerang kubu Raja Haji di Teluk Ketapang. Beberapa ribu lagi daripada pasukan Belanda yang lain pula telah datang memintas dari sebelah belakang kubu Raja Haji. Dalam peperangan itu, Raja Haji telah terbunuh. Jenazahnya selamat disempurnakan oleh pihak Belanda mengikut adat istiadat raja-raja besar. Jenazahnya dimakamkan dalam

Kota Melaka di belakang kebun kompeni. Jenazah almarhum akhirnya telah diambil oleh putera-puteranya dan dipindahkan ke Riau dan dimakamkan di bukit sebelah selatan Pulau Penyengat.

Menurut cerita yang lain tentang peperangan Raja Haji di Teluk Ketapang, seorang kepala perang laut Belanda yang bernama Jacob Pieter Van Braam berserta tujuh ratus tiga puluh empat orang askar telah melanggar dan mengalahkan kubu Bugis yang handal di situ.

Setelah kubu Bugis di Teluk Ketapang ditewaskan dan Raja Haji terbunuh, maka sekalian anak raja Bugis dan orang Melayu Riau pengikut Raja Haji berundur ke Muar. Dari sana bersama dengan Sultan Mahmud Shah III berangkat balik ke Riau.

Pada masa Raja Haji dikalahkan oleh pihak Belanda, tidaklah diketahui dengan sah sama ada Sultan Ibrahim bersama-sama berperang. Baginda nampaknya telah pergi ke Rembau dan berkahwin dengan anak perempuan Yam Tuan Raja Alam. Selepas itu baharulah baginda bersama-sama Yam Tuan muda (Raja Nala) balik ke Sungai Baharu lalu ke Batang Tiga. Apabila didengarnya Raja Haji tewas dan terbunuh, baginda pun berundur balik ke Selangor.

Sungguhpun peperangan pihak Belanda dengan Raja Haji telah tamat tetapi mereka masih belum berpuas hati di atas perbuatan Sultan Ibrahim Selangor yang ada bersama-sama menyertai angkatan Raja Haji menyerang Melaka. Mereka mendakwa Sultan Ibrahim yang menjadi punca perkelahian dan peperangan di antara Raja Haji dengan pihak Belanda. Pada 13 Julai 1784, Gabenor Belanda telah memerintahkan Jacob Pieter Van Braam melanggar Selangor. Pada 2 Ogos tahun itu juga, Selangor tewas dan dapat ditaklukkan dan Sultan Ibrahim serta Yang Dipertuan Muda Raja Nala telah berundur ke Bernam lalu ke Pahang. Sementara itu, pihak Belanda di Selangor telah melantik Raja Muhammad Ali anak Raja Alam dan cucu Raja Kecil Siak yang bersekutu membantu Belanda berperang dengan Bugis di Melaka, menjadi raja Selangor menggantikan Sultan Ibrahim. Namun demikian tidak berapa lama selepas itu Raja Muhammad Ali telah lari meninggalkan negeri itu.

Setelah kira-kira setahun lamanya di Pahang, akhirnya dengan bantuan Bendahara Abd. Majid Pahang, Sultan Ibrahim datang menghalau Belanda dari kotanya di Kuala Selangor. Kemudian Belanda datang semula dengan kapal perangnya mengepung Kuala Selangor. Setelah empat belas bulan lamanya, iaitu pada T.M. 1786, baharulah Jacob Pieter Van Braam pihak Belanda membuat perjanjian perniagaan di antara kedua-dua belah pihak. Pihak Belanda lebih suka membuat perdamaian dengan Sultan Ibrahim Selangor kerana kononnya Belanda telah didesak oleh para saudagar di Melaka dan di Pulau Pinang. Perbuatan Belanda membangkitkan peperangan dengan anak-anak raja Melayu dan Bugis yang berniaga di sana, menyebabkan segala hasil timah yang boleh didapati

di Selangor dan dijajahan pantainya tidak dapat dibawa ke Melaka. Barang-barang perniagaan saudagar seperti beras dari Jawa, Bali, Siam dan China yang biasa dibawa ke Riau dan Johor semuanya telah terhalang juga.

Selain daripada itu, Belanda kononnya suka membuat perdamaian dengan Sultan Ibrahim Selangor, kerana desakan pihak Inggeris yang menyuruh mereka memberhentikan perbuatan yang amat zalim dan bengis itu. Pihak Inggeris menuduh mereka mencari keuntungan dengan jalan membinasakan banyak negeri Melayu dan membunuh beberapa ramai penduduk negeri itu yang tidak bersalah hingga membangkitkan huru-hara dan kacau-bilau.

Sultan Mahmud Shah III di Riau berdukacita sebab kemangkatan Yam Tuan Muda Raja Haji. Maka dengan persetujuan baginda, Raja Ali iaitu putera Daeng Kemboja (Yam Tuan Muda Riau III) telah dilantik menjadi Yam Tuan bergelar Yam Tuan Muda Riau IV.

Tidak lama kemudian, entah bagaimana datanglah angkatan Belanda dari Melaka menyerang Riau. Dalam serangan itu terbitlah salah faham di antara pihak Melayu dengan pihak Bugis. Sultan Mahmud tidak dapat menyelesaikan perbalahan itu dan akhirnya Yam Tuan Muda Raja Ali berserta anak-anak raja Bugis telah keluar meninggalkan Riau ke Siantan.

Sepeninggalan Yam Tuan Muda, pihak anak-anak raja Melayu telah bermaharajalela merampas segala harta kepunyaan Yam Tuan Muda dan anak-anak raja Bugis yang tinggal. Pada masa itu Sultan Mahmud tidak dapat menegah atau mengamankan hal yang berlaku kerana kuatkuasa baginda itu semata-mata bersandar kepada Yam Tuan Muda dan pihak Bugis sahaja.

Angkatan Belanda yang menyerang Riau itu diketuai oleh Jacob Pieter Van Braam. Apabila angkatan itu berjaya masuk ke Riau, pihak anak-anak raja Melayu, masing-masingnya telah menunjukkan benarnya kepada pihak Belanda. Mereka mengatakan tidak menyertai pekerjaan yang telah dilakukan oleh Raja Haji menyerang Melaka dahulu. Masing-masing mengaku pihak anak-anak raja Melayu yang tinggal di Riau itu daripada orang yang baik-baik belaka, memelihara keselamatan Sultan Mahmud Shah III yang masih muda remaja. Dengan itu juga pihak anak-anak raja Melayu telah mengaku sanggup menerima cadangan yang patut dijalankan dari pihak Belanda berhubung dengan hal keamanan dan pemerintahan negeri.

Maka dengan persetujuan Sultan Mahmud Shah III dan para pembesarnya seperti Dato Bendahara, Temenggung dan Raja Indera Bongsu, dibuatlah surat perjanjian dengan pihak Belanda yang diketuai oleh Jacob Pieter Van Braam. Setengah daripada isi kandungan perjanjian itu ialah tidak membenarkan anak-anak raja Bugis memegang jawatan besar dan

Sultan Mahmud tidak boleh berbuat sebarang kehendaknya sebelum berunding dan mendapat persetujuan dari para pembesarnya.

Semenjak perjanjian di antara Sultan Mahmud Shah III dan pihak Belanda dibuat, nampaknya pihak Belanda telah mula dibenarkan bercampur tangan memerintah Riau hingga dibenarkan seorang wakil Belanda duduk di Riau bersama-sama memerintah dan memungut hasil keluar masuk bagi negeri itu. Pada masa itu orang Belanda seolah-olah menjadi penaung dan penasihat Sultan Mahmud memerintah Johor, Pahang, Riau dan Lingga.

Sungguhpun Belanda telah bersama-sama berkuasa memerintah Riau tetapi nampaknya cara-cara pemerintahan yang dijalankan di negeri itu tidak bersesuaian dengan kehendak rakyat. Kebanyakan hukuman dan pemerintahannya dengan cara kekerasan dan berlawanan dengan maksud dan kehendak undang-undang Melayu. Maklumlah peraturan Eropah hendak digunakan pada orang-orang di sebelah timur seperti orang Melayu Riau. Bagaimana boleh berjaya kalau peraturan itu hendak dijalankan dengan segera, pada hal anak negeri itu belum biasa dengan peraturan dan undang-undang itu. Jikalau dilakukan juga secara kekerasan dan paksa, sudah tentu boleh menerbitkan berbagai-bagai bantahan dan persengketaan di antara kedua-dua belah pihak.

Kekerasan yang telah dijalankan oleh Belanda itu akhirnya telah menimbulkan balik api persengketaan di antara Sultan Mahmud Shah III dengan Belanda hingga berbangkit peperangan di antara Sultan Mahmud Shah III dengan pihak Belanda yang ada di Riau. Peperangan itu menyebabkan ramai orang Belanda terbunuh dan yang tinggal melarikan diri balik ke Melaka.

Setelah tamat peperangan dengan Belanda dan dengan persetujuan para pembesarnya maka Sultan Mahmud Shah III berpindah bersemayam di Lingga. Baginda terasa bimbang kalau lama di Riau tentu Belanda akan mengulang balik menyerang negeri itu. Pada hal Riau pada masa itu tidak lagi mempunyai kekuatan untuk menahan serangan musuhnya.

Masa Sultan Mahmud Shah III berangkat ke Lingga baginda diiringi oleh beberapa orang besar dari pihak Melayu dan Bugis dengan kelengkapan kira-kira lebih dua ratus perahu. Bendahara dan para pengikutnya tidak pula mengikut pindah ke Lingga bahkan mereka dengan dua ratus buah perahu telah belayar ke Terengganu. Jadi, para pembesar Melayu Riau telah berpecah belah membawa haluan masing-masing. Riau yang merupakan sebuah pusat pemerintahan Kerajaan Johor yang terkenal dan menjadi tumpuan ahli-ahli saudagar serta makmur dengan hasil-hasilnya tiba-tiba ditinggalkan begitu sahaja. Orang China sahaja yang masih mantap menjalankan perusahaan berkebun gambir dan lada. Maka dengan sebab itu Riau telah kembali sunyi dibiarkan oleh pemerintahnya seperti Sultan Mahmud Shah III dan para pembesarnya.

Setelah Riau ditinggalkan oleh Sultan Mahmud Shah III, pihak Belanda dari Melaka dengan diketuai oleh Jacob Pieter Van Braam berserta dengan kelengkapan perangnya telah datang ke Riau. Tujuannya hendak membalas dendam atas perbuatan yang telah dilakukan oleh Sultan Mahmud Shah III memerangi orang Belanda yang ada di Riau dahulu. Akan tetapi kedatangan Jacob Pieter Van Braam hampa sahaja kerana didapati Sultan Mahmud Shah III dan para pembesar Melayu telah berpindah ke Lingga. Maka Jacob Pieter Van Braam pun baliklah ke Melaka dan meninggalkan seorang wakil berserta sebuah kapal perang untuk mengawal Riau.

Pihak Belanda telah memerintahkan sekalian orang China yang ada di Riau itu membuat perusahaan ladang gambir dan lada hitam. Sungguhpun masa itu ramai saudagar telah datang berniaga di Riau tetapi kebanyakan saudagar itu diganggu oleh perompak dan lanun yang sedang bermaharajalela. Tambahan pula pada masa itu nampaknya Kompeni Inggeris ada juga menjual ubat-ubat bedil, meriam dan senapang kepada negeri-negeri Melayu iaitu dengan cara menukarkan barang-barang itu dengan barang-barang keluaran negeri itu. Dengan cara ini pihak Raja-raja Melayu seperti Sultan Mahmud Shah III telah berpeluang menambahkan senjata untuk menentang pengaruh atau kuasa Belanda yang hendak membinasakan Kerajaan Johor.

Sultan Mahmud Shah III yang bersemayam di Lingga sentiasa dalam dukacita kerana sekalian para pembesarnya iaitu dari pihak Melayu dan Bugis telah berpecah-belah membawa hal masing-masing. Baginda terpaksa berangkat ke Terengganu bermesyuarat dengan Sultan Mansor Shah untuk memperbaiki semula negeri Johor dan Riau yang telah dirosakkan oleh pihak Belanda. Sultan Mahmud Shah III meminta persetujuan dan bantuan Sultan Mansor Shah Terengganu kerana Sultan Mansor Shah yang mula-mula menerbitkan bunga perbalahan di antaranya dengan pihak Belanda seperti yang telah dinyatakan dahulu masa peperangan di Linggi, Riau dan Melaka.

Sultan Mansor Shah telah mengaku sanggup membaiki semula perhubungan di antara Sultan Mahmud Shah III dengan pihak Belanda iaitu dengan terlebih dahulu meminta persetujuan dari pihak Gabenor Belanda dan Jacob Pieter Van Braam di Melaka atau kepada pihak yang berkuasa Belanda di Betawi.

Masa Sultan Mahmud Shah III di Terengganu, satu angkatan orang Siak yang diketuai oleh Saiyed Ali bin Saiyed Othman, menantu Yang Dipertuan Muhammad Ali Siak dengan kelengkapan sebanyak tiga puluh buah kapal telah datang hendak menyerang Terengganu. Pihak Sultan Mansor Shah Terengganu telah terpaksa meminta bantuan Inggeris yang ada pada masa itu di sebuah kapal perangnya di Terengganu untuk mencari dagangan timah. Akhirnya angkatan Saiyed Ali dari Siak tidak jadi

menyerang Terengganu sebab dapat didamaikan oleh Sultan Mahmud Shah III.

Setelah Saiyed Ali balik ke Siak, baginda Sultan Mahmud Shah III telah meninggalkan Terengganu belayar ke Pahang. Hal baginda meminta pertolongan untuk berdamai dan berbaik-baik semula dengan pihak Belanda telah diserahkan kepada Sultan Mansor Shah.

Sultan Mansor Shah menitahkan dua tiga orang utusannya iaitu Ismail Seri Setia, Wan Kubat dan Enche Belayar memaklumkan perkara itu kepada Van Braam yang pada masa itu berada di Riau. Van Braam telah menolak sama sekali kehendak Sultan Mansor Shah itu. Tempelak dan kata nista daripada perkataan yang keji telah dibalaskan kepada baginda. Van Braam telah mencerca perbuatan yang telah dilakukan oleh Sultan Mansor Shah masa peperangan di Linggi, Riau dan Melaka. Fitnah bagindalah yang menyebabkan pihak Belanda terlibat sama dalam peperangan melawan anak-anak raja Bugis. Keputusannya Van Braam tetap berkeras dan memandang Sultan Mansor Shah, Yang Dipertuan Terengganu dan Sultan Mahmud Shah III sebagai musuh kepada mereka.

Beberapa lamanya Sultan Mahmud Shah III di Pahang, baginda telah belayar balik ke Linggi berusaha menggalakkan para pengikutnya bekerja melombong timah. Pada masa itu banyaklah perahu dagang telah datang ke Lingga menjalankan perniagaannya. Di antaranya ada saudagar Inggeris yang telah memborong timah di situ dan ditukar dengan ubat bedil, meriam dan senapang. Dengan sebab itu ramailah perompak menggunakan senjata dan telah bermaharajalela mengganggu kapal-kapal saudagar yang berulang alik berniaga dengan orang Belanda di Melaka.

Sultan Mahmud Shah III di Lingga telah puas menanti keputusan dari Sultan Mansor Shah Yang Dipertuan Terengganu berhubung dengan perkaranya dahulu untuk berdamai dan berbaik-baik semula dengan Belanda. Tetapi ikhtiarnya dengan perantaraan Yang Dipertuan Terengganu gagal. Baginda terpaksa meminta pertolongan pula daripada Sultan Ibrahim Yang Dipertuan Selangor untuk berdamai semula dengan Belanda. Tetapi ikhtiarnya itu juga gagal, sebab Gabenor Belanda di Melaka telah menolak keras. Sebaliknya, ditempelak pula akan Sultan Ibrahim Yang Dipertuan Selangor itu dengan tuduhan-tuduhan yang telah dikatakan kepada Sultan Mansor Shah Yang Dipertuan Terengganu. Pendeknya pihak Belanda telah menyalahkan perbuatan Sultan Mahmud Shah III yang telah mungkir dan merosakkan perjanjian yang telah dibuat di antara mereka dengan baginda di Riau.

Sultan Ibrahim tidak pula berputus asa. Dicubanya lagi usaha perdamaian kepada Gabenor Belanda. Baginda mengaku jika sekiranya ada sesuatu hal yang akan dilakukan oleh Sultan Mahmud Shah III dan anak-anak raja Melayu dan Bugis yang menyalahi peraturan dan undang-undang perdamaian itu, baginda sanggup bertanggungjawab.

Pengakuan Sultan Ibrahim tidak juga diterima oleh Gabenor Belanda. Melainkan perkara itu diserahkan kepada pihak yang berkuasa Belanda di Betawi. Dalam pada itu Gabenor Belanda telah menyatakan kepada Sultan Ibrahim untuk mengingatkan Sultan Mahmud Shah III supaya jangan lagi menyertai pekerjaan jahat rompak samun yang dilakukan oleh para pengikut dan rakyatnya. Sultan Mahmud Shah III hendaklah bekerjasama dengan pihak Belanda menghapuskan penjahat dan lanun yang bermaharajalela mengganggu kapal-kapal perniagaan yang membawa dagangan ke Melaka, Riau dan Lingga.

Masa itu negeri Melaka telah dijadikan oleh pihak Belanda sebagai pusat memajukan perniagaannya di timur iaitu jajahannya yang kedua selain Betawi. Mereka menjadikan Melaka pusat perniagaan dan pusat kekuatannya di Tanah Melayu. Negeri-negeri yang diduduki mereka di tepi Selat Melaka boleh dikatakan dapat dipengaruhi termasuk rajanya yang terpaksa tunduk kepada mereka.

Tidak lama kemudian, pihak yang berkuasa Komperi Belanda telah menyerahkan Melaka kepada pihak Inggeris iaitu pada T.M. 1795. Orang Inggeris jadi penaung bagi sekalian hak jajahan Belanda yang direbut oleh Napolean Bonaparte, iaitu seorang ketua perang Perancis yang sangat masyhur pada akhir K.M. 18 dan awal K.M. 19 yang telah menakluk beberapa buah negeri di benua Eropah.

Setelah Melaka berpindah tangan kepada pihak Inggeris, kuasa dan pengaruh Belanda di Melaka dan di Selat Melaka termasuk Kepulauan Riau boleh dikatakan beransur-ansur luput. Masa itulah Riau yang dikuasai Belanda telah dipulangkan kuasanya oleh orang Inggeris kepada rajanya Sultan Mahmud Shah III. Tidak lama kemudian pihak yang berkuasa Belanda di Betawi telah menghantar utusannya untuk menyerahkan kuasa pemerintahan Riau kepada Sultan Mahmud Shah III dengan tidak membuat sebarang perjanjian. Sultan Mahmud Shah III menerima penyerahan itu dengan sukacitanya. Baginda kekal bersemayam di Lingga. Dari sehari ke sehari makin bertambah ramai pusat pemerintahan Kerajaan Johor dan jajahannya.

Pada masa Yam Tuan Muda Raja Ali (Yam Tuan Muda Riau V) meninggalkan Riau sebagaimana yang telah dinyatakan dahulu, Sultan Mahmud Shah III melantik Engku Muda Muhammad anak Raja Maimunah dengan suaminya Dato Temenggung Tun Abd. Jamal memerintah Riau. Sementara itu Yam Tuan Muda Raja Ali yang telah meninggalkan Riau pun belayar dari Siantan ke Lingga menghadap Sultan Mahmud III. Kemudian dari sana dia telah mendapatkan pula Sultan Ibrahim Selangor. Beberapa lamanya dia di Langat dia pun belayar pula ke Muar.

Sementara Yam Tuan Muda Raja Ali di Muar, Sultan Ibrahim Selangor telah ke Riau. Kemudian di Lingga dia telah berkahwin dengan Tengku Tengah anak perempuan Raja Haji Yam Tuan Muda Riau IV (Marhum di

Teluk Ketapang). Sultan Ibrahim di Lingga telah berikhtiar mengadakan perundingan dengan Sultan Mahmud Shah III untuk mendamaikan perhubungan di antara Yam Tuan Muda Raja Ali dengan pihak Raja-raja Melayu dan memohon jawatan Yam Tuan Muda Riau dipulangkan kepada Raja Ali. Sultan Mahmud Shah telah bersetuju membuangkan yang keruh dan mengambil yang jernih berhubung dengan perselisihan itu. Akan tetapi pihak suku-suku atau anak-anak raja Melayu berkeras tidak bersetuju untuk berdamai. Mereka telah mencadangkan jawatan Yam Tuan Muda Riau itu digantikan kepada Raja Jaafar putera Raja Haji Yam Tuan Muda Riau IV. Niat Sultan Ibrahim Selangor itu hampa. Suku-suku Melayu tidak mahu bertolak ansur membuat perdamaian itu. Akhirnya Sultan Ibrahim telah bertolak balik ke Selangor.

Sementara Sultan Ibrahim di Lingga, utusan dari Perak datang menghadap Sultan Mahmud Shah III memohon negeri Perak jajahan takluk baginda. Masa itu Perak tertakluk kepada Sultan Ibrahim Selangor. Perbuatan orang Perak hendak berpaling tadah kepada Sultan Mahmud Shah III, menjadikan Sultan Ibrahim murka. Pada masa baginda balik ke Selangor bersama-sama putera-putera baginda, Raja Muhammad, Raja Ismail dan Raja Abdullah serta Raja Jaafar, Raja Idris dan Raja Ahmad iaitu putera Marhum Teluk Ketapang, Raja Muhammad dan Raja Hasan putera Yang Dipertuan Muda Selangor telah menyerang Perak. Perak tewas dalam peperangan itu. Pada masa angkatan Sultan Ibrahim balik ke Selangor, baginda telah mengurniakan jajahan Kelang kepada Raja Jaafar dan saudaranya.

Ketika Yam Tuan Muda Raja Ali berada di Muar untuk berangkat ke Riau, telah terjadi perbalahan antaranya dengan Engku Muda Muhammad. Pihak Engku Muda Muhammad telah berkeras mengatakan dia adalah wakil Sultan Mahmud Shah III memerintah Riau. Pihak Yam Tuan Muda Raja Ali telah menegakkan fahamnya pula yang dia adalah Yam Tuan Muda yang bakal mewarisi pusaka keturunan memerintah Riau.

Api perbalahan itu akhirnya telah merebak hingga membangkitkan peperangan di antara kedua-dua belah pihak. Pada hal perhubungan antara kedua-duanya adalah saudara sepupu kerana ayahanda Yam Tuan Muda Raja Ali yang bernama Daeng Kemboja (Yam Tuan Muda Riau III) adalah adik beradik dengan Raja Maimunah bonda Engku Muhammad.

Akhirnya pihak Engku Muda Muhammad tewas dalam peperangan itu dan berundur ke Bulang. Dengan ikhtiar Sultan Mahmud Shah III, Yam Tuan Muda Raja Ali dengan Engku Muda Muhammad didamaikan. Semenjak itu, Sultan Mahmud Shah III berpindah pula bersemayam di Riau dan berkahwin dengan Raja Hamidah anak perempuan Raja Haji Marhum di Teluk Ketapang. Berkekalanlah baginda bersemayam di sana dengan aman sentosanya.

Ketika Sultan Mahmud Shah III bersemayam di Riau, baginda telah membuat istana lengkap dengan kota paritnya di Pulau Penyengat Indera Sakti kerana pulau itu telah diserahkan kepada isterinya Raja Hamidah dan saudara-maranya iaitu anak-anak Raja Haji untuk memakan hasilnya.

Pada 2 Zulkaedah 1218 Sultan Mahmud Shah III telah menetapkan bahagian-bahagian pemerintahan di antara baginda dengan Yam Tuan Muda Raja Ali. Riau telah ditetapkan oleh baginda dibawah perintah Yam Tuan Muda dan Lingga tetap di bawah pemerintahan baginda. Semenjak itu, banyak perahu perniagaan dari Jawa, China, Siam dan dari negeri-negeri di Alam Melayu telah datang menjalankan perniagaan dengan negeri itu. Yam Tuan Muda Raja Ali di Riau telah bersemayam di Pulau Bayan serta tidak sunyi daripada menuntut ilmu membuat ibadat bergurukan Sheikh Abd. Ghafur.

Pada masa Sultan Mahmud Shah III memerintah Riau, Johor, Pahang dan Lingga, negeri-negeri itu boleh dikatakan aman sentosa. Munshi Abdullah telah menyebut dalam bukunya (Hikayat Abdullah) pada masa baginda memerintah boleh dikatakan jajahan-jajahan Padang (dalam Muar sekarang), Muar, Batu Pahat dan Kesang kesemuanya ramai penduduk dan kaya dengan hasilnya. Jajahan Padang boleh dikira pusat jajahan yang banyak pedagang keluar masuk. Berpuluh-puluh kati dan koyan pinang kotai telah dibawa ke luar negeri seperti India dan Benggala.

Selain daripada itu boleh didapati juga gading, kemenyan dan rotan, berbagai jenis buah-buahan seperti durian, manggis, duku, limau manis dan sebagainya. Kemakmuran dan kemewahan jajahan Padang telah menjadikan penduduknya kaya raya. Para saudagar di Melaka juga ramai yang telah menjadi kaya sebab dapat menghubungkan perniagaan mereka dengan jajahan Padang.

Setelah beberapa lama Yam Tuan Muda Raja Ali di Riau maka dia pun mangkat. Dengan persetujuan Sultan Mahmud Shah III dan sekalian para pembesarnya, Raja Jaafar anak Raja Haji yang pada masa itu menetap di Klang telah dilantik menjadi Yam Tuan Muda menggantikan Yam Tuan Muda Raja Ali untuk memerintah Riau dan segala daerah takluknya. Istiadat perlantikan Raja Jaafar menjadi Yam Tuan Muda Riau VI telah diadakan pada Tahun Hijrah 1221.

Semenjak itu, Yam Tuan Muda Raja Jaafar telah membawa sekalian kaum kerabatnya berpindah ke Riau. Di sana dia telah berkahwin dengan Raja Lebar iaitu anak perempuan Almarhum Yam Tuan Muda Raja Ali. Berkekalanlah Yam Tuan Muda Raja Jaafar bersama isteri dan kaum keluarganya memerintah Riau.

Pada masa Sultan Mahmud Shah III memerintah Kerajaan Johor dan bersemayam di Lingga dan Yam Tuan Muda Raja Jaafar memerintah Riau, datanglah seorang lebai bernama Lebai Tamat berbangsa Minangkabau ke

Lingga dan mengaku dirinya alim dalam ilmu Hakikat. Tetapi kemudian didapati ilmu yang telah diajarkannya itu bersalahan hingga dia beritikad mengaku dirinya Allah (s.w.t.). Pengaruh Lebai Tamat bertopengkan agama telah menarik ramai tercebur dalam ajarannya. Sesetengahnya mengaku dia keramat.

Perbuatan Lebai Tamat itu telah menerbitkan kemarahan Yam Tuan Muda Raja Jaafar. Oleh kerana itu Lebai Tamat terpaksa keluar dari Lingga ke Lampong. Di sana dia telah mengaku dirinya Almarhum Raja Haji dan Yam Tuan Muda Riau IV. Perbuatan Lebai Tamat itu telah menerbitkan kemarahan Sultan Mahmud Shah III. Baginda menyuruh orang membunuh Lebai Tamat tetapi dia dapat melepaskan diri lalu ke Inderagiri. Dengan ikhtiar Yam Tuan Muda Raja Jaafar, akhirnya Lebai Tamat dapat ditangkap dan dihukum penggal lehernya. Semenjak Lebai Tamat mati, tiada lagi berlaku kacau-bilau dalam negeri Riau dan Lingga.

5

Johor Di Bawah Dua Pemerintahan

SULTAN HUSAIN SHAH DAN ORANG INGGERIS DI SINGAPURA

PADA masa Sultan Mahmud Shah III memerintah, negeri Johor, Pahang, Riau dan Lingga boleh dikatakan masih bersatu. Pusat pemerintahannya di Lingga. Baginda Sultan Mahmud Shah III mangkat meninggalkan dua orang putera. Putera yang sulung bernama Tengku Husain atau gelarannya Tengku Long dan yang kedua bernama Tengku Abd. Rahman.

Ketika Sultan Mahmud Shah III mangkat, terjadilah perbalahan di antara sekalian orang besar kerana hendak memilih ganti kerajaan. Sesetengah orang besar dan rakyat negeri sukakan Tengku Abd. Rahman, putera baginda yang muda. Sesetengahnya pula suka kepada Tengku Husain putera baginda yang tua untuk menggantikan kerajaan baginda. Sedang sekalian orang besar bermesyuarat kerana hendak memilih ganti sultan itu, Tengku Husain telah mendapat tahu yang orang Belanda bersetuju hendak melantik Tengku Abd. Rahman menjadi sultan. Dengan senyap-senyap Tengku Husain telah menjauhkan dirinya lalu berundur ke Terengganu.

Pada T.M. 1818, dengan persetujuan orang Belanda, Tengku Abd. Rahman telah diangkat menjadi sultan menggantikan almarhum ayahandanya Sultan Mahmud Shah III dengan gelaran Sultan Abd. Rahman Muadzam Shah. Orang yang melantik Sultan Abd. Rahman menjadi sultan ialah Yam Tuan Muda Raja Ali iaitu Yam Tuan Muda Riau V.

Tuhfat al-Nafis ada menyebutkan, semasa Sultan Mahmud Shah III mangkat, anakanda baginda Tengku Husain tidak hadir sama menghadap jenazah almarhum. Mengikut wasiat almarhum, setelah baginda mangkat putera baginda yang kedua (Tengku Abd. Rahman) akan menggantikan kerajaannya. Oleh kerana itu pada masa baginda mangkat, sekalian orang besar yang diketuai oleh Yam Tuan Muda Raja Jaafar telah melantik Tengku Abd. Rahman menjadi sultan.

Tidak berapa lama setelah jenazah Sultan Mahmud Shah III dimakamkan, baharulah Tengku Husain (Tengku Long) datang berjumpa dengan Sultan Abd. Rahman serta Yam Tuan Muda. Kemudian Tengku Husain berangkat menziarah makam ayahandanya. Tidak berapa lama

Tengku Husain di Lingga, baginda bersama-sama Yam Tuan Muda dan Temenggung Abd. Rahman (anak Daeng Kecil Tun Ibrahim atau cucu Raja Maimunah dan cicit Daeng Perani) telah berangkat balik ke Riau. Pada masa itu Riau semakin kerap dikunjungi oleh banyak perahu perniagaan dari Jawa, Bugis, Siam dan wangkang perniagaan dari negeri China.

Baginda Sultan Abd. Rahman memerintah Lingga dengan dibantu oleh Yam Tuan Muda Raja Jaafar, serta beberapa orang besarnya seperti Engku Zainal Al-Kudsi dan Silawatang Ibrahim wakil Yam Tuan Muda di Lingga. Lingga masa itu sangat mewah serta lengkap dengan para pengawal negerinya.

Sultan Abd. Rahman adalah seorang Raja Melayu yang kuat beribadat. Baginda gemar bercampur dengan ahli-ahli agama dan suka menghampirkan diri dengan rakyat dan menziarah kaum kerabatnya. Sultan Abd. Rahman bolehlah dikatakan seorang Raja Melayu yang teguh imannya. Baginda bukan sahaja berdamping dengan orang-orang besar dan ahli-ahli agama malah dengan rakyat dan kaum kerabatnya. Oleh kerana itu tidak hairan kiranya baginda disayangi dan dihormati oleh sekalian rakyat Lingga.

Yam Tuan Muda Raja Jaafar pula seorang yang baik perangainya. Dia mengasihi sanak saudara dan sahabat handai serta hormat kepada orang-orang tua dan baik dengan bangsa asing. Dia tidak gemar membesar-besarkan diri, takbur seperti sesetengah pembesar. Dia juga seorang yang suka menuntut ilmu agama, suka bersahabat dengan orang-orang baik daripada kalangan orang Islam dan orang Eropah seperti Belanda dan Inggeris. Ini menyebabkan kebanyakan para saudagar gemar mengadakan hubungan perniagaan dengan Lingga.

Yam Tuan Muda Raja Jaafar telah mengadakan pasukan askar anak negeri, lengkap dengan pakaian dan senapangnya. Kesemuanya dengan pertolongan para pembesar dan para saudagar Eropah dari Melaka. Sungguhpun pun pada masa itu negeri Melaka masih dalam tangan Inggeris tetapi Belanda masih tetap mempunyai kuasa di sebelah timur. Pusat kekuasaannya ialah di Betawi, Jawa. Pemerintahan Riau dan Lingga pada masa itu boleh dikatakan telah dicampur tangan oleh Belanda. Kebanyakan peraturan pemerintahan yang dijalankan di negeri itu mengikut nasihat dan peraturan Belanda. Askar dalam negeri pun di bawah pimpinan Belanda.

Pendeknya, pada zaman Sultan Abd. Rahman dan Yam Tuan Muda Raja Jaafar memerintah Riau dan Lingga, negeri itu boleh dikatakan lengkap juga dengan pasukan askar dan kapal perang untuk mengawal keselamatannya.

Sebelum negeri Melaka diserah balik ke tangan Belanda pada 21 September 1818 kerana mengikut keputusan Perjanjian Vienna yang di-

buat pada T.M. 1815, pihak Inggeris masih berikhtiar hendak mencari tempat baru untuk pusat perniagaan dan pusat kekuatannya di tepi Selat Melaka. Hajat Inggeris hendak melawan dan menghapuskan perniagaan dan kekuasaan Belanda di Selat Melaka belum berhasil selagi mereka belum dapat tempat baru yang difikirkan elok dan munasabah kedudukannya di muka pintu Selat Melaka.

Oleh itu pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang telah memerintahkan Tuan William Farquhar belayar ke selatan untuk mencari tempat baru. Dalam pelayarannya itu Tuan Farquhar telah singgah di Riau dengan tujuan hendak berjumpa dengan Yam Tuan Muda. Tuan Farquhar tidak dapat berjumpa Yam Tuan Muda dan akhirnya dia telah belayar ke Pontianak. Sampai di Pontianak didapatinya beberapa buah kapal perang Belanda sedang berlabuh di sana. Tuan Farquhar telah berpatah balik menghadap Sultan Abd. Rahman di Lingga. Dikatakannya segala kapal perang Belanda yang sedang berlabuh di Pontianak itu barangkali akan menyerang dan mengambil Riau dan Lingga.

Sultan Abd. Rahman tidak dapat memberi apa-apa jawapan dan baginda hanya lepas tangan dalam hal itu. Semuanya diserahkan kepada Yam Tuan Muda Raja Jaafar di Riau. Oleh itu Tuan Farquhar telah belayar menyembahkan hal itu kepada Yam Tuan Muda. Pihak Yam Tuan Muda tidak juga dapat memberi apa-apa pengakuan yang menunjukkan sanggup menahan dan melawan serangan dari pihak Belanda. Dia terkenangkan semula bagaimana kuasa besar almarhum ayahandanya Raja Haji (Marhum Teluk Ketapang) dahulu telah dapat ditewaskan oleh orang Belanda; inikan pula dia yang masih berharapkan benar bantuan dan kerjasama Belanda untuk menyelenggarakan pemerintahan negeri.

Tuan Farquhar telah mendakwa bahawa Riau sebenarnya telah diserahkan balik oleh Inggeris ke tangan almarhum Sultan Mahmud Shah. Oleh kerana itu Yam Tuan Muda dikehendaki menentang dan melawan serangan Belanda. Dia juga memberi pengakuan bahawa pihak Kompeni Inggeris sanggup memberi bantuan dan pertolongan menahan serangan Belanda itu. Apabila Yam Tuan Muda mendengar segala pengakuan Tuan Farquhar itu dia pun tidak dapat memberi apa-apa jawapan. Dia meminta hal itu ditangguhkan kerana hendak bermesyuarat dan diserahkan kepada Sultan Abd. Rahman di Lingga. Keputusan mesyuarat itu akan diberitahu kelak. Pada masa itu baharulah dapat dibuat perjanjian perniagaan di antara Sultan Abd. Rahman dengan Kompeni Inggeris.

Pada masa Tuan Farquhar hendak balik ke Pulau Pinang dia telah berpeluang mengambil hati Yam Tuan Muda dengan menghadiahkan selaras senapang bertatah perak, pemuras kain-kain sakhlat dan baldu serta beberapa hadiah kepada anak-anak raja dan orang-orang besar Riau. Setelah itu baharulah Tuan Farquhar meninggalkan Riau ke Siak dan balik ke Pulau Pinang.

Sepeninggalan Tuan Farquhar itu, Yam Tuan Muda Raja Jaafar telah bermesyuarat dengan Tengku Husain, Temenggung Abd. Rahman dan sekalian orang besarnya. Mereka telah sebulat suara mengambil keputusan akan melawan jika angkatan Belanda menyerang Riau. Dengan itu orang Riau bersiap sedia dengan membuat kubu mengatur meriam dan kelengkapan lain untuk mempertahankan Riau daripada serangan Belanda. Yam Tuan Muda dengan segera memberitahu Sultan Abd. Rahman di Lingga. Sultan Abd. Rahman dibantu oleh Engku Saiyed Muhammad Zain Al-Kudsi mengerahkan rakyat bersiap membuat kubu di Kuala Daik serta segala kelengkapan untuk menahan serangan Belanda.

Tidak berapa lama kemudian tiba-tiba seorang Belanda di Melaka bernama Adrian Koek iaitu sahabat Yam Tuan Muda Raja Jaafar yang menjadi Raja Muda di Melaka telah mendengar khabar orang Riau dan Lingga telah bersiap sedia dengan kelengkapan hendak melawan Belanda. Akhirnya dia pun bertolak dari Melaka berjumpa dengan Yam Tuan Muda Riau. Dinyatakanlah olehnya bahawa Belanda tidak sedikit pun berniat hendak menyerang atau membinasakan Riau dan Lingga kerana negeri Riau telah diserahkan oleh pihak yang berkuasa Kompeni Belanda di Betawi kepada Almarhum Sultan Mahmud Shah III.

Adrian Koek telah mendakwa yang orang Belanda lebih dahulu membuat perundingan untuk menyerahkan Riau kepada Sultan Mahmud Shah III. Dia juga mengaku bahawa Kompeni Belanda memang bersedia menjadi sahabat kekal dengan Raja Johor. Adrian Koek telah menuduh Tuan Farquhar menghasut Yam Tuan Muda dan Sultan Abd. Rahman semata-mata hendak membuat fitnah supaya Sultan Abd. Rahman dan Yam Tuan Muda putus persahabatan dengan Belanda.

Adrian Koek telah memujuk Yam Tuan Muda di Riau supaya menjauhkan persengketaan dan salah sangka dengan Belanda serta dia mengaku sebenarnya Kompeni Belanda bersama-sama hendak menguasai Riau dan menyelenggarakan pemerintahan negeri itu supaya menjadi sebuah negeri yang aman sentosa, kaya dengan hasil perniagaan dan mengatur pemerintahan dan bahagian-bahagian kuasa di antara orang besar Riau dengan saksama dan adil.

Apabila Yam Tuan Muda Raja Jaafar mendengar nasihat dan pujukan halus Adrian Koek itu maka lembutlah hatinya. Dia berserta Engku Saiyed Muhammad Zain Al-Kurdi dan beberapa orang besarnya telah mengesahkan kata-kata Adrian Koek itu. Rancangan hendak berperang dengan Belanda itu terpaksa dibatalkan. Walau bagaimanpun, pihak Tengku Husain (Tengku Long) dan Temenggung Abd. Rahman telah salah faham dengan kata-kata Adrian Koek itu.

Tidak berapa lama setelah menguatkan janji di antara Adrian Koek dengan Yam Tuan Muda Raja Jaafar, datanglah satu angkatan laut Kompeni Belanda yang diketuai oleh Admiral Wolterbeck dan Kapten Elout ke

Riau kerana hendak membuat perjanjian di antara Belanda dengan Yam Tuan Muda dan perjanjian setia dengan Yam Tuan Muda Temenggung Abd. Rahman

Apabila selesai membuat perjanjian dan persetiaan itu, pihak Belanda pun menaikkan benderanya di Tanjung Pinang. Angkatan Belanda yang diketuai Admiral Wolterbeck pun meninggalkan riau. Wakil yang ditinggalkan di Riau ialah seorang residen yang bernama Kapten Koningsdorffer iaitu di Tanjung Pinang. Perjanjian itu dibuat pada 29 Muharam 1234.

Apabila Tuan Farquhar mendengar pihak Belanda telah berjaya menduduki Riau dan dibenarkan memerintah bersama negeri itu dia pun susah hati sebab ikhtiarnya hendakkan Riau tidak berjaya. Oleh itu Tuan Farquhar telah cuba lagi sedaya upayanya mencari tempat untuk dijadikan pusat perniagaan dan pusat kekuasaan Inggeris di selatan Selat Melaka. Tuan Farquhar telah berjumpa dengan Yam Tuan Muda Raja Jaafar di Riau. Dia mengatakan tidak puas hatinya atas perbuatan Yam Tuan Muda dengan mudah menerima Belanda dan membuat perjanjian dengan tidak memberitahu pihak Inggeris terlebih dahulu. Yam Tuan Muda Raja Jaafar telah menolak desakan Tuan Farquhar dan menyatakan bahawa pihak Belanda yang diketuai oleh Admiral Wolterbeck hendak mengambil Riau dengan cara kekerasan atau dengan berperang. Kedatangan Belanda itu bertujuan hendak bekerjasama secara persahabatan untuk keamanan dan kemakmuran jajahan takluk yang diperintahkan oleh Sultan Abd.Rahman.

Tuan Farquhar juga memaklumkan hal ini kepada Tengku Husain (Tengku Long) dan Dato Temenggung Abd. Rahman. Tetapi baginda tidak memberi apa-apa jawapan. Tuan Farquhar telah berjanji melantik Tengku Husain menjadi sultan jika Tengku Husain membenarkan pihak Inggeris membuka Singapura untuk dijadikan negeri.

Sungguhpun Tuan Farquhar berasa tidak puas hati di atas alasan-alasan yang telah diterangkan oleh Yam Tuan Muda tetapi dia tidak pula cepat berputus asa. Ketika hendak meninggalkan Riau, dia dapat menunjukkan keikhlasannya dengan menghadiah sebentuk cincin kepada Yam Tuan Muda.

Setelah Tuan Farquhar meninggalkan Riau, Temenggung Abd. Rahman yang berada di Riau balik ke Singapura. Temenggung Abd. Rahman ialah Temenggung Johor yang telah berpindah tempat kediaman di Singapura sejak T.M. 1811 sebagai wakil mutlak Sultan Johor memerintah dan menguasai pulau itu.

Di dalam Hikayat *Tuhfat al-Nafis* ada dinyatakan masa Temenggung Abd. Rahman di Singapura, Tuan Farquhar iaitu wakil Tuan Sir Thomas Stamford Raffles telah sampai ke Singapura berjumpa dengan Temenggung Abd. Rahman untuk bermuafakat supaya Singapura diserah-

kan kepada Inggeris dan dijadikan negeri pusat perniagaan Inggeris di selatan Selat Melaka. Tuan Farquhar juga berjanji hendak melantik Tengku Husain (Tengku Long) iaitu putera Almarhum Sultan Mahmud Shah III menjadi sultan bukan sahaja bagi Kerajaan Johor tetapi merangkap Singapura dan Johor.

Kalau mengikut cerita dalam *Hikayat Abdullah* pula sebelum Melaka diserahkan balik kepada Belanda pada T.M. 1818, Tuan Farquhar telah lama berkenalan dan bersahabat baik dengan Tengku Husain (Tengku Long) iaitu tatkala Tuan Farquhar memerintah Melaka dan Tengku Husain di Riau. Khabarnya Tengku Husain telah banyak mengambil wang daripada Tuan Farquhar. Kedua-dua pihak telah mengikat perjanjian yang Tengku Husain akan memberikan Pulau Singapura kepada Inggeris. Maka segala perjanjian dan akuan itu telah dimaklumkan oleh Tuan Farquhar kepada Tuan Raffles di Pulau Pinang dan Tuan Raffles pula memanjangkan hal itu kepada pihak yang berkuasa Gabenor Jeneral di Benggala.

Gabenor Jeneral telah meluluskan rancangan hendak membuka Singapura. Kompeni Inggeris tidak dapat mengadakan perbelanjaan bagi menjayakan pekerjaan itu, melainkan perbelanjaan itu tertanggung oleh Tuan Raffles dan Tuan Farquhar. Kiranya berjaya, kompeni akan memikirkannya kemudian. Tuan Raffles telah menetapkan fikirannya untuk menjadikan Singapura sebuah negeri.

Setelah tetap fikirannya, Tuan Raffles belayar ke Melaka dan bermuafakat dengan Tuan Farquhar. Tuan Farquhar telah disuruhnya belayar ke Singapura dahulu sebagai wakilnya berjumpa Temenggung Abd. Rahman untuk menguruskan pekerjaan membuka Singapura. Pada masa itu Tuan Raffles telah diperintahkan oleh Gabenor Jeneral di Benggala ke Acheh kerana hendak menyelesaikan perkelahian yang berlaku di sana.

Tidak berapa lama kemudian, Tuan Farquhar telah sampai ke Singapura dengan sebuah sekuci dengan diiringi beberapa orang Melaka. Di dalam *Hikayat Abdullah* ada disebutkan pada masa Tuan Farquhar mula-mula mendarat, didapatinya tempat itu penuh dengan pokok kemunting dan senduduk. Di sebelah arah tepi sungai itu didapati empat lima buah pondok kecil serta enam tujuh batang pokok kelapa dan sebuah rumah yang terbesar iaitu rumah Temenggung.

Pada masa Tuan Farquhar berjalan mengelilingi padang itu, datanglah orang laut mengintai serta berlari memberitahu Temenggung Abd. Rahman. Temenggung dengan diiringi oleh empat lima orang bersenjata datang mendapatkan Tuan Farquhar yang sedang berteduh di bawah sepohon kayu kelat di tengah padang itu. Setelah memberi hormat dan berjabat tangan dibawanya Tuan Farquhar balik ke rumahnya. Tuan Farquhar telah menyatakan kepada Temenggung Abd. Rahman yang tujuannya datang ke Singapura atas suruhan Tuan Raffles itu ialah untuk

mencari suatu tempat dibuat negeri. Ini kerana pada masa itu negeri Melaka telah diserahkan balik oleh Inggeris kepada Belanda, Tuan Farquhar telah menguatkan pengakuan, "Jikalau Singapura jadi dibuat negeri, bolehlah mendatangkan kesenangan kepada orang-orang Melayu hendak berniaga dan membuat perniagaan dengan saudagar-saudagar orang putih yang akan datang berniaga di Singapura."

Tuan Farquhar telah menyatakan tujuannya kepada Temenggung, disulam dengan kata-kata manis dan nasihat supaya Temenggung lembut hati membenarkan Inggeris membuka Singapura. Temenggung menjawab bahawa dirinya sebagai orang yang terbuang dari Riau ke Singapura oleh perbuatan Raja Melayu yang masing-masing hendak membesarkan diri. Temenggung menerangkan bahawa dirinya berhak juga menguasai Singapura. Mengikut adat Melayu Temenggung adalah orang yang berhak memerintah pulau-pulau dan tokong-tokong dalam pemerintahan Johor. Orang yang berkuasa memerintah Singapura ialah Almarhum Sultan Mahmud Shah III.

Temenggung telah menerangkan juga kepada Tuan Farquhar yang Almarhum Sultan Mahmud Shah III itu mempunyai dua orang putera, yang tua bernama Tengku Long atau Tengku Husain dan yang kedua bernama Tengku Abdul Rahman. Pada masa hendak mencari ganti Almarhum Sultan Mahmud Shah III itu telah bangkit sedikit perbalahan di antara para pembesar dalam Riau, Daik (Lingga) dan Pahang. Tengku Puteri iaitu isteri Almarhum Sultan Mahmud Shah III hendak melantik Tengku Husain (Tengku Long) sebagai ganti sultan dan mengikut para pembesar mereka hendak melantik Tengku Abdul Rahman sebagai sultan. Dalam hal yang demikian, Tengku Abdul Rahman dengan persetujuan dan sokongan Belanda akhirnya melantik Tengku Abdul Rahman menjadi sultan. Tuan Farquhar telah mengatakan bahawa segala perkara yang telah diceritakan oleh Temenggung Abdul Rahman itu semuanya telah sedia maklum kepada Tuan Raffles dan akan dibetulkan kelak.

Dalam rundingan itu, Tuan Farquhar telah mengatakan kepada Temenggung bahawa kedatangannya ke Singapura itu sebenarnya telah mendapat persetujuan dari Tuan Raffles dan keredaan dari Tengku Husain (Tengku Long) sendiri supaya mengambil Singapura dijadikan negeri untuk menimbulkan nama baik sultan-sultan Melayu yang terdahulu dan sebagai tanda tulus ikhlas Tengku Husain dan Temenggung Abd. Rahman kepada Kompeni Inggeris.

Sungguhpun demikian Tuan Farquhar tidak pula berani memutuskan perkara itu melainkan setelah bermuafakat dan mendapat keputusan daripada Tuan Raffles sendiri. Akhirnya surat perjanjian sementara dibuat di antara Temenggung Abd. Rahman dengan Tuan Farquhar. Isi surat itu ada disebutkan dalam *Hikayat Abdullah*, "Ini surat tanda suka

temenggung bersahabat dengan Kompeni Inggeris serta dengan sukanya, redanya jikalau ada dengan suka Tengku Long memberikan pulau Singapura ini kepada Kompeni Inggeris, iaitu kepada Tuan Raffles dan Tuan Farquhar akan diperbuat mereka itu negeri".

Setelah kedua-dua pihak menandatangani surat itu, Tuan Farquhar pun memegang tangan Temenggung Abd. Rahman serta digoncangnya sambil berkata, "Tengku, daripada hari ini kita bersahabat dengan tidak berkeputusan sampai kepada akhirnya".

Setelah itu Tuan Farquhar pun mulalah menurunkan segala perkakas dan khemahnya dari kapal dan didirikannya di padang itu. Esoknya Tuan Farquhar telah menaikkan bendera Inggeris di tepi laut Singapura. Semenjak itu Tuan Farquhar pun mulalah memeriksa dan mengarahkan orang-orangnya bekerja dan menjadikan Singapura itu sebuah negeri.

Tidak berapa lama kemudian, Tuan Raffles telah tiba dari Benggala membawa empat buah kapal perang. Temenggung Abd. Rahman bersama-sama dengan Tuan Farquhar telah mengalu-alukan kedatangan Tuan Raffles. Apabila bertemu, Tuan Farquhar telah menyatakan perkara-perkara yang telah dirundingkan dengan Temenggung Abd. Rahman serta memberitahu hal hendak menjemput Tengku Long dari Riau untuk dilantik menjadi sultan Singapura dan Johor.

Tuan Raffles terkejut apabila mendengar Tuan Farquhar menggunakan Temenggung dan belum lagi menyempurnakan pekerjaan melantik sultan. Tuan Raffles enggan turun ke darat (Singapura) selagi Tengku Husain (Tengku Long) belum dijemput dan dilantik menjadi sultan. Oleh kerana Tuan Rafffles telah memerintahkan Tuan Farquhar dan Temenggung mencari seorang yang boleh dipercayai dan diutuskan ke Riau untuk menjemput Tengku Husain ke Singapura.

Temenggung Abd. Rahman telah mengutuskan seorang daripada keluarga Almarhum Sultan Mahmud Shah III iaitu saudara kepada Tengku Husain bernama Raja (Engku) Embong ke Riau. Sebelum Engku Embong bertolak ke Riau dia terlebih dahulu diingatkan oleh Temenggung dan Tuan Farquhar supaya menjaga rahsia jangan diketahui orang. Jika diketahui oleh Belanda tentulah pekerjaan hendak menjemput Tengku Long akan terhalang.

Setelah Engku Embong sampai ke Riau dia menghadap Tengku Husain dan menceritakan segala hal dan maksud Tuan Raffles hendak melantik baginda menjadi sultan. Maka Tengku Husain bersetuju atas cadangan itu. Baginda belayar dari Riau dengan diiringi oleh seorang pengiringnya yang bernama Encik Abu atau Encik Abu Puteh, berserta dengan Engku Embong ke Singapura. Sampai di sana, baginda telah disambut oleh Temenggung dan Tuan Farquhar lalu dibawa ke kapal Tuan Raffles yang pada masa itu sedang berlabuh di laut Singapura. Kedatangan baginda telah disambut oleh Tuan Raffles dengan segala kehormatan. Baginda

dibawa masuk oleh Tuan Raffles ke kapalnya dan didudukkan di atas sebuah kerusi khas. Tuan Raffles bercakap dengan senyum simpul dan menghuraikan satu persatu akan maksudnya itu. Tuan Raffles memujuk Tengku Husain lalu dipimpinnya baginda ke dalam biliknya. Mereka berdua berunding di dalam bilik. Sejurus kemudian kedua-duanya keluar dengan rupa yang gembira. Dengan senyum simpul, kedua-duanya berpegang tangan dan membayangkan maksud Tuan Raffles dipersetujui.

Tengku Husain diiringi Temenggung Abd. Rahman dan Tuan Farquhar ke rumah Temenggung. Baginda telah dipakaikan dengan pakaian kerajaan lalu diadakan adat istiada melantik Tengku Husain menjadi sultan dengan gelaran Sultan Husain Shah ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah III bagi memerintah Singapura dan Johor serta jajahan takluknya. Tuan Raffles melantik para pegawai tinggi bagi pihak Inggeris dan Temenggung Abd. Rahman dan orang-orangnya besar bagi pihak Melayu dengan disaksikan oleh Tuan Farquhar.

Surat perlantikan dalam bahasa Melayu telah dibaca oleh Enche Yahya iaitu sebagaimana yang tersebut di dalam *Hikayat Abdullah* dan *Tuhfat al-Nafis* demikian bunyinya, "Bahawa sesungguhnya ketahuilah oleh segala orang-orang yang Tuan Gabenor Jeneral Benggala mengangkat Tengku Long bergelar Sultan Husain Shah ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah III dalam negeri Singapura ini serta daerah takluk rantau jajahannya."

Setelah diadakan istiadat perlantikan itu, pada keesokan harinya Tuan Raffles mula menurunkan peralatannya yang ada di kapalnya itu ke darat dan dibuatnya rumah atap untuk tempat kediamannya bersama-sama iparnya Kapten Plint Syahbandar. Sultan Husain Shah pula setelah dilantik menjadi sultan telah berbincang dengan Temenggung Abd. Rahman bagi mendirikan sebuah istana di Singapura untuk isterinya yang berada di Riau dan membawanya ke Singapura.

Semenjak Singapura dibuka oleh orang Inggeris, semakin hari semakin ramai saudagar berkunjung ke Singapura untuk membuka perniagaan. Ada sesetengahnya datang untuk menjadi kuli dan makan gaji membuka negeri.

Di sini nyatalah bahawa cerita yang disebutkan dalam *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Abdullah* itu berselisihan sedikit jika dibandingkan dengan cerita-cerita lain. Perkara yang berselisih itu ialah perkara orang Inggeris yang mula-mula datang membuka Singapura untuk dijadikan negeri. Kalau seperti yang dinyatakan dalam *Hikayat Abdullah*, Singapura dibuka oleh Tuan Farquhar dengan perintah Tuan Raffles. Akan tetapi kalau dibandingkan dengan cerita lain pula, orang yang mula-mula mendarat dan membuka Singapura sebenarnya ialah Tuan Raffles sendiri yang diiringi oleh Tuan Farquhar.

Setelah Tuan Raffles meminta kebenaran dari pihak yang berkuasa

Kompeni Inggeris di Benggala, Tuan Raffles pun bertolak dan sampai di Pulau Pinang pada akhir bulan Disember 1818. Tuan Colonel Bannerman, Gobenor Pulau Pinang masa itu telah cuba menghalang dan memujuk Tuan Raffles supaya membatalkan niatnya hendak mencari sebuah tempat di selatan Selat Melaka. Tuan Bannerman terasa cemburu yang Tuan Raffles berjaya mendapat tempat baharu dan berjaya mengalahkan kemajuan Pulau Pinang. Tatkala itu tentulah nama baik Tuan Bannerman dan kemajuan Pulau Pinang itu tidak dipandang lagi oleh pihak kompeni.

Langkah Tuan Bannerman tidak dihiraukan oleh Tuan Raffles. Tuan Raffles tidak berganjak dari ketetapan cita-citanya hendak mencari sebuah tempat baru bagi dijadikan jajahan takluk Inggeris. Akhirnya kebetulan pada 19 Januari 1819, Tuan Raffles telah bertolak dari Pulau Pinang menuju ke selatan. Di separuh pelayaran, dia telah berjumpa dengan Tuan Farquhar yang baharu sahaja balik kerana diperintahkan mencari tempat baharu di selatan Selat Melaka. Kedua-duanya telah bersama-sama belayar dan singgah di Pulau Kerimon. Tuan Raffles tidak bersetuju hendak menjadikan pulau itu sebagai sebuah jajahan takluk Inggeris. Dari pulau itu Tuan Raffles dan Tuan Farquhar telah bertolak menuju ke kuala Sungai Johor. Tuan Raffles tidak juga bersetuju untuk membuka tempat baharu di situ. Akhirnya pada 28 Januari mereka telah sampai dan berlabuh di pulau Sekijang (St. John's Island). Pada pagi esoknya (29 Januari 1819), Tuan Raffles, Tuan Farquhar dan seorang sepahi telah mendarat dan berjalan menuju ke rumah Dato' Temenggung Abd. Rahman. Dato' Temenggung Abd. Rahman telah menyambut baik akan kedatangan mereka dan menjamu mereka itu makan buah rambutan.

Dari keterangan ini, nyatalah Tuan Raffles ialah orang Inggeris yang mula-mula mendapat dan membuka Singapura. Tuan Raffles dikatakan sebagai 'Ibu Kandung' kepada negeri Singapura. Dengan jasanya yang tidak dapat dinilai itu, Singapura dengan serta-merta bangkit menjadi sebuah tempat yang sehabis-habis mustahak bagi pihak perniagaan dan pangkalan tentera laut Kerajaan Inggeris di Timur Jauh.

Di dalam buku harian tulisan tangan Tuan John Crawfurd, Residen Singapura yang dijumpai di Sidney dalam T.M. 1937, ada disebutkan darihal Tuan Raffles mula-mula sampai ke Singapura. Cerita ini sebenarnya cerita yang betul berlaku menurut pandangan Crawfurd sendiri.

Tuan Crawfurd yang mahir berkenaan hal laut, ada bersama-sama Tuan Raffles mencari tempat baharu untuk dijadikan pelabuhan perniagaan di Kepulauan Melayu. Kapten Ross ada juga bersama-sama dalam angkatan itu. Dia telah bekerja keras kerana menyiasat bahagian-bahagian pulau itu (Singapura) yang patut dijadikan pelabuhan. Angkatan Tuan Raffles itu terdiri daripada tiga buah kapal penjajah, dua buah kapal

pengangkut yang beratnya empat ratus dan lima tan serta dua buah kapal jenis sekonar. Kapal-kapal ini berisi dengan pasukan tentera.

Pada pukul 4.00 petang, 28 Januari 1819, angkatan ini berlabuh di pulau Sekijang berhampiran dengan sebuah pantai pasir yang indah. Tuan Raffles yang diiringi oleh Kapten Ross, telah mendarat di Singapura serta menerangkan kepada raja pulau itu (Temenggung Abd. Rahman) akan maksud kedatangannya. Tuan Raffles meminta persetujuan Temenggung untuk mendaratkan pasukan tenteranya dan mengibarkan bendera Inggeris. Tuan Raffles sangat puas hati dengan Singapura untuk dijadikan pusat perniagaan. Sehari dua kemudian, Tuan Raffles diiringi Tuan Farquhar telah menziarah Temenggung Abd. Rahman. Pada 31 Januari 1819, Kapten Ross dan Tuan Crawfurd telah memulakan kerja menyiasat dan mengukur Singapura dan pada tarikh itu juga bendera Union Jack Inggeris mula berkibar di pantai dan batu bata yang dibawa oleh Tuan Raffles dari India pun dipunggah ke darat. Semua pasukan tentera dengan barang-barangnya telah mendarat pada 29 dan 30 Januari. Tiga buah khemah didirikan untuk mereka. Pada 4 Februari, Crawfurd bersama-sama dengan pegawai lain telah berjalan menjamu mata melihat keindahan pemandangan pulau Singapura.

Inilah lebih kurang keterangan Tuan Newbold berkenaan dengan Pulau Singapura sebelum dan ketika mula-mula Inggeris mendarat. Masa Tuan Raffles menyuruh Engku (Raja Embong) dan seorang lagi orang besar yang bernama Wan Abdullah menjemput Tengku Husain (Tengku Long) di Riau supaya datang ke Singapura untuk dilantik menjadi sultan, Tuan Raffles ada membayar $500 pada setiap seorang. Ketika itu Tengku Husain berpura-pura mengail di Selat Riau. Dengan itu juga baginda dapat melepaskan diri dari mata pihak Belanda. Apabila sampai di Singapura, baginda terus dilantik menjadi sultan. Tuan Raffles telah memberi $1,000 dan beberapa kayu kain hitam dan kuning kepada baginda.

Sultan Husain Shah telah membuat tempat kediaman bersama pengikutnya di Kampung Gelam yang letaknya lebih kurang perenggan tebing kiri Sungai Rochor hingga santak ke tepi laut. Dari perenggan Kampung Bugis hingga arah Kampung Arab (Arab Street sekarang). Masa itu kawasan itu terkenal dengan sebutan Kawasan Sultan.

Ketika Tuan Raffles mula mendarat di Singapura, dia telah berkunjung ke rumah Temenggung Abd. Rahman yang terletak di tebing kanan mudik Sungai Singapura. Beberapa lama kemudian, iaitu pada 14 Mac 1824, Temenggung Abd. Rahman berserta orang-orangnya seramai 607 orang termasuk perempuan dan kanak-kanak telah diperintahkan berpindah ke Teluk Belanga.

Baginda kekal di sana dan menjalankan pemerintahannya ke atas negeri Johor. Dalam pada itu, sedikit demi sedikit kawasan Teluk Belanga

yang luas itu telah beransur-ansur kurang hingga akhirnya pada zaman Sultan Abu Bakar memerintah Johor, tempat kerajaan dan pemerintahan Johor di Teluk Belanga dipindahkan ke Johor Bahru.

Berbalik pada cerita darihal negeri Johor yang mempunyai jajahan takluk yang amat luas itu. Sejak pihak Inggeris melantik Tengku Husain menjadi sultan Singapura dan Johor, Kerajaan Johor yang luas telah berpecah dua. Sebahagian Singapura dan Johor diperintah oleh Sultan Husain dan sebahagian lagi iaitu Riau dan Lingga diperintah oleh adindanya Sultan Abd. Rahman di bawah naungan Belanda.

Di dalam buku itu juga ada disebutkan lagi kawasan tempat didirikan khemah-khemah tadi. Tanahnya rata hingga sebatu ke darat. Di tengah-tengah kawasan ini mengalir sungai yang bersih airnya. Tuan Raffles telah mendirikan kubu yang dilengkapi dengan dua belas atau enam belas buah meriam di atas Bukit Larangan (Fort Canning). Buku harian itu ada juga menerangkan bagaimana istiadat yang telah dijalankan bagi melantik Sultan Husain Shah menjadi sultan Singapura dan Johor. Cerita perlantikan itu lebih kurang samalah seperti yang disebutkan dalam *Hikayat Abdullah*.

Selain dariapda itu ada juga dinyatakan, Tuan Raffles membuat perjanjian dengan Sultan Husain Shah dan Temenggung Abd. Rahman pada 6 Februari 1819. Salinan surat dalam bahasa Inggeris telah dibaca oleh Kapten Crossby. Cap mohor Sultan dan Temenggung yang digunakan untuk menandatangani surat perjanjian selebar tiga inci diperbuat daripada perak. Surat perjanjian itu sebanyak tiga helai. Sehelai untuk Gabenor Jeneral di India, sehelai untuk Residen Singapura, Farquhar dan sehelai lagi untul Sultan Husain Shah. Setelah selesai perjanjian dibuat, barulah Sultan Husain Shah menerima hadiah candu, senjata dan kain daripada bulu.

Dari keterangan ini, dapatlah kita fahami bahawa Sultan Husain Shah dan Temenggung Abd. Rahman ada menerima hadiah candu daripada Tuan Raffles.

Walau pun ada berbagai riwayat darihal Inggeris mula-mula datang dan mendarat di Singapura, Tuan Raffles tetap orang yang berjasa sekali kepada kerajaan dan bangsanya. Dialah seorang peneroka dan pembina jajahan takluk Inggeris di sebelah timur.

Mengikut keterangan Tuan Newbold, pada masa Tuan Raffles mendarat di Singapura, didapati pulau Singapura telah ada penduduknya yang terdiri daripada kira-kira 150 orang pengikut Temenggung (Temenggung Abd. Rahman), 30 orang Cina dan lebih kurang 30 keluarga orang Asli (Jakun) yang menetap di Kampung Temenggung di tepi Sungai Singapura. Tuan Farquhar mendapati ada sebuah ladang gambir di atas Bukit Seligi. Ladang yang lain ada diusahakan orang di sebelah barat Bukit Kerajaan mengarah ke kawasan tempat kediaman Dato'

Panglima Perang. Temenggung telah membenarkan orang Melayu dan Cina membuka ladang gambir sebelum Inggeris memerintah Singapura. Tiga ladang gambir yang diusahakan ialah di Mt. Stamford. Berapa lama Temenggung tinggal di Singapura tidak dapat ditentukan. Tuan Newbold hanya mengagak bahawa Temenggung telah ke Singapura lebih kurang dalam T.M. 1815 atau T.M. 1816 dan menyara hidupnya hanya dengan mengail dan merompak.

Negeri Pahang pula adalah sebahagian daripada negeri yang termasuk dalam jajahan Kerajaan Johor. Semenjak Bendahara Abd. Jalil (putera Bendahara Tun Habib Abd. Majid Bendahara Padang Saujana Johor) menjadi sultan dan bergelar Sultan Abd. Jalil IV, maka Temenggung Abdullah telah dilantik menjadi bendahara. Apabila Temenggung Abdullah mangkat, jawatan bendahara itu telah diganti pula oleh adindanya Tun Abd. Jamal bergelar Bendahara Abd. Jamal.

Setelah Bendahara Abd. Jamal menjadi Bendahara Pahang, barulah kekanda Sultan Sulaiman atau putera Sultan Abd. Jalil IV yang bernama Tun Abas memegang jawatan bendahara bergelar Bendahara Abas, iaitu pada zaman anakandanya Bendahara Abd. Majid memegang jawatan Bendahara Pahang, lebih kurang dalam K.M. 18, negeri Pahang telah terkecuali daripada menjadi sebuah jajahan yang diperintahkan oleh bendahara dari Kerajaan Johor Riau di bawah kuasa Sultan Johor.

Sungguhpun bendahara-bendahara yang memerintah Pahang itu telah dilantik oleh Sultan Johor tetapi lama-kelamaan kuasa Sultan Johor untuk melantik bendahara semakin beransur lemah. Sebaliknya mereka pula yang berkuasa dalam pekerjaan memilih siapakah yang layak dan patut dilantik menjadi Sultan Johor. Bendahara-bendahara di Pahang bukan sahaja merupakan orang besar yang terkanan dalam pemerintahan Johor atau menjadi wakil mutlak Sultan Johor memerintah Pahang bahkan segala kuasa Sultan Johor memerintah Pahang telah terserah kepada mereka itu semuanya. Di antara bendahara-bendahara Pahang yang dinyatakan tadi ialah Bendahara Abd. Majid yang telah berjaya memegang tampuk kekuasaan pemerintahan negeri Pahang.

Beberapa lama kemudian pada zaman Pahang diperintah oleh Bendahara Ali iaitu cucunda Bendahara Abd. Majid kira-kira dalam T.M. 1819 Temenggung Abd. Rahman telah mengutus surat memaklumkan kepada Bendahara Pahang tentang Tuan Raffles melantik Tengku Husain menjadi Sultan di Singapura. Bendahara telah menyatakan dia tidak berhajat hendak masuk tangan dalam apa-apa hal yang telah dibuat di Singapura. Berkenaan dengan pemerintahan Pahang tetap wujud takluk di Lingga dan Riau. Serta dia mengaku bahawa Sultan Abd. Rahman adalah Yang Pertuannya. Oleh itu apa hal yang berhubung dengan Pahang tidak dimaklumkan ke Singapura tetapi terus ke Lingga.

Perbuatan Tuan Raffles membuka Singapura dan melantik Tengku

Husain sebagai Sultan bagi Singapura bukan sahaja menerima sindiran daripada Bendahara Ali di dalam surat yang diutuskan kepada Timmerman Thyseen, Gabenor Belanda di Melaka. Katanya Tuan Raffles hendak menceraikan perhubungan di antara saudara dengan saudara tetapi dia juga telah memerima bantahan keras dan didakwa oleh pihak yang berkuasa Belanda di Betawi. Perbuatan Tuan Raffles itu dikatakan sangat tidak patut kerana mereka telah melantik Tengku Abd. Rahman menjadi Sultan Riau itu bererti baginda masih bergelar Sultan Johor serta jajahan Singapura dan Johor itu termasuk dalam pemerintahannya. Jika Riau tempat Sultan Abd. Rahman dalam jajahan naungan Belanda, bermakna jajahan Johor yang lain seperti Singapura itu pun tentulah di bawah naungan Belanda juga.

Bantahan dan rasa tidak puas hati Belanda telah ditolak oleh Tuan Raffles dengan memberi pelbagai dan alasan. Dia telah mendakwa bahawa Belanda sebenarnya tidak mempunyai hak di atas pulau Singapura. Tengku Husain yang telah dilantik menjadi Sultan Singapura itu dikatakan yang sebenarnya berhak mewarisi takhta Kerajaan Johor dan jajahan takluknya kerana baginda putera sulung kepada Almarhum Sultan Mahmud Shah III. Kalau mengikut adat Johor, Tengku Abd. Rahman yang dilantik menjadi sultan oleh Belanda semata-mata palsu dan tidak berhak menaiki takhta kerajaan kerana baginda putera yang kedua kepada Almarhum Sultan Mahmud Shah III.

Akhirnya pada T.M. 1822, pihak yang berkuasa Kompeni Inggeris telah menetapkan tidak akan meninggalkan atau menyerahkan Singapura kepada Belanda. Lebih kurang dua tahun kemudian, iaitu pada 17 Mac 1824, perjanjian perdamaian dibuat di antara Inggeris dengan Belanda. Dalam perjanjian itu ada disebutkan pihak Belanda dikhaskan boleh mencampuri hal-ehwal, pulau-pulau di selatan Singapura dan pihak Inggeris boleh mencampuri hal-ehwal Singapura dan negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Dari semenjak itu Singapura tetap di dalam tangan orang Inggeris.

Di sini nyatalah bahawa Kerajaan Johor yang asalnya mempunyai jajahan takluk yang amat luas telah berpecah belah pemerintahannya. Singapura dan Johor diperintah oleh Sultan Husain di bawah naungan Inggeris. Riau dan Lingga diperintah oleh Sultan Abd. Rahman di bawah naungan Belanda dan jajahan Pahang iaitu sebahagian daripada jajahan takluk Johor telah cuba melepaskan diri berkerajaan sendiri di bawah tadbir pemerintahan bendaharanya terutama pada zaman Bendahara Wan Mutahir (anakanda Bendahara Ali). Ketika Bendahara Wan Mutahir memerintah Pahang di antara T.M. 1857 hingga T.M. 1863 telah bangkit peperangan saudara di antara bendahara dengan adindanya Wan Ahmad. Peperangan itu kerana hendak merebut takhta Kerajaan Pahang. Bendahara Wan Mutahir tewas. Negeri Pahang telah diserahkan ke

tangan Wan Ahmad. Semenjak itu negeri Pahang tidak bersangkut lagi dengan Kerajaan Johor. Wan Ahmad telah berjaya menjadi Bendahara Pahang. Beliau telah menerima gelaran Sultan iaitu bergelar Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah. Gelaran ini adalah cadangan Maharaja Abu Bakar (Sultan Abu Bakar) Johor dengan persetujuan para pembesarnya serta mendapat akuan pula daripada Kerajaan Inggeris. Sehingga sekarang pemerintah Pahang telah memakai gelaran Sultan dan pemerintahannya terasing dari negeri Johor.

Sultan Husain telah dilantik menjadi Sultan Singapura dan Johor oleh pihak Inggeris pada 6 Februari 1819. Perjanjian telah dibuat di antara Tuan Raffles bagi pihak Kompeni Inggeris dengan Sultan Husain Shah dan Temenggung Abd. Rahman. Perjanjian itu menguatkan lagi kuasa Kompeni Inggeris untuk membangunkan loji di Singapura dan menetapkan gaji Sultan $5,000 setahun dan gaji Temenggung $3,000 setahun.

Di Muzium Raffles di Singapura ada tersimpan sehelai surat perjanjian asal di antara Temenggung Abd. Rahman bagi pihak Johor dengan Tuan Raffles bagi pihak Kompeni Inggeris. Surat itu tertulis dalam bahasa Melayu huruf Jawi dan di antara perkataannya ditulis menggunakan ejaan lama seperti di bawah ini:

...Temenggung Seri Maharaja Abd. Rahman raja Singapura yang memerintah negeri Singapura dan sekalian tokon (tokong) pulau dan yang di dalam perintahnya Singapura di dalam dia punya nama sendiri dan di dalam nama Seri Sultan Husain Muhammad Shah Raja Johor dengan Seri Paduka Thomas Stamford Raffles Lieutenant Gonor (Gabenor) Bangka ulu serta dengan segala daerahnya wakil Seri Maharaja Gonor (Gabenor) General di Benggala Yang Maha Mulia.

Oleh kerana lamanya bersahabat dan berdagangan perniagaan di antara Kompeni Inggeris dengan negeri-negeri daerah yang di bawah perintah negeri Singapura Johor yang telah baik dibikin pekerjaan yang patut tiada boleh putus selama-lamanya.

Perkara yang pertama boleh Kompeni Inggeris membikin loji akan penduduk di Singapura atau lain tempat yang di bawah perintah Singapura Johor.

Perkara yang kedua maka dari sebab itu Kompeni Inggeris berjanji pelihara Dato' Temenggong Seri Maharaja.

Perkara yang ketiga maka dari sebab itu kompeni mau bikin loji penduduk kompani boleh kasi pada satu tahun kepada Dato' Temenggung Seri Maharaja tiga ribu rial.

Perkara yang keempat maka Dato' Temenggung ada perjanjian selama-lamanya yang Kompeni Inggeris boleh duduk dan pelihara seperti janji tiada ia boleh masuk bicara atau lepas masuk di dalam daerahnya pada segala bangsa yang lain daripada bahasa Inggeris.

Perkara yang kelima maka apabila datang Seri Sultan yang dijalan sampai di sini boleh habiskan segala perkara hal perjanjian ini dan tetapi baiklah Kompeni Inggeris boleh pilih satu tempat mau naikkan bala tenteranya dengan alat

perkakas dari menaikkan bendera Kompeni Inggeris maka dari itu diturunkan tanda tangan dan chap kedua kita di dalam kertas ini tatkala diperbuat surat ini kepada 4 haribulan Rabiulakhir tahun 1234.

Beginilah bunyi surat dalam bahasa Melayunya. Di sebelah kanan atas permulaan surat, Tuan Raffles telah meletakkan tandatangan serta cap mohornya sekali. Di sebelah bawahnya temenggung meletakkan cap mohornya sendiri tetapi tidak bertandatangan. Di dalam cap mohor itu terkandung perkataan-perkataan ini, 'Al-wakil al-Sultan Mahmud Shah Dato' Temenggung Seri Maharaja cucu Temenggung Paduka Raja 1221 Sanah'.

Ini membuktikan dengan sebenarnya bahawa yang membuat surat perjanjian permulaan antara pihak Kompeni Inggeris dengan pihak Kerajaan Johor iaitu pada masa Kompeni Inggeris pertama kali menjejakkan kakinya di Singapura untuk meminta kebenaran pulau itu dijadikan negeri iaitu di antara Tuan Raffles dan Temenggung Abd. Rahman.

Pada mula orang Inggeris membuka Singapura, Sultan Husain Shah dan Temenggung Abd. Rahman masih bersama-sama memerintah negeri itu dengan Tuan Raffles. Sultan dan Temenggung telah menetapkan menerima wang gaji pada tiap-tiap bulan dari Kompeni Inggeris bagaimana yang telah ditentukan mengikut syarat-syarat perjanjian yang dibuat pada 6 Februari 1819. Pada masa itu negeri Johor boleh dikatakan tidak mempunyai hasil dan tidak ada penduduk langsung. Baginda bersemayam di Singapura bersama sedikit sahaja pengiringnya dengan tidak mendapat apa-apa cukai atau gaji daripada pihak kompeni. Oleh sebab baginda Sultan Husain Shah tidak mengambil berat menjaga akan faedah bagi dirinya dan juga kewajipannya memerintah negerinya dari sehari ke sehari, maka kuasanya sebagai seorang sultan jangankan bertambah kuat malah beransur-ansur lemah dan luput.

Baginda boleh dikatakan sebagai Sultan yang mempunyai banyak tanggungan dan para pengikutnya. Ini menyebabkan baginda selalu sesak. Gaji yang telah ditetapkan oleh Tuan Raffles nampaknya tidak mencukupi. Akhirnya semenjak Tuan Raffles meninggalkan Singapura, gaji baginda telah bertambah hingga RM1,500 tiap-tiap bulan dan Temenggung Abd. Rahman $800 sebulan.

Hikayat Abdullah ada menyebut pada masa Tuan Crawfurd menjadi Residen Singapura, gaji Sultan dan Temenggung tidak dibayarnya hingga tiga bulan berturut-turut. Tuan Crawfurd mengatakan masa itu Kompeni Inggeris tidak berwang. Dalam masa tiga bulan itu, iaitu dari semenjak gaji baginda dan Temenggung ditahan, nampaknya kehidupan baginda makin terdesak. Baginda kesempitan belanja hingga terpaksa bergadai bergolok dan berhutang menyara hidup anak isteri hamba sahaya dan orang tanggungannya.

Perkara Kompeni tidak berwang itu tidak dapat ditentukan sama ada benar atau tidak. Sebaliknya alasan itu ada muslihat yang halus lagi licin. Tuan Crawfurd berhajat supaya dapat meneruskan cita-citanya hendak memiliki dan menakluk Singapura menjadi kepunyaan Kompeni Inggeris. Dengan jalan ini Sultan dan kompeni akan terpaksa mengambil keputusan dengan redanya menyerahkan kuasa pemerintahannya kepada pegawai Inggeris. Tatkala itu barulah maksudnya hendak menjadikan pemerintahan Singapura seratus peratus di dalam genggaman Kompeni Inggeris dan tidak ada sangkut pautnya lagi dengan Sultan dan Temenggung.

Sultan Husain dan Temenggung Abd. Rahman telah berulang kali bertanyakan gaji mereka yang sudah tiga bulan tidak berbayar. Akhirnya Tuan Crawfurd berterus-terang bahawa Gabenor Jeneral di Benggala meminta supaya Singapura diserahkan kepada Kompeni Inggeris. Jika Sultan Husain dan Temenggung Abd. Rahman bersetuju, Kompeni Inggeris akan memberi hadiah kepada Sultan sebanyak $26,800 (wang Sepanyol). Gaji Sultan akan ditetapkan sebulan $1,300 dan gaji Temenggung $700 (wang Sepanyol). Gaji yang ditetapkan itu hanya gaji yang diterima oleh baginda kali kedua selagi ada hayat baginda. Dengan itu Tuan Crawfurd telah menawarkan jika Sultan dan Temenggung berpindah keluar dari Singapura, Kompeni Inggeris berjanji akan membayar kepada sultan sebanyak $20,000 (wang Sepanyol) dan Temenggung $15,000 (wang Sepanyol).

Tawaran yang diberikan oleh Tuan Crawfurd itu akhirnya dipersetujui oleh Sultan dan Temenggung dan terpaksa menyerahkan Singapura dengan kuat kuasa dan perintahnya kepada Kompeni Inggeris. Pada 2 Ogos 1824, perjanjian penyerahan Singapura dibuat di antara kedua-dua belah pihak iaitu di antara Sultan Husain Shah dan Temenggung Abd. Rahman dengan Tuan Crawfurd bagi pihak Kompeni Inggeris.

Di antara isi surat perjanjian ini menyatakan bahawa Sultan dan Temenggung telah menyerahkan Singapura serta dengan pulau-pulau kecil dan selat sejauh sepuluh batu dari Singapura kepada Kompeni Inggeris. Sultan akan menerima $33,200 (wang Sepanyol) dan Temenggung akan menerima hadiah sebanyak $26,800 (wang Sepanyol). Kompeni mengaku akan membayar gaji yang telah dijanjikan. Kiranya Sultan dan Temenggung berpindah dari Singapura, kompeni akan memberi hadiah sebanyak $20,000 (wang Sepanyol). Selama di Singapura Sultan dan Temenggung tidak dibenarkan membuat perhubungan dengan lain-lain bangsa. Kedua-dua belah pihak tidak boleh mencampuri pemerintahan negeri masing-masing tetapi perniagaan pihak Inggeris boleh masuk ke Kerajaan Johor dan jajahan takluknya. Kedua-dua belah pihak sentiasa bekerjasama bagi mengurangkan penyamun dan perompak di Selat Melaka dan lain-lain tempat berhampiran dengan Johor dan

Singapura. Selain daripada itu, Kompeni Inggeris mengaku akan menghormati Temenggung dan Sultan masa baginda di Singapura. Perjanjian-perjanjian yang terdahulunya telah dibatalkan, kecuali perkara-perkara yang memberi kekuasaan dan keuntungan kepada Kompeni Inggeris dalam Singapura dan jajahan takluknya.

Sungguhpun pada akhirnya Sultan Husain Shah telah berasa kesal di atas perbuatannya menyerahkan Singapura kepada Kompeni Inggeris tetapi apa hendak dikatakan lagi, sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna. Ibarat nasi sudah jadi bubur. Baginda terasa insaf yang dirinya ibarat harimau tinggal belang tetapi tidak berkuku dan bergigi lagi, tidak siapa pun menaruh segan dan takut lagi kepadanya.

Semenjak perjanjian menyerahkan itu dibuat maka luputlah segala kuasa baginda di Singapura. Kuasa baginda hanya tinggal di Johor sahaja. Tidak berapa lama baginda bersemayam di Kampung Gelam, baginda pun berpindah ke Melaka dan menetap di Bandar Hilir. Masa di Melaka, baginda telah menjalankan juga pemerintahannya ke atas negeri Johor.

Di dalam *Hikayat Abdullah* ada dikatakan bahawa ketika baginda di Melaka baginda telah melantik seorang pembesar bernama Tengku Said dari Muar menjadi Temenggung di Muar dan bergelar Temenggung Seri Maharaja iaitu menggantikan jawatan ayahanda Temenggung itu yang telah meninggal dunia.

Tidak berapa lama kemudian, baginda Sultan Husain Shah pun gering. Lima enam hari lamanya, iaitu pada 10 Jamadil Awal malam Rabu T.H. 1251 iaitu bersamaan dalam T.M. 1835, baginda pun mangkat. Adat istiadat telah dijalankan bagi memakamkan jenazah baginda seperti yang diceritakan oleh Munshi Abdullah dalam hikayatnya seperti berikut:

> . . . setelah tiga hari lamanya maka diangkatnya seperti adat-adat raja mangkat, iaitu angkatan Raja Diraja namanya. Maka inilah rupa usungan Raja Diraja diperbuat daripada kayu dan papan kemudian disalut dengan kain kuning sekaliannya berkeliling, serta dengan bau-bauan dan bunga-bunga adanya. Shahadan maka adalah pada empat penjuru usungan itu, empat orang berdiri memegang cheper yang berisi bunga rampai yang bercampur dengan emas dan perak yang digunting halus-halus serta dengan beras kunyit, maka sambil berjalan sambil ditaburkan, maka riuhlah bunyi orang merebut emas dan perak. Maka pada masa itu orang daripada berbagai-bagai bangsa adalah beribu. Maka adapun orang yang mengangkat jenazah itu delapan puluh orang yang tentu dibayar upah seorang satu rupiah dan lain daripada itu kebanyakan pula orang yang tidak berupah, menolong sahaja. Maka adalah jenazah itu berpayung kuning.
>
> Bermula maka adalah tatkala diangkat jenazah itu, di kota pun menembaklah selalu, tiap-tiap lima minit sekali sehingga sampailah di kubur. Ada pun banyaknya ditembak itu aku bilang lima puluh sembilan kali dan lagi diberi kompeni barisan sepahi dua puluh empat orang, maka adalah tiga kali gus ditembaknya senapang itu, maka tatkala mula-mula diangkat jenazah itu sekali diderilnya, dipertengahan sekali dan sampai di kubur sekali. Dan lagi diberi kompeni dua belas

orang yang memalu bunyi-bunyian, maka adalah pada tatkala itu dipukulnya bunyi-bunyian itu seperti lagu orang menangis, maka segala orang yang mendengar itu pun sangatlah pilu rasa hati masing-masing.

Maka Tuan Residen Samuel Garling serta tuan majistret dan orang besar dan officer yang di Melaka, semuanya pun ada mengikut sampai ke kubur dengan berselempangkan kain putih adanya. Shahadan nama tempat yang dikuburkan itu Terangkera iaitu dalam peridi bapa Abd. Kadir iaitu Tambi Ahmad Shahib. Bermula ada pun yang membaca talkin di kubur yam tuan iaitu Khatib Muhammad bin Khatib Musa iaitu khatib sebelah Keling Islam.. . . .

Demikianlah lebih kurang cerita adat istiadat yang telah dijalankan untuk memakamkan jenazah baginda Sultan Husain Shah sebagaimana yang tersebut di dalam *Hikayat Abdullah*. Di dalam hikayat itu ada juga dinyatakan bahawa setelah baginda mangkat dan dimakamkan jenazahnya, sekalian ahli warisnya seperti Tengku Abd. Jalil iaitu putera Yamtuan Pahang, Tengku Chik putera Temenggung Singapura dan raja-raja dari Riau datang ke Melaka mengambil jenazah baginda hendak dibawa pindah ke Riau dan dimakamkan berhampiran dengan jenazah almarhum ayahandanya, Sultan Mahmud Shah III. Walau bagaimanapun, mereka itu tidak berjaya kerana tidak dipersetujui oleh isteri dan putera-putera baginda.

Itulah sebabnya hingga sekarang makam baginda masih baik di kawasan masjid Terangkera Melaka.

6

Johor Di Bawah Raja-raja Keturunan Temenggung (Bugis)

SULTAN ALI DAN TEMENGGUNG DAENG IBRAHIM

SUNGGUHPUN Sultan Husain Shah telah berpindah bersemayam di Melaka sesudah kuasanya memerintah Singapura luput, tetapi Temenggung Abd. Rahman masih tetap juga bersemayam di Teluk Belanga, Singapura. Lebih kurang pada T.M. 1825 Temenggung Abd. Rahman telah mangkat dan jenazahnya dimakamkan di Teluk Belanga juga.

Setelah kemangkatan baginda, puteranya yang kedua bernama Temenggung Ibrahim (Daeng Ronggek) telah menggantikan jawatannya. Walau pun jawatan Temenggung Johor itu tidak begitu mustahak dalam pemerintahan negeri, tetapi mengikut adat peraturan Melayu terpaksalah jawatan itu dipenuhi oleh darah keturunannya. Maka dengan lantikan Bendahara Tun Ali Pahang dan dengan persetujuan Gabenor Negeri-negeri Selat, iaitu Samuel George Benham, Temenggung Ibrahim telah dilantik menjadi Temenggung Johor.

Sepuluh tahun selepas itu, kira-kira pada T.M. 1835 Sultan Husain Shah yang telah berpindah bersemayam di Melaka itu pun mangkat. Putera baginda yang sulung bernama Tengku Ali telah menghantarkan beberapa pucuk surat kepada gabenor di Benggala supaya baginda dapat akuan dijadikan sultan menggantikan ayahandanya naik takhta Kerajaan Johor. Akan tetapi permintaannya itu pada mula-mulanya telah ditolak oleh gabenor itu, sehingga pada T.M. 1840 baharulah baginda itu mendapat akuan dari Benggala menyatakan baginda boleh berkuasa di atas serba-serbinya yang bersangkut dengan hal ehwal Johor. Walau bagaimanapun akuan gabenor itu nampaknya tidaklah mendapat pandangan dan penghargaan daripada anak negeri.

Negeri Johor pada masa itu, bolehlah dikatakan sebuah daripada negeri Melayu yang belum terbuka dan belum ramai penduduknya untuk membuat perusahaan bagi mendatangkan hasil negeri. Namun demikian, beberapa lama kemudian, iaitu antara T.M. 1835 dengan T.M. 1840 dengan sebab perusahaan dan perniagaan lada hitam di Singapura telah jatuh, maka ramailah di antara orang China di negeri itu berpindah masuk

ke Johor membuat perusahaan dan membuka ladang gambir dan lada hitam. Gambir dan lada hitam inilah hasil yang mula-mula bagi negeri Johor. Semenjak itu baharulah negeri Johor mula meningkat maju dan menarik hati serta perhatian sekalian orang untuk datang menumpu masuk membuat perusahaan dan perniagaan bagi menambah kemakmuran negeri itu, walaupun pada masa itu pemerintahan negeri itu belum begitu teratur dan belum ada ketetapan siapa yang sebenarnya memerintah untuk menerima cukai-cukai hasil negeri.

Begbie dalam bukunya yang terbit pada T.M. 1834 ada menyebutkan darihal keramaian penduduk Johor. Johor 1,000 orang, Pulau Tinggi 225 orang di bawah perintah seorang batin, Sungai Papan 775 orang di bawah perintah seorang batin juga dan Segamat 400 orang.

Lima tahun kemudian, iaitu kira-kira pada T.M. 1839, Newbold pula telah menyatakan penduduk Johor Lama 300 buah rumah, Sedili 70 buah rumah, jajahan Padang di antara Parit Siput dengan Pinang Seribu lebih kurang 200 orang. Penduduk Segamat pula 2,400 orang, Kampung Pulai dekat Pontian di bawah perintah Raja Semat (Abd. Samad?) lebih kurang 100 buah rumah, manakala Pontian dan kampung kecil Benut di bawah seorang penghulu, jajahan Batu Pahat iaitu perenggannya dari Pinang Seribu ke Sungai Batu Pahat, jajahan Muar, Kampung Bekok, Langkat, Gersek, Ring, Pagoh dan Pangkalan Kota dianggarkan jumlah penduduknya 25,000 orang.

Pada masa itu Temenggung Muar dan Segamat ada lapan orang penghulu di bawahnya. Empat orang daripadanya memerintah sebelah hulu, iaitu Penghulu Besar, Penghulu Tanjung, Penghulu Dagang dan Penghulu Mungkal. Penghulu Dagang dan Penghulu Mungkal mengikut cara Minangkabau. Empat orang lagi berkuasa di sebelah kuala (hilir) iaitu di Gersek, Bukit Raya, Liang Batu dan Ring.

Pada tiap-tiap tahun Temenggung Muar dan Segamat itu ada menghantar hasil kepada sultan, iaitu hasil yang dipungut dari tiap-tiap rumah penduduk jajahan Padang Muar. Tiap-tiap rumah dikenakan pungutan sebanyak $1.00 berserta dengan 200 kampit beras. Dia juga telah diberi kuasa oleh Sultan Husain Shah untuk memungut cukai barang-barang masuk, iaitu $20.00 pada tiap-tiap sekati candu, $2.00 pada tiap-tiap sekoyan beras, $1.00 pada tiap-tiap sekoyan garam. Juga barang-barang masuk $1.00 pada tiap-tiap sebahara kayu arang dan $1.50 pada tiap-tiap sebahara timah.

Pada masa itu jajahan-jajahan Padang dan Johor Lama di bawah perintah orang kaya-orang kaya. Dari Pontian hingga ke Tanjung Ramunia dan Sedili Besar dikuasai oleh Temenggung Ibrahim sendiri. Dari T.M. 1801 hingga T.M. 1830 Engku Konek Temenggung Muar telah diberi kuasa oleh Temenggung Abd. Rahman (Temenggung Johor dan Singapura) berkuasa di tempat-tempat yang telah disebutkan di atas tadi.

Beberapa tahun kemudian, setelah orang Inggeris membuka Singapura, boleh dikatakan ahli-ahli perniagaan telah mendapat hasil yang dibawa oleh orang Jakun dari Sungai Johor seperti rotan, lilin lebah, kapur, damar, kayu minyak dan sebagainya.

Newbold juga ada menyebutkan berkenaan dengan hasil-hasil yang didapati dalam Johor masa itu. Jajahan Padang Muar telah mengeluarkan buah-buahan. Batu Pahat lebih kurang 400 pikul kayu arang, 1,000 bandal rotan, 15 pikul jadam tiap-tiap tahun. Sedikit-sedikit didapati gading, damar, lilin lebah dan kayu cendana. Di sebelah hulu Johor Lama didapati timah dan lombong emas. Di Segamat ada mengeluarkan beras, sagu, gading, kayu arang, habuk emas, timah, lilin lebah, kemenyan, kapur baros, rotan, damar, gula kabung, gula kelapa dan sebagainya.

Dari sepanjang keterangan ini, bolehlah dikatakan negeri Johor belum berapa banyak mengeluarkan hasil. Pada masa itu di keliling laut Johor itu penuh dengan sarang perompak lanun. Terutama di pantai-pantai laut berkeliling dan berhampiran dengan Singapura.

Dalil yang membenarkan bahawa pantai yang berkeliling Johor dan Singapura telah dipenuhi oleh sarang-sarang perompak, boleh kita dapati ceritanya di dalam *Hikayat Pelayaran Abdullah* yang dikarang oleh Munshi Abdullah pada masa dia belayar ke negeri Kelantan pada T.M. 1835. Oleh sebab Temenggung Ibrahim sebagai seorang pembesar Johor yang terkenal baik budi bahasa serta telah bekerjasama menolong Kompeni Inggeris menghapuskan perompak-perompak yang bermaharajalela di laut berkeliling Singapura, maka Queen Victoria bagi pihak Kerajaan Inggeris telah menghadiahkan sebilah pedang keemasan tanda menghargakan jasa Temenggung Ibrahim yang amat besar itu.

Di bawah ini kita nyatakan istiadat yang telah dijalankan pada seharibulan September 1846 bersamaan dengan 9 Ramadan 1262, di rumah Gabenor Singapura bagi menyerahkan pedang keemasan itu, iaitu sebagaimana yang tersebut dalam *Hikayat Pelayaran Abdullah*.

Sebermula pada seharibulan September T.M. 1846 iaitu pada 9 haribulan Ramadan Hijrat Sanat 1262, maka pada hari yang tersebut itulah yang ditentukan itu di atas Bukit Government di rumah gabenor adanya. Maka pada hari itu segala bangsa orang pun beribu-ribu berhimpunlah di sana, besar, kecil, tua muda laki-laki perempuan yang tempang bertongkat yang buta berpimpin yang kaya berkereta yang miskin berjalan kaki. Maka di atas bukit itu pun adalah telah dibubuh beberapa khemah. Maka adalah jenis-jenis permainan di sana. Ada joget Melayu ada juga Kelantan, ada gambang biola dan sebagainya. Maka orang pun makin bertambah-tambah. Maka segala orang-orang besar serta tuan-tuan saudagar orang putih dan orang-orang China dan Arab dan Keling semuanya pun adalah di sana. Maka sebentar lagi tuan major dan officer pun datang dengan pakaian yang indah-indah. Serta membawa baris supai terlalu banyak. Maka diaturilah barisan itu sebelah menyebelah pada sepanjang jalan sampai ke Rumah Government.

Maka orang-orang besarnya pun adalah sedia sudah berkampung. Maka sebentar lagi datanglah Tengku Temenggung dalam sebuah kereta yang besar, iaitu ditarik oleh dua ekor kuda besar, bersama-sama Yang di Pertuan Lingga serta Tengku Ali putera Sultan Husain Shah Almarhum. Maka masuklah mereka itu berjalan dalam baris dua lapis yang banyak itu, maka sampai. Maka disambutlah ditembak meriam entah berapa banyak. Setelah naik maka disambutlah oleh Tuan Gabenor akan mereka itu. Maka dibawalah oleh tuan itu akan dia ketiga-tiga di beranda. Berdirilah sekalian tuan-tuan itu di hadapan gambar Queen Victoria serta dibawalah oleh empat orang akan peti yang berisi pedang seperti yang ada gambarnya ini. Maka serta dibuka Tuan Gabenor, gilang-gemilanglah memancar-mancar cahayanya oleh sebab kena sinar matahari itu. Kemudian datanglah Tuan Henry Hughson menjadi juru bahasa Melayu sebab hendak mengertikan sekalian perkataan Tuan Gabenor Butterworth kepada temenggung dan kepada segala orang yang ada hadir di situ.

Inilah perkataan yang tertulis di mata pedang itu, 'Kepada T.M. 1845 bahawa dewasa itu inilah hadiah daripada Tuan Lieut: of the Bath Governor yang memerintahkan tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Singapura dan Melaka kepada Temenggung Johor Seri Maharaja akan menjadi suatu tanda hidup oleh sebab jasa Seri Maharaja membinasakan perompak iaitu diindahkan oleh Government Hindia adanya'.

Ketahui oleh segala sahabatku dan orang-orang sekalian yang telah berkampung dalam majlis ini, maka orang-orang sekalian telah mengetahuilah akan sebab kita telah berkampung pada hari ini. Dan lagi tiadalah aku hendak menyebutkan akan hal segala rampasan-rampasan dan rompakan-rompakan bunuh membunuh yang telah berlaku atas segala bangsa-bangsa orang yang ada diam di sebelah-sebelah sini, yang telah dilakukan oleh musuh-musuh baik lanun atau perompak. Dan lagi engkau orang sekali pun telah mengetahui akan kuasa dan berani kapal-kapal perang Kompeni Inggeris yang dapat menghalaukan perahu-perahu.

Maka sekarang pun telah kita mengucapkan beberapa syukor oleh sebab telah jarang-jaranglah kita mendengar kabar perompak-perompak itu hampir ke mari. Maka jikalau terlanjur datang mereka itu sesebuah sekalipun telah ditangkaplah oleh orang kompeni, iaitu pun berserta dengan tolong-tolong Raja Linggi dan Pahang dan Terengganu. Akan tetapi terutamalah dengan tolong Seri Maharaja Temenggung Johor. Maka sekarang pun kepadanyalah kita ini disuruhkan memberi hadiah pedang ini, iaitu akan menjadi suatu alamat Al-hayat daripada Kompeni Inggeris oleh sebab jasa tolongan Seri Maharaja membuangkan perompak itu.

Maka kita pun memberi kemuliaanlah yang telah didapati oleh sahabat kita daripada Kompeni Inggeris itu. Maka sekarang pun adalah kita merasai sayang dan kasih serta suci ikhlas akan menyampaikan tanda berkasih-kasihan ini daripada Kompeni Inggeris yang amat adil dan murah adanya.

Bahawa sekarang pun ketahuilah oleh segala tuan-tuan daripada orang Melayu dan orang China yang ada hadir dalam majlis ini. Ada pun kehendak Kompeni Inggeris kepada segala tuan-tuan hendaklah tuan-tuan sekalian duduk dalam kesenangan dan kesentosaan, serta mendapat untung dan faedah daripada perniagaan yang telah terbuka dalam segala pulau-pulau di sebelah sini. Akan tetapi

jikalau selagi ada perompak dan musuh itu mustahillah kita sekalian boleh mendapat kesenangan adanya.

Maka oleh sebab demikianlah permintaanku kepada segala tuan-tuan bertolong-tolonganlah kiranya akan mencari serta membawa kabar-kabar perompak atau musuh itu. Maka jikalau ada mereka itu dekat-dekat dengan Selat Singapura itu. Maka barang siapa membawa kabar itu nescaya orang itu mendapat hadiah daripada Kompeni Inggeris adanya.

Syahadan setelah habislah segala perkataan gabenor itu, maka disambutlah oleh temenggung akan hadiah itu dengan beberapa hormat mulianya, serta dengan terima kasih yang amat banyak. Inilah perkataan yang dijawabnya:

Bahawa sesungguhnya telah kami menerimalah beberapa terima kasih dari Bawah Duli Paduka Seri Tuan Besar Governor Colonel Butterworth oleh kerana termasyhurlah kemuliaan yang telah tuan menunjukkan kepada kita, maka adalah pula beberapa banyak terima kasih kita ke bawah Hadzrat Paduka Seri Yang Maha Besar Tuan Governor General yang di Benggala oleh diperkenannya kelakuan dan kebaktian kami yang sedikit itu, sahingga itulah menjadikan kesukaan bagi segala manusia adanya.

Maka sekarang pun hadiah yang teramat mulia lagi elok ini telah dianugerahkan kepada kita, maka terkembanglah hati kita serta kebesaranlah kita memakai dia itu, sehingga datanglah kepada keturunan anak cucu cicit kita pun kelak memakai dia. Maka menerima kasihlah pula kita oleh kebijakan yang telah dikatakan oleh tuan gabenor itu. Maka terlalulah sangat dukacita rasanya dalam perasaan kita akan menanggung kasih dan sayang yang telah dilakukan oleh tuan besar atas kita, maka tidaklah dapat kita katakan lagi. Melainkan adalah pada sediakala termeterai sekalian perkara itu di dalam hati kita.

Bahawa sekarang pun dengan sukacita hati kami menjadi saksi akan rajin dan usaha tuan gabenor itu, yang telah mendatangkan beberapa banyak perkara kebajikan bagi segala manusia adanya.

Maka adalah sekalian perkara yang tersebut itu kelak menjadi suatu hairan bagi segala orang yang terkemudian, supaya menjadi tauladan akan alamat-alamat perbuatan tuan besar yang telah memeliharakan baik daripada orang-orang kaya atau orang miskin. Bahawasanya tuanlah pemerintah yang bijaksana lagi berakal adanya. Maka biarlah kiranya tuan juga pemerintah pada selama-lamanya supaya tuhan yang mentakdirkan agama Islam dan agama Masehi itu memeliharakan serta menolong akan tuan dalam segala perkara yang kebajikan adanya. Amin amin amin.

Demikianlah lebih kurang adat istiadat yang telah diadakan oleh pihak yang berkuasa Kompeni Inggeris kerana menyerahkan Pedang Keemasan itu kepada Temenggung Ibrahim, iaitu sebagaimana yang tersebut dalam *Hikayat Pelayaran Abdullah*. Dari semenjak itu makin bertambah ikrab dan mesranya orang Inggeris kepada temenggung itu. Selalu mereka itu meminta fikiran dan bantuan kepada temenggung itu dalam sebarang pekerjaan kerana menyelenggarakan pemerintahan negeri.

Pada masa itu boleh dikatakan Temenggung Ibrahim seorang daripada pembesar Johor yang terkenal dan setia sentiasa bekerjasama dengan

Kompeni Inggeris. Oleh sebab itu pada suatu masa diminta oleh gabenor dua orang putera temenggung itu, iaitu Encik Wan Abu Bakar (Sultan Abu Bakar dan Encik Wan Abd. Rahman bagi dihantarkan belajar di Eropah. Tetapi dengan sebab pada masa itu boleh dikatakan hal orang Melayu belum cekal hati hendak melepaskan anak-anak mereka belayar keluar negeri asing belajar, maka permintaan gabenor itu tidaklah dikabulkan. Hanya pada akhirnya putera-putera temenggung itu telah dihantarkan ke Singapura belajar kepada Paderi Keasberry.

Berkenaan dengan perselisihan yang telah berbangkit di antara Temenggung Ibrahim dengan Tengku Ali berhubung dalam perkara cukai dan hasil negeri Johor, nampaknya masing-masing pihak telah menekankan pendirian dan kebenarannya. Mereka menuntut sekalian cukai dan hasil yang boleh didapati di Johor tidak berkehendakkan dibahagi di antara kedua belah pihak.

Sebab hendak mengelakkan daripada berlaku sebarang pertengkaran atau kacau-bilau, maka pada 21 Oktober 1846 Colonel John William Butterworth, gabenor yang memerintah Negeri-negeri Selat pada masa itu, telah menulis sepucuk surat kepada Setiausaha Kerajaan di Benggala memberi cadangan bagi menyelesaikan perselisihan yang sedang berlaku itu. Adalah bunyi suratnya lebih kurang demikian:

Saya tiada dapat hendak menetapkan siapakah yang patut memungut cukai negeri Johor. Adakah sultan dan temenggung sekarang atau dahulu, iaitu selain daripada cukai-cukai kayu yang telah dipungut oleh orang-orang besar negeri ini. Pada masa kedatangan orang China dari sebelah pantai timur negeri Johor kerana berniaga candu, mereka telah membuat perjanjian dengan temenggung kerana kebenaran berniaga; iaitu dengan bayaran $300 (tiga ratus ringgit) sebulan seperti yang saya nyatakan dalam surat saya yang bertarikh 14 haribulan September yang lalu bilangan 138, antara sultan dan temenggung. Kalau dapat kebenaran atau persetujuan daripada Timbalan Governor General Benggala, saya akan bekerja menjalankan hal ini. Saya berasa sedikit bimbang hendak menarik fikiran temenggung dan bendahara Pahang supaya mempersetujukannya. Pada fikiran saya pendapatan itu patutlah dibahagi sama rata dipersetujukan di atas lantikan Sultan Muda dan mengadakan istiadat dengan menggunakan belanja yang banyak. Tengku Ali manakala baginda memikirkan yang baginda telah dapat sokongan daripada gabenor, tatkala itu tentulah baginda akan menjalankan kuatkuasanya dan menerbitkan perselisihan dengan Temenggung Johor.

Surat Gabenor Butterworth ini akhirnya dipersetujukan oleh pihak Benggala. Tengku Ali dilantik dijadikan sultan bagi Johor. Cukai yang sedikit kira-kira $800 itu telah dipungut oleh Temenggung Ibrahim dengan tidak tentu masa itu berkehendak bahagi sama rata di antara temenggung dengan sultan. Pada masa itu nampaknya temenggung

seorang yang lebih berpengaruh. Barangkali disebabkan baginda itu mendapat sokongan dari Eropah.

Pada 25 Ogos 1846, Resident Counsellor Singapura telah menghantar sepucuk surat pula kepada Gabenor Butterwoth demikian bunyinya:

Nampaknya sekarang Temenggung yang berkuasa memerintah negeri Johor dan jajahan takluknya. Sebab pun terjadi demikian, kerana lantikan Tengku Ali jadi sultan itu tidak disahkan dan tidak dilantik dan diakui dengan diadakan istiadat atau upacara yang sebenarnya.

Daripada sepanjang keterangan surat Resident Counsellor ini nyatalah bagi pihak temenggung telah berleluasa menjalankan pengaruhnya di atas negeri Johor dan jajahan takluknya. Sebab pada masa itu Tengku Ali sungguhpun telah dipersetujukan oleh pihak yang berkuasa di Benggala dilantik dijadikan sultan bagi negeri Johor, tetapi sebenar-benarnya kuasa Tengku Ali sebagai seorang sultan itu, tidak diaku dan dilantik baginda menjadi sultan itu hanya gelaran sahaja. Pada hal suatu istiadat dan upacara mengisytiharkan baginda itu menjadi sultan bagi negeri Johor itu tidak dilakukan.

Mengikut pendapat kompeni perkara Tengku Ali itu sebenarnya tidak ada orang yang meminta supaya baginda itu dilantik dijadikan sultan. Serta lantikan baginda menjadi sultan itu tidak akan mendatangkan apa-apa keuntungan kepada Kompeni Inggeris Hindia Timur. Sara hidup yang telah diberi oleh Kompeni Inggeris kepada Tengku Ali sebanyak $115 sebulan atau $300 setahun itu sudah tentu tidak mencukupi jika dipadankan dengan tarafnya sebagai seorang sultan yang patut membantu kaum keluarga dan orang-orangnya. Sebab itulah Kompeni Inggeris tidak begitu ambil berat kepada rayuan baginda yang mengatakan tidak cukup dibuat oleh pegawai-pegawai kompeni di atas hal baginda. Pendeknya berkenaan dengan perkara menetapkan Tengku Ali dijadikan Sultan Johor itu nampaknya masih belum ada ketentuan lagi. Dengan sebab itu hasil-hasil yang didapati di Johor belum ada ketetapan kepada siapakah patut dibayar atau diserahkan. Kerana masing-masing pihak iaitu Temenggung Ibrahim dan baginda Tengku Ali masih berbalah hendak menguasai negeri itu.

Lebih kurang pada T.M. 1852, iaitu pada masa Gabenor Butterworth bercuti ke Australia, Tuan E.A. Blundle yang memangku jawatan gabenor nampaknya telah mengambil berat sangat atas hal ehwal negeri Johor. Dia telah campur tangan dalam hal perselisihan faham yang berlaku di antara Tengku Ali dengan Temenggung Ibrahim itu kerana hendak menyelesaikannya. Oleh sebab itu pada 20 Julai dalam tahun itu juga, dia telah menghantar sepucuk surat kepada kerajaan di India. Di antara kandungannya adalah demikian:

Pada fikiran saya eloklah tuan kemukakan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor General India di dalam majlis mesyuarat berkenaan dengan hal orang-orang besar Johor, iaitu yang bersangkut paut dengan Singapura. Tujuan saya, ialah hendak bekerja keras pada menyelesaikan berbagai-bagai perselisihan dan berjenis-jenis tuntutan berkenaan dengan kekusutan yang berlaku sekarang. Jika dibiarkan juga hal itu tentulah akan menerbitkan berpecah-belah dan akan menerbitkan pertumpahan darah di dalam negeri Johor.

Perkara yang pertama, ialah pekerjaan kerana hendak menyelesaikan dan memutuskan di atas tuntutan Tengku Ali iaitu putera Almarhum Sultan Husain Shah hendak menjadi sultan bagi negeri itu. Akan sultan (Sultan Husain Shah) dan temenggung (Temenggung Abd. Rahman) yang telah membuat perjanjian dengan J. Crawfurd pada 2 Ogos 1824 itu keduaduanya telah mangkat. Pada masa kemangkatan Sultan Husain Shah itu, puteranya yang sulung (Tengku Ali) masih kecil dan masa itu pula putera temenggung (Temenggung Abd. Rahman) telah dilantik menggantikan jawatan temenggung.

Dalam T.M. 1846 Tengku Ali putera kepada sultan yang telah mangkat itu, telah meminta kepada Gabenor Butterworth, Gabenor Negeri-negeri Selat supaya baginda dilantik menjadi sultan dan permintaan baginda itu terus disampaikan kepada kerajaan Inggeris dengan surat yang bertarikh pada 21 Oktober. Tidak lama kemudian pada 23 Januari 1847, Gabenor Butterworth telah menerima jawapan mengatakan pengetua majlis Kerajaan India tidak bersetuju dengan cadangan itu, melainkan kalau Gabenor Butterworth boleh menunjukkan kepada kompeni Inggeris di atas perkara yang boleh mendatangkan faedah kepada dasar pemerintahan kompeni di negeri Johor bagi melantik Tengku Ali. Kiranya ada bolehlah dijalankan.

Berkenaan dengan itu saya rasa tidak dapat menunjukkan faedah yang akan terbit kerana melantik Tengku Ali itu menjadi sultan. Tetapi tetaplah pada fikiran saya tidak elok pemerintahan negeri jika permintaan Tengku Ali itu tidak disempurnakan dan tidak diperhasilkan. Kerana lantikan di atasnya tiada sesiapa yang menggalangnya. Adalah undang-undang melantik kadang-kadang ada larangannya, dan orang yang hendak menuntut jadi sultan pun ramai. Jadi dengan sebab itu terpaksa juga dilantikkan. Kemudian lantikan itu mestilah disahkan dan diakui oleh para pembesar negeri. Maka pihak yang hendak dilantik terpaksa memberi faedah kepada para pembesarnya. Selagi para pembesarnya tidak mengakukan sah orang yang dilantik, maka selagi itulah orang yang dilantik tidak berhak mempunyai cap kerajaan. Maka mengikut biasanya di Tanah Melayu, kalau lemah sesuatu kuasa yang besar itu, akan berbangkit huru-hara dan bertumpah darah kerana hendak berebut kuasa.

Ada pun hal negeri Johor itu kerana hendak melantik sultan baharu, mestilah berkehendakkan persetujuan temenggung dan bendahara. Ada pun temenggung ialah orang besar yang menerima sara hidup dari

Kompeni Inggeris. Kerana baginda putera kepada temenggung yang menanda tangan surat perjanjian T.M. 1824 dengan Crawfurd. Baginda dapat wang sara daripada kompeni sebanyak 350 ringgit sebulan bagi dirinya dan kaum keluarganya. Jadi orang yang menjalankan kerja sebagai pegawai yang tertinggi di Johor itu ialah orang yang berketurunan daripada darah temenggung. Sebab itu temenggung yang ada sekarang ini sungguh pun selama-lamanya baginda bersemayam di Singapura, tetapi baginda ada menjalankan pemerintahan Johor dan Melaka. Terkadang-kadang dipaksanya Sultan Muda itu jangan menjalankan kuatkuasanya dalam hal cukai negeri.

Pada pandangan saya, tidak syak lagi pemerintahan negeri Johor itu akan mendatangkan faedah kepada kita, jika kuasa negeri itu diserahkan ke tangan temenggung iaitu mengikut pandangan berat daripada Kerajaan Negeri-negeri Selat dan jawatankuasa yang berniaga. Adalah temenggung yang ada sekarang ini telah bertamadun dan telah layak daripada Sultan Muda dalam bahagian pemerintahan negeri Johor, serta lebih sesuai dengan perjalanan pemerintahan Inggeris. Sebaliknya pula Tengku Ali pun kalau sama dipandang berat oleh kerajaan dan jawatankuasanya serta baginda itu dapat pimpinan, segala keburukan kelakuan dan tabiatnya dapat diberhentikan serta pula dapat berbagai nasihat yang baik-baik, tentu baginda pun akan layak menjadi seorang sultan dan boleh menjadi seorang sahabat. Oleh sebab itu saya sangat setuju dengan fikiran Resident Church Singapura, iaitu soal ini akan mendatangkan akibat yang tidak baik kalau pihak Inggeris mengaku Tengku Ali menjadi sultan. Tetapi saya masih percaya kalau dilantik juga temenggung menjadi sultan, sudah tentu tidak adil. Kerana kita (Inggeris) mendapat Singapura, ialah daripada ayahanda Tengku Ali. Oleh sebab hendak mengelakkan daripada berbangkit kacau-bilau dan barangkali hendak mendapat sedikit faedah, mengapa kita terpaksa membuat kezaliman dan aniaya. Saya tidak menaruh syak lagi kedua-dua pegawai ini akan menurut apa keputusan Kerajaan Inggeris dengan tidak meminta apa-apa hadiah pun.

Di dalam surat Resident Church yang beralamat kepada saya ada mengemukakan permintaan Tengku Ali mengenalkan dirinya sebagai sultan. Tetapi dibangkang oleh Resident Church dengan alasan baginda itu tidak layak. Hal ini hanyalah sebagai helah sahaja. Pada fikiran saya kalau peraturan keadilan hendak dijalankan kepada semua pihak dan diikuti betul-betul segala keburukan yang akan terbit dari perubahan dasar ini, tentulah segala keburukan itu akan dapat dihapuskan dalam sedikit masa lagi.

. . . tetapi jika Tuan Yang Terutama Governor General India, suka hendak menjalankan keadilan ke atas Tengku Ali, terpaksalah saya menjadikan baginda itu sultan. Jikalau dengan kehendak kerajaan besar di India, maka segala susah payah itu akan dapat dielakkan . . . temenggung sekarang sebenarnya ialah yang memegang semua hal ehwal negeri Johor dan mendapat cukai negeri serta pula baginda itu bersemayam di Singapura sebagai seorang rakyat Inggeris (British Subject).

Demikianlah lebih kurang bunyi surat Tuan Blundle Pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat yang telah dihantar kepada Kerajaan India. Dari sepanjang kenyataan ini nyatalah Tuan Blundle telah mengambil bahagian sama mengemukakan kepada ahli-ahli mesyuarat Kerajaan India supaya memperbincangkan perselisihan yang telah terbit di antara Tengku Ali dengan Temenggung Johor. Untuk mengelakkan daripada berlaku pecah belah dan pertumpahan darah sama sendiri dalam negeri Johor, Tuan Blundle telah berkuat supaya Tengku Ali dilantik menjadi sultan. Kerajaan baginda itu sebenar-benarnya keturunan sultan yang berhak menduduki takhta Kerajaan Johor.

Akan tetapi perkara yang dikemukakan oleh Tuan Blundle itu, nampaknya tidak begitu dipersetujukan oleh Kerajaan India. Ini menyebabkan dia berasa tidak puas hati. Kebetulan pada 14 Januari 1853, dihantarnya lagi surat kepada Kerajaan India. Sebahagian kandungan surat itu adalah lebih kurang demikian:

Saya telah memberitahu kepada Tengku Ali iaitu putera kepada Sultan Johor di atas keputusan yang telah diterima. Jika baginda dilantik menjadi Sultan Johor, Kerajaan India tidak mahu mencampuri tangan dalam perkara lantikan baginda itu. Jikalau Kerajaan Inggeris mengatakan surat perjanjian yang dibuat dengan Sultan Husain bertarikh T.M. 1824 itu tidak sah, kerana kuat kuasa negeri ada di dalam tangan temenggung, mengapa pula kita telah mengakukan bahawa Johor bersultan dan Kerajaan Inggeris ada membayar sara hidup kepadanya lebih banyak daripada temenggung. Jadi dengan perbuatan ini putera sultan (Tengku Ali) telah menuntut taraf lebih tinggi dan kuasanya pun lebih daripada kuasa putera temenggung.

Tuntutan-tuntutan ini memang diakui oleh sekalian anak negeri dan pangkat sultan memang sangat dimuliakan oleh mereka dan orang Eropah di Singapura. Jadi pada fikiran saya nampaknya ada satu alasan sahaja yang boleh menguatkan tuntutan temenggung, iaitu dengan alasan mengatakan baginda itu lebih lama terkenal. Baginda suka berkenal-kenal dan bersahabat baik dengan orang ramai terutama dengan pegawai-pegawai Inggeris dan telah memberi puteranya pelajaran dan didikan secara Inggeris dan berpakaian secara Inggeris.

Ada pun temenggung yang ada sekarang telah dilantik memerintah Johor selama lima belas tahun serta menguasai pula sekalian cukai dalam Johor dan baginda itu bersemayam di Singapura sebagai seorang rakyat Inggeris. Cukai ini didapati baginda sebab negerinya (Johor) duduknya berhampiran dengan Singapura dan gaya peraturan cukai yang dijalankan di Singapura itu ada terbawa-bawa hingga ke Johor.

Akan tetapi ini pada fikiran saya tentulah tidak adil, temenggung sahaja menerima kesenangan dan keuntungan hinggakan kaum kerabat sultan tertolak daripada menerimanya. Walau bagaimanapun saya mencadangkan Tengku Ali mestilah berjanji, iaitu baginda tidak akan menggangu pemerintahan negeri bila-bila masa dan baginda mestilah me-

ngaku menyerahkan setengah daripada cukai-cukai negeri Johor kepada temenggung dikira 300 ringgit sebulan iaitu selama tiga tahun. Manakala habis sahaja tempoh yang tersebut itu, bolehlah dibuat satu perjanjian baharu kelak. Keputusan hal ini kedua-duanya bersetuju. Maka saya bagi pihak Kerajaan India telah dapat menyampaikan cadangan itu kepada baginda kedua . . .

Kalau mengikut fikiran dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Tuan Blundle di dalam kedua-dua suratnya yang bertarikh 20 Julai, 1852 dan 14 Januari 1853 yang telah disampaikan kepada kerajaan di India itu tiadalah nampaknya dia menyokong atau menyebelahi pihak Tengku Ali. Alasan-alasan yang telah dibentangkan itu nampaknya tidak cukup kuat dan memberi puas hati kepada Kerajaan India.

Maka akan perselisihan yang berlaku kerana Johor itu, samalah keadaannya dengan perselisihan yang telah berlaku dalam pemerintahan negeri Kedah yang jika dicampuri tangan oleh orang Inggeris, tentu sahaja tidak memberi apa-apa keuntungan kepada wakil-wakil kompeni yang di Pulau Pinang. Begitu jugalah pertolongan yang telah dihulurkan kepada perselisihan yang telah berlaku di Johor itu, tentulah tidak menerbitkan apa-apa faedah kepada Kompeni Inggeris, kerana menguatkan Singapura supaya jadi hakmilik Inggeris.

Beberapa bulan kemudian dari itu, iaitu pada 4 Mac 1853 Setiausaha Kerajaan India telah menjawab surat Tuan Blundle. Di dalamnya ada menyebutkan lagi hal negeri Johor demikian bunyinya:

Pada menjawab surat tuan, Kerajaan India sekarang tidak lagi ada apa-apa sangkut pautnya. Kerana dalam perjanjian yang dibuat pada T.M. 1824, iaitu perjanjian kerana menyerahkan Singapura kepada orang Inggeris, ada menyebutkan sultan dan temenggung berkuasa kedua-duanya menjalankan pemerintahan yang bersekutu di dalam negeri Johor. Kerajaan India menggelar baginda Yang Mulia Sultan dan Yang Mulia Temenggung. Tetapi pada waktu itu dan pada waktu yang berikut, Kerajaan India tidak pula cuba menetapkan kuasa-kuasa sultan dan temenggung dan tiada juga mencuba menetapkan sebanyak mana cukai yang patut diterima di antara baginda keduanya.

Sekiranya jalan hendak menyelesaikan soal ini dapat dibincangkan dan temenggung bersetuju memberi kuasa pemerintahan itu, dengan memulangkan segala cukai kepada sultan, maka langkah ini sudah tentu Governor General memikirkan boleh mendatangkan faedah bersama di antara kedua belah pihak.

Sebab-sebabnya Kerajaan India tiada dapat menetapkan cukai pendapatan masing-masing itu, kerana pada T.M. 1824 iaitu pada masa dibuat perjanjian menyerahkan Singapura itu, Johor belum lagi ada apa-apa cukai. Sebaliknya pula kalau Kerajaan India menetapkan cukai pendapatan di antara keduanya, tentulah bahasa cara pemerintahan yang bersekutu itu salah pada tempatnya iaitu berlawanan dengan apa yang dimaksud-

kan. Jikalau temenggung menjadi sultan dan baginda mengorbankan cukai kepada Tengku Ali, tentulah bersalahan peraturan ini. Kerana kedua-dua pihak telah mengaku berbahagi sama. . .

Dari sepanjang keterangan surat Setiausaha Kerajaan India ini, nampaknya pihak kerajaan telah cenderung mempersetujukan atas cadangan yang telah dikemukakan oleh Tuan Blundle iaitu seperti yang telah dinyatakan di atas tadi. Sungguh pun demikian, wajib diingat Tuan Blundle itu yang sebenarnya hanyalah pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat. Sebaik-baik Kerajaan India menjawab bersetuju atas cadangan Tuan Blundle itu, tiba-tiba Tuan Butterworth yang sedang bercuti ke Australia itu, telah balik memegang jawatannya sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat. Pada masa itu segala kerja dan usaha yang sedang dijalankan oleh Tuan Blundle itu terserahlah kewajipan mengurusnya ke tangan Gabenor Butterworth.

Sebab jawatan gabenor itu telah dipegang balik oleh Tuan Butterworth, maka surat jawapan daripada Kerajaan India yang bertarikh 4 Mac 1853 yang mempersetujukan cadangan Tuan Blundle itu, tidaklah dapat dijalankan hingga 22 Disember 1854. Sebab-sebab tergendala dan lewat diselenggarakan, ialah kerana Tuan Blundle pemangku gabenor itu telah menyerahkan kerjanya kepada Tuan Butterworth. Tuan Butterworth pula, setelah memegang balik jawatannya sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat itu, tidak pula dapat menjalankan pekerjaan menyelesaikan hal di antara Tengku Ali dengan Temenggung Ibrahim itu.

Satu daripada perkara besar yang menyebabkan dia tiada dapat menjalankan penyelesaian itu, kerana masa itu didapati Tengku Ali yang sedang diura-urakan hendak dilantik dijadikan Sultan Johor, telah mencagarkan cap mohor kerajaan kepada seorang saudagar Eropah. Lihat surat yang ditulis oleh Tuan Gabenor Butterworth di Pulau Pinang kepada Kerajaan India:

Adapun sultan dan temenggung telah meminta penyelesaian dari saya, iaitu setelah saya balik memegang jawatan gabenor semula. Tetapi saya tidak akan menyelesaikan hal mereka berdua selagi Tengku Ali tidak menebus balik cap mohor kerajaan yang telah dicagarkan kepada seorang saudagar Eropah. Kiranya telah dapat ditebus balik cap mohor itu, iaitu Tengku Ali menyerahkan negeri Johor kepada temenggung dengan menerima $5,000 iaitu dengan menurunkan tanda tangan ke dalam sepucuk surat perjanjian dan sultan akan menerima $500 sebulan hingga selama-lamanya selagi ada hayat baginda. Tatkala saya memberitahu hal ini, tiba-tiba saya dapati Tengku Ali tidak bersetuju dengan keputusan itu, sebab baginda telah dipengaruhi oleh orang-orangnya. Itu sebabnya saya terus berangkat ke Pulau Pinang. Sampai di sana nampaknya Tengku Ali telah menimbulkan balik soal ini. Melalui Resident Counsellor Singapura, baginda mengatakan bersetuju hendak menurut cadangan yang telah dikemuka-

kan tadi. Bersama-sama akuannya tadi baginda telah meminta kebenaran, supaya baginda dapat memiliki Kesang Muar (tanah kawasan atau jajahan yang duduknya di antara Sungai Kesang dengan Sungai Muar).

Resident Counsellor Singapura telah menyokong supaya Tengku Ali memiliki jajahan Kesang itu. Saya telah diberitahu bahawa disitulah tempat dikuburkan datuk neneknya. Hal ini saya dapati pihak temenggung pula tidak bersetuju. Dalam pada itu sungguhpun temenggung tidak bersetuju, tetapi dengan sebab saya telah membalas surat kepada Resident Counsellor, mengatakan saya tidak hendak menurut di atas bangkangan temenggung itu, keputusannya temenggung pun hendak bertolak ansur dan bersetuju.

Dari sepanjang keterangan yang telah disebutkan di atas tadi, nyatalah sekarang Tuan Blundle telah bersetuju hendak menerima cadangannya dan dipercayai masa Tuan Blundle itu di Singapura, dia telah menguruskan sendiri hal-hal itu. Kerajaan India telah bersetuju di atas cadangan Tuan Blundle serta Kerajaan India telah menambah pula sedikit cadangan, iaitu kalau temenggung sendiri hendak menyerahkan cukai negeri kepada Tengku Ali asalkan baginda dapat negeri, kerajaan tidak ada sangkut menyangkutnya dalam hal ini.

Oleh hal yang demikian, manakala Tuan Butterworth balik dari bercuti ke Australia dan memegang balik jawatannya sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat, dia telah memberitahu yang Tengku Ali telah mencagarkan cap mohor kerajaan kepada seorang saudagar Eropah. Tuan Butterworth telah menolak daripada hendak menyelesaikan perbalahan Tengku Ali dengan temenggung itu. Selagi cap mohor Kerajaan negeri Johor itu tidak ditebus balik oleh Tengku Ali dari tangan saudagar Eropah itu, Tuan Butterworth tetap berlepas tangan dalam perkara itu.

Sepeninggalan Gabenor Butterworth balik ke Pulau Pinang, urusan kemudiannya berkenaan menyelesaikan darihal Tengku Ali dengan Temenggung Ibrahim itu telah dijalankan pula oleh Resident Counsellor Church Singapura. Maka dengan usaha Tuan Church, dia telah berjaya mengubahkan perjanjian itu dengan perantaraan surat sahaja kepada Tuan Butterworth dihantar ke India, iaitu menyebutkan sebagai sagu hati kepada Tengku Ali bila dilantik menjadi sultan baginda boleh memiliki jajahan Kesang dengan menerima $5,000 ringgit dan $500 ringgit tiap-tiap bulan seumur hidup baginda. Jajahan Kesang yang telah dipersetujukan tinggal tetap dimiliki oleh Tengku Ali itu bukanlah ertinya sebagai sebuah jajahan yang berhasil, melainkan sebagai kawasan tanah tempat perkuburan kaum kerabat dan datuk neneknya sahaja.

Di sini nyatalah bahawa perjanjian yang baharu itu dapat diselenggarakan, ialah terbit dari pengaruh dan nasihat Tuan Church. Memandang kepada surat-surat Tuan Church yang telah dihantarkan kepada Setiausaha Gabenor Butterworth di Pulau Pinang, boleh menjadi keterangan yang membenarkan Tuan Church telah bersungguh-sungguh

mempengaruhi Tengku Ali dan Temenggung Ibrahim supaya bersetuju dengan nasihat dan cadangan-cadangannya.

Dalam suratnya yang pertama bertarikh 28 April 1854, Tuan Church mengatakan bersama-sama dengan suratnya itu dia ada menyertakan terjemahan surat persetujuan di antara Tengku Ali dengan Temenggung Ibrahim, untuk pengetahuan Tuan Gabenor. Tindakan itu ialah sebagai menyempurnakan perintah Tuan Gabenor supaya dia mengambil persetujuan di antara baginda kedua belah pihak. Tengku Ali telah menerima dengan tidak ada apa-apa pindaan terhadap segala syarat yang dikehendaki oleh temenggung itu, iaitu mendapat persetujuan dari hatinya sendiri dan keturunannya hingga selama-lamanya.

Surat terjemahan daripada Tengku Ali seperti yang dikatakan oleh Tuan Church yang telah bersama-sama dihantarkan dalam suratnya kepada Setiausaha Gabenor itu adalah seperti berikut:

1. Encik Wan Ibrahim (temenggung) mestilah mengaku saya sebagai sultan dan mengaku membantu saya bersama dengan ketua-ketua yang lain melantik saya sebagai sultan pada bila-bila masa kita berhajat meminta tolong.
2. Encik Wan Ibrahim akan memerintah sebahagian daripada jajahan Johor yang hadnya akan ditetapkan kemudian dan memegang jawatan sebagai seorang menteri di bawah pemerintahan sultan.
3. Cukai-cukai yang didapati dari jajahan yang di bawah perintah Wan Ibrahim akan dibahagikan dengan secara yang difikirkan menasabah dan patut selepas daripada tolak-menolak perbelanjaan memungutnya dan kalau ada lain-lain perbelanjaan juga.
4. Selepas daripada menerima jawatan menteri, cap mohor jawatan temenggung itu dibuat had besarnya sama dengan menteri-menteri yang lain, iaitu menurut resam orang Melayu.
5. Kalau syarat-syarat ini disetujui oleh Wan Ibrahim, hendaklah ia membayar 10,000 ringgit kepada kita.
6. Perjanjian yang dibuat pada 3 Ogos 1824 itu tidak ada apa-apa perubahan atau gangguannya oleh perjanjian yang baharu ini. Tertulis di Kampung Gelam pada 22 April T.M. 1854.

Surat terjemahan daripada Temenggung Ibrahim pula yang telah dialamatkan kepada Tuan Church bertarikh pada 3 April 1854 adalah demikian:

1. Dato' Temenggung Seri Maharaja yang sekarang bersemayam di Teluk Belanga dengan waris keturunannya, hendaklah dipandang sebagai pemerintah yang berhak di atas negeri Johor dan jajahannya selama-lamanya. Tengku Ali dan ahli waris keturunannya dan saudara adik beradiknya tidak akan mengganggu pemerintahan negeri Johor.
2. Tengku Ali dan waris keturunannya mahulah dipandang sebagai Sul-

tan Johor mengikut perjanjian yang akan dibuat. Sultan dan saudara maranya mengaku bersama-sama akan memerintah Johor dan tidak akan bersemayam di Johor; kiranya hendak bersemayam juga, mestilah memaklumkan kepada temenggung.

3. Banyaknya cukai Johor yang hendak dibayar oleh temenggung kepada Tengku Ali akan mengikut perjanjian tahun yang lalu.

Berkenaan dengan banyaknya cukai yang hendak dibayar oleh temenggung kepada Tengku Ali akan mengikut perjanjian tahun yang lalu yang dikatakan oleh temenggung itu, ialah Tengku Ali akan menerima $5,000 dan $500 pada tiap-tiap bulan hingga selama-lamanya selagi ada hayat baginda; iaitu sebagaimana keterangan di dalam surat Kerajaan India yang bertarikh pada 4 Mac 1853 kerana menjawab surat Tuan Blundle itu.

Lain daripada surat yang pertama itu, pada 16 November 1854 Tuan Church telah mengutus lagi surat kepada Setiausaha Gabenor di Pulau Pinang. Di antara kandungannya adalah seperti berikut:

Permintaan Tengku Ali hendak memiliki Kesang (jajahan di antara Sungai Muar dengan Sungai Kesang) nampaknya sangat patut dan kalau pihak temenggung hendak menolak permintaan itu, nyatalah jahat temenggung dan seolah-olah hendak menghinakan Tengku Ali dan saudara adik beradiknya. Sungguhpun temenggung tidak berapa setuju, tetapi nampaknya baginda cenderung hendak membenarkan pada menghasilkan permintaan Tengku Ali itu.

Dari keterangan ini dua kali Tuan Church telah berutus kepada Setiausaha Gabenor Butterworth di Pulau Pinang; menunjukkan sebenarnya Tuan Church itu telah bekerja keras kerana menyelesaikan perbalahan di antara Tengku Ali dengan Temenggung Ibrahim supaya bersetuju dengan cadangannya.

Akan tetapi nampaknya permintaan Tengku Ali berhubung dengan hal pemerintahan dan membahagi cukai Johor, sebagaimana yang telah dikemukakan kepada Tuan Church di dalam suratnya yang tertulis di Kampung Gelam bertarikh 22 April 1854 itu, tidak mendapat sambutan dan tidak ditunaikan oleh temenggung.

Dalil yang menunjukkan temenggung tidak hendak menunaikan permintaan Tengku Ali itu dengan sepenuhnya, bolehlah kita saksikan dalam surat temenggung yang bertarikh 13 Disember 1854 yang dihantarkan kepada Tuan Gabenor Butterworth. Di dalamnya ada mengatakan temenggung telah membenarkan jajahan di sebelah kiri mudik sungai Muar (jajahan Kesang) itu dimiliki oleh Tengku Ali. Dengan itu juga temenggung itu telah menumpahkan harapannya kepada Tuan Gabenor Butterworth supaya menyelesaikan perkaranya dengan Tengku Ali.

Daripada bunyi surat temenggung kepada Gabenor Butterworth ini

nyatalah sebenarnya temenggung tidak dapat menunaikan segala kehendak Tengku Ali sebagaimana suratnya kepada Tuan Church dahulu.

Pada 18 Disember 1854 Tengku Ali pula telah menulis surat kepada Tuan Church memberitahu kepadanya berkenaan perkaranya dengan temenggung telah diminta adiknya iaitu Tengku Jaafar supaya berunding dengan Tuan Church. Jadi segala apa yang disebutkan oleh Tengku Jaafar dan segala syarat yang diaturkan oleh Tengku Jaafar itu baginda akan bersetuju. Jikalau Tuan Church tiada boleh memberi pertolongan berhubung dengan surat baginda yang mula-mula, baginda mengaku tiadalah ada lain jalan untuk mencari penyelesaian, melainkan baginda mengaku menurut sahaja di atas keputusan yang diberi oleh Tuan Church.

Dari keterangan yang disebutkan di atas ini, nyatalah segala cadangan dan syarat kemahuan Tengku Ali berhubung dengan kuasa pemerintahan dan cukai yang dihadapkan kepada pihak yang berkuasa kompeni itu nampaknya tidak berjaya. Baginda terpaksa beralah dan mengaku menurut di atas keputusan yang diberi oleh Tuan Church. Hingga akhirnya baginda terpaksa juga menyerahkan negeri dan Kerajaan Johor itu kepada Temenggung Ibrahim iaitu seperti yang akan datang ceritanya.

Dalam *Hikayat Johor* ada dinyatakan bahawa hal ehwal kehidupan putera-putera Almarhum Sultan Husain Shah itu bolehlah dikatakan sentiasa dalam kesempitan belanja. Hendak pun berharapkan kepada gaji yang diberi oleh Kompeni Inggeris kepada almarhum ayahandanya, nampaknya telah dihentikan.Tambahan pula hasil-hasil yang didapati dari jajahan takluknya boleh dikatakan tidak mencukupi untuk sara hidup mereka. Sudahlah begitu pendapatan hasil-hasil negerinya itu tidak pula tetap. Akhirnya dengan sebab kehidupan mereka telah terdesak, terpaksalah masing-masing berterus terang mengadukan hal kepada Temenggung Ibrahim. Oleh temenggung ditolongnyalah seberapa ikhlas, serta dinasihatkannya pula dengan berbagai-bagai nasihat yang berguna.

Mereka meminta bantuan kepada temenggung itu bukan puas dengan sekali dua sahaja, bahkan akhirnya hingga terpaksa mereka itu menyerahkan untung nasib kepada temenggung. Mereka itu dikatakan sebenarnya tiadalah tahu bagaimana hendak menyelenggarakan pemerintahan negeri. Dengan itu juga mereka telah memberi keputusan hendak menyerahkan negeri dan Kerajaan Johor itu kepada Temenggung Ibrahim, dengan syarat mereka dapat ketentuan belanja yang boleh diterima tetap pada tiap-tiap bulan.

Sungguh pun pihak temenggung bersetuju dengan cadangan itu, tetapi baginda tiada pula boleh melakukan pekerjaan yang amat besar itu jika tidak setahu atau dapat persetujuan dari Gabenor Negeri-negeri Selat. Oleh itu temenggung pun berundinglah dengan gabenor serta dimintanya apa-apa syor atau cadangan yang baik berhubung dengan perkara pe-

nyerahan negeri Johor itu. Pihak gabenor telah mempersetujukan syarat salah seorang daripada putera-putera Almarhum Sultan Husain Shah (Tengku Ali) lebih dahulu dilantik menjadi sultan.

Pada T.M. 1855 baharulah Tengku Ali dilantik menjadi sultan bagi negeri Johor dan jajahan takluknya. Pada 10 Mac tahun itu juga dibuatlah surat perdamaian di antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim berselesai atas tuntutan masing-masing bagi memiliki negeri Johor.

Ada pun keputusan surat perdamaian itu seperti berikut:

1. Adalah Sultan Ali hingga keturunan atau ahli waris gantinya telah menyerahkan kerajaan dan sepenuh-penuh hak kuatkuasanya kepada Dato' Temenggung Ibrahim hingga kepada keturunan atau ahli waris gantinya untuk selama-lamanya akan kesemua tanah daerah takluk Johor kecuali Jajahan Kesang.
2. Temenggung Ibrahim akan membayar $5,000 kepada sultan apakala sempurna tanda tangan diturunkan dalam surat itu dan $500 dibayar pada tiap-tiap bulan hingga selama-lamanya mulai dari 1 Januari 1855.
3. Negeri (jajahan) Kesang sahaja tinggal dalam pemerintahan sultan.
4. Sekiranya jajahan Kesang hendak dijual oleh sultan, lebih dahulu hendaklah ditawarkan kepada Kompeni Inggeris, kemudian kepada temenggung dengan harga yang sama; setelah itu baharulah ditawarkan kepada orang lain.
5. Berkenaan dengan hal perniagaan hendaklah dibebaskan dan tiadalah boleh membangkitkan atau menimbulkan apa-apa pergaduhan.
6. Sekiranya berbangkit sesuatu perselisihan, bolehlah diserahkan kepada hukuman atau perselesaian Kerajaan India. Kerana adalah perjanjian antara kedua belah pihak diperbuat dengan diketahui oleh kerajaan itu.
7. Adalah perjanjian yang diperbuat itu tidaklah mengganggu atau mencacatkan perjanjian yang dibuat dengan Kompeni Inggeris bertarikh pada 2 Ogos 1824.

Keputusan perjanjian itu, masing-masing pihak iaitu Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim telah menurunkan tanda mohor masing-masing atas surat persetiaan itu dengan disaksikan oleh Gabenor Butterwoth.

Ada pula cerita yang lain mengatakan pada masa Sultan Ali hendak menurunkan cap mohornya di atas perjanjian itu, baginda kelihatan tidak suka dan cuba enggan, sehingga terpaksa dikenakan tekanan baharulah baginda itu hendak menyempurnakannya.

Setelah itu Temenggung Ibrahim pun menyempurnakan segala kehendak syarat-syarat itu. Wang bayaran yang tersebut itu pun diselesaikan oleh temenggung kepada sultan. Dari tarikh itu negeri Johor serta jajahan takluknya dikecualikan jajahan Kesang telah berpindah milik menjadi hak kepunyaan Temenggung Ibrahim Seri Maharaja hingga

kepada keturunan atau ahli waris gantinya selama-lamanya. Mula-mula baginda berikhtiar membawa masuk beberapa orang kuli terutama yang berbangsa China untuk mengusahakan ladang gambir dan lada hitam. Hasil gambir dan lada hitam itulah yang menyebabkan negeri Johor dapat dibina kemajuan dan kebesarannya. Gambir dan lada hitam merupakan hasil yang awal bagi negeri Johor.

Dengan itu, Temenggung Ibrahim melantik beberapa orang ketua dan pegawai bagi menunjukkan dan menjalankan pekerjaan itu. Baginda juga melantik beberapa orang pegawai khas untuk menjaga keamanan dan memungut hasil negeri dan cukai.

Sungguhpun masa itu Johor telah berpindah milik kepada Temenggung Ibrahim, tetapi temenggung masih juga tetap bersemayam di Teluk Belanga, Singapura. Di sanalah pejabatnya bagi menjaga perkara-perkara yang berhubung dengan meneroka dan mengemudikan pemerintahannya di Johor.

Di antara tempat-tempat yang mula-mula dibuka oleh temenggung dalam negeri Johor ialah suatu tempat, Tanjung Puteri namanya (Bandar Johor Bahru sekarang). Tidak lama kemudian dari itu, dengan usaha dan rajin temenggung berikhtiar dan menggalakkan orang ramai masuk bekerja dan berniaga di tempat itu, maka tempat itu pun ramailah. Semenjak itu hasil dan cukai negeri pun makin bertambah-tambah, terutama sekali setelah negeri Johor itu dikenali oleh sekalian ahli saudagar di Singapura yang telah tertarik hati datang masuk menjalankan perniagaan dengan negeri itu.

Sungguhpun masa itu Kerajaan Johor, Pahang dan Lingga telah berpecah-pecah diperintah oleh pemerintahan yang berasingan, tetapi perhubungan di antaranya bolehlah dikatakan erat. Ini kerana isteri kepada Temenggung Ibrahim dan isteri kepada Bendahara Wan Mutahir (Tun Mutahir) Pahang itu ada hubungan keluarga dengan Sultan Muhammad ibni Almarhum Sultan Abd. Rahman yang berkerajaan di Lingga iaitu bersaudara adik beradik. Selain dari itu Temenggung Ibrahim nampaknya pada zaman baginda berkuasa memerintah negeri Johor telah ada juga mencampuri tangan dengan hal-hal yang berlaku di negeri Pahang iaitu pada zaman Wan Mutahir menjadi Bendahara Seri Maharaja di negeri itu. Akan Bendahara Wan Mutahir pula masa itu sedang bermusuh-musuhan dengan adindanya Wan Ahmad kerana berebut hendak menguasai negeri Pahang.

Dalam permusuhan itu nampaknya Temenggung Ibrahim telah menyebelahi kepada Bendahara Wan Mutahir. Dalam bulan Julai 1857 Temenggung Ibrahim telah meminta kepada Gabenor Singapura supaya menegahkan perbuatan Wan Ahmad menyediakan kelengkapan perahu perang di Pulau Tekong kerana hendak menyerang kekandanya Wan Mutahir di Pahang.

Sedang Wan Mutahir bermusuh-musuhan dengan adindanya Wan Ahmad, tiba-tiba bekas Sultan Lingga yang bernama Sultan Mahmud Mudzafar Shah, cucunda Sultan Abd. Rahman yang dilantik Belanda menerajui Riau dan Lingga telah dipecat oleh Belanda dari takhta. Kerajaannya telah datang meminta Bendahara Wan Mutahir melantik baginda menaiki takhta kerajaan Pahang. Dengan sebab permintaannya hendak menjadi Sultan Pahang itu telah ditolak oleh Bendahara Mutahir, maka bekas Sultan Lingga itu telah berpihak pula menyebelahi Wan Ahmad. Dengan sebab itulah Temenggung Ibrahim telah mengambil berat benar-benar menyebelahi dan membantu Bendahara Wan Mutahir melawan pihak Wan Ahmad. Temenggung Ibrahim telah memikirkan jika sekiranya negeri Pahang dapat diperintahkan oleh Sultan Mahmud Mudzafar Shah bekas Sultan Lingga, iaitu ketua kaum keluarga keturunan raja-raja Melayu yang memerintah Johor pada masa dahulu itu, tentulah boleh mendatangkan bahaya kepada kuatkuasa pemerintahan baginda di negeri Johor.

Temenggung Ibrahim lebih suka membantu dan menyebelahi Bendahara Wan Mutahir, kerana hajat hatinya hendak mengekalkan Bendahara Wan Mutahir menjadi bendahara memerintah negeri Pahang. Tatkala itu baharulah dapat temenggung menjalankan kemahuannya hendak mempengaruhi Bendahara Wan Mutahir dan anak-anaknya yang pemadat itu supaya tunduk bersetuju menyatukan Kerajaan Johor dan Pahang menjadi sebuah kerajaan sahaja di bawah pemerintahannya. Cita-cita Temenggung Ibrahim bukan hendak menjadi pemerintah bagi negeri Johor sahaja, bahkan hendak menggelarkan dirinya sebagai Yang Di-Pertuan bagi Johor dan Pahang.

Oleh sebab hendak menguatkan lagi perhubungan baik di antara Temenggung Ibrahim dengan Bendahara Wan Mutahir Pahang itu, seorang anak perempuan temenggung yang bernama Encik Engku Besar (kakanda kepada Encik Wan Abu Bakar yang akhirnya bergelar Sultan Abu Bakar) telah dikahwinkan dengan anak sulung Bendahara Wan Mutahir yang bernama Engku Muda Koris (Wan Koris). Tiada lama lepas itu kira-kira dalam T.M. 1858 Encik Wan Abu Bakar (Sultan Abu Bakar) telah berkahwin pula dengan adinda Wan Koris yang bernama Che' Engku Chik.

Dari perkahwinan inilah menjadikan perhubungan Temenggung Ibrahim dengan Bendahara Wan Mutahir itu makin bertambah-tambah rapat. Dengan perhubungan itu juga Temenggung Ibrahim telah mengikat janji hendak memberi pertolongan kepada Bendahara Wan Mutahir di dalam peperangannya melawan adindanya Wan Ahmad. Dengan perjanjian temenggung ini akhirnya Bendahara Wan Mutahir telah menyerahkan tanah-tanah kawasan yang letaknya di antara Sungai Endau dengan Sungai Sedili Besar yang di bawah kuasa Pahang itu kepada Temenggung Johor.

Untuk mengukuhkan lagi pendirian kerajaannya dan kerana hendak menjaga muslihat kebajikan negerinya, maka Temenggung Ibrahim telah berikhtiar pula membuat satu ikatan persahabatan dengan negeri Pahang. Akhirnya pada 11 Rabiul Akhir 1277, baginda telah berunding dengan Bendahara Wan Mutahir pemerintah Pahang itu mencari persetujuan membuat perjanjian setia secara bersaudara yang berkekalan. Isi kandungan perjanjian itu di antaranya:

1. Kiranya berbangkit suatu pergaduhan dengan sebab langgaran musuh di atas negeri masing-masing, di antara kedua belah pihak hendaklah bertolong-tolongan.
2. Jika berbangkit suatu kekusutan atau pergaduhan di antara kedua belah pihak, hendaklah Kerajaan Inggeris dijadikan sebagai orang tengah kerana menyelesaikan.
3. Jikalau ada kesusahan atau pergaduhan Kerajaan Inggeris di Singapura, hendaklah kedua-duanya (Johor dan Pahang) membantu.
4. Tiadalah boleh seseorang (salah sebelah pihak) membuat sesuatu muafakat kepada raja atau kerajaan lain.
5. Tiadalah boleh keturunan lain menjadi raja negeri masing-masing. Setelah selesai maka kedua pihak pun menurunkan tanda tangan serta memeterikan cap mohor masing-masing.

Pada seharibulan Februari 1862, Temenggung Ibrahim pun mangkat dan jenazahnya telah dimakamkan di Teluk Belanga, Singapura. Baginda mangkat dengan meninggalkan beberapa orang putera dan puteri. Di antara putera-puteranya ialah Encik Wan Abu Bakar (dilantik menjadi sultan menggantikan takhta kerajaan baginda), Engku Abd. Rahman, Engku Muhammad, Engku Abdullah, Engku Abd. Majid dan Engku Muhammad Khalid.

PEMERINTAHAN SULTAN ABU BAKAR

Perjanjian Setia di Antara Johor Dengan Pahang dan Temenggung Abu Bakar Mencampuri Pemerintahan Pahang

Temenggung Ibrahim Seri Maharaja mangkat pada satu haribulan Februari 1862 dan dimakamkan di Teluk Belanga di sisi makam ayahandanya Temenggung Abd Rahman. Putera baginda bernama Encik Wan Abu Bakar telah dilantik menggantikan baginda naik takhta kerajaan dengan gelaran Dato' Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor.

Baginda pada masa mudanya dikenal dengan nama Tun Abu Bakar atau nama timang-timangannya Encik Wan Abu Bakar. Sejak kecilnya, telah diasuh dengan berbagai-bagai pelajaran Melayu dan agama serta mendapat pelajaran Bahasa Inggeris dari Paderi Keasberry.

Setelah dilantik menjadi raja, baginda pun mentadbirkan jajahan takluknya. Baginda termasyhur hingga ke merata-rata Tanah Melayu ini kerana kebijaksanaannya. Baginda pandai benar menambat hati orang kulit putih hingga mereka itu suka bersahabat dengan baginda.

Tanjung Puteri iaitu bandar Johor Bahru sekarang yang dibuka oleh Almarhum ayahandanya Temenggung Ibrahim itu, semakin hari semakin ditumpui ramai oleh saudagar dan hasilnya semakin bertambah-tambah.

Dalam T.M. 1861, iaitu pada zaman Johor masih diperintah oleh Almarhum Temenggung Ibrahim, bendahara yang memerintah Pahang ialah Bendahara Wan Mutahir. Bendahara Wan Mutahir telah uzur dan terpaksalah menyerahkan jawatannya itu kepada anaknya Wan Koris. Jadi Bendahara Wan Koris telah menjalankan pemerintahan negeri. Untuk mengukuhkan lagi persahabatan di antara Johor dengan Pahang, suatu perjanjian setia baharu telah diperbuat di antara Temenggung Abu Bakar dengan Bendahara Wan Koris pada 17 Jun 1862 bersamaan 19 Zulhijah 1278. Di antara isi perjanjian tersebut ialah:

1. Johor dan Pahang mengaku bersahabat selama-lamanya.
2. Jika Johor mendapat kesusahan kerana diserang musuh, Pahang hendaklah membantu.
3. Jika Pahang diserang musuh, Johor hendaklah menghantar bantuan.
4. Sungai Endau dan Pulau Tioman ditentukan sebagai sempadan di antara Johor dengan Pahang.
5. Rakyat di kedua-dua belah pihak mempunyai kebebasan atau hukum yang sama.
6. Rakyat Inggeris hendaklah dibenarkan berniaga dan mendapat kebebasan atau hukum yang sama seperti rakyat negeri.
7. Sekiranya berbangkit apa-apa perselisihan di antara kedua-dua belah pihak, perselisihan itu hendaklah diserahkan kepada Kerajaan Inggeris untuk diselesaikan.
8. Mana-mana pihak tidak boleh membuat perhubungan dengan kerajaan asing dengan tidak setahu Kerajaan Inggeris.

Surat perjanjian ini telah ditandatangani oleh Temenggung Abu Bakar bagi pihak Johor dan Bendahara Wan Koris bagi pihak Pahang dengan disaksikan oleh Gabenor Cavenagh iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat.

Semenjak itu, semakin rapat perhubungan baik di antara Temenggung Abu Bakar dengan Bendahara Wan Koris. Bukan Almarhum ayahandanya Temenggung Ibrahim sahaja yang telah mencampuri hal-hal dalam negeri Pahang, bahkan baginda Temenggung Abu Bakar sendiri telah bersama-sama menyebelahi Bendahara Wan Mutahir dan bendahara mudanya Wan Koris memerangi Wan Ahmad yang mencuba hendak menguasai negeri Pahang. Temenggung Abu Bakar pernah juga menghalang Sultan Tereng-

ganu daripada memberi bantuan kepada Wan Ahmad dan baginda pernah juga meminta Sultan Ja'afar Perak supaya menghentikan penjualan senjata kepada para pengikut Wan Ahmad. Baginda Temenggung Abu Bakar ada menghantar peluru dan ubat-ubatan kepada para pengikut Bendahara Pahang dan menyuruh Bendahara Wan Koris menggunakan orang Johor dalam peperangan melawan Wan Ahmad. Selain daripada itu, baginda juga menawarkan hadiah kepada sesiapa yang boleh mengambil kepala musuhnya Wan Ahmad.

Walau bagaimanapun, pihak bendahara akhirnya tewas dalam peperangan saudara yang berlaku di negeri Pahang itu. Sungguh pun Temenggung Abu Bakar, Johor telah menyebelahi bendahara, tetapi bantuan dan pertolongan yang diberi oleh baginda itu nampaknya tidak mendatangkan faedah kepada bendahara dan juga kepada baginda sendiri.

Semasa peperangan itu berlaku, ramai orang Johor terutamanya orang Bugis telah dihantar oleh Temenggung ke negeri Pahang untuk membantu bendahara. Kedatangan orang Johor itu nampaknya menimbulkan rasa cemburu di kalangan orang besar Pahang hingga mereka itu tidak sepenuh hati meneruskan peperangan melawan Wan Ahmad. Mereka khuatir kalau-kalau pihak bendahara menang, temenggung akan dapat pula mempengaruhi Pahang supaya masuk di bawah perintah Johor.

Setelah pihak bendahara tewas, Bendahara Wan Mutahir serta bendahara mudanya Wan Koris terpaksa meninggalkan Pahang menuju ke Johor. *Hikayat Johor* ada menyebutkan, tatkala kedua bendahara itu sampai ke Kuala Pahang maka Bendahara Koris pun mangkat. Apabila sampai di Kuala Sedili ayahandanya Bendahara Wan Mutahir pula mangkat. Kedua-dua jenazah baginda itu selamat dibawa ke Johor dan dimakamkan di Tanjung Puteri (Johor Bahru).

Khabarnya, Temenggung Abu Bakar, Johor telah terpaksa menggunakan banyak belanja ketika mencampuri peperangan saudara di Pahang itu. Baginda ada juga bercadang dalam bulan Jun 1864 hendak menjualkan Istana Tyersall dan 50 ekar kawasan tanah di Singapura, kepada Kerajaan Inggeris dengan harga $20,000. Ura-ura hendak menjual istana dan tanah itu masih berjalan beberapa lamanya ketika peperangan saudara di Pahang itu berlaku.

Setelah Bendahara Wan Mutahir dan Bendahara Wan Koris keluar meninggalkan Pahang, tamatlah peperangan saudara di antara bendahara-bendahara itu yang dibantu oleh Temenggung Abu Bakar dengan pihak Wan Ahmad. Wan Ahmad telah berjaya menaiki takhta Kerajaan Pahang menggantikan kekandanya menjadi Bendahara Pahang.

Bendahara Wan Ahmad telah berbaik dan membuat perdamaian dengan Temenggung Abu Bakar. Akhirnya Bendahara Wan Ahmad mendapat gelaran sultan, iaitu dengan cadangan Temenggung Abu Bakar

pada masa bendahara itu ke Johor. Tindakan ini mendapat persetujuan dan akuan daripada Kerajaan Inggeris.

Darihal Tanah Teluk Belanga dan Tanjung Puteri dinamakan Johor Bahru

Kira-kira dalam T.M. 1862, Temenggung Abu Bakar telah menyatakan hajatnya kepada Gabenor Negeri-negeri Selat supaya tanah Teluk Belanga yang didudukinya itu dipulangkan kepadanya sebagai milik keturunannya dengan tidak payah menerima bayaran sebanyak $15,000 iaitu sebagaimana yang telah dijanjikan dalam surat perjanjian yang dibuat pada 2 Ogos 1824 di antara almarhum nindanya Temenggung Abd Rahman dengan Almarhum Sultan Husain.

Hal ini telah dipanjangkan ke pengetahuan *Governor General* di Benggala. Akhirnya kehendak baginda itu telah diperkenankan dan pada 19 Disember 1862, bersamaan 28 Jamadil Awal 1279, dibuatlah surat serah menyerah di antara kedua belah pihak. Pada 15 Ogos 1864 baharulah surat pindah milik tanah Teluk Belanga itu diserahkan ke tangan baginda.

Tanah Teluk Belanga yang dikatakan itu ialah kawasan tanah tempat semayam keturunan Temenggung Johor. Di sinilah sampai sekarang boleh di dapati makam Temenggung Abd. Rahman iaitu temenggung yang bersama-sama Sultan Husain Shah menyerahkan Singapura ke tangan Inggeris dan makam Temenggung Ibrahim (Daeng Ronggek) iaitu Temenggung Johor yang telah berjaya memiliki negeri Johor dari tangan Sultan Ali seperti yang telah lalu kisahnya.

Dalam T.M. 1865 Temenggung Abu Bakar telah menerima sebuah kapal dari England bernama "S.S. Johore". Baginda telah menjemput Gabenor Negeri-negeri Selat menggunakan kapal baharu itu pergi berkelah. Malangnya beberapa hari kemudian, didapati kapal itu telah pecah membunuh 5 orang Eropah, 30 orang Melayu termasuk seorang daripadanya anak Munshi Abdullah. Kemalangan ini samalah keadaan kemalangan peperangan yang telah berlaku di Pahang itu.

Tempat yang mula-mula dijadikan negeri oleh Temenggung Ibrahim, ialah Tanjung Puteri iaitu bandar Johor Bahru sekarang. Baginda telah membangunkan sebuah gedung di atas sebuah bukit yang dinamakan Bukit Timbalan atau Bukit Bendera sekarang. Tanjung Puteri itu dinamakan pula Iskandar Puteri. Tempat itu dari sehari ke sehari semakin bertambah ramai penduduknya. Para saudagar juga bertambah ramai membuat perniagaan.

Pada zaman Sultan Abu Bakar (Temenggung Abu Bakar), beberapa buah bangunan kerajaan, rumah pasung, mahkamah dan lain-lain pejabat telah didirikan. Beberapa orang pegawai telah juga dilantik untuk men-

jalankan pemerintahan negeri. Beberapa buah bangunan yang indah-indah seperti masjid, istana serta jalan-jalan raya dan lorong-lorong telah dibina bertujuan menghiasi bandar Tanjung Puteri itu.

Pada masa negeri mula terbuka di Iskandar Puteri, pejabat-pejabat kerajaan, istana dan mahkamah masih tinggal di Teluk Belanga Singapura juga. Segala surat menyurat yang berhubungan dengan kerajaan, semuanya dibuat dan dikeluarkan di Teluk Belanga. Di Teluk Belanga itu juga tempat Temenggung Johor menjalankan pembicaraan orang yang melakukan kesalahan kecil. Perbuatan jenayah yang besar seperti pembunuhan dibicarakan dan dihukum di Iskandar Puteri.

Dalam T.M. 1858 dengan kehendak Temenggung Abu Bakar Pejabat Kerajaan Johor di Teluk Belanga telah dipindahkan ke Iskandar Puteri. Sepupu baginda, Raja Ahmad atau nama timang-timangannya Raja Kecil, telah dilantik menjadi wakil pemerintah menjalankan kerja-kerja di sana. Sungguhpun Temenggung Abu Bakar tiada tetap di sana, kerana baginda masih di Teluk Belanga, tetapi baginda telah bekerja keras membuat undang-undang negeri yang bertamadun dan bersesuaian dengan keadaan negeri Johor. Baginda membuat peraturan untuk keamanan negeri serta membangunkan balai polis di Iskandar Puteri.

Di bawah pentadbiran dan pemerintahan baginda yang bijak, negeri, Johor dari sehari ke sehari bertambah-tambah maju dan hasilnya semakin banyak.

Sebagai satu kenang-kenangan terhadap rakyat dan bangsanya, pada 1 Januari 1866 nama Bandar Iskandar Puteri telah diubah oleh Temenggung Abu Bakar kepada Bandar Johor Bahru. Semenjak itu baginda pun mulalah mengadakan undang-undang dan aturan bagi menetapkan Lembaga Kerajaan. Segala hukuman dan peraturan yang dijalankan oleh baginda adalah berdasarkan kepada undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris. Untuk memudahkan para penanam dan peladang gambir dan lada hitam, baginda telah berikhtiar mengadakan pejabat-pejabat kastam di Johor Bahru, Pendas, Kukub, Batu Pahat, Tanjung Surat dan Pengerang.

Kemudian daripada 24 Januari tahun itu juga, Gabenor Cavenagh ada menyebutkan dalam buku peringatannya mengatakan Temenggung Abu Bakar telah meminta nasihat kepadanya berhubung dengan hal ehwal mencukai barang-barang keluar masuk di Johor. Sungguhpun ada dinyatakan gabenor tidak dapat menunaikan kehendak itu, sebab berlawanan dengan kehendak Perjanjian T.M. 1885 mengatakan "Johor sebuah negeri yang merdeka" ertinya pemerintahan negeri itu tidak boleh dicampur tangan oleh Inggeris, tetapi didapati baginda selalu mendapat pertolongan daripada gabenor bagi mentadbirkan hal cukai barang-barang keluar masuk.

Perselisihan Sempadan Johor Dengan Pahang

Sebelum Bendahara Wan Ahmad membuat perdamaian dengan Temenggung Abu Bakar, iaitu baharu sahaja berhenti peperangan saudara di Pahang itu, telah terbit pula perbalahan kecil di antara baginda kedua berhubung dengan soal sempadan di antara Johor dengan Pahang. Bendahara Wan Ahmad telah berkeras mendakwa beberapa buah pulau di Laut China seperti Pulau Tioman, Pulau Tinggi, Pulau Aur dan lain-lainnya itu, termasuk dalam pemerintahan Pahang. Dengan perselisihan ini, Gabenor Sir Harry St. George Ord akhirnya terpaksa masuk tangan untuk menyelesaikanya. Dalam T.M. 1867, Temenggung Abu Bakar telah diminta menyerahkan balik kepada Pahang pulau-pulau Tioman, Seribuat, Kaban dan beberapa pulau lagi yang duduknya di antara Garisan Lintang Utara 2° 4'. Sungai Endau ditetapkan menjadi sempadan di antara Johor dengan Pahang. Tebing kanan mudik sungai itu termasuk ke dalam pemerintahan Pahang dan tebing kiri mudik termasuk di bawah perintah Johor. Tuan Ord telah menyelesaikan masalah sempadan itu pada awal September 1868.

Bendahara Wan Ahmad tentu sahaja tidak boleh berbuat apa-apa terhadap keputusan sempadan itu apatah lagi merasa tidak puas hati terhadap Temenggung Abu Bakar. Temenggung Abu Bakar ialah raja Melayu yang mula-mula melawat ke England dan telah dapat mencium tangan Queen Victoria serta telah menghantar cerut Manila kepada Prince of Wales. Selain daripada itu baginda juga seorang raja Melayu yang mula-mula sekali balik dari Eropah menerima kurniaan bintang K.C.S.I (Knight Commander of the Star of India).

Semenjak Temenggung Abu Bakar memerintah Johor, perkara sempadan di antara Johor dengan Pahang itu masih belum dapat diselesaikan lagi. Hal perselisihan itu membawa ke zaman Sultan Ibrahim memerintah. Pada 21 Jun 1899 Sultan Ibrahim telah memerintahkan Dato' Md. Saleh bin Perang (Dato Bentara Luar) menyelesaikan perkara sempadan itu. Dato' Md. Saleh terpaksa membawa beberapa orang penolongnya iaitu Abu Bakar bin Koming, Awang bin Husain, Hj. Ya'akub dan 10 orang tukang ukur. Mereka bertolak dari Johor Bahru dengan kapal "Sayang" dan sampai ke Endau pada hari esoknya 22 Jun.

Kedua-dua belah pihak telah menjalankan kerja mengukur di antara kedua belah tebing sungai Endau itu. Dari tebing kanan kuala sungai Endau hingga ke hulu masuk kawasan Pahang dan dari tebing kiri kuala sungai Endau hingga ke hulu masuk kawasan Johor. Sempadan Bukit Besar dibahagi dua. Di sebelah garisan sempadan kanan masuk kawasan Pahang dan di sebelah garisan sempadan kiri masuk Bukit Selanchar menuju Palong atas Segamat Merebau Seratus hulu Muar termasuk kawasan Johor. Pada 2 Ogos baharulah selesai perkara sempadan itu.

Temenggung Abu Bakar Bergelar Sultan dan Hal-ehwal Huru-hara di Negeri-negeri Melayu Serta Jajahan Kesang Diserahkan oleh Sultan Ali Kepada Baginda

Lebih kurang dalam bulan Jun T.M. 1868, bersamaan dengan 27 Rabiul Awal 1285, telah diadakan istiadat kerana mengubah gelaran Temenggung Abu Bakar itu diringkaskan disebut "Maharaja Johor". Oleh sebab itu pada 30 Jun dalam tahun itu juga, baginda telah menulis surat kepada Gabenor Harry Ord memberi ucapan terima kasihnya kepada Kerajaan Inggeris kerana baginda telah beroleh gelaran itu.

Delapan belas tahun kemudian, iaitu pada 13 Februari 1886, baharulah baginda itu meminta gelaran "Sultan" iaitu Sultan Abu Bakar ibni Almarhum Al-Khalil Ibrahim Shah. Selain daripada bijak mentadbirkan pemerintahan negeri dan kerajaannya dengan bantuan sekalian menterinya, baginda juga terkenal sebagai seorang raja Melayu yang telah banyak melawat ke luar negeri.

Dalam T.M. 1866 baginda telah membuat lawatan pertamanya ke England. Baginda telah berjumpa Queen Victoria dan Prince of Wales dan baginda terus mengelilingi pulau-pulau British itu.

Baginda seorang raja Melayu yang berusaha kuat menggalakkan orang masuk ke negeri Johor untuk berladang kopi, gambir, lada hitam dan teh. Baginda juga menggalakkan orang masuk hutan memotong kayu dan mengeluarkan hasil dari hutan itu. Di antara hasil yang terutama sekali dipandang sebagai hasil yang mula membangkitkan kemakmuran dan kemajuan negeri Johor ialah lada hitam dan gambir.

Oleh sebab hutan di Johor masa itu boleh menghasilkan banyak kayu yang baik-baik dan berharga, baginda telah membawa masuk beberapa buah jentera membelah papan. Perusahaan membelah papan itu mula diusahakan dalam negeri Johor pada T.M. 1859 dan dalam T.M. 1887 telah menjadi perusahaan membelah papan yang terbesar di Asia. Baginda telah menggajikan beberapa orang pemotong kayu Melayu dan menggajikan Tuan Meldrum seorang Eropah bagi menjadi pemeriksa hutan simpan dan tumbuh-tumbuhan serta menyeliakan penanaman pokok baharu.

Baginda mempunyai dua orang cahaya mata, yang sulungnya seorang puteri bernama Tengku Maryam diputerakan pada 21 Disember 1871, akhirnya diperisterikan oleh Sultan Mahmud Pahang bergelar Tengku Ampuan Besar Pahang dan seorang lagi putera bernama Tengku Ibrahim Iskandar yang diputerakan pada 17 September 1873, dan akhirnya menjadi sultan menggantikan takhta kerajaan baginda.

Baginda Sultan Abu Bakar seorang raja Melayu yang terkenal berhemah tinggi serta bijaksana mentadbirkan pemerintahan negeri dan kerajaannya. Oleh sebab itu, Kerajaan Inggeris Negeri-negeri Selat selalu

meminta pertolongan baginda supaya memadamkan huru-hara dan kacau-bilau yang berlaku di Negeri-negeri Melayu. Baginda juga beberapa kali diminta oleh Kerajaan Inggeris memberikan bantuannya bagi mencegah tindakan yang dilakukan oleh gerombolan perompak dan lanun yang masih berleluasa di kawasan keliling laut Singapura terutamanya di kawasan Selat Johor timur, Tanjung Ramunia, Pengerang, Pulau-pulau Ubin dan Tekong dan di Selat Kukub serta Pulau Pisang di bahagian barat.

Dalam T.M. 1868 didapati Sultan Abd. Samad Selangor telah mengangkat Tengku Kudin (Tengku Dziauddin) menantunya menjadi wakil mutlak memerintah negeri Selangor. Lantikan itu amat tidak disukai oleh Raja Mahdi iaitu seorang raja yang berpengaruh di Kelang. Dalam pergaduhan di antara Tengku Kudin dengan Raja Mahdi itu, akhirnya Kerajaan Inggeris telah memberi bantuan kepada Tengku Kudin. Masa itu juga seorang Johor yang bernama Wan Abd. Rahman telah dihantar oleh baginda Sultan Abu Bakar menolong Kerajaan Inggeris memadamkan huru-hara yang berlaku di Selangor.

Dengan menghantar Wan Abd. Rahman itu bererti Sultan Abu Bakar telah masuk tangan hendak memadamkan huru-hara itu. Tetapi dalam bulan November 1871 didapati Wan Abd. Rahman telah ditawan oleh pihak Raja Mahdi. Kemudian Raja Mahdi telah menyediakan satu angkatan empat buah kapal dengan jong dan peluru dan mencuba membesar-besarkan diri mengatakan Maharaja Johor (Sultan Abu Bakar) ada memberi sebuah kapal kepadanya. Kesudahannya kelengkapan Raja Mahdi di Bengkalis itu telah dirampas oleh orang Belanda iaitu dengan suruhan pihak Kerajaan Inggeris.

Raja Mahdi telah ke Singapura dan merayu minta betulkan halnya yang telah jadi di Selangor. Pihak peguam dan Sultan Abu Bakar pada mulanya telah tertarik hati membenarkan Raja Mahdi menuntut haknya di Selangor. Raja Mahdi telah menyeberang ke Johor. Masa itu Sultan Abu Bakar telah memberi pengakuan kepada Gabenor Singapura mengatakan Raja Mahdi itu sebenarnya tidak berniat jahat kepada Selangor. Akuan Sultan Abu Bakar itu nyatalah sebagai satu bayangan yang menyatakan baginda itu ada menyebelahi ke pihak Raja Mahdi.

Tetapi entah bagaimana agaknya, dua bulan kemudian, iaitu dalam bulan Julai 1872 didapati Raja Mahdi telah terhalau dari Johor dan telah memulakan balik peperangannya melawan Tengku Kudin di Selangor. Masa itu telah timbul pula tuduhan dari Tuan W.H. Read memecat-mecat perbuatan Sultan Abu Bakar, sentiasa bermusuh-musuh dan tidak bersetuju dengan Tengku Kudin. Dalam Majlis Mesyuarat Undangan, Tuan Read telah berterus terang mengatakan Sultan Abu Bakar ada membantu Raja Mahdi melawan musuhnya Tengku Kudin. Kesudahannya Sultan Abu Bakar dapat juga bekerjasama bagi memadamkan dan mengamankan huru-hara yang berlaku di Selangor itu.

Dalam bulan November 1875 pula didapati Tuan J.W.W. Birch iaitu British Residen Perak yang mula-mula telah mati terbunuh oleh orang-orang Dato' Maharaja Lela di Pasir Salak. Sultan Abu Bakar telah menjadi orang tengah di antara bangsanya dengan orang Inggeris berkenaan dengan hal yang telah berlaku itu. Bekas Sultan Ismail Perak telah menulis beberapa pucuk surat kepada Sultan Abu Bakar kerana hal dirinya kepada gabenor. Sultan Abu Bakar telah menasihatkan minta Sultan Ismail itu menyerah diri. Sebab hal dirinya ada terbabit dengan perkara bunuh di atas diri Tuan Birch itu, Sultan Ismail telah berundur ke Johor dan dibenarkan oleh Sultan Abu Bakar beberapa lamanya duduk dalam jagaan atau pandangan baginda.

Kesudahan huru-hara di Perak itu, Sultan Ismail telah mangkat di Johor dan Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Endut, iaitu tiga orang besar Perak yang bertanggungjawab dalam pembunuhan Tuan Birch itu telah menyerah diri ke Johor. Kemudian malangnya ketiga-tiga orang besar itu diserahkan pula oleh Sultan Abu Bakar kepada gabenor dan dibawa balik ke Matang Perak dan digantung di sana.

Sebab Sultan Abu Bakar ada campur tangan menolong Kerajaan Inggeris menyelesaikan huru-hara yang berlaku di kedua-dua buah negeri Melayu itu, didapati ada cadangan dari London hendak melantik Sultan Abu Bakar itu memerintah negeri Perak. Tetapi Gabenor W.F.D. Jervois lebih dahulu telah sedarkan hal cadangan itu. Pendapatnya jika diteruskan tentu sahaja akan menerbitkan malapetaka di belakang hari. Cadangan hendak melantik Sultan Abu Bakar itu kesudahannya tinggal cadangan sahaja.

Sultan Abu Bakar bukan sahaja campur tangan bersama-sama Kerajaan Inggeris memadamkan beberapa huru-hara yang berlaku di negeri-negeri yang disebutkan tadi, bahkan baginda telah juga berangkat dengan beberapa orang menterinya ke Pahang hingga akhirnya pada 24 Ogos 1888 dengan pengaruh dan nasihat baginda, Sultan Ahmad Pahang masa itu mengaku supaya Kerajaan Inggeris Negeri-negeri Selat menghantar seorang pegawai Inggeris datang ke Pahang menolong Sultan Pahang memerintah negeri itu untuk kebaikan dan kebajikan negeri Pahang pada masa yang akan datang. Ini adalah seperti peraturan yang telah diadakan dalam Negeri-negeri Melayu yang telah bernaung di bawah bendera Kerajaan Inggeris.

Dalam T.M. 1875 Sultan Abu Bakar telah melawat Culcutta. Baginda telah berjumpa dengan Prince of Wales yang juga Putera Mahkota Inggeris pada masa Putera itu membuat lawatan ke sana. Dalam T.M. 1881 Sultan Abu Bakar telah melawat ke Jawa dan dalam T.M. 1883 pula baginda telah melawat ke Hongkong, Shanghai, Peking dan Jepun. Baginda telah juga melawat Eropah beberapa kali.

Pada 2 Ogos 1878, baginda ada menulis dari 62 Queen's Gate di South

Kensington kepada Colonel Anson di Pulau Pinang mengatakan baginda akan menziarah Paris, Vienna, dan barangkali ke Itali. Dalam surat baginda itu juga baginda telah menyatakan kegemarannya hendak bersahabat dengan anak-anak raja di Eropah terutama berjumpa dalam majlis-majlis besar dengan anak-anak Raja Inggeris.

Akan hal Sultan Ali iaitu sultan yang telah menyerahkan Johor kepada Temenggung Ibrahim, masa itu telah bersemayam di Melaka. Sungguhpun baginda telah menerima sara hidup sebanyak $500 pada tiap-tiap bulan dari Sultan Abu Bakar, iaitu mengikut syarat-syarat perjanjian yang telah dibuat di antara baginda dengan Temenggung Ibrahim masa baginda menyerahkan Johor pada 10 Mac 1855, nampaknya sara hidup yang sebanyak itu tidak juga mencukupi. Keadaan baginda sentiasa runsing, sesak belanja dan tidak lepas dari belenggu hutang. Daerah Kesang yang masih di dalam pemerintahannya, iaitu kawasan tempat kubur saudara-mara dan datuk neneknya telah puas diikhtiarkan, hendak menerbitkan hasil nampaknya tidak berjaya.

Dengan sebab kehidupannya yang terdesak itu, berkali-kali juga baginda telah meminta pertolongan kepada Sultan Abu Bakar. Sultan Abu Bakar telah bermurah hati memberi pertolongan dengan dinaikkan jumlah bayaran yang telah ditentukan pada tiap-tiap bulan itu. Separuh daripada hutang baginda itu telah diselesaikan oleh Sultan Abu Bakar.

Lebih kurang dalam T.M. 1862, Sultan Ali telah menanggung hutang yang berat kepada seorang ceti yang bernama Kavana Chana Shellapa Chetty. Sultan Ali telah memberi ceti itu kuasa untuk menjual jajahan Kesang itu kepada Kerajaan Inggeris atau Sultan Abu Bakar dan siapa-siapa yang lain mengikut syarat perjanjian yang dibuat dalam T.M. 1855 di antara Almarhum Temenggung Ibrahim dengan Kerajaan Inggeris dan dengan dirinya.

Dalam T.M. 1868 Sultan Ali telah memberi kuasa pula kepada seorang India bernama Babu Ramasamy, iaitu seorang guru sekolah untuk menolong memungut pendapatan hasil kosong dari jajahan Kesang itu. Dalam T.M. 1872 pula Sultan Ali telah membenarkan seorang Eropah melombong bijih selama 5 tahun. Dalam T.M. 1875 Sultan Ali telah mengurniakan juga 45 batu persegi kawasan kepada seorang Amerika. Tujuannya kerana berikhtiar supaya jajahan pemerintahannya dapat hasil.

Oleh kerana Sultan Ali selalu menanggung kesusahan dan pendapatan baginda yang sebanyak itu tidak mencukupi, baginda akhirnya berura-ura hendak menyerahkan jajahan Kesang kepada Sultan Abu Bakar.

Lord Carnarvon, Menteri Jajahan Takluk Inggeris berpendapat Sultan Abu Bakar sebenarnya yang layak memerintah jajahan Kesang. Sungguhpun demikian, menurutnya perkara Kesang sebenarnya bukan boleh dijual beli kerana ada waris-waris yang berhak terhadapnya. Keputusan

1. Temenggung Daeng Ibrahim Ibni Temenggung Abdul Rahman (Raja Johor ke-18)

2. DYMM Sultan Abu Bakar Ibni Temenggung Daeng Ibrahim (Sultan Johor ke-19)

3. DYMM Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar (Sultan Johor ke-20)

4. DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Ibrahim (Sultan Johor ke-21)

5. DYMM Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor ke-22

6. DYMM Sultanah Zanariah

7. DYMM Tunku Mahkota Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar

8. YAM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah

9. DYMM Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail bersama DYMM Sultanah Zanariah dan Putera serta Puteri Baginda

10. DYMM Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar, Sultan Johor ke-20, berdiri di sebelah kanan bersama dengan ahli-ahli Lembaga Penasihat Kerajaan baginda ketika berkunjung ke London.

11. Berdiri di belakang: DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Ibrahim.
Duduk dari kanan: YAM Tengku Abu Bakar (Tengku Haris Bendahara) Ibni Sultan Ibrahim, Datuk Onn bin Ja'afar.
Berdiri di kiri: YAM Tengku Ahmad (Tengku Temenggung) Ibni Sultan Ibrahim.



12. Upacara membuka Tambak Johor (Johore Causeway) 1924. Dari kanan DYMM Sultan Ibrahim Johor, DYMM Yam Tuan Besar Tuanku Muhammad Negeri Sembilan, Governor Sir Lawrence N. Guillemard, dan DYMM Sultan Sulaiman Selangor.

13. Kawasan Teluk Belanga Singapura dan bekas bangunan Balairong Seri Temenggung yang kemudian dijadikan masjid dan kini telah dirobohkan.

14. Ahli-ahli majlis mesyuarat negeri Johor sebelum perang Jepun (1941-45). Duduk di tengah, R.O.Winstead, Penasihat Am Johor. Di kanannya, DYMM Tengku Ismail (Tengku Mahkota Johor), dan di kirinya, Engku Abdul Aziz bin Abdul Majid, Menteri Besar Johor.

15. Dato' Jaafar bin Hj. Muhammad (Menteri Besar Johor pertama)

16. Dato' Muhammad bin Mahbub (Menteri Besar Johor ke-2)

17. Dato' Abdullah bin Jaafar (Menteri Besar Johor ke-3)

18. Dato' Mustafa bin Jaafar (Menteri Besar Johor ke-4)

19. Dato' Abdul Hamid bin Yusuf (Menteri Besar Johor ke-5)



20. Engku Abdul Aziz bin Abdul Majid (Menteri Besar Johor ke-6)

21. Dato' Onn bin Jaafar (Menteri Besar Johor ke-7)

22. Dato' Syed Abdul Kadir bin Mohamed (Menteri Besar Johor ke-8)

23. Dato' Wan Idris bin Ibrahim (Menteri Besar Johor ke-9)

24. Tan Sri Hj. Hassan Yunus (Menteri Besar Johor ke-10)

25. Tan Sri Hj. Othman Saat (Menteri Besar Johor ke-11)

26. Dato' Abdul Ajib Ahmad (Menteri Besar Johor ke-12)

27. Tan Sri Hj. Muhyiddin Yassin (Menteri Besar Johor ke-13)

28.ISTANA BESAR: Dibina pada tahun 1866 oleh Almarhum Sultan Abu Bakar sebagai Istana Semayam. Istana Semayam ini berpindah ke Istana Bukit Serene setelah siap dibina pada tahun 1937. Istana Besar kemudiannya dijadikan tempat berlangsungnya upacara-upacara rasmi seperti Istiadat Kemahkotaan DYMM Sultan, Istiadat menyambut ulangtahun hari-hari keputeraan Baginda Sultan dan seumpamanya. Di sini juga tersimpan banyak khazanah Diraja Johor dari zaman ke zaman. Di sini juga letaknya Muzium Diraja Johor.

29. ISTANA BUKIT SERENE: Istana ini dibina pada tahun 1937. Pada masa sekarang di sinilah tempat bersemayam DYMM Sultan Johor

30. MASJID SULTAN ABU BAKAR: Masjid ini telah dibuka dengan rasminya oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar pada 2hb. Februari, 1900. Masjid ini adalah di antara beberapa bangunan yang indah terbina di Johor Bahru.



31. Polis Johor sebelum perang Jepun (1941-1945)



32. Pasukan Volunteer Johor (JVF) bergambar dalam tahun 1935 bersama-sama dengan DYMM Sultan Ibrahim. Di belakang ialah bangunan pejabat besar Timbalan Setia Negeri Johor (JMF) di Bukit Timbalan, Johor Bahru.

33. Pasukan pancaragam Timbalan Setia Negeri Johor (J.M.F.) sebelum perang Jepun (1941-1945)

hendak menyatukan pemerintahan Johor dengan Kesang tidak dibuat dengan serta-merta. Undi diadakan. Enam daripada sembilan orang, dua daripadanya sakit, telah bersetuju menyerahkan Kesang kepada Sultan Abu Bakar.

Menurut keputusan undi ini tentulah pihak Sultan Abu Bakar telah berjaya memiliki tanah Kesang itu. Sebaliknya pula Menteri Jajahan Takluk itu masih berbelah-belah hati atas keputusan itu. Oleh hendak menjelaskan lagi atas keputusan itu, dia telah menjemput semua orang yang berkenaan dengan tanah Kesang itu membuat suatu surat perjanjian serah-menyerah bagi dipersetujukan oleh Pejabat Tanah Jajahan.

Akhirnya anak Temenggung Muar dengan enam orang waris yang lain serta Temenggung Ismail sendiri (Temenggung Paduka Tuan Muar) telah menulis surat kepada Colonel Anson, menyatakan kesyukurannya kepada Allah yang Sultan Abu Bakar masa itu sudah pun memerintah jajahan Kesang. Bagi menambahkan lebih-lebih kepercayaan lagi, berpegang kepada pengakuan Sultan Ali sendiri bahawa kerajaannya dan penduduk Kesang sebenarnya telah menjadi milik Sultan Abu Bakar dan keturunannya.

Sungguhpun perkara serah milik tanah Kesang itu telah selesai, tetapi tidak berapa hari kemudian heboh surat-surat khabar dalam negeri memasyhurkan kononnya Temenggung Ismail (Temenggung Paduka Tuan Muar) itu telah ditangkap dan dibawa ke Johor kerana dipaksa menandatangani surat pengakuan berkenaan dengan menyerahkan jajahan Kesang itu. Perkhabaran ini telah menimbulkan kemarahan Tuan Anson. Dengan serta-merta dipanggilnya balik semua orang yang telah mengundi dahulu itu ke Singapura bagi memutuskan lagi hal jajahan Kesang ini. Pihak Sultan Abu Bakar tentu sahaja menidakkan di atas apa yang telah dimasyhurkan oleh surat khabar itu.

Oleh kerana sara hidupnya yang tidak berkeputusan itu, akhirnya dalam T.M. 1877, Sultan Ali telah menyerahkan jajahan Kesang itu kepada Sultan Abu Bakar. Sultan Ali hanya menerima jumlah belanja hidup pada tiap-tiap bulan $1,250 dibayar hingga turun-temurun baginda. Tiada berapa lama kemudian, iaitu pada Jun dalam tahun itu juga, Sultan Ali telah mangkat di Kampung Umbai Melaka. Jenazahnya dimakamkan di kawasan masjid kampung itu juga. Hingga masa sekarang makamnya masih baik.

Patut juga disebutkan di sini, masa hendak diadakan istiadat memakamkan jenazah Sultan Ali itu, puteranya Tengku Alam yang pada masa itu bersemayam di Kampung Gelam Singapura telah mencuba meminta Gabenor Negeri-negeri Selat, iaitu Tuan W.F.C Robinson menetapkan dirinya dilantik menggantikan almarhum ayahandanya menjadi sultan bagi negeri Johor. Maksud Tengku Alam itu tentu sahaja tidak termasuk pada fikiran gabenor kerana Negeri-negeri Johor tidak lagi menjadi hak

kepunyaannya yang berketurunan kerana telah diserahkan oleh almarhum ayahandanya Sultan Ali kepada raja-raja keturunan temenggung (kepada Temenggung Ibrahim dan Sultan Abu Bakar).

Sungguhpun istiadat memakamkan jenazah Sultan Ali itu telah pada mulanya tergendala hingga berhari-hari lamanya, tetapi kesudahannya setelah gabenor serta Sultan Abu Bakar dan Tengku Alam bertolak dari Teluk Belanga ke Melaka baharulah dapat disempurnakan jenazah.

Kemudian dari itu berkenaan dengan wang sara hidup sebanyak $1,250 pada tiap-tiap bulan yang dibayar oleh Sultan Abu Bakar kepada Almarhum Sultan Ali itu dahulu hendak dibahagi-bahagikan kepada putera-putera almarhum dan ahli warisnya; tetapi cara pembahagian itu telah tidak dipersetujui oleh Tengku Alam. Baginda berkehendakkan bayarannya itu semua diserahkan kepadanya kemudian baharu dalam timbangannya bagi diserahkan kepada warisnya. Oleh sebab ada di antara ahli warisnya yang tidak bersetuju dengan kehendak Tengku Alam itu, akhirnya wang itu terpaksa diserahkan oleh Sultan Abu Bakar kepada Perbendaharaan Kerajaan Singapura. Kemudian dari sana baharulah Tengku Alam itu sanggup menerima bahagiannya yang telah ditetapkannya mengikut kadar masing-masing di antara ahli warisnya.

Pada 5 Februari 1879 baharulah Kerajaan Johor mengeluarkan pemasyhuran mengatakan Sultan Abu Bakar telah dipersetujukan oleh temenggung, Penghulu Muar dan Penghulu Kesang dijadikan raja atau pemerintah bagi jajahan yang baharu diserahkan oleh Almarhum Sultan Ali kepada baginda. Persetujuan itu telah diaku pula oleh Kerajaan Inggeris. Dari masa itu baharulah tetap Sultan Abu Bakar itu sebagai pemerintah Johor.

Hura-hara di Muar

Semenjak negeri Johor diserahkan oleh Sultan Ali kepada Temenggung Daeng Ibrahim dalam T.M. 1855, jajahan Kesang itu sebenarnya memang sentiasa dikehendaki oleh temenggung. Baginda telah menuntut jajahan Kesang itu supaya diserahkan sekali kepada baginda seperti negeri (jajahan) Johor itu. Masa itu jumlah penduduk Kesang hanya seramai 800 orang tetapi tiada bekerajaan dan tiada pula berhasil. Pemerintahannya hanya ditadbirkan oleh Temenggung Paduka Tuan Muar, iaitu keturunan temenggung yang memerintah dari semenjak permulaan Kurun Masihi 17 di bawah kuasa Sultan dan Temenggung Johor.

Setelah Sultan Ali menyerahkan negeri Johor kepada Temenggung Ibrahim dalam T.M. 1855, perhubungan Johor dengan Muar renggang. Sultan Ali hanya memerintah di sebelah tebing kanan dan Temenggung Ibrahim di sebelah kiri sungai Muar. Masa itu Temenggung Ismail (Temenggung Paduka Tuan Muar) telah berpindah duduk di Segamat.

Beberapa tahun kemudian telah bangkit pula pergaduhan dan pembunuhan di antara pihak Temenggung Ibrahim dengan pihak Silawatang kepala Bugis di Kuala Muar. Temenggung Ibrahim ada mempunyai 400 orang lengkap dengan senjata. Pengikut Silawatang ialah antara 70 dengan 80 orang. Banyak di antara kedua pihak yang luka dan terbunuh serta ramai penduduk Muar terkena rompak hartanya oleh Silawatang itu.

Huru-hara ini telah berpanjangan hingga ke zaman Sultan Abu Bakar memerintah Johor. Sebab-sebab pergaduhan itu iaitu Sultan Ali (pemerintah Kesang) tiada membayar wang kepada Silawatang bagi menyudahkan sesuatu perkajaan. Oleh Silawatang dipungutnya cukai barang-barang keluar masuk di Kuala Muar itu. Dalam T.M. 1873, pergaduhan itu dapat diamankan oleh Sultan Abu Bakar dan Silawatang serta pengikutnya dapat ditangkap.

Kesudahannya oleh sebab Sultan Ali itu sentiasa sesak belanja dan hutangnya pun banyak tidak berbayar, terpaksalah dalam T.M. 1877 jajahan Kesang itu diserahkan kepada Sultan Abu Bakar. Dari semenjak itu Sultan Ali dan keturunannya tiada berhak lagi di atas jajahan Kesang itu.

Pada 25 Oktober 1879 bangkit peperangan di Jementah Hulu Muar. Beberapa orang telah dibunuh oleh Tengku Nong dan Panglima Sanchu. Sebab bangkit peperangan itu ialah Tengku Alam, putera Sultan Ali yang menyerahkan jajahan Kesang kepada Sultan Abu Bakar dalam T.M. 1877, mencuba hendak memerintah jajahan Muar di sebelah kiri mudik; tetapi tidak dipersetujui oleh temenggung, penghulu-penghulu dan kepala-kepala panglima di tempat itu.

Beberapa bulan terlebih dahulu, didapati Tengku Alam dengan bersulit-sulit telah menyuruh sepupunya Tengku Nong dan Tengku Mat adiknya mengasut Panglima Besar Sanchu, Wan Daud anak temenggung serta Wan Abas dan beberapa ramai panglima termasuk orang dari Negeri Sembilan yang bernama Raja Berambut Panjang, supaya membangkitkan huru-hara di jajahan Muar kiri itu. Di antara tempat yang mula-mula diserang oleh mereka ialah Jementah, iaitu sebuah jajahan yang penuh dengan sawah padi dan dusun buah-buahan. Serangan mereka berjaya. Tengku Nong melantik dirinya menjadi Raja Muda dan Wan Daud bergelar Temenggung Paduka Tuan.

Oleh kerana banyak rumah rosak binasa dibakar, harta benda dirampas dan ramai orang dibunuh, Penghulu Jementah terpaksa berlepas diri mengadu kepada pihak yang berkuasa yang ada di Muar kanan itu. Sultan Abu Bakar telah memerintahkan sepupunya bernama Engku Ahmad membawa beberapa orang, lengkap dengan alat senjata menyerang musuh di tempat yang bernama Lubuk Bandan. Pasukan musuhnya Tengku Nong dan Panglima Sanchu telah berundur enam batu bertahan di kaki Gunung Ledang.

Dalam peperangan ini, Encik Md. Saleh bin Perang (Dato' Bentara Luar), telah diperintahkan oleh Sultan Abu Bakar mengetuakan satu pasukan lengkap dengan tiga empat ratus senapang (senapang kapak) dan meriam, membantu Engku Ahmad yang bertapak di Lubuk Bandan. Ahli-ahli pasukan ini kebanyakan orang polis kerana masa itu pasukan bersenjata (Timbalan Setia Negeri) Johor itu belum ditubuhkan lagi.

Tatkala sampai di Lubuk Bandan, Encik Md. Saleh bin Perang telah menyusun semula pasukannya supaya menjadi lebih kuat. Pasukannya itu terdiri daripada sepuluh orang panglima yang handal-handal dan 500 orang lengkap dengan senjata senapang dijadikan empat pasukan. Pasukan yang pertama diketuakan oleh Panglima Perang Isa, Pasukan yang kedua Panglima Kiri Awang, Pasukan yang ketiga Panglima Besar Yusof dan Pasukan yang keempat Panglima Dalam Lamit. Kesemua pasukan ini di bawah perintah Encik Md. Salleh bin Perang.

Apabila pasukan ini sampai di Dusun Dedap, mereka telah diserang oleh angkatan Tengku Nong dan Panglima Sanchu. Tiga orang terbunuh dan enam tujuh orang mendapat luka parah. Pihak Tengku Nong tiada diketahui berapa orangnya terkorban.

Encik Md. Salleh bin Perang telah mengikat semula barisannya. Disuruhnya 100 orang menebang batang buluh, diberkas supaya senang diangkat dan dibawa orang untuk dijadikan kubu dan perisai. Lebih lima puluh orang diperintahkan membuat jalan rentas mengepung kubu musuh. Empat buah meriam diatur pada tempatnya mengadap sasarannya ke kubu musuh. Panglima Besar Yusof dan Panglima Kiri Awang dengan seratus orang mengangkut buluh dan Panglima Isa dengan lima puluh orang diketuakan oleh Encik Md. Saleh bin Perang membuat kubu dan yang lainnya berkawal. Tebal kubu itu kira-kira empat lapis berkas buluh diagakkan tiada jejas oleh peluru lela.

Pada pukul 4.30 pagi 30 Disember 1879, empat buah meriam dan lima puluh pucuk senapang pihak Encik Md. Saleh bin Perang mula serempak menembak. Pihak Tengku Nong dan Panglima Sanchu yang sedang tidur telah gempar, memalu gendang perangnya dan terus membalas tembak. Peperangan berlaku dengan hebatnya hingga siang. Akhirnya dengan keberanian Panglima Perang Awang dan Engku Ahmad, pasukan Tengku Nong dan Panglima Sanchu dapat ditewaskan. Tengku Nong, Tengku Mat adiknya, Wan Daud dan Raja Berambut Panjang serta beberapa pembantunya dapat ditawan dan dibawa balik ke Johor Bahru. Seorang kawannya bernama Sharif telah ditembak mati oleh Panglima Perang Awang sebab dia mencuba hendak melawan. Bila dibicarakan, Tengku Nong telah diampunkan oleh Sultan Abu Bakar.

Inilah sahaja sedikit huru-hara yang berlaku di dalam negeri Johor. Peperangan yang berlaku di Jementah itu sebenarnya peperangan di antara pihak Sultan Abu Bakar dengan pihak Tengku Alam putera Sultan

Ali yang telah menyerahkan jajahan Kesang kepada Sultan Abu Bakar. Sungguhpun jajahan itu telah menjadi kepunyaan Sultan Abu Bakar dan keturunannya dengan akuan Kerajaan Inggeris, tetapi nampaknya Tengku Alam masih belum berpuas hati atas penyerahan jajahan itu. Tengku Alam dengan bersulit-sulit menggunakan pengaruhnya yang lemah itu menghasut beberapa orang pengikutnya membangkitkan huru hara peperangan melawan Sultan Abu Bakar. Malangnya percubaan itu tidak berjaya. Kedua-dua huru-hara yang dilakukan oleh Silawatang di Kuala Muar dan Tengku Nong di Jementah itu berpunca dari angkara Sultan Ali dan puteranya Tengku Alam.

Perjanjian Setia di Antara Kerajaan Johor dengan Kerajaan Inggeris (T.M. 1885) dan Taraf Negeri dan Kerajaan Johor

Sungguhpun Johor diperintah oleh seorang raja yang berhemah tinggi dan luas pengalaman, tetapi bolehlah dikatakan pada masa itu kedudukan Kerajaan Johor belum tetap berkekalan di atas tapak kemerdekaannya. Oleh itu Sultan Abu Bakar telah berikhtiar hendak membuat satu perjanjian setia dengan Kerajaan Inggeris bagi menjayakan maksudnya.

Pada 24 Mei 1885 baginda diiringi oleh adindanya Engku Muhammad Khalid, Encik Abd. Rahman bin Anda, (Dato' Seri Amar Di Raja) dan Encik Abdullah Tahir (Dato' Seri Setia Raja) telah belayar ke England. Di sana baginda telah mengadap Queen Victoria serta dinyatakannya segala tujuannya itu. Akhirnya dapatlah persetujuan dari Queen lalu dibuatlah satu perjanjian setia bagi mengukuhkan persahabatan dengan Kerajaan Inggeris.

Di antara tujuan-tujuan isi Perjanjian Setia itu lebih kurang demikian:

1. Hendaklah Kerajaan Inggeris Negeri-negeri Selat dan Kerajaan Johor sentiasa dengan tulus ikhlas menjalankan ketetapan isi negeri dan bersatu menjaga langgaran musuh dari luar atau dalam. Serta sama-sama serah menyerah orang-orang salah.
2. Kerajaan Johor akan bersama-sama menyempurnakan, diminta bersama-sama membuat ikhtiar kerana menyenangkan perniagaan dan bersama-sama mengadakan jalan darat menerusi dari Johor ke Pahang.
3. Bila dikehendaki Kerajaan Johor boleh menerima seorang pegawai Inggeris yang berpangkat pegawai pemerintah serta disediakan tempat rumah kediamannya.
4. Wang perbelanjaan yang digunakan di Negeri-negeri Selat diaku boleh digunakan di dalam negeri Johor, iaitu dengan sama harganya dan dapat tukarannya dari Kerajaan Negeri-negeri Selat.
5. Sekalian pegawai Inggeris bila-bila masa dibebaskan melalui laut

Johor dan ditetapkan sempadan laut ialah tiga batu dari pantai dan mana-mana tempat yang kurang daripada enam batu hendaklah dianggarkan sama tengah di antara kedua.

6. Johor tiada boleh membuat perjanjian atau membuat sebarang perhubungan bertulis dengan kerajaan lain dan tiada boleh campur tangan dalam pekerjaan atau pemerintahan lain-lain Negeri Melayu atau memberi sagu hati kepada lain daripada rakyat Inggeris. Kiranya hendak dijalankan lebih dahulu hendaklah dengan kebenaran Kerajaan Inggeris.
7. Kerajaan Inggeris menyertakan dan mengaku akan Yang Maha Mulia Maharaja Johor dan waris gantinya memakai gelaran "Sultan" bagi negeri dan jajahan Johor.

Lebih kurang inilah tujuh perkara di antara kandungan besar isi surat persetiaan yang telah ditandatangani oleh Tuan Frederick Stanley bagi pihak Kerajaan Inggeris dengan Maharaja Abu Bakar (Sultan Abu Bakar) disaksikan oleh Sir Robert G.W. Herbert dan Encik Abd. Rahman bin Anda' (Dato' Seri Amar Di Raja) bagi pihak Kerajaan Johor. Surat persetiaan ini telah dibuat di Pejabat Tanah Jajahan London pada 11 Disember 1885 bersamaan dengan 3 Safar T.H. 1303.

Setelah diperbuat Perjanjian Setia itu, baharulah baginda beroleh gelaran "Sultan". Tarikh mula diisytiharkan gelaran itu ialah pada 13 Februari 1886. Semenjak itu raja-raja keturunan Temenggung (Bugis) yang memerintah Johor tidak lagi memakai gelaran Daeng atau Temenggung tetapi gelaran "Sultan" hinggalah sekarang.

Di dalam Perjanjian Setia di antara Johor dengan Kerajaan Inggeris pada T.M. 1885 itu, Kerajaan Inggeris telah mengaku akan kebebasan dan kemerdekaan negeri Johor dengan menggunakan sebutan "Negeri Johor Yang Merdeka". Dalam perjanjian itu Kerajaan Inggeris dan Kerajaan Johor telah mengaku bertolong-tolongan di antara kedua pihak dengan ikhlas hati masing-masing bagi keselamatan isi negeri dalam jajahan negeri masing-masing. Bersama tolong-menolong pada menolakkan musuh dari luar yang mencuba melanggar atau menyerang salah sebuah daripada kedua negeri itu.

Kerajaan Johor telah menyerahkan ke tangan Kerajaan Inggeris segala hal yang berkenaan dengan siasat luar. Tetapi pada masa itu Kerajaan Inggeris belum lagi beroleh hak atau kuasa mencampuri tangan menasihat atau memerintah perkara-perkara dalam negeri. Di sini menunjukkan negeri Johor itu masih dikatakan bebas dan merdeka berdiri di atas tapak kakinya sendiri. Pemerintahan dalam negeri masih penuh dipegang oleh sultan dan para pembesarnya.

Dalam fasal yang kelima dari Perjanjian Setia itu, adalah membolehkan bahawa pegawai-pegawai Inggeris bila-bila masa dibebaskan melalui laut Johor. Gabenor Negeri-negeri Selat dengan sedaya upayanya akan me-

naungkan kerajaan dan negeri Johor pada bila-bila masa. Adalah perjanjian negeri Johor itu diperbuat sangat berlainan keadaannya jika dibandingkan dengan perjanjian-perjanjian yang diperbuat oleh Negeri-negeri Melayu yang lain dengan Kerajaan Inggeris.

Sultan Abu Bakar Mengadakan Majlis Darjah

Tiada berapa lama kemudian daripada tarikh dibuat Perjanjian Setia di antara Johor dengan Kerajaan Inggeris, kira-kira dalam bulan Julai 1886 Sultan Abu Bakar telah selamat balik ke Johor dari England. Baginda telah ditabalkan dan memakai mahkota kebesaran Kerajaan Johor dengan disaksikan oleh Gabenor F.A. Weld dan beberapa orang pegawai Inggeris serta sekalian menteri dan orang besar Johor. Pada hari esoknya (31 Julai) diadakan pula oleh baginda Majlis Darjah. Darjah yang diadakan itu ialah Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati dan satu lagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia. Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati itu pula terbahagi kepada dua pangkat iaitu Darjah Kerabat Yang Pertama dan Darjah Kerabat Yang Kedua. Darjah Kerabat Yang Pertama itu ialah sebuah bintang besar berserta seutas kalung. Darjah Yang Kedua ialah sebuah bintang dengan pengiringnya.

Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati itu biasa disebut D.K. Pada mula diadakan, Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati (D.K.) iaitu bahagian yang pertama telah dihadkan orang yang patut menerimanya iaitu tidak lebih daripada 16 orang. Darjah Kerabat Bahagian Yang Kedua pula tidak lebih daripada 24 orang. Orang yang berhak menerima Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati ialah kerabat raja yang berdarah raja, iaitu mereka yang difikirkan patut menerimanya. Dalam pada itu raja atau sultan berhak mengurniakan Darjah Kerabat itu kepada sesiapa yang bukan darah raja, iaitu setelah difikirkan patut dan layak atas jasanya kepada raja dan kerajaan.

Di antara orang yang bukan darah kerabat raja yang mula-mula berjaya mendapat kurnia Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati (D.K.) Pangkat Yang Pertama selain daripada orang asing ialah Dato' Ja'afar bin Hj. Muhammad iaitu dalam tahun 1904 ketika menjadi Menteri Besar Johor yang pertama.

Selain daripada kaum kerabat raja yang berhak menerima darjah kebesaran ini, raja-raja negeri lain juga boleh menerimanya iaitu mereka yang disifatkan sebagai kerabat kerana jasanya atau kerana baik persahabatannya.

Adapun Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia itu pula terbahagi kepada tiga pangkat iaitu Dato' Seri Paduka (S.P.M.J.), Dato' Paduka (D.P.M.J.) dan Setia (S.M.J). Pada mula diadakan, Darjah Mahkota Johor Pangkat Yang Pertama (S.P.M.J.) itu dihadkan tiada boleh lebih daripada

16 orang menerimanya. Pangkat Yang Kedua (D.P.M.J.) pula tidak lebih daripada 24 orang dan bagi Pangkat Yang Ketiga (S.M.J.) tiada lebih daripada 32 orang. Orang yang berhak menerima Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia ini, ialah anak-anak raja negeri asing yang difikirkan patut, orang negeri asing yang difikirkan layak dan juga para pegawai yang telah membuat jasa kepada kerajaan.

Orang yang menerima darjah kebesaran ini terutama Darjah Mahkota Johor Pangkat Yang Pertama dan Yang Kedua bergelar "Dato". Darjah kebesaran ini dikurniakan kepada seseorang mengikut kelayakannya. Pengurniaan ini disertai dengan surat akuan.

Baginda juga telah mengadakan beberapa jenis Pingat Jasa daripada emas atau perak. Baginda juga telah menentukan gelaran sesetengah daripada mereka yang telah dikurniakan bintang atau darjah menjadi Dato' iaitu mengikut jabatan masing-masing. Seperti Dato' Menteri Besar, Dato' Menteri Dalam, Dato' Bentara Luar, Dato' Seri Amar Di-Raja, Dato Seri Setia Raja, Dato' Penggawa Timor dan lain-lain lagi. Baginda juga telah melantik isterinya dengan gelaran "Sultanah" iaitu isteri sultan. Gelaran ini sampai sekarang masih terpakai lagi di Johor.

Undang-undang Pertubuhan bagi Kerajaan Johor (T.M. 1895)

Sultan Abu Bakar telah berikhtiar mengikat Perjanjian Setia di antara kerajaannya dengan Kerajaan Inggeris pada T.M. 1885. Dengan perjanjian itu, Kerajaan Inggeris telah mengakui kebebasan dan kemerdekaan negeri Johor dan menyebutkan negeri Johor dengan sebutan "Negeri Johor Yang Merdeka". Dalam perjanjian itu juga Kerajaan Inggeris dan Kerajaan Johor telah mengaku bekerjasama dan bertolong-tolongan di antara satu dengan lain dengan tulus ikhlas bagi keselamatan dan bagi faedah negeri masing-masing. Kerjasama yang terpenting ialah menghalang sebarang musuh dari luar yang mencuba hendak melanggar atau menceroboh salah sebuah daripada negeri itu.

Kerajaan Johor telah menyerahkan ke tangan Kerajaan Inggeris segala hal yang bersangkut-paut berkenaan siasat kerajaan luar. Tetapi sebenarnya masa itu Kerajaan Inggeris belum beroleh hak mencampuri tangan berkuasa dan menasihatkan hal-hal yang berhubung dengan pemerintahan negeri. Boleh dikatakan semua hal pemerintahan negeri masih dalam pegangan kuatkuasa sultan dan orang besar negeri sendiri. Sebab itu negeri Johor masih bebas dan merdeka.

Sultan Abu Bakar seorang Raja Melayu yang tinggi hemah dan luas pengalamannya serta sentiasa dapat bantuan daripada menteri-menterinya yang bijak bagi mengemudikan pemerintahan negerinya. Oleh itu dalam T.M. 1895 Negeri-negeri Melayu Perak, Selangor, Negeri Sembilan

dan Pahang telah disekutukan menjadi Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu. Masa itu baharulah keluar suatu undang-undang dalam negeri Johor yang bertujuan bagi meletakkan kerajaan dan negeri itu lebih tinggi daripada sekalian Negeri-negeri Melayu dalam Tanah Melayu ini.

Pada 14 April 1895 bersamaan dengan 18 Syawal T.M. 1312, Sultan Abu Bakar telah membuat Undang-undang Pertubuhan Kerajaan Johor bagi menetapkan Johor supaya menjadi Johor. Undang-undang Tubuh Kerajaan yang dibuat itu panjang serta sangat luas kandungannya. Bahasa yang digunakan di dalamnya itu pun penuh dengan perbahasaan undang-undang. Kerana undang-undang itu telah dikarang oleh Penasihat Undang-undang (Legal Adviser) kepada sultan, iaitu Syarikat Peguam yang bernama Rodyk and Davidson di Singapura.

Sungguh pun pada mulanya ada orang menganggapkan peraturan pemerintahan (Undang-undang Tubuh) Kerajaan Johor yang tersebut itu tidak diakui oleh Kerajaan Inggeris, tetapi sebenarnya anggapan itu tidak betul. Sultan dan Kerajaan Johor sendiri terpaksa mengikut kehendak Undang-undang Tubuh Kerajaan itu. Sebab itu tiada seorang pun Penasihat Am Inggeris boleh atau berani melalui undang-undang itu.

Adapun Undang-undang Tubuh Kerajaan itu pendahuluannya didapati terkandung dengan perkataan yang tersangat penting atau mustahak bagi menguatkan tujuan atau adanya undang-undang pertubuhan itu. Pendahuluannya itu adalah demikian:

> Bahawa sesungguhnya kami dengan hak kuasa kerajaan kami dan kebebasan kami sebagai pemerintah yang maha tinggi dan Yang Di-Pertuan negeri Johor ini dan sekalian jajahan takluknya, serta dengan nasihat dan persetujuan dan kebenaran sekalian ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri kami dan Majlis Mesyuarat Negeri memikir dan menimbangkan dan memasyhurkan, bahawa patut dan berfaedah dan munasabah pada masa dan zaman ini, yang kami dengan nama dan bagi pihak kami dan kerana bagi pihak waris-waris kami dan segala yang mengganti kami, pemerintah yang maha tinggi atau sultan-sultan Johor, patut, membuat menjadikan, mendirikan dan mengadakan, dan memberi, kurnia, menghebahkan dan menghadiahkan kepada dan bagi gunaan kerajaan dan rakyat dan isi negeri kami ini, suatu undang-undang dan peraturan bagi mentadbir dan menjalankan kerajaan negeri ini yang dipanggil 'Undang-Undang Tubuh Kerajaan' yang tetap dan tiada berputusan daripada satu keturunan kepada satu keturunan akan jadi undang-undang kerajaan kami, negeri dan rakyat kami dan akan jadi pesaka yang tiada boleh diubah, dipinda atau ditokok tiada boleh dibatal, dilalui atau pun dimansuh atau dibinasakan dengan sebarang jalan atau dengan sebarang perbuatan jua pun.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan itu terbahagi kepada beberapa fasal. Di sini hanya beberapa fasal yang mustahak dinyatakan untuk difahamkan. Dalam fasal yang kelima belas Undang-Undang Tubuh Kerajaan itu, ada disebutkan Yang Maha Mulia Sultan itu "tiada boleh dengan

sebarang jalan menyerah atau membuat sebarang perjanjian, atau pakatan menyerahkan negeri ini (Johor) atau sebarang bahagian daripada negeri dan jajahan Johor kepada sebarang bangsa atau kerajaan Eropah dan sebagainya dan demikian juga diletakkan dan dihukumkan tegahan dan larangan ini ke atas semua dan tiap-tiap seseorang daripada waris dan saudara mara Yang Maha Mulia Sultan itu."

Demikian juga dalam fasal yang keenam belas ada disebutkan larangan atau tegahan seperti yang terkandung di dalam fasal yang kelima belas, ke atas para menteri dan mereka yang menyokong negeri Johor itu.

Dalam fasal yang kelima puluh sembilan ada diletakkan syarat bahawa negeri Johor "akan tertinggal di dalam keadaan persahabatan dan pakatan yang baik selama-lama serta kekalnya dengan lain-lain negeri. Istimewa dan terutama sekali dengan Inggeris atau bangsa dan Kerajaan Inggeris".

Dalam fasal yang keenam puluh ada pula disyaratkan bagi memaksa sekalian orang menurut segala perjanjian dengan susunan perkataan yang patut sangat kita ambil ingatan. Demikianlah bunyinya:

> Selagi tiada perbuatan kezaliman yang sebenar lagi sah dan besar lagi jahat yang dilakukan oleh pihak bangsa-bangsa atau kerajaan yang telah diperbuat perjanjian dengan Kerajaan Johor dan selagi tiada perbuatan mereka yang bebas atau perbuatan yang tiada menimbang rasa yang menyebabkan mereka mengubahkan setia daripada sebarang perjanjian atau perjanjian-perjanjian, maka hendaklah Yang Maha Mulia Sultan dan Kerajaan Johor mengikut dan menyempurnakan selama-lamanya dengan tiada berputusan, dengan setia lagi taat dan dengan betulnya akan segala syarat-syarat perjanjian atau persetiaan yang telah sedia terbuat atau yang lagi akan diperbuat pada kemudian hari dengan Negeri-negeri asing.

Di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor itu ada juga ditetapkan syarat-syarat bagi melantik atau menabalkan sultan serta menetapkan wang perbelanjaan dan aturan bagi menggantikan Sultan Johor itu hingga berketurunan. Dengan itu juga ada ditentukan sekali berkenaan dengan peraturan dan kewajipan Majlis Mesyuarat Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri dan aturan berkenaan dengan agama di dalam negeri Johor. Asas hukuman undang-undang yang akan dijalankan di dalam mahkamah keadilan juga ditetapkan.

Kalau diperhatikan bagaimana maksud atau tujuan syarat-syarat yang terkandung di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor itu, nyatalah menjadi saksi bahawa kedudukan Kerajaan Johor lebih tinggi daripada Negeri-negeri Melayu yang lain di Tanah Melayu ini. Undang-Undang Tubuh Kerajaan itu juga menjadi seumpama sebatang tiang batu yang amat teguh bagi menegakkan perdirian kerajaan dan negeri Johor itu sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat dan merdeka.

Selain daripada yang disebutkan di atas ada juga disyaratkan Johor memakai jemaah menteri yang tiada lebih daripada 12 orang daripada

bangsa Melayu rakyat Johor termasuk sekali yang dipertuanya Dato' Menteri Besar. Selain daripada itu, ahli mesyuarat kerajaan itu juga mengandungi para pegawai tinggi yang lain yang diangkat oleh raja dengan syor daripada jemaah menteri untuk membantu kerajaan dalam perkara am. Jumlahnya tidak kurang daripada 16 orang dan tidak lebih daripada 32 orang. Mereka yang diangkat itu adalah rakyat Johor daripada berbagai-bagai bangsa.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor telah dirangkakan oleh ahli-ahli jemaah menteri dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan dan dibantu oleh beberapa orang peguam yang mahir dan dikarang oleh penasihat undang-undang kepada sultan, iaitu syarikat peguam yang bernama Rodyk dan Davidson, Singapura. Undang-undang itu telah ditandatangani oleh Sultan Abu Bakar, Engku Muhammad Khalid adinda baginda dan di akhir undang-undang itu ditandatangani pula oleh Tengku Ibrahim (Sultan Ibrahim), ahli-ahli jemaah menteri dan ahli-ahli majlis mesyuarat.

Panji-panji dan Bendera-bendera Kebesaran Negeri dan Kerajaan Johor, Pasukan Askar dan Sultan Abu Bakar Mangkat

Panji-panji yang mula-mula digunakan oleh Almarhum Temenggung Ibrahim Seri Maharaja (Ayahanda Sultan Abu Bakar) dalam T.M. 1855 itu, ialah panji-panji yang berwarna putih sahaja. Panji-panji yang seumpama ini telah digunakan hingga ke T.M. 1871 pada zaman Sultan Abu Bakar. Kemudian dari tarikh itu baharulah panji-panji sultan itu dipinda sedikit sifatnya menjadi berwarna putih berbulan bintang dan berwarna biru di tengah-tengahnya.

Pada masa Sultan Abu Bakar mengadakan istiadat kerana membuka bandar Johor Bahru dijadikan ibu negeri Johor pada awal Januari 1866, baginda telah menaikkan sehelai bendera berwarna hitam dengan di sebelah penjurunya di bahagian atas yang dekat dengan tiang bendera itu sepersembilan bahagian besarnya daripada bendera itu berwarna putih. Daripada bendera inilah asalnya terbit bendera Kerajaan Johor yang ada pada hari ini.

Kemudian dari ini, Sultan Abu Bakar telah beberapa kali mengubah bendera itu menjadi bendera negeri dan kerajaan yang sebenar. Pada T.M. 1868 baginda telah membuat sehelai bendera lagi berwarna hitam juga. Di sebelah penjurunya bahagian atas yang dekat dengan tiang bendera, iaitu seperlima bahagian besarnya daripada bendera itu berwarna merah. Di atas tanah merah itu pula diperbuat sengkang putih. Bendera ini dinamakan juga Bendera Johor digunakan hingga kepada T.M. 1871. Dari tahun itu baharulah bendera negeri Johor itu ditukar berwarna biru laut dengan berbulan bintang pecah lima berwarna putih di

atas tanah merah di sebelah penjurunya di bahagian atasnya yang dekat sekali dengan tiang bendera.

Bendera negeri itu digunakan di atas bangunan-bangunan kerajaan pada Hari Jadi Sultan serta Hari Kemahkotaannya. Panji-panji Raja atau Sultan itu tidaklah boleh digunakan pada bukan masanya, melainkan pada masa sultan ada, berangkat ke suatu tempat atau gunakan dia di majlis istiadat bagi kehormatan yang khas kepada sultan. Panji-panji Raja atau Sultan tiada boleh digunakan kerana menjadi perhiasan.

Rakyat juga telah ditetapkan ada benderanya yang bersendiri. Warnanya berlainan daripada bendera negeri. Bendera rakyat atau Bendera Perniagaan itu berwarna hitam dengan berbulan bintang pecah lima berwarna putih di atas tanah berwarna merah di sebelah penjurunya di bahagian atas yang dekat sekali dengan tiang bendera.

Bendera Rakyat atau Bendera Perniagaan itu besarnya setengah daripada panjang bendera. Tetapi bendera itu tentang tanah yang berwarna merah dan berbulan bintang itu hanya sesuku bahagian sahaja besarnya daripada semua bahagian bendera itu. Bendera itu hanya boleh digunakan oleh rakyat atau orang-orang negeri dan dinaikkan di atas bangunan-bangunan pada Hari Jadi Sultan atau hari kebesaran yang lain-lain.

Adapun tiap-tiap warna bendera-bendera dalam negeri Johor itu masing-masing dengan maksudnya. Iaitu warna putih bagi raja atau sultan yang memerintah. Merah bagi bakal raja. Kuning bagi kerabat-kerabat raja. Hitam bagi negeri dan rakyat. Biru bagi raja dan biru laut bagi kerajaan.

Bendera-bendera negeri Johor itu pula terbahagi kepada tiga bahagian: bendera yang berkenaan dengan raja ialah Bendera Sultan, Sultanah, Tengku Mahkota, Tengku Bendahara, Tengku Temenggung, Kerabat-kerabat Raja, Pengiring Raja dan Bendera Istiadat. Setiap satu itu ada dengan warna dan coraknya. Bendera-bendera yang berkenaan dengan negeri-negeri iaitu Bendera Negeri Johor, Bendera Rakyat atau Bendera Perniagaan, Bendera Askar Johor, Bendera Laut, Bendera Polis dan Bendera Kapal Kerajaan Johor. Bendera yang berkenaan dengan pegawai-pegawai pula iaitu Bendera Pemangku Raja, Bendera Menteri Besar, Bendera Pemerintah Askar Johor dan Bendera Pesuruhjaya Kerajaan bagi Muar, Batu dan Segamat.

Kalau diperhatikan keadaan aturan-aturan bendera kebesaran dan negeri Johor itu, nyatalah sebagai satu saksi yang menunjukkan kebijaksanaan Sultan Abu Bakar dan menteri-menterinya itu mengaturkan hal kerajaan dan negerinya.

Sebelum Sultan Abu Bakar mengikat Perjanjian Setia dengan Kerajaan Inggeris di England, iaitu kira-kira dalam T.M. 1885 baginda telah mula mengadakan Pasukan Askar Johor daripada anak negeri (orang Melayu Johor) sendiri iaitu dikenal dengan nama 'Timbalan Setia Negeri' atau

Johore Military Forces. Mula-mula didirikan pasukan ini dipimpin dan diperintahkan oleh orang Melayu sendiri. Kemudian dari itu baharulah baginda meminjam seorang pegawai tentera Inggeris kerana menasihat serta melatih pasukan ini hingga Kerajaan Johor diperintahkan oleh putera baginda Sultan Ibrahim.

Pada 27 Mac 1889, Sultan Abu Bakar telah memindahkan kaum kerabatnya yang bersemayam di Teluk Belanga Singapura itu ke Johor Bahru. Dari semenjak itu Johor Bahru makin bertambah-tambah ramai. Pada 23 Mei 1891 Sultan Abu Bakar telah mengadakan istiadat besar di Johor Bahru kerana melantik puteranya (Tengku Ibrahim) jadi Tengku Mahkota atau Bakal Raja. Pada 3 Disember 1892 baginda mengadakan istiadat kerana membuka istananya di Singapura dinamakan Istana Tyersall.

Tiada lama dari itu puteri baginda yang bernama Tengku Maryam (Tengku Ampuan Maryam) telah dikahwinkan baginda dengan putera Sultan Pahang yang bernama Tengku Mahmud (akhirnya menjadi Sultan Pahang). Pada 5 Oktober 1892 baginda telah mengahwinkan pula puteranya Tengku Ibrahim dengan Engku Maimunah binti Abd. Majid sepupunya yang pada T.M. 1895 bergelar "Tengku Ampuan Johor". Dengan isterinya inilah Tengku Ibrahim beroleh seorang putera bernama Tengku Ismail.

Pada masa menyambut Hari Jubli 50 tahun Queen Victoria, iaitu pada 17 Jun 1887, Sultan Abu Bakar telah menghadiahkan sebuah contoh gambar Prince Albert suami Queen Victoria yang diperbuat daripada Perak. Sekarang hadiah lembaga Prince Albert itu masih tersimpan di Istana Windsor.

Semenjak dibawah perintah Sultan Abu Bakar, negeri Johor semakin hari semakin maju. Pemerintahannya teratur dan sempurna serta mempunyai Undang-Undang Tubuh Kerajaannya yang termasyhur itu. Ini disebabkan oleh kebijaksanaan baginda. Baginda seorang raja Melayu yang berhemah tinggi dan biasa membuat lawatan ke negara-negara yang berkemajuan dan bertamadun untuk faedah negeri dan rakyatnya.

Tidak berapa lama setelah Sultan Abu Bakar membuat Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, baginda kerap benar gering. Akhirnya dengan nasihat tabib-tabibnya, baginda terpaksa berangkat beralih angin ke London. Pada 10 Mei 1895 baginda telah selamat sampai ke London dan bersemayam di Bailey's Hotel. Kegeringan baginda tidak membenarkan sesiapa pun menziarahinya, melainkan Duke of Connaught dapat dua kali sahaja.

Queen Victoria telah menghantarkan tabibnya yang bernama Douglas Powele untuk menolong merawat kegeringan baginda. Akhirnya baginda mangkat pada pukul 8.30 malam Rabu 4 Jun 1895 bersamaan dengan 11 Dzulhijjah 1312.

Baginda seorang raja Melayu yang telah banyak membuat jasa kepada Kerajaan Johor dan Kerajaan Inggeris. Di antara bintang-bintang kebesaran Kerajaan Inggeris yang telah diterima baginda, ialah bintang-bintang G.C.M.G. dan K.C.S.I. Baginda juga telah menerima beberapa bintang kebesaran Kerajaan Johor dan Kerajaan asing di antaranya dari Kerajaan Turki.

Kemangkatan baginda di England itu telah diberitahu dengan segera ke Johor. Dengan serta-merta Johor telah berkabung. Demikianlah juga Kerajaan Inggeris di England ikut berkabung. Bendera-bendera di bangunan-bangunan kerajaan semuanya dinaikkan separuh tiang bagi menghormatkan kemangkatan itu.

Sebelum dibawa balik ke Johor, jenazah baginda lebih dahulu telah disempurnakan Fardu Kifayahnya oleh wakil Kerajaan Turki yang ada di London. Kemudian baharulah diserahkan di bawah jagaan doktor bagi dimamikan (dimasukkan ubat-ubat) dengan sempurna, kerana hendak dibawa balik ke Johor. Pada 18 Julai tahun itu juga jenazah itu pun dibawa balik ke Johor. Dari England dibawa dengan kapal P.&.O yang bernama "Bombay" dan sampai di Pulau Pinang pada 28 Ogos 1895. Dari sana dengan kapal perang Inggeris yang bernama "Mercury" dan selamat sampai di Singapura pada 30 Ogos itu juga. Dari Singapura dengan kapal itu juga mengikut jalan Laut Changi dan kira-kira sebelah petang sampailah ke Johor. Tengku Mahkota (Sultan Ibrahim) serta sekalian orang besar negeri dengan cara perkabungan dan kebesaran raja mangkat, telah menyambut jenazah itu. Jenazah dibawa dan disemayamkan di atas peterana tiga tingkat di tengah-tengah majlis di Istana Besar di atasnya ditutup dengan Bendera Sultan dan Bendera Negeri, serta diletakkan pula Mahkota Johor. Di sisinya diletakkan pula pedang-pedang kerajaan serta bintang-bintang kebesaran bagi Almarhum itu.

Jenazah itu disemayamkan atas peterana itu selama tujuh hari. Istiadat mengunjung jenazah diadakan satu hari sahaja iaitu apabila tutup bendera itu dibuka supaya Tengku Mahkota (Sultan Ibrahim) dan sekalian orang besar dapat memandang wajah Almarhum.

Di sebelah pagi 7 September 1895 bersamaan dengan 17 Rabiul Awal 1313, iaitu sebelum jenazah Almarhum itu dimakamkan, ramai sekalian wakil tiap-tiap negeri dari Tanah Melayu, wakil tiap-tiap jajahan, wakil segala bangsa dan wakil Kerajaan Inggeris hadir di Balai Zahrah Johor Bahru kerana istiadat melantik Tengku Mahkota (Tengku Ibrahim) menjadi sultan.

Lebih kurang pada pukul 11 pagi itu, dengan disaksikan oleh Gabenor Lieut. Colonel Sir C.B.H. Mitchell, G.C.M.G. iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat, maka Dato' Ja'afar bin Hj. Muhammad Menteri Besar Johor bagi pihak rakyat telah menyerukan lantikan Tengku Mahkota itu menjadi

sultan bagi negeri dan jajahan takluknya. Gabenor Mitchell bagi pihak Kerajaan Inggeris telah mengucapkan selamat akan Sultan Ibrahim menaiki takhta kerajaan menggantikan Almarhum ayahandanya.

Pada tepat pukul 1.00 petang, jenazah Almarhum itu pun diangkatlah dari Istana Besar dan dilaksanakan mengikut istiadat raja-raja mangkat. Jenazahnya itu dinaikkan di atas pedati usungan. Di atas keranda yang bertutup dengan kain sutera kuning itu diletakkan pula Mahkota Kerajaan Johor, di sisinya Pedang Kerajaan serta beberapa darjah dan bintang yang dihadiahkan oleh beberapa kerajaan besar. Jenazah itu dibawa ke Makam Bukit Mahmudiah diiringi oleh Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim, Tuan Gabenor, kaum kerabat dan dato'-dato', wakil tiap-tiap negeri dan bangsa, rakyatnya dan disertai oleh pasukan askar dan pasukan pancaragam Timbalan Setia Negeri. Pada petang itu juga selamatlah dimakamkan jenazah Almarhum itu di Makam Di-Raja Bukit Mahmudiah Johor Bahru dengan sempurnanya.

PEMERINTAHAN SULTAN IBRAHIM

Hal-ehwal Johor Dari T.M. 1895 Hingga T.M. 1914

Pada 2 November 1895 bersamaan dengan 14 Rabiul Akhir 1313, Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar telah dimahkotakan dengan istiadat yang besar dan sempurna. Baginda seorang daripada raja-raja Melayu yang tinggi hemah dan bijaksana pada mentadbirkan pemerintahan negerinya. Baginda telah berkali-kali membuat lawatan ke luar negeri meluaskan pandangan dan pengalamannya kerana faedah dan kebajikan negeri dan kerajaannya.

Baginda telah diputerakan oleh bondanya Encik Besar Zabedah di Bukit Bidadari Seranggong Singapura pada 17 September 1873 bersamaan dengan 25 Rejab 1290 iaitu pada hari Rabu pukul 5 subuh. Dilantik menjadi sultan pada 7 September 1895 bersamaan dengan 17 Rabiul Awal 1313.

Pada 11 Jun 1890, iaitu masa baginda bergelar Tengku Mahkota lagi, baginda telah dititahkan oleh ayahandanya Sultan Abu Bakar melawat ke Eropah kerana hendak dikenalkan kepada sahabat-sahabatnya di England. Mula-mula baginda ke Switzerland, Perancis dan Jerman.

Setelah baginda dilantik menjadi sultan, pada 19 April 1901 baginda berangkat ke England diiringi oleh Setiausaha Sulitnya Tuan James Campbell Cerr. Lawatan baginda kali yang ketiga ke England ialah pada 4 Januari 1904 kerana merundingkan kerja-kerja hendak membuat jalan kereta api menerusi negeri Johor. Pada 18 Mac tahun itu juga, beberapa orang Jemaah Menteri Johor iaitu Engku Sulaiman bin Daud, Dato' Abd. Rahman bin Anda' (Dato' Seri Amar Di-Raja) dan Dato' Yahya bin

Awaluddin telah ke England pula kerana bermuafakat dan memutuskan hal-hal berkenaan membuat jalan kereta api itu.

Pada mulanya baginda telah menolak tawaran dari pihak yang berkuasa supaya jalan kereta api disambung dari Singapura menerusi negeri Johor ke Negeri-negeri Melayu, dengan syarat Kerajaan Johor membayar perbelanjaannya dengan beransur. Baginda telah memikirkan Kerajaan Johor sendiri harus membuatnya.

Akhirnya pada 11 Julai 1904 perjanjian membuat jalan kereta api itu pun ditandatangani. Belanja membuat jalan kereta api dari Johor Bahru ke Gemas yang jauhnya lebih kurang 121 batu itu, telah dianggarkan sebanyak $11,052,000. Kerajaan Johor terpaksa membayar balik belanja yang sebanyak itu, dengan beransur dan jelasnya tidak lewat dari 31 Disember 1925. Tetapi Kerajaan Johor telah lebih dahulu dapat menjelaskan hutang itu pada awal T.M. 1914, iaitu wang dari hasil negeri Johor (bukan dari hasil kereta api).

Seteleh siap diperbuat jalan kereta api itu, pada pukul 9 pagi hari Sabtu 12 Disember 1908, Baginda Sultan Ibrahim, kerabat-kerabat raja, dato'-dato' dan pegawai Kerajaan Johor serta Gabenor Sir John Anderson dan Raja Muda Sarawak telah hadir berhimpun di Perhentian Kereta Api Johor Bahru kerana upacara rasmi membuka jalan kereta api itu. Istiadat membaca doa, menabur beras kunyit dan menepung tawar telah dijalankan. Pada pukul 10 pagi kereta api yang telah disediakan itu pun bertolak dari Johor Bahru ke Gemas. Baginda, Tuan Gabenor serta Raja Muda Sarawak dan lain-lain pegawai Johor dan pegawai-pegawai kulit putih telah naik kereta api itu sehingga ke Kuala Lumpur.

Di sini patut juga diingat, iaitu pada zaman Sultan Abu Bakar, telah dicuba oleh baginda membuat jalan kereta api dari bandar Johor Bahru ke Gunung Pulai. Jalan itu hanya dapat dibuat kira-kira sebatu sahaja. Kerana kayu landasannya kebanyakan rosak dimakan anai-anai, maka pekerjaan itu pun diberhentikan. Kerja membuat jalan kereta api ini dimulakan dalam T.M. 1869. Dari keterangan ini nyatalah jalan kereta api yang mula-mula dibuat dalam Tanah Melayu, ialah jalan kereta api dari Johor Bahru ke Gunung Pulai itu.

Pada masa Bandar Maharani Muar mula-mula dibuka dalam T.M. 1884, telah dibuat juga sebuah jalan kereta api lagi dari bandar itu ke pekan Parit Jawa yang jauhnya lebih kurang lapan batu. Kereta api ini lama juga digunakan untuk membawa penumpang-penumpang dan barang-barang dagangan. Walau bagaimanapun, perjalanan kereta api ini telah diberhentikan kerana jalan-jalan raya telah dibuka.

Johor sebuah Negeri Melayu yang terkenal khasnya di sebelah timur, iaitu dari semenjak diperintahkan oleh Sultan Abu Bakar. Pada 22 April 1896 Raja Siam dan para pembesarnya serta Gabenor Sir C.B.H. Mitchell telah melawat ke Johor. Lawatan Raja Siam itu telah disambut oleh

baginda dengan barisan askar Timbalan Setia Negeri Johor dan tembakan meriam dari Bukit Timbalan.

Pada 24 Februari 1898 bersamaan 4 Syawal 1315, Prince Henry of Prusia, adinda Raja Jerman telah melawat ke Johor. Kedatangannya telah dikurniakan oleh Sultan Ibrahim Darjah Kerabat Yang Pertama. Lawatan Prince Henry ini, menjadikan nama negeri Johor dan sultannya bertambah terkenal di Eropah.

Dalam bulan Februari 1904 putera-putera baginda iaitu Yang Amat Mulia Tengku Ismail (Tengku Mahkota), Tengku Harith Abu Bakar (Tengku Bendahara) dan Tengku Ahmad (Tengku Temenggung) telah belayar ke England kerana menuntut pelajaran. Yang Amat Mulia itu diiringi oleh Engku Sulaiman bin Muhammad Khalid, Wan Idris bin Ibrahim, Encik Ismail bin Muhammad Don, Encik Abu Bakar bin Yahya dan Encik Onn bin Ja'afar. Sebenarnya putera-putera baginda itu dari kecil lagi telah dihantar Ke England mendapatkan pelajaran dan pendidikan Inggeris.

Pada 17 Julai 1905, Sultan Ibrahim diiringi oleh Dato' Abd. Rahman bin Anda' (Dato' Seri Amar Di-Raja) telah berangkat lagi ke England untuk membuat perundingan dengan Pejabat Jajahan Takluk berkenaan dengan hal Johor. Dalam Perjanjian Setia di antara Johor dengan Kerajaan Inggeris pada T.M. 1885 iaitu seperti yang telah dinyatakan dahulu itu, adalah Kerajaan Inggeris telah mengaku akan kebebasan dan kemerdekaan negeri Johor dan disebutnya negeri Johor itu dengan sebutan "Negeri Johor yang Merdeka". Di dalam perjanjian itu Kerajaan Inggeris dan Johor telah mengaku saling bertolongan di antara kedua belah pihak dengan ikhlas hati bagi keselamatan isi negeri di dalam jajahan masing-masing. Kedua-dua pihak mengaku tolong-menolong menentang musuh dari luar yang mencuba melanggar atau menyerang salah sebuah daripada kedua-dua negeri itu. Oleh itu Johor telah mengadakan pasukan pertahanan dalam negeri sendiri.

Kira-kira dalam T.M. 1885, iaitu pada zaman Sultan Abu Bakar telah didirikan satu pasukan Askar Johor. Pasukan ini dikenal dengan sebutan 'Timbalan Setia Negeri' atau *Johore Military Forces*. Dalam T.M. 1905 Sultan Ibrahim pula mendirikan sebuah Pasukan Sukarelawan Johor (Johore Volunteer Forces) yang baginda sendiri pada masa itu menjadi ketua bagi *Military* dan *Volunteer Forces* yang telah diakui oleh Pejabat Peperangan di England. Pejabatnya ialah di Bukit Timbalan itu juga.

Pemergian baginda ke England selain daripada membuat perundingan berkenaan hal-hal Johor yang lain seperti yang disebutkan di atas, baginda juga telah membuat perundingan dengan Pejabat Peperangan di London berkenaan dengan hal senjata Pasukan Sukarelawan Johor yang baru ditubuhkan itu.

Semenjak itu tiadalah lagi didapati baginda itu berangkat ke Eropah.

Kerana masa itu baginda sibuk dengan berbagai-bagai perkara berkenaan dengan Johor. Pasukan bersenjata Johor itu semakin bertambah besar dan maju. Selain terdiri daripada anak negeri, beberapa ramai askar Benggali juga telah masuk berkhidmat.

Pada subuh 9 November 1906, Pasukan Askar dan Sukarelawan Johor telah turun ke Singapura buat kali yang pertama untuk istiadat perbarisan tentera di Padang Lumba Kuda Lama bagi menyambut ulang tahun Hari Jadi King Edward VII. Baginda sendiri menjadi ketua pemerintah pasukan itu dengan menunggang kuda dan membawa tenteranya itu dengan gagah. Tuan Gabenor telah memuji di atas kelayakan dan kecergasan Pasukan Askar dan Sukarelawan Johor itu. Beberapa kali kemudian di dalam istiadat perbarisan yang diadakan di Singapura, tidaklah ketinggalan Pasukan Askar dan Sukarelawan Johor turut mengambil bahagian. Kecergasan dan kehandalannya tidak kalah berbanding dengan pasukan tentera yang lain.

Pada pagi Ahad 17 Februari 1907, Duke dan Duchess of Connaught serta puterinya Princes Patricia keluarga Raja Inggeris telah melawat ke Johor. Mereka telah diraikan oleh baginda di Istana Besar, serta dibawa ziarah ke Makam Almarhum Sultan Abu Bakar dan tempat-tempat lain seperti Masjid Abu Bakar. Gelaran Duke itu hingga sekarang masih tertinggal pada nama-nama jalan di Johor Bahru seperti Jalan Duke dan Jalan Tangga Duke.

Tuan Douglas James Campbell, Penasihat Am Johor yang pertama mula sampai ke Johor pada hari Jumaat 7 Januari 1910. Beliau telah disambut oleh Dato' Muhammad bin Mahbub serta Dato' Mustafa bin Ja'afar. Oleh kerana rumah khas untuk Penasihat Am belum disediakan lagi, maka Tuan Campbell itu telah ditempatkan di Johore Hotel (Bangunan Majlis Mesyuarat Bandaran Johor Bahru yang lama). Pada keesokan harinya Tuan Campbell telah melawat ke pejabat kerajaan dengan diiringi Dato' Muhammad bin Mahbub.

Pada 18 Januari 1912, Sultan Ibrahim telah mengadakan suatu jamuan malam di Istana Besar, kerana memberi selamat Tuan Campbell balik bercuti ke England selama 15 bulan. Dalam jamuan itu Tuan Campbell telah memberi ucapan dengan Bahasa Melayu darihal dia menjadi Penasihat Am Johor. Dia menasihatkan anak-anak Melayu hendaklah disuruh belajar surat dan bahasa Inggeris. Dia mengaku yang dia menjalankan pekerjaan Penasihat Am itu dengan panduan Dato' Menteri Besar (Dato' Ja'afar bin Muhammad), Engku Sulaiman bin Daud, Dato' Muhammad bin Mahbub serta lain-lain pegawai. Ternyata pada masa itu Penasihat Am Inggeris dalam jamuan rasmi gemar bercakap dan memberi ucapan dalam bahasa Melayu. Tetapi semenjak Tuan Campbell memegang jawatan Penasihat Am Johor, Johor mula mengalami berbagai-bagai bentuk perubahan. Negeri dan Kerajaan Johor yang dahulunya biasa menggunakan

bahasa rasmi (perjawatan) bahasa Melayu, telah bertukar pula menggunakan bahasa Inggeris.

Beberapa tahun kemudian, iaitu pada 18 Jun 1918, Tuan Campbell telah meninggal dunia di Rumah Sakit Besar Singapura dan telah dikebumikan di Perkuburan Bidadari Singapura.

Pada hari Khamis 7 November 1912, Sultan Idris Murshidu' I'adzam Shah Perak diiringi oleh Raja Chulan, Raja Harun, Raja Abd. Rashid dan Pemangku Residen Perak telah membuat lawatan rasmi ke Johor. Pihak negeri Johor telah menyambut mereka dengan pebarisan tabik hormat 100 orang Timbalan Setia Negeri Johor serta 17 pucuk tembakan meriam dari Bukit Timbalan. Sultan Idris dan pengiring-pengiringnya telah dibawa melihat Masjid Abu Bakar, baginda turut dibawa menziarahi Makam Almarhum Sultan Abu Bakar dan lain-lain tempat lagi.

Oleh kerana kemasyhuran Sultan Abu Bakar itu, maka pada 11 Mei 1913 telah diadakan suatu mesyuarat am di Dewan Kerajaan kerana hendak membuat sebuah lembaga (patong) rupa baginda. Tetapi ura-ura dan keputusan mesyuarat itu tidak dipersetujui.

Taraf Johor dan Kerajaan Inggeris Mencampuri Pemerintahan Johor

Kerajaan Inggeris telah membuat beberapa perjanjian dengan Kerajaan Johor sejak T.M. 1819, iaitu pada masa Tuan Raffles mula-mula membuat perjanjian dengan Sultan Husain Shah dan Temenggung Abd. Rahman kerana membuka Singapura. Hingga T.M. 1885 dibuat Perjanjian Setia bersahabat di antara Queen Victoria bagi pihak Kerajaan Inggeris dengan Sultan Abu Bakar bagi pihak Kerajaan Johor.

Sebelum T.M. 1885, Johor bolehlah dikatakan belum termasuk dengan sesungguhnya di bawah naungan Kerajaan Inggeris. Sebelum T.M. 1914 pula sebenarnya Kerajaan Inggeris belum beroleh hak dan kuasa mencampuri tangan menasihatkan Kerajan Johor bagi hal-hal perkara dalam negeri.

Keadaan Johor apabila termasuk di bawah naungan Kerajaan Inggeris, sangat berlainan jika dibandingkan dengan keadaan dan syarat-syarat Negeri Melayu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang yang bernaung di bawah kerajaan itu.

Dari T.M. 1895 iaitu zaman Sultan Abu Bakar lagi, negeri Johor boleh dijumlahkan sebuah Negeri Melayu yang mempunyai perdirian yang amat teguh, bersandar kepada Undang-undang Tubuh Kerajaannya. Hinggalah T.M. 1914 negeri itu sedia ada mempunyai peraturan perlembagaan pemerintahannya yang sangat elok, serta ada mempunyai Undang-undang Tubuh Kerajaan yang sedia bertulis. Sultan Johor masa itu mempunyai sebesar-besar kuasa memerintah, serta dengan lengkap pegawai-pegawai yang menyempurnakan segala pekerjaan-pekerjaan kerajaan. Kalau ada

pun beberapa orang sahaja pegawai-pegawai Inggeris mereka tidaklah mengambil hal memerintah negeri Johor itu hingga melebihi daripada had yang patut; iaitu tidak seperti yang biasa terjadi di Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu yang tersebut di atas.

Kerajaan Johor mula-mula bersetuju hendak menerima kerajaannya dinasihatkan oleh Kerajaan Inggeris pada 12 Mei 1914, terlebih dahulu Johor itu sebuah daripada Negeri Melayu yang telah sedia teratur dengan peraturan kerajaannya yang bertertib. Kerana baginda (Sultan Ibrahim) lebih dahulu dari masa itu telah mengangkat seorang pegawai Inggeris yang bernama C.B. Buckley menjadi penasihat dirinya.

Kemudian dalam T.M. 1910, tuan itu telah digantikan oleh Tuan Douglas James Campbell yang dihantar oleh Kerajaan Inggeris dari Negeri-negeri Yang Bersekutu menjawat jawatan sebagai Penasihat Am Johor. Tetapi sebenarnya penasihat-penasihat itu tidaklah mempunyai pangkat jawatannya di dalam kerajaan, iaitu mengikut kehendak-kehendak Undang-undang Tubuh Kerajaan itu. Mereka itu hanyalah menjadi penasihat kepada batang tubuh sultan dan tidak menjadi penasihat kepada kerajaan.

Baginda dibantu oleh para pembesar dan pegawai negeri telah bekerja keras dan berusaha bersungguh-sungguh bagi memajukan negeri dan kerajaannya. Berkenaan kebesaran negeri dan kemajuan Kerajaan Johor itu boleh disaksikan dalam surat kenyataan Tuan D.G. Campbell bertarikh T.M. 1910. Ia ada menuliskan darihal perasaan dan ingatannya terhadap negeri Johor itu. Di antara katanya, ". . .kemudian daripada perhubungan yang lanjut dengan segala hal ehwal kerajaan selama 12 bulan itu, ingatan saya yang pertama-tama ialah tentang kemajuan dan kekayaan negeri itu. Seperti yang boleh disaksikan daripada bandar-bandar yang teratur dengan elok dan jalan-jalan raya yang elok cukup dijaga dan pekerjaan menjalankan air ke bandar-bandar besar, semuanya itu tersangat masyhur. Dan lagi bukannya yang Maha Mulia Sultan itu sahaja yang tersangat suka dan bersungguh-sungguh hendak memaju dan memakmurkan negeri itu, tetapi semua pembesar dan pegawainya pun demikian juga".

Dari kenyataan Tuan Penasihat Sultan ini, nyatalah sultan dan para pembesar serta pegawai-pegawai negeri Johor itu, telah bekerja keras bagi memajukan negeri dan Kerajaan Johor.

Di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor itu ada juga ditetapkan berkenaan dengan peraturan dan kewajipan-kewajipan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri. Dalam T.M. 1912 telah ditambah satu majlis mesyuarat lagi yang disebutkan *Executive Council* (Majlis Yang Menjalankan Perintah) iaitu diketuai oleh sultan.

Beberapa lama kemudian sebab negeri Johor makin terbuka dan telah ada jalan kereta api menerusi di tengah-tengah negeri, penduduknya ber-

tambah ramai, maka tanggungan baginda pun makin bertambah berat. Sebab kerunsingan baginda itu dan sudah dibahaskan hal-hal tanggungan yang tiada dapat dijalankan oleh pegawai baginda, maka terpaksalah baginda meminta pertolongan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat supaya dapat meminjamkan empat lima orang pegawai Inggeris bagi menjalankan kerja-kerja yang dikehendaki; iaitu sama peraturannya seperti yang dijalankan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Akhirnya pada hari Jumaat 7 Januari 1910, D.G. Campbell telah dihantar ke Johor memegang jawatan Penasihat Am Johor Yang Pertama. Dia dipinjamkan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat. Campbell seorang yang mahir dalam berbagai-bagai pekerjaan di Tanah Melayu. Layak memegang jawatan Pesuruhjaya Tanah dan boleh menasihatkan sultan dan kerajaan dalam segala perkara. Sungguh pun dia menjadi Penasihat Am Johor, tetapi tarafnya di bawah Menteri Besar.

Kedatangan Tuan Campbell telah diterima dengan baik oleh Johor. Tiada berapa lama lepas itu, Johor telah menerima pula beberapa orang pegawai Inggeris, iaitu menjadi Pengarang Undang-undang dan menjadi Pemangku Hakim Besar, memegang jawatan Ketua Pejabat Cukai seluruh negeri Johor, menjadi ketua dalam Pejabat Kerja Raya dan menjadi ketua atau Pesuruhjaya Besar Polis Johor.

Dua di antara pegawai-pegawai Inggeris yang mula-mula diizinkan boleh sama mentadbirkan pemerintahan negeri, iaitu Tuan Penasihat Am dan Tuan Pengarang Undang-undang telah dimasukkan menjadi ahli mesyuarat kerajaan. Tetapi bukanlah sebagai ahli mesyuarat yang sebenar, melainkan dipandang sebagai suatu jawatan kehormatan sahaja; sebab dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan tidak membenarkan orang-orang luar menjadi ahli mesyuarat.

Tiada lama kemudian, dengan cadangan Penasihat Am berkehendakkan jajahan-jajahan Muar, Batu Pahat patut diletakkan penolong daripada pegawai Inggeris kerana kerja-kerja di Pejabat Tanah serta jadi Penasihat Pesuruhjaya Kerajaan di jajahan-jajahan itu. Cadangan itu telah dipersetujukan. Kemudian dari itu ditambah lagi seorang pegawai Inggeris kerana menjadi Pesuruhjaya Wang bagi membantu baginda menjaga hal ehwal wang.

Kuasa baginda yang lain-lain dalam hal pemerintahan negeri boleh dikatakan tidak terjejas apa-apa. Tiap-tiap pegawai Inggeris pinjaman tadi, hendaklah menjalankan sesuatu pekerjaan atau perubahan, mestilah lebih dahulu dapat persetujuan atau kebenaran baginda.

Negeri Johor masa itu tetaplah sebagai sebuah Negeri Melayu yang mempunyai Undang-undang Tubuh Kerajaan. Kuasa yang tertinggi sekali bagi menjalankan perintah negeri itu terpulang dalam tangan sultan dalam Majlis Mesyuarat Negeri serta kuasa-kuasa yang se-

benar bagi kedua-dua majlis ini ialah dalam tangan dan izin sultan juga.

Beberapa lama kemudian setelah negeri Johor dapat pinjaman beberapa orang pegawai Inggeris kerana bercampur tangan memerintah negeri itu, nampaknya ada di antara nasihat-nasihat Penasihat Am itu yang diturut dengan serta merta dan setengahnya ada pula yang dicuaikan sedikit. Sebab hendak melicinkan lagi kerja-kerja pemerintahan dalam negeri, maka surat Perjanjian Setia yang dibuat dalam T.M. 1885 itu, terpaksa dipinda sedikit, iaitu ditambah lagi syarat berkenaan hasil negeri terpulang di bawah tadbir Penasihat Am dan taraf Penasihat Am itu pula sama dengan Menteri Besar.

Pada 11 Mei 1914 telah dibuat satu perjanjian baharu di antara Sultan Ibrahim pihak Kerajaan Johor dengan Gabenor Sir Arthur Henderson Young pihak Kerajaan Inggeris. Dari semenjak itu segala nasihat Penasihat Am itu hendaklah diminta dan diikut. Serta Penasihat Am itu tiadalah boleh lagi disifatkan sebagai pegawai yang dipinjamkan oleh Kerajaan Inggeris, melainkan jawatannya itu berkehendak dipandang sebagai jadi wakil Kerajaan Inggeris seperti wakil-wakil Inggeris yang lain dalam Negeri-negeri Melayu.

Perubahan ini terpaksa menerbitkan perbahasan besar. Berkenaan dengan gelaran *General Adviser* (Penasihat Am) itu berkehendakkan diganti dengan gelaran *British Adviser* (Penasihat Inggeris) itu tidaklah dipersetujukan oleh Johor. Terpaksalah pegawai penasihat itu memakai gelaran lamanya sebagai *General Adviser* (Penasihat Am) juga dan mendapat sedikit lebih kuasanya daripada yang sudah-sudah. Tetapi penasihat Am itu tidak pula dihendakkan dia memakai bendera sendiri (Bendera Inggeris).

Sungguh pun demikian, tetapi langkah bertolak ansor yang bijak dan licin dapat juga diteruskan sehingga telah menjadi mustahak surat Perjanjian Setia T.M. 1885 itu dipinda sedikit iaitu dengan ditambah lagi syarat berkenaan dengan hal ehwal hasil mahsul negeri, terpulang di bawah tadbir Penasihat Am; melainkan tentang yang berhubung dengan hal adat dan agama tiada digangguinya.

Ada juga dicuba-cuba oleh Gabenor bagi pihak Kerajaan Inggeris, supaya jawatan Menteri Besar itu tiada dipakai lagi di Johor dengan alasan mengatakan jawatan Penasihat Am itu sudah memadai sebagai Menteri Besar. Tetapi kehendak itu telah ditolak, kerana dalam adat Melayu tiap-tiap seorang raja itu memang mustahak ada menterinya. Selain dari itu ada juga dicadangkan manakala pindaan dan perjanjian baharu itu diperbuat, Undang-undang Tubuh Kerajaan itu berkehendak dihapuskan (tiada terpakai lagi). Cadangan dan kehendak ini pun terpaksa ditolak juga. Kerana pendirian seseorang raja dan sultan itu yang sebenarnya ada dengan tubuh kerajaannya. Sebab itu perjanjian yang

diperbuat itu tiadalah boleh menghapuskan Undang-undang Tubuh Kerajaan dan sultan itu masih tetap dipandang sebagai seorang raja yang bermahkota. Memiliki negeri Johor dan bertakhta di atas singgahsana kerajaan serta mengeluarkan darjah (bintang kebesaran), pingat-pingat dan berkuasa melantik dato'-dato', orang kaya, penghulu-penghulu dan sebagainya seperti biasa.

Di dalam perbahasan meminda surat Perjanjian Setia T.M. 1885 kerana hendak membuat perjanjian baharu itu, telah ditetapkan juga akan Penasihat Am itu seorang sahaja pegawai Inggeris memakai uniform Inggeris dan tarafnya Penasihat Am itu bila mengadap takzim bersama-sama dengan Menteri Besar.

Di antara isi pindaan perjanjian yang dibuat pada 11 Mei 1914 itu ialah: segala syarat-syarat yang telah dimaksudkan di atas tadi telah dipersetujukan. Jika terbit salah faham di antara sultan dengan penasihat am, hendaklah gabenor menimbangkan. Hanya dua orang pegawai Inggeris menjadi ahli mesyuarat. Orang Eropah yang bukan pegawai kerajaan hendaklah juga dijadikan ahli mesyuarat. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan bahasa rasmi atau perjawatan. Sekolah hendaklah ditubuhkan. Pegawai Melayu dan pegawai Inggeris hendaklah dipandang sama taraf. Jikalau sultan hendak berangkat keluar negeri, lebih dahulu hendaklah bertemu dengan gabenor.

Kemudian dari perjanjian ini, Penasihat Am Inggeris yang pertama hingga Penasihat Am yang kemudian, tidak lagi dikatakan sebagai pegawai-pegawai Inggeris yang dipinjamkan. Bahkan menjadi wakil kerajaan Inggeris. Segala fikiran dan nasihatnya berkehendak dipakai.

Memandang kepada syarat-syarat perjanjian baharu yang dipinda itu, nyatalah Johor beroleh kerugian. Banyak kuasanya beransur-ansur hilang. Kalau dahulunya pemerintahan Johor bulat-bulat dipegang atau ditadbirkan oleh sultan dan para pembesar Melayu sendiri, tetapi sekarang pemerintahan negeri telah dicampuri oleh Inggeris. Sebaliknya, kalau memandang kepada segi kemajuan dan perubahan yang telah berlaku dari T.M. 1914 hingga T.M. 1941, boleh kita katakan Johor telah beruntung kerana negeri dan kerajaannya beransur-ansur maju. Isi negerinya makin bertambah ramai dan hasil mahsulnya makin berlipat ganda banyaknya.

Menurut syarat-syarat perjanjian yang disebutkan tadi, nyatalah nampaknya pihak sultan telah meletakkan beberapa syarat yang besar-besar yang diterima oleh pihak Kerajaan Inggeris. Di antara syarat-syaratnya tadi, manakala baginda tiada bersetuju dengan fikiran Penasihat Am, hendaklah diambil pula fikiran dari Majlis Mesyuarat Negeri itu berserta dengan fikiran Penasihat Am itu, baharulah diberitahu kepada Pesuruhjaya Tinggi (High Commissioner).

Sultan berhak mengangkat orang Eropah yang difikirkan patut

menjadi ahli Mesyuarat Negeri, majlis yang menjalankan perintah dan di dalam mahkamah-mahkamah keadilan di dalam negeri Johor. Dengan syarat hendaklah jawapan-jawapan itu difikirkan patut oleh Pesuruhjaya Tinggi dan orang yang hendak diangkat itu pun hendaklah orang yang telah difikirkan layak oleh Pesuruhjaya Tinggi.

Sultan juga berhak mengangkat wakil orang Eropah yang bukan di dalam jawatan kerajaan menjadi ahli majlis mesyuarat. Baginda telah menetapkan aturan, tiada boleh dilantik atau dihantarkan seseorang pegawai Eropah bekerja di dalam Kerajaan Johor kiranya lebih dahulu tidak mendapat persetujuan dari Pesuruhjaya Tinggi. Para pegawai Eropah yang bekerja dengan Kerajaan Johor, akan menjadi kakitangan Kerajaan Johor dan sultan berkuasalah melucutkan jawatan mereka itu pada bila-bila masa jika difikirkan patut.

Walau bagaimanapun, Johor sebenarnya sebuah negeri Melayu yang tunggal telah sedia dari dahulu lagi mempunyai Undang-undang Tubuh Kerajaan, mempunyai peraturan pejabat kerajaan terutama Jabatan Agama dan Adat Istiadat yang sempurna yang telah dijadikan contoh oleh Negeri-negeri Melayu yang lain. Kejayaan dan kemajuan negeri Johor itu, ialah oleh baik muafakat dan kerjasama di antara penasihat am dengan sultan. Oleh kerana pegawai Inggeris dan pegawai Melayu dipandang sama taraf, jadi tiadalah begitu nampak hilangnya kebesaran dan kekuasaan Johor di sisi pandangan am. Dalam pada itu, setelah beberapa puluh tahun kemudian, nampaknya pegawai-pegawai Inggeris yang pada mulanya hanya empat lima orang itu telah bertambah pula bilangannya menjadi lebih daripada yang ada itu.

Pekerjaan kerana pemerintahan negeri itu dijalankan oleh Menteri Besar dengan Setia Usaha Kerajaan daripada bangsa Melayu, serta beberapa orang pegawai Melayu lagi. Siasat dan pekerjaan-pekerjaan menjalankan kerja-kerja itu, adalah di bawah perhatian dan persetujuan dari Penasihat Am yang dibantu oleh beberapa orang pegawai Inggeris seperti Penasihat Undang-Undang, Penasihat Perkara Wang, Pesuruhjaya Tanah, Lombong dan Dagangan, Pesuruhjaya Polis, Pengawal Lombong, Pegawai Besar Perhutanan, Jurutera Negeri, Penguasa Kerja, Penguasa Perkara Orang China, Pegawai Tanaman, Penguasa Pelajaran, Pegawai Jabatan Hutan, Ketua Pejabat Surat, dan Elektrik serta lain-lain lagi. Semua ketua dan kepala pejabat ini mempunyai penolongnya dari bangsa Inggeris dan Melayu.

Apabila Sultan Ibrahim mula-mula menaiki takhta Kerajaan Johor, kewajipannya yang pertama di dalam tadbir pemerintahannya ialah menyelidiki pengelolaan Pejabat Bendahari Kerajaan, kerana pada masa Almarhum Sultan Abu Bakar mangkat, keadaan Johor sebenarnya kesempitan wang dan menanggung hutang. Oleh itu Kerajaan Johor telah mengangkat suatu Jemaah Penasihat yang bertempat di London. Ahli-

ahlinya ialah sahabat lama Sultan Abu Bakar. Jemaah Penasihat inilah yang banyak memberikan pertolongannya kepada baginda dan Kerajaan Johor. Akhirnya dapatlah Kerajaan Johor mengansur hutang dan menjalankan kerja-kerja bagi membina kemajuan negeri.

Agama rasmi, ialah Agama Islam dan segala undang-undang dan adat dijalankan dengan adil saksama oleh pegawai-pegawai mahkamah dengan berpandukan undang-undang yang ada berjalan kuatkuasanya di Negeri-negeri Selat, iaitu dalam perkara yang tidak berkenaan dengan agama Islam. Berkenaan dengan hal nikah kahwin, pusaka dan seumpamanya tetap mengikut hukum-hukum Syara'.

Johor Mesti Jadi Johor

Sultan Ibrahim seorang daripada raja Melayu yang tahu menggunakan kuasa-kuasa yang ada di tangannya. Baginda masyhur kerana keberaniannya dan ketulusan hatinya serta berhemah tinggi. Di dalam majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan biasa baginda mengulang-ulangi sebutannya, "Johor mesti jadi Johor".

Baginda juga sangat-sangat mengambil berat akan hal pemerintahan negeri. Sungguh pun baginda kerap keluar-keluar negeri, tetapi putera sulung baginda Tengku Ismail (Tengku Mahkota) telah dilantik menjadi Pemangku Raja bagi menjalankan pemerintahan negeri.

Dr. R.O. Winstedt, bekas Penasihat Am Johor telah memberi ucapan di dalam suatu majlis jamuan di istana baginda pada 22 April 1935. Katanya, ". . .semenjak saya berada di dalam Johor, saya telah kenalkan baginda masa baginda masih menjadi pegawai tadbir dan baginda masa itu seorang daripada dua orang pegawai-pegawai yang cergas dan rajin di dalam pekerjaannya. Dipandang kepada baginda hari ini, payah hendak dipercayai baginda itu telah menduduki takhta kerajaannya selama 40 tahun. Tetapi demikianlah adanya Johor serta hamba rakyatnya telah berada di dalam keadaan kemajuan yang menghairankan dengan membina jalan-jalan raya, memakmurkan negeri, mengatur serta melengkapkan keadaan Pejabat Bendahari sehingga berkeadaan pejabat itu dengan keadaan yang hampir-hampir takut hendak menyebutnya. Kerana semua ini bagindalah menyebabkannya dan negeri Johor terhutang budi kepada lebih pimpinannya". Demikianlah ucapan Tuan Penasihat Am itu memuji-muji baginda sebagaimana yang tersiar didalam Rencana Pengarang Majallah "Lembaga Malaya" hari Jumaat 19 September 1941.

Tuan John Gunter pengarang buku *Inside Asia* juga ada menuliskan di dalam bukunya berkenaan kekuasaan dan kemasyhuran baginda. Katanya, ". . .sultan-sultan bagi Negeri-negeri Melayu Yang Tiada Bersekutu itu mempunyai lebih banyak kekuasaan yang terutama dan terbilang

sekali di antara mereka itu ialah Yang Maha Mulia Sultan Johor, iaitu seorang pemerintah yang gagah perkasa, ahli pemburu yang termasyhur dan raja yang berkehidupan yang sangat baik . . . baginda telah mengurniakan sebanyak $500,000 ($4,300,000) sebagai bahagian Johor dalam perbelanjaan membina kubu perkawalan di Singapura".

Tuan Roland Braddell, peguam dan pengarang Inggeris yang terkenal itu juga ada menuliskan pandangannya memuji-muji hal baginda dalam bukunya *The Light of Singapore*. Di antara lain katanya, baginda itu seorang raja pemerintah yang gagah perkasa, seorang pemburu binatang yang gagah dan segak. Negerinya (Johor) ada mempunyai Undang-undang Tubuh Kerajaan yang bertulis serta bernaung di bawah Kerajaan Inggeris; ada mempunyai sepasukan tenteranya yang kecil sendiri dengan diketuakan oleh baginda. Pegawai-pegawai kerajaannya kebanyakan ialah daripada bangsa Melayu.

Dari keterangan-keterangan ini nyatalah baginda itu terkenal dan termasyhur bukan sahaja di sisi pandangan orang Melayu, bahkan pada mata orang barat juga.

Baginda Sultan Ibrahim merupakan seorang raja Melayu yang mengambil berat tentang kemajuan pelajaran dalam negeri. Ini termasuklah pelajaran Melayu, agama, Inggeris dan Cina. Perintahnya yang dijadikan undang-undang, ada disebutkan dalam suatu pemberita kerajaan yang bertarikh 1 Jun 1902. Berita kerajaan itu telah ditandatangani oleh Dato' Ibrahim bin Abdullah Munshi (Dato' Bentara Dalam).

Undang-undang pelajaran itu ialah:

1. Hendaklah sekalian rakyat dan tiap-tiap orang yang ada duduk di dalam perintah Johor ini daripada sebarang bangsa pun menghantarkan sekalian anak-anak laki-lakinya yang telah cukup umurnya 7 tahun masuk belajar ke dalam sekolah kerajaan pada tiap-tiap hari yang lain daripada hari kelepasan ialah di mana-mana ada sekolah Melayu, Quran, atau Inggeris dan China.
2. Ialah masa dan umurnya itu dari 7 tahun sehingga 16 tahun selagi belum mendapat kesempurnaan wajiblah tetap dan kekal belajar mereka itu dalam sekolah yang tersebut.
3. Adalah tertanggung wajib bagi menghantarkan kanak-kanak ke sekolah ini ialah bapa atau emak atau wali-wali atau sebarang waris atas kanak-kanak itu.
4. Barangsiapa daripada yang tersebut di atas ini tidak menjalankan dan menurut seperti titah perintah yang tersebut di atas ini, wajiblah di atas ibu bapa atau waris kanak-kanak itu menanggung keberatan dengan disaman akan mereka itu dan dihukumkan denda $25.00 atau penjara sehingga 3 bulan serta dikuatkan kanak-kanak itu masuk belajar ke dalam sekolah yang tiada boleh tidak selama-lama bagaimana yang tersebut dengan tetap rajin dan usaha.

Maka kanak-kanak yang tiada masuk belajar ke dalam sekolah di mana ada bersekolah itu nescaya ditangkap oleh polis akan mereka itu dan dihukumkan. Demikianlah hal pelajaran pada zaman itu. Dari keterangan ini nyatalah baginda sangat-sangat mengambil berat hendak memajukan pelajaran dan pendidikan dalam negeri.

Baginda Sultan Ibrahim juga mengambil berat dalam hal Bahasa Melayu. Baginda telah menaungi sebuah badan atau pakatan Bahasa Melayu yang dinamakan P.B.M.P.B. Di-Raja (Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Di-Raja) Johor yang terkenal yang telah berjalan lebih kurang 50 tahun itu.

Agama Kerajaan Johor sebagaimana yang tersebut di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaannya ialah Agama Islam. Pengawalnya ialah sultan. Sebab itu Baginda Sultan Ibrahim telah mengambil berat pada melihatkan hal-hal jabatan agama supaya diselenggarakan dengan sempurna.

Pada masa yang akhir-akhir ini, Kerajaan Johor telah membelanjakan wang untuk jabatan ini lebih daripada $1,000,000 kerana membayar gaji para pegawai, mufti, kadi, imam dan guru sekolah agama iaitu lain daripada wang zakat fitrah dan zakat yang lain dan juga lain daripada wang Baitulmal yang dibelanjakan kepada yang mustahak sebanyak berpuluh-puluh ringgit setahun. Jabatan Agama Kerajaan Johor itu pernah dijadikan contoh dan perhatian oleh jabatan-jabatan agama lain-lain Negeri Melayu di Tanah Melayu dan Brunei.

Kerajaan Johor juga telah memberi tambang pergi dan balik kepada pegawainya yang menunaikan fardu haji ke Mekah, iaitu apabila pegawai-pegawai itu telah sampai masa had berkhidmat dengan kerajaan. Baginda Sultan Ibrahim juga ada mengurniakan kepada beberapa pegawainya belanja menunaikan fardu haji itu.

Di bandar dan pekan besar dan dalam negeri Johor, telah didirikan beberapa buah masjid yang besar dan cantik lengkap dengan perkakas, pegawai dan kakitangan yang mengelolakannya.

Pada suatu masa Baginda Sultan Ibrahim pernah bertitah kepada Yang Di-Pertua Jabatan Agama, "Mesti buat Koran ada Melayunya supaya senang semua yang membaca tahu butir-butir satu-satu dengan terang".

Negeri Johor juga terkenal sebagai sebuah Negeri Melayu yang ada mengeluarkan hadiah pelajaran bagi pelajaran dunia dan akhirat. Penuntut-penuntut dihantar ke luar negeri dan dalam negeri bagi mendapatkan pelajaran tinggi.

Lagu negeri Johor atau *Lagu Selamat Sultan* itu sebenarnya telah digubah oleh Bandmaster M. Galistan, iaitu seorang ahli bunyi-bunyian Belanda yang telah bekerja menjadi guru bunyi-bunyian Pasukan Pancaragam Timbalan Setia Negeri. Bandmaster M. Galistan telah

bekerja semenjak zaman Sultan Abu Bakar hingga ke zaman Sultan Ibrahim.

Lagu itu telah digunakan hingga sekarang sebagai ganti Nobat Di-Raja. Asal lagu itu digubah dari lagu Dondang Sayang Melayu, kemudian dipindah dan ditokok tambah hingga menjadi lagu yang dikehendaki.

Ketika Kapten Hj. Md. Said (Allahyarham Mejar Dato' Hj. Md. Said bin Hj. Sulaiman) menjadi *Staff Officer* askar Johor, dia telah berusaha pada menjadikan lagu itu boleh dinyanyikan seperti aturan Lagu Allah Selamatkan Raja Inggeris. Akhirnya dengan kerjasama Tuan yang jadi ketua cawangan Hong Kong & Shanghai Bank Johor Bahru dalam T.M. 1910 dan *Drum-major* Ibrahim bin Hj. Abd. Karim, dapatlah dipinda dan dibaiki lagu itu sehingga boleh dinyanyikan dalam bahasa Inggeris. Captain Hj. Md. Said mengarang sajaknya dalam bahasa Melayu.

Gubahan lagu itu telah dipersetujukan oleh Dato' Muhammad bin Mahbub, Setia Usaha Kerajaan dan Tuan D.G. Campbell, Penasihat Am Inggeris bagi pihak kerajaan. Lagu itu diperintahkan ajar kepada kanak-kanak sekolah Melayu dan Inggeris.

Senikata yang terkandung di dalam sajak lagu itu ialah:

"Allah peliharakan sultan,
nigrahkan dia segala kehormatan,
sihat dan ria kekal dan makmur.
Luaskan kuasa menaungkan kami,
rakyat dipimpini berzaman lagi,
Allah berkati Johor Allah selamatkan sultan
dengan merdeka bersatu hati".

Hal-ehwal Johor Dari T.M. 1914 Hingga T.M. 1941

Johor Dalam Peperangan Dunia Yang Pertama (1914–18)

Dalam Peperangan Dunia Yang Pertama (1914–18), Kerajaan Johor telah memberikan sumbangannya yang besar kepada Kerajaan Inggeris selain daripada wang iaitu satu squadron (16 buah) kapal terbang bagi kawalan di Singapura.

Sedang peperangan berlaku di Eropah, Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor telah dihantar menolong berkawal di Tanglin Barrack Singapura bersama-sama dengan Pasukan Askar Berjalan Kaki Hindustan Yang Kelima (the Fifth Light Indian Infantry) kerana askar Inggeris yang ditempatkan di situ telah diperintahkan ke tempat lain. Pasukan Askar Johor yang dihantar ke Singapura itu diketuakan oleh Kapten H. Calimore dan Kapten Abd. Jabar bin Abd. Samad. Tatkala hendak menghantar pasukan ini, telah timbul sedikit perselisihan siapakah yang patut dihantar menjadi penolong kepada Kapten H. Calimore. Kapten H.

Calimore sendiri berkehendakkan Kapten Abd. Jabar menjadi penolongnya. Baginda Sultan Ibrahim berkehendakkan Captain Yahya (Kolonel Dato' Hj. Yahya bin Abu Talib) menjadi penolong. Akhirnya kehendak Kapten H. Calimore dipersetujukan.

Johor turut menghantarkan bantuan tenteranya itu sebagai menunaikan satu daripada syarat-syarat Perjanjian Setia T.M. 1885 yang telah dibuat di antaranya dengan Kerajaan Inggeris iaitu "Bersama-sama tolong-menolong bersatu menjaga langgaran musuh dari luar atau dalam negeri". Pada mulanya Askar Johor dan Askar Hindustan itu berkawal dengan baik dan aman.

Ketika Peperangan Dunia itu berlangsung, ramai orang Jerman telah ditangkap dan dipenjarakan di Singapura. Selain daripada Pasukan Askar Hindustan, Pasukan Askar Johor juga diminta bersama-sama mengawal penjara tersebut.

Tiba-tiba di sebelah petang 15 Februari 1915, Askar Hindustan yang bersama-sama berkawal di situ telah bangkit derhaka membuat rusuhan. Mereka menembak askar Inggeris dan orang yang bekerja dengan Inggeris serta menyerbu penjara dan melepaskan orang Jerman tawanan itu. Sebelum dapat melepaskan tawanan perang itu, Prebet Ya'kub bin Saleh yang sedang berkawal di atas pintu besar masuk penjara itu telah cuba mencabar. Sebab tidak menghiraukan cabaran itu, dia pun menembak. Dalam perjuangan itu peluru penderhaka itu dapat membunuhnya. Dalam masa bertembak-tembak itu, Kaptenn H. Calimore dan Kapten Abd. Jabar bin Abd. Samad berlari keluar hendak mengetahui apakah yang telah berlaku. Malangnya mereka telah ditembak mati.

Ada sesetengah cerita mengatakan mereka terbunuh setelah berjuang berbalas-balas tembak. Menurut cerita yang lain pula, Captain Abd. Jabar terkorban kerana pada masa itu dia memakai topi tebal pegawai tentera Inggeris. Dia disangkakan askar Inggeris lalu ditembaknya.

Askar Johor yang lain yang sedang berehat di berek telah gempar. Mereka masing-masing telah berkejar ke arah stor di mana senapang mereka yang tidak berpeluru disimpan. Bila didapati pasukan penderhaka itu melepaskan tembakan ke arah mereka, mereka pun mencari perlindungan bertahan di berek hingga pasukan penderhaka itu berundur.

Mayat Kapten Abd. Jabar dan Prebet Ya'akub telah dibawa balik ke Johor Bahru dan dikebumikan dengan penuh istiadat tentera di Makam Bukit Mahmudiah. Mayat Kapten H. Calimore telah ditanam di Jirat Bukit Bidadari Singapura dengan istiadat tentera juga.

Lebih kurang pada pukul 5.30 petang 15 Februari 1915 itu juga, telah didengar dua das tembakan meriam dari Bukit Timbalan, kerana memanggil ahli Pasukan Timbalan Setia Negeri dan Sukarelawan Johor datang segera berhimpun di pejabat besarnya di Bukit Timbalan. Perintah

ini kerana hendak menghantarkan lagi satu pasukan askar ke Singapura membantu memadamkan api penderhakaan yang sedang marak itu. Kawalan dalam Johor diserahkan kepada pasukan Sukarelawan di bawah ketuanya Mejar Daud bin Hj. Sulaiman (yang akhirnya bergelar Dato'). Baginda Sultan Ibrahim sendiri mengetuakan askar Johor itu turun ke Singapura dengan diiringi oleh Kapten Yahya bin Abu Talib dan Leftenan Hj. Md. Said bin Hj. Sulaiman (Allahyarham Majer Dato' Hj. Md. Said bin Hj. Sulaiman). Setelah berunding dengan *General Officer Commanding*, Malaya Pasukan Askar Johor itu telah diperintahkan berkawal di Rumah Kerajaan kerana ada terdengar berita pasukan penderhaka itu akan datang menyerang ke sana. Baginda sendiri ada bersama-sama di pondok pengawal.

Pada pagi esoknya didengar khabar pasukan penderhaka itu telah berundur ke Holland Road dan dari sana terus mengarah ke Punggol. Sambil mereka berundur itu banyaklah orang yang telah terkorban ditembak mereka. Nampaknya sasaran mereka ialah orang putih dan orang lain yang tersalah pandang sebab memakai pakaian barat. Selain daripada membunuh, banyak kawat telefon telah ditembak putus.

Dari Punggol penderhaka itu telah menyeberang menggunakan beberapa buah perahu yang dirampas, mudek Sungai Johor dan ada di antara mereka mendarat di beberapa tempat di pantai selatan Johor.

Baginda telah membawa balik pasukan askarnya ke Johor Bahru dan diperintahkannya dua buah kapal kerajaan membawa askar-askar meronda di beberapa tempat di sebelah timur dan barat Selat Teberau dan di darat pula telah diperintahkannya motokar dan lori kerajaan membawa askar dan sukarelawan berjaga-jaga di mana yang difikirkan penderhaka itu boleh menyerang.

Askar Hindustan yang menderhaka itu berpecah-pecah menyeberang dan mendarat di pantai selatan Johor. Mereka yang dapat ditangkap dibawa balik ke Johor Bahru dan dipenjarakan. Apabila terdengar khabar lebih kurang 50 orang askar Hindustan itu telah sampai di Kota Tinggi, Majer Daud bin Hj. Sulaiman, Kapten Engku Muhammad bin Md. Khalid, Kapten Yahya bin Abu Talib, Jamidar Al-Adakhan dan beberapa orang pegawai dan askar serta sukarelawan lagi telah diperintahkan ke sana dengan kapal "Sekudai" mengikut jalan laut. Akhirnya mereka berjumpa dengan askar Hindustan yang menderhaka itu, dan terus dibawa balik ke Johor Bahru.

Lebih kurang pada pukul 5.00 petang, mereka sampai dan berbaris dengan memikul senapang masing-masing naik ke Bukit Timbalan. Baginda diiringi oleh Kapten Abd. Hamid bin Yusof (Allahyarham Kolonel Dato' Abd. Hamid bin Yusof bekas Menteri Besar Johor), dan Subdar Firbaksh telah berdiri di hadapan rumah pengawal menerima kedatangan mereka. Titah baginda itu telah diterjemahkan oleh Subdar Firbaksh bagi

menasihatkan mereka supaya menyerahkan senjata. Mendengar nasihat baginda, akhirnya mereka telah meletakkan senjata di hadapan kaki baginda sambil mencium tangannya. Kemudian baharulah mereka itu diasingkan pada malam itu di Penjara Johor Bahru dengan diberi makan minum cukup. Entah bagaimanalah halnya, pada pagi esoknya tiba-tiba pihak yang berkuasa Kerajaan Inggeris di Singapura yang lebih besar kuasanya telah datang mengambil kesemua askar Hindustan yang menderhaka itu dibawa balik ke Singapura. Bila dibicarakan, keputusannya 22 orang daripada mereka itu telah dihukum oleh mahkamah tentera dengan hukuman tembak mati di luar tembok Penjara Besar Singapura.

Punca yang menerbitkan api penderhakaan Askar Hindustan itu masih tetap dirahsiakan oleh kerajaan.

Hingga beberapa bulan lamanya kawalan rapi telah dijalankan di Johor, sebab masih ada lagi beberapa orang saki baki askar Hindustan yang menderhaka itu sesat di sana-sini. Pihak Pejabat Peperangan di Singapura masih meminta pertolongan pada pihak Johor menjaga kubu-kubunya di Belakang Mati dan Pulau Berani hingga selesai Peperangan Dunia itu.

Pada 11 Mei 1916, ketika Peperangan Dunia masih lagi menyala di Eropah, Baginda Sultan Ibrahim telah dikurniakan oleh Kerajaan Inggeris bintang G.C.M.G. (the Grand Cross of St. Michael and St. George), kerana jasanya dalam jawatan tadbir.

Untuk jasanya dalam jawatan tentera pula, baginda telah menerima bintang K.B.E. (Knight Commander of the British Empire) pada 16 Mac 1918. Kemudian dari ini telah diberitahu tiga orang daripada ahli Askar Johor telah disebut dalam London Gazette kerana derma baktinya dalam Peperangan Dunia itu. Mereka itu ialah Baginda Sultan sendiri, Mejar Abd. Hamid bin Yusof dan Kapten Hj. Md. Said bin Hj. Sulaiman.

Tambak Johor

Tidak lama setelah tamatnya Peperangan Dunia Yang Pertama itu, pihak yang berkuasa Kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu (Federated Malay States) telah menawarkan Kerajaan Johor supaya membuat sebatang jalan kereta api memotong Selat Teberau menyambungkan Perhentian Johor Bahru dengan Perhentian Keranji (Woodland) Singapura. Pada masa membahaskan perkara itu, telah timbul beberapa fikiran dan syor supaya di buat jambatan terus atau sekerat jambatan dan sekerat ditambak. Akhir perundingan itu dipersetujukan ditambak terus dengan ada sebuah pintu di bahagian Johor tempat kapal dan perahu seberang menyeberang ke sebelah.

Tetapi Baginda Sultan Ibrahim berkehendakkan tambak itu dibesarkan lagi kerana jalan kereta dan boleh dilalui oleh orang. Kerajaan Negeri-negeri Selat dan Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu tidak hendak bersama-sama membayar tambahan belanja bagi membesarkan tambak

itu. Oleh baginda mengakulah sanggup Kerajaan Johor membayarnya, dengan syarat Johor akan mengenakan cukai ke atas kereta-kereta yang bukan didaftarkan di Johor dan juga ke atas orang yang bukan rakyat Johor. Kesudahannya kehendak baginda itu telah dipersetujukan iaitu bersama-sama menanggung perbelanjaan bagi tambak yang hendak dibesarkan itu dengan belanja semua $4,755,721.88. Dari jumlah ini, Kerajaan Johor membayar $3,178,945.53, Kerajaan Singapura membayar $1,362,404.92 dan pihak Municipal Singapura membayar $214,371.88. Dengan ini juga Kerajaan Johor tekena membayar bahagian jalan kereta api tambak yang jauhnya 3,465 kaki iaitu dari Woodland hingga Johor Bahru sebanyak $12,288,970.84.

Pada 24 April 1920 telah diadakan istiadat bagi meletakkan batu ketapakan jalan Tambak Johor itu di tengah-tengah Selat Teberau iaitu di antara Pangkalan Kereta Api Johor Bahru dengan Pangkalan Kereta Api Keranji (Woodland) Singapura. Istiadat itu telah dihadiri oleh Baginda Sultan Ibrahim pihak Kerajaan Johor dan Gabenor Sir Lawrence N. Guillemard pihak Kerajaan Inggeris Negeri Selat.

Pada bulan Julai 1924 baharulah siap tambak itu. Istiadat membuka-nya dengan rasmi telah diadakan, dengan dihadiri oleh Baginda Sultan Ibrahim bagi pihak Kerajaan Johor, Gabenor Sir Lawrence N. Guillemard bagi pihak Kerajaan Inggeris Negeri-negeri Selat, serta Sultan Alang Iskandar Shah Perak, Sultan Alauddin Sulaiman Shah Selangor, Yang Di-Pertuan Besar Muhammad Negeri Sembilan dan beberapa ramai orang besar dari Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Selepas Baginda Sultan Ibrahim memotong tali pita pembukaan rasmi tambak itu, sultan-sultan Melayu, Gabenor, raja-raja serta orang-orang besar telah berkereta melalui tambak itu dari Johor Bahru menyeberang ke Singapura.

Adalah batu-batu yang digunakan bagi menambak itu dibawa oleh berpuluh-puluh buah tongkang dari pulau Ubin dan pulau yang berdekatan. Tongkang-tongkang itu ditarik oleh beberapa buah kapal kecil. Tongkang-tongkang itu besar-besar dan bahagian bawah perutnya boleh dibuka-buka untuk melepaskan batu-batu yang dibawanya. Kerja yang besar ini telah berjalan siang malam. Kira-kira tiga tahun setengah baharulah siap.

Kurnia Sultan Kepada Kerabat Diraja dan Pasukan Bersenjata Johor

Pada hari Jummat 16 Julai 1920, telah diadakan suatu istiadat di Istana Besar Johor Bahru bagi ulang tahun Hari Kalung yang ketiga puluh lima bagi sultan mengurniakan darjah-darjah. Pada hari itu juga Baginda Sultan Ibrahim telah menggelar beberapa orang kerabatnya mengikut adat Melayu bagi majlis istiadat dan pemerintahan majlis raja, iaitu

jemaah engku-engku seri paduka (Anak-anak raja yang damping kepada takhta kerajaan).

Mereka yang menerima kurnia gelaran itu ialah Engku Seri Paduka Bena Maharaja (Engku Maharaja) Engku Ahmad bin Md. Khalid, Engku Seri Paduka Sendara Sanggana (Engku Sanggana) Engku Husain bin Abd. Rahman, Engku Seri Paduka Kepiti Raja (Engku Kepiti) Engku Muhammad bin Md. Khalid dan Engku Seri Paduka Purba Raja (Engku Purba) Engku Ali bin Abdullah.

Pada petang Sabtu 7 September 1935, Baginda Sultan Ibrahim, Kolonel Pemerintah bagi askar dan sukarelawan Johor telah mengurniakan panji-panji dan tetunggul kepada Pasukan Sukarelawan Johor di padang Bukit Timbalan.

Patut diingat dalam bulan Mei 1916 telah diadakan satu istiadat kerana Baginda Sultan Ibrahim mengurniakan panji-panji dan tetunggul kepada Pasukan Askar Johor (Johore Military Forces) serta dengan tauliahnya sekali.

Sultan dan Sultanah Mengelilingi Dunia

Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim seorang raja Melayu yang telah mengelilingi dunia. Pada 12 Mac 1934, Baginda bersama-sama Sultanah Helen diiringi oleh Kapten Shikh Abdullah bin Yahya, Setia Usaha Sulitnya dan bersaing dengan seorang sahabatnya bangsa Jepun bernama Tuan Kuzumi (kemudian bergelar Dato') bertolak dari Singapura dengan sebuah kapal Jepun yang bernama "Fujiyama Maru" menuju ke Jepun.

Tempat-tempat yang disinggahinya ialah Hong Kong dan Shanghai. Dari Shanghai ke Kobe Jepun dengan kapal "Tayu Maru" dan Baginda itu diiringi oleh wakil Syarikat I.S.K (Ishihara Sangokoshi) iaitu sebuah kompeni lombong besi di Bukit Medan Batu Pahat. Sampai di Kobe baginda telah disambut oleh Tuan Ishihara (kemudian bergelar Dato'), wakil-wakil kompeni kebun getah Pengerang Johor, Yang Amat Berhormat Marquis Tokugawa (kaum kerabat raja Jepun yang pernah melawat ke Johor) sahabat karib baginda. Baginda telah melawat beberapa buah bandar yang besar-besar dalam negeri Jepun seperti Kyoto, Niko, Nara Nagoya, Tokyo dan Yokohama.

Pada 8 April 1934 baginda dan Sultanah telah berjumpa Raja Jepun di istananya. Pada 9 April esoknya, Raja Jepun telah menghadiahkan Baginda sebuah bintang "Darjah Matahari Terbit" (Order of the Rising Sun) pangkat yang pertama sebagai tanda perkenalan dan persahabatan.

Dari Yokohama dengan kapal "Chinchuba Maru" ke Honolulu dan terus ke San Francisco. Baginda dan sultanah telah membuat lawatan ke Hollywood iaitu sebuah bandar khas bagi syarikat-syarikat membuat filem wayang gambar. Di sini baginda telah berpeluang dikenalkan dengan beberapa orang bintang filem yang masyhur dan kaya.

Angkatan baginda itu telah bertolak dari Los Angeles ke Chicago. Di bandar ini baginda telah disambut dengan besar-besaran oleh pihak Dato' Bandar. Lawatan baginda ke Chicago ini sebenarnya kerana hendak hadir membuka istiadat pertunjukan besar Pasar Dunia (The World Fair). Masa baginda dan sultanah berangkat dan sampai hadir bagi membuka pertunjukan itu, angkatan baginda itu telah diiringi oleh suatu pasukan berkuda dan disambut dengan 21 das bedil selamat.

Masa baginda di Washington, ibu Negara Amerika Syarikat, baginda telah berpeluang berangkat ke Rumah Putih (White House) bersama-sama dengan pihak wakil Kerajaan Inggeris berjumpa President Roosevelt. Tiga hari kemudian, baginda pun berangkat ke New York. Di bandar ini juga tidak kurang kehormatan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Amerika Syarikat kepada baginda.

Kemudian baginda menyeberang Lautan Atlantik ke England dan hadir bersama-sama di dalam istiadat perkahwinan Duke of Kent. Baginda dan sultanah juga telah berangkat ke Istana Buckingham berjumpa dengan Baginda King George V. Dari England baginda dan sultanah serta pengiring-pengiringnya telah melawat Negeri-negeri di Eropah. Balik melalui Terusan Suez dan selamat sampai ke Johor pada 22 Januari 1935.

Baginda Sultan Ibrahim bukan sahaja telah mengelilingi dunia, bahkan telah berbelas kali melawat ke Negeri-negeri Eropah. Di antara lawatannya itu ada yang bersangkut dengan hal kesihatannya. Baginda juga telah membuat lawatan-lawatan ke Negeri-negeri di Asia seperti Siam, Anam, Kemboja, Cochin China (Saigon), India dan ke negeri-negeri dalam Australia. Baginda melawat ke India dan Australia membawa beberapa ekor kudanya yang handal-handal untuk berlawan lumba di sana dengan beroleh kejayaan.

Hadiah Kerajaan Johor dan Ulang Tahun Yang Keempat Puluh

Pada 6 Mei 1935 Sultan Ibrahim bagi pihak Kerajaan Johor telah menghadiahkan wang sebanyak $500,000 kepada Kerajaan Inggeris sebagai tanda kesyukuran menyambut Ulang Tahun Yang Kedua Puluh Lima Tahun King George V bersemayam di atas Takhta Kerajaan Inggeris. Wang ini ialah peruntukan Johor bagi membantu menyudahkan pangkalan perang Kerajaan Inggeris di Singapura.

Pada 17 September 1935, Johor telah menyambut Hari Ulang Tahun Yang Keempat Puluh Baginda Sultan Ibrahim bersemayam di atas takhta kerajaan. Sambutan dan keraian telah diadakan di seluruh Johor secara besar-besaran.

Johor Dengan Pertunjukan Antara Bangsa

Dalam T.M. 1939, telah diadakan Pertunjukan Besar Antara Bangsa (International Exhibition) di Golden Gates, San Francisco, Amerika

Syarikat. Kerajaan Johor telah turut menghantarkan ke dalam pertunjukan itu, satu contoh bangunan rumah berbumbung lentik. Di dalamnya terhias dengan berbagai-bagai macam rupa pertunjukan untuk mengenalkan kesenian, kebudayaan serta pandangan-pandangan berkenaan dengan bangsa dan negeri Melayu khasnya Johor.

Di antara pemandangan itu, ialah patung-patung yang dihias dengan pakaian kebesaran pengantin Melayu, bendera-bendera negeri dan kerajaan Johor, berjenis-jenis bakul dan gambar termasuk gambar-gambar sultan, contoh sampan layar Melayu dan lain-lain lagi.

Encik Onn bin Jaafar (Dato') dan isteri serta keluarganya adalah orang yang telah diutuskan sebagai wakil Johor kerana pertunjukan untuk mengenalkan kesenian dan kebudayaan itu.

Patut juga diingat, pada zaman Sultan Abu Bakar, iaitu kira-kira pada penghujung T.M. 1892, Kerajaan Johor telah julung kali menghantar beberapa jenis barang-barang dan perkakas-perkakas dari berbagai-bagai jenis alatan ke pertunjukan besar yang diadakan di Chicago, Amerika Syarikat. Pesuruhjayanya ialah Dato' Abd. Rahman bin Anda' (Dato' Seri Amar Di-Raja). Barang-barang pameran negeri Johor itu mendapat kepujian dan banyak yang beroleh kemenangan.

Sebab turut sama menghantarkan barang-barang ke pertunjukan besar dunia yang telah diadakan berkali-kali itu, maka nama sultan dan negeri Johor makin bertambah terkenal ke seluruh dunia.

Bangunan Pejabat Kerajaan Yang Baru

Dalam T.M. 1939, Kerajaan Johor telah mengeluarkan perbelanjaan tidak lebih dari $2,000,000, kerana membangunkan Pejabat-pejabat Kerajaan yang Bahru di atas Bukit Timbalan, Johor Bahru.

Pada hari Ahad 10 Mac 1940, suatu upacara telah diadakan untuk meletakkan batu asas bangunan itu. Tengku Mahkota Johor, Yang Amat Mulia Sir Ismail, telah menyempurnakan upacara yang cemerlang itu dengan disaksikan oleh Yang Amat Mulia Tengku Ahmad Temenggung, Yang Mulia Engku Abd. Aziz bin Abd. Majid, Menteri Besar, Penasihat Am Inggeris, para pegawai kerajaan, kerabat raja, para pembesar dan dif khas kira-kira 300 orang.

Upacara yang dijalankan itu disertai dengan barisan kehormatan dari Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor (J.M.F.). Sebuah peti kecil yang termeteri berisi di dalamnya 15 jenis barang termasuk sebuah Koran kecil, senaskhah Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, senarai nama kerabat raja Johor, nama menteri-menteri, wang-wang yang digunakan dalam Tanah Melayu, setem Johor dan surat-surat khabar telah ditempatkan pada masa meletakkan batu asas bangunan itu.

Mendirikan bangunan ini ialah dengan titah dan kehendak Baginda Sultan Ibrahim yang pada masa itu sedang bersemayam di England.

Kerajaan Johor juga telah mendirikan sebuah bangunan rumah sakit yang besar lagi indah, iaitu rumah sakit kelas tiga dengan perbelanjaan $1,275,000. Kedua-dua bangunan yang besar ini telah siap dalam T.M. 1941.

Sultan dan Keluarganya

Pada 5 Oktober 1892, Baginda Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan saudara sepupunya Tengku Maimunah binti Abd. Majid (Tengku Ampuan Maimunah). Pada 28 Oktober 1894 beroleh putera bernama Yang Amat Mulia Tengku Ismail (Tengku Mahkota).

Dengan isterinya Encik Rukiah (Encik Rugayah), baginda beroleh putera dinamakan Yang Amat Mulia Tengku Abu Bakar (Tengku Harith Bendahara). Diputerakan di Istana Tyserall Singapura pada 17 Februari 1898.

Pada 28 Julai 1898, Yang Amat Mulia Tengku Ahmad (Tengku Temenggung) telah diputerakan oleh isteri baginda yang bernama Encik Dara binti Dato Ja'afar di Bukit Seri Gambir, Johor Bahru.

Baginda Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan Sultanah Helen di London pada 15 Oktober 1930. Pada 18 November 1931 Sultanah Helen itu telah dimahkotakan di Istana Besar Johor Bahru serta mengaku memeluk agama Islam. Dengan isterinya ini tiada beroleh putera dan puteri dan kesudahannya perjodohan baginda itu tidak berpanjangan.

Pada 6 November 1940, Baginda Sultan Ibrahim telah berkahwin pula dengan Miss Marcela Mendel, iaitu seorang anak perempuan janda bagi seorang besar bangsa Rumania yang duduk di Grosvenor House, London. Seorang daripada saksinya ialah Kapten Shikh Abdullah (bekas Setia Usaha Sulit baginda). Oleh perkahwinan itu maka jadi Lady Marcela Ibrahim dan ditarafkan menjadi Lady Yang Pertama di dalam negeri Johor.

Pada 17 September 1947, dia telah digelar Sultanah Johor dan pada masa menyambut Jubli Intan Baginda Sultan pada 17 September 1955, telah dimahkotakan di Istana Besar Johor Bahru.

Tiada lama lepas perkahwinan itu, Baginda Sultan telah membawa isterinya itu balik ke Johor dengan kapal P & O Nakonda melalui selatan Afrika kerana masa itu api Peperangan Dunia II mula marak di benua Eropah. Sukar kapal-kapal hendak lalu lalang di Laut Mediterranean yang sedang menjadi medan pertempuran itu. Kapal baginda itu diiringi oleh beberapa buah kapal perang dan kapal selam pihak Kerajaan Berikat.

Pada 4 Januari 1941, baginda dan isterinya itu selamat sampai ke Johor. Dengan isterinya Sultanah Marcela ini, iaitu pada 18 September 1950 baginda beroleh puteri di England dinamakan Tengku Maryam.

Johor Dalam Peperangan Dunia II (1941–1945)

Bagaimana dalam Peperangan Dunia I (1914–1918) Johor telah memberikan bantuannya kepada Kerajaan Inggeris bersama-sama berkawal

dari serangan musuh-musuh dari luar dan dalam negeri, maka begitu jugalah halnya dalam Peperangan Dunia II (1941–1945) Johor telah memberikan bantuannya bersama-sama mengawal dan mempertahankan keselamatan Tanah Melayu dan khasnya Johor dari serangan musuh-musuh dari dalam dan luar negeri.

Semenjak Baginda Sultan Ibrahim bersama-sama isterinya Lady Marcela balik dari England dalam T.M. 1941 itu, baginda telah bekerja keras membuat kerja-kerja kerajaan dan kerja-kerja yang berkenaan dengan askar dan Sukarelawan Johor.

Sebab api peperangan makin merebak, pasukan-pasukan askar Australia telah dihantar bersama-sama berkawal di dalam negeri Johor. Masa itu ahli-ahli pasukan Askar dan Sukarelawan Johor bertambah ramai dan diperintahkan berkawal di luar-luar bandar dan di tempat-tempat yang mustahak seperti padang-padang terbang, gudang-gudang beras, pusat-pusat elektrik, kolam air dan lain-lain lagi. Oleh itu Jemaah Menteri Johor telah bermohon baginda Sultan memakai pangkat "Major General". Pada masa itu *Major General* yang menjadi pemerintah Agung Pasukan Tentera di Tanah Melayu duduk dan berpejabat di Johor Bahru. Selalu juga dia bermesyuarat dengan baginda Sultan berkenaan dengan hal-hal darurat peperangan.

Askar Johor telah diperintahkan bercampur dengan askar-askar Australia berkawal di tempat-tempat yang mustahak di jajahan-jajahan Muar, Batu Pahat, Segamat, di pantai timur dan di pantai barat negeri Johor. Pasukan-pasukan *wireless* telah dihantar berkawal di Fort Canning, Tanjung Lompatan, Kuala Sedili, Endau dan Pulau Tioman.

Kira-kira sebulan lamanya dari tarikh mula pecah peperangan di Timur Jauh pada 8 Disember 1941, sedang masa itu tentera Jepun telah mendarat dan mara terus dari utara Tanah Melayu. Baginda Sultan telah menitahkan Penasihat Am Inggeris Johor memberitahu dengan bersurat kepada Pemerintah Agung Tentera Tanah Melayu yang baginda telah memberikan kuasanya sementara akan pemerintahan Askar dan Sukarelawan Johor itu kepada Penasihat Askar Johor. Tujuannya supaya tidak tergendala segala kerja yang berkehendakan dijalankan dengan segera.

Pemberitahuan Baginda Sultan ini telah diterima dengan ucapan "Terima Kasih" dari Pemerintah Agung Tentera Tanah Melayu dan Gabenor Negeri-negeri Selat bagi pihak Kerajaan Inggeris kerana Baginda Sultan bagi pihak Kerajaan Johor dengan sesungguhnya menunaikan sebahagian dari syarat Perjanjian Setia yang pertama yang dibuat dalam T.M. 1885, ". . . bersatu menjaga langgaran musuh dari luar atau dalam."

Pada 9 Disember 1941, kapal-kapal perang besar baharu Kerajaan Inggeris yang didakwa kebal yang bernama *H.M.S Prince of Wales* dan *H.M.S. Repulse* telah tenggelam di laut Kuantan, pantai timur Tanah Melayu oleh torpedo-torpedo yang dibawa oleh kapal-kapal terbang

Jepun. Ketewasan ini bermakna satu daripada mala petaka atau nasib yang terlalu tidak baik telah ditanggung oleh angkatan Tentera Laut Di-Raja Kerajaan Inggeris. Serangan-serangan Tentera Udara Jepun yang amat dahsyat dan menggemparkan itu telah memincangkan pertahanan Inggeris, bukan sahaja di medan Tanah Melayu bahkan juga di seluruh Laut China Selatan dan di Lautan Pasifik Barat.

Semenjak itu kemaraan tentera Jepun mendarat dan menyerbu masuk menginjak-injak tanah air kita ini, tidak begitu tersekat lagi. Dengan masa yang sesingkat-singkatnya tentera Jepun telah dapat menawan padang-padang kapal terbang, jalan-jalan kereta api dan bandar-bandar di bahagian utara Tanah Melayu. Pihak tentera Inggeris yang bertahan terpaksa berundur dari satu kubu ke satu kubu hingga ke utara negeri Johor. Johor telah cuba hendak dipertahankan untuk pertahanan kubu akhir Kerajaan Inggeris di Singapura.

Pada pertengahan bulan Januari 1942, tentera Jepun mula masuk di beberapa tempat bahagian utara dan barat negeri Johor, iaitu seperti Segamat, Tangkak dan Muar. Oleh sebab serangan Jepun bertambah-tambah hebat dari segenap jurusan, maka banyaklah askar pihak-pihak Inggeris yang terdiri dari askar-askar Australia dan India yang telah terkepung, terkorban dan terpaksa menyerah diri. Pasukan Askar dan Sukarelawan Johor yang ada bersama-sama dengan askar-askar Inggeris yang ada berkawal di merata-rata tempat seperti di padang-padang terbang Tanjung Laboh, Kluang dan Kahang dengan segera telah diundurkan ke Johor Bahru.

Pada 28 Januari 1942, dengan persetujuan baginda sultan, Pemerintah Agung Tentera Tanah Melayu telah memerintahkan pasukan Askar dan Sukarelawan Johor yang ada bersama-sama berkawal dan bertahan dengan pihak askar Inggeris itu dipecahkan kerana muslihat peperangan dan pertahanan. Semua senjata yang ada di tangan Askar dan Sukarelawan Johor itu dihimpunkan dan dihantar dengan segera ke Singapura untuk diserahkan kepada pihak yang berkuasa tentera Inggeris. Ini dilakukankan supaya senjata-senjata itu tidak jatuh ke tangan Jepun. Setelah berpecah, mereka itu pun berundur pulang ke kampung mendapatkan kaum keluarga masing-masing.

Malam 30 dan 31 Januari 1941 ialah masa yang akhir bagi pasukan-pasukan askar Inggeris dan orang-orang kulit putih keluar berundur dari negeri Johor, menerusi Tambak Johor menyeberang ke Singapura. Askar-askar itu telah letih dan lesu kerana enam minggu berjuang menentang Jepun di sepanjang medan Tanah Melayu dari utara ke selatan. Ketika berundur itu mereka mendapat sedikit sahaja gangguan daripada pasukan udara Jepun.

Pada pukul 6.00 pagi 31 Januari itu juga, hampir kesemua, askar itu, terkecuali yang hilang, tertawan dan terkorban selamat berundur ke

Singapura. Pasukan Gordon dan diikuti oleh pasukan Argyll yang didahului oleh Pasukan Pancaragam Pipenya telah berundur menyeberang, pada pukul 7.00 pagi.

Kebetulan pada pukul 8.00 pagi, baharulah Lt. Col. Stewart keluar dari Johor Bahru, kerana hendak meletupkan Tambak Johor itu. Pada pukul 8.15 pagi betul, hebat letupan yang dipasang oleh Pasukan Tentera Laut Di-Raja (Royal Navy) itu pun meletup memecah dan memutuskan tambak itu di sebelah bahagian Johor, kira-kira panjangnya 70 kaki. Maka putuslah perhubungan antara Johor Bahru dengan Singapura dan Bandar Johor Bahru mula diduduki Jepun dan dihujankan dengan peluru meriam Inggeris dari bahagian Keranji dan Woodland. Semua orang telah keluar kira-kira 7 batu dari kawasan Bandar Johor Bahru untuk mencari perlindungan. Akhirnya baginda sultan, sultanah dan beberapa orang pegawainya yang tidak bergerak ke mana-mana itu telah diminta berpindah dengan diiringkan oleh para pegawai dan askar Jepun ke Batu Pahat.

Beberapa lama kemudian, sesudah Inggeris menyerah kalah dengan tiada bersyarat pada 15 Februari 1942, baharulah baginda sultan dan sultanah berangkat balik ke Johor Bahru.

Di sepanjang masa pemerintahan Jepun, baginda sultan dan sultanah tetap bersemayam di Istana Pasir Pelangi. Oleh kerana baginda sultan seorang raja Melayu yang telah menerima bintang Kebesaran Matahari Terbit (Rising Sun) pangkat yang pertama dari Maharaja Jepun, maka pihak yang berkuasa tentera Jepun hormat juga kepada baginda. Walau bagaimanapun, baginda tiadalah mengambil apa-apa bahagian dalam hal pentadbiran dan pemerintahan negeri. Segala hal itu telah ditugaskan kepada puteranya Yang Amat Mulia Tengku Ismail (Tengku Mahkota) bersama-sama Yang Mulia Engku Abd. Aziz bin Abd. Majid, Menteri Besar Johor menjalankannya mengikut kehendak Jepun.

Pejabat Cukai (Kastam)

Sebelum Perang Jepun (1941–45), Pejabat Kastam Johor memainkan peranan utama memungut hasil keluar masuk negeri Johor. Selain daripada di setiap bandar atau pekan, terutama di tepi-tepi sungai dan sempadan negeri ada bangunan pejabat kastam dan rumah pasung (polis). Barang-barang cukai yang dibawa keluar masuk negeri Johor melalui sempadan-sempadan negeri, dikenakan cukai di pejabat-pejabat kastam tersebut. Umpamanya, sempadan Johor dengan Melaka, ada pejabat kastamnya di Kesang, Sempadan Johor dengan Negeri Sembilan, ada pejabat kastamnya di Gemas dan di sempadan Johor dengan Pahang, pejabat kastamnya di Endau dan lain-lain tempat lagi.

Di beberapa batang atau kuala sungai, ada pejabat kastam dan polis untuk memungut hasil cukai dari kawasan-kawasan persekitarannya dan barangan masuk. Sejak Tanjung Puteri dibuka oleh Temenggung Ibrahim

dalam tahun 1855 ia dinamakan Bandar Iskandar Puteri, sistem pejabat cukai atau kastam mula dijalankan di Johor. Candu dan arak diproses di Iskandar Puteri. Pungutan hasil terbesar ialah cukai candu dan arak.

Md. Saleh bin Perang yang akhirnya bergelar Dato' Bentara Luar Johor ditugaskan oleh Temenggung Daeng Ibrahim menjadi ketua pemungut cukai, pekerjaan pajak serta mengawal dan menangkap sesiapa yang membuat candu atau membawanya tanpa kebenaran masuk ke Johor. Pada masa itu, Bandar Iskandar Puteri menjadi tempat memproses candu dan arak untuk dieksport dan dijual ke Singapura dan juga di Johor. Rumah memasak candu itu terletak di penjuru Jalan Ibrahim dengan Jalan Segget.

Tempat memproses arak ialah di Jalan Terus. Ada sebuah kapal menghantar keluar candu dan arak ke Singapura dan daerah-daerah lain. Tempat tambatan atau pengkalan kapal-kapal candu ialah di kuala Sungai Segget. Di sanalah terletaknya bangunan pejabat cukai atau kastam yang ulung di Johor Bahru dan negeri Johor.

Arak dan candu sangat laris dan dikehendaki oleh para pekerja dan petani Cina yang ramai bekerja di ladang gambir dan lada hitam di seluruh negeri Johor. Pejabat cukai atau kastam banyak memungut hasil arak, candu, gambir dan lada hitam. Itulah hasil terbesar untuk membina dan membangunkan negeri dan kerajaan Johor.

Md. Saleh bin Perang mempunyai empat orang penolong. Husain menjaga pajak dan cukai hasil candu dan arak. Kabut menjadi kerani saman dan waran surat-surat sungai berkenaan ladang gambir dan lada hitam. Dapat menjadi jurutulis di mahkamah dan polis. Md. Said menjadi pembantunya. Mereka adalah tokoh-tokoh awal yang mengendalikan tugas-tugas penerokaan pejabat cukai atau kastam untuk hasil mahsul penting bagi negeri Johor. Md. Saleh bin Perang sendiri merangkap ketua polis, kerani besar di pejabat tanah, penulis rekod di mahkamah, ketua pejabat cukai dan ketua ukur tanah. Pada 9 Disember 1868, Md. Saleh bin Perang dilantik menjadi Pesuruhjaya Polis Johor.

Selepas tahun 1858, semua pejabat-pejabat Kerajaan Johor dipindahkan dari Teluk Belanga Singapura ke Johor Bahru. Pejabat-pejabat itu diletakkan di bahagian bawah Dewan Singgahsana Takhta Kerajaan di Istana Besar Johor Bahru. Kemudian, pejabat-pejabat itu (kecuali pejabat perbendaharaan) dipindahkan ke bangunan bekas istana yang dikenali sebagai gedung atau Bangunan Menara Empat atau disebut Istana Laut atau Istana Pantai di batu dua, Jalan Sekudai. Bangunan itu akhirnya dijadikan Boarding English College yang kini telah dirobohkan dan tapaknya didirikan Hotel Straits View seperti yang ada sekarang. Antara pejabat-pejabat yang diletakkan di Bangunan Menara Empat atau Istana Pantai itu ialah pejabat kastam.

Hingga tahun 1911, pejabat kastam itu masih berada di Bangunan

Menara Empat. Ini berdasarkan kepada penyata tahunan 1911 yang ditulis oleh J.W. Simmons, Pesuruhjaya Kastam Johor yang pertama berbangsa Inggeris. Antara lain, Simmon ada mengatakan sebab pejabat kastam itu letaknya dua batu jauhnya di Bangunan Menara Empat dari stesen kereta api didapati tidak ada satu dagangan membayar cukai eksport. Oleh kerana perpindahan pejabat kastam, dalam bulan Februari 1911, di seberang stesen kereta api (di tempat bangunan kastam yang ada di tepi Kuala Sungai Segget sekarang) adalah untuk kegunaan pegawai-pegawai candu bertugas. Akhirnya dengan serta-merta pungutan cukai Johor bertambah iaitu lebih kurang 500 peratus.

Pada mulanya pejabat kastam itu terdiri daripada bangunan kayu panjang, berdinding papan dan beratap zink. Bangunan kastam didirikan di tepi kuala Sungai Segget berhampiran pintu masuk ke Tambak Johor (Johore Causeway) yang ada sekarang. Tidak lama kemudian, ibu pejabat kastam di tempatkan di sebuah bangunan dua tingkat di Jalan Wong Ah Fook yang dahulunya pernah dijadikan pejabat buruh. Bahagian atas bangunan itu didirikan ibu pejabat dan bahagian bawahnya pula untuk tempat candu dan timbang-menimbang barang.

Sebelum Perang Jepun (1941), bangunan kastam berdinding papan dan beratap zink itu dirobohkan dan dibangunkan pula dengan bangunan batu panjang, beratap genting dengan belanja lebih $100,000.00. Pada mulanya bangunan itu dicadangkan dibina dua tingkat tetapi kerana kawasan tanah di situ tidak kuat, rancangan itu dibatalkan. Bangunan itu digunakan hingga ke zaman pemerintahan Jepun dan ke zaman pemerintahan pentadbiran tentera British (B.M.A.), Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu hingga akhir tahun 1976. Di bangunan ini juga, pejabat dan tempat pemeriksaan lori keluar masuk ke Singapura dan ke Johor Bahru. Bangunan dibesarkan beberapa kali dan dibina pula tembok di kelilingnya menghadap ke darat.

Setelah merdeka, di sebuah kawasan di Jalan Larkin (Jalan Tun Abdul Razak), dibangunkan beberapa buah rumah kakitangan pegawai-pegawai kastam dan setor untuk kegunaan kastam. Sebuah lagi bangunan kastam didirikan antara Jalan Wong Ah Fook dengan Jalan Campbell (Jalan Tun Abdul Razak) untuk memeriksa lori-lori barang dan balak masuk ke Singapura.

Sebelum Perang Jepun, Johor sebuah daripada Negeri-negeri Melayu yang terkaya di Tanah Melayu atau Malaysia. Ekonominya mantap dan kukuh. Ia bermula daripada hasil-hasil hutan, gambir, lada hitam, arak, candu dan judi. Kemudian muncul pula hasil getah, ubi kayu, kelapa sawit, kelapa, pinang, nanas, bijih besi, bauksit, bijih timah, aluminium dan lain-lain.

Semasa D.Y.M.M. Sultan Abu Bakar memerintah, hasil Johor sangatlah sedikit. Johor hanya dapat membina beberapa buah bangunan seperti

istana, balai besar, Istana Zahrah, Balai Cengkih (Balai Zahrah), Masjid Abu Bakar, Istana Pantai (Istana Mercu Empat), Pejabat Besar Timbalan Setia Negeri (J.M.F.) dan lain-lain.

Dalam tahun 1895, semasa D.Y.M.M. Sultan Ibrahim mula-mula memerintah, Kerajaan Johor bukan sahaja tidak berduit, malah gaji pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beberapa bulan tidak berbayar. Belanja-belanja dan hutang kerajaan kepada gudang-gudang perniagaan di Singapura dan Eropah bertambah. Kemudian, sejak tahun 1910, hasil Johor bertambah berganda dalam 40 tahun pemerintahan Sultan Ibrahim.

PERANAN JABATAN KASTAM JOHOR MENGKAYAKAN NEGERI JOHOR

Zaman J.W. Simmons memegang jawatan Pesuruhjaya Kastam Johor, hasil kastam dalam tahun 1910 dapat direkodkan iaitu sebanyak $458,220.00. Dalam tahun 1911 hasil bertambah $198,985.00 atau 43 peratus lebih. Masa itu cukai eksport yang terbesar ialah gambir, lada hitam, getah, pinang dan kelapa kering.

Pada 30 September 1911, Simmons mengesyorkan kepada Kerajaan Johor agar mengubah sistem memungut cukai. Gambir dan lada hitam yang dieksport hendaklah dibayar cukai terlebih dahulu di pejabat kastam sebelum dieksport. Pada 15 Oktober 1911, semua kilang lama hendaklah dipindahkan ke Muar, Batu Pahat dan Kota Tinggi.

Jabatan kastam memungut cukai eskport getah pada tahun 1910 ialah $41,000.00 dan bertambah sebanyak $76,583.00 dalam tahun 1911. Jumlah eksport getah pada tahun itu ialah 1,244,550 paun dibandingkan dengan 613,000 paun dalam tahun 1910. Dalam tahun 1911, satu peristiwa penting berlaku dalam negeri Johor, iaitu beberapa buah enakmen telah diluluskan oleh kerajaan seperti enakmen kereta api 1908, enakmen tanah, enakmen lembaga bandaran, bahkan enakmen candu dan opium dan enakmen cukai kastam (The Customs Duties Enactment).

Pada 1910–1911, perhubungan antara Johor Bahru dengan daerah-daerah lain, terutama Muar dan Batu Pahat masih menggunakan jalan laut. Pejabat-pejabat kastam tempatan menjalankan tugas memungut cukai eksport importnya secara sendiri. Dari tahun 1910 hingga 1912, daerah yang banyak mendapat hasil cukai ialah Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Kukup. Cukai eksport terbesar dalam tiga tahun itu ialah gambir, lada hitam, getah, pinang, kelapa kering dan juga bijih timah. Hasil import terbesar ialah *spirit* (minuman keras) yang meningkat dari setahun ke setahun.

Dari jumlah cukai kastam pada akhir tahun 1912 ialah $834,035.00. Hasil cukai import *spirit* sahaja berjumlah $189,288.00 dan getah $152,674.00. Menurut anggaran perbelanjaan negeri Johor pada tahun 1920 iaitu jumlah anggaran untuk gaji dan lain-lain perbelanjaan untuk

kastam ialah $776,751.00. Sebahagian besar daripadanya untuk pembelian candu iaitu sebanyak $600,000.00. Pembayaran kepada *informer* sebanyak $1,000.00 (masa itu kastam telah pun menggunakan *informer* untuk mendapatkan kes seperti sekarang).

Dalam tahun 1911, Johor mendapat kejayaan besar dalam penambahan hasil. Kejayaan itu kerana pentadbiran, perhubungan, pembukaan jalan-jalan raya, dan juga bertambahnya perusahaan. Jumlah penduduk negeri Johor masa itu ialah Melayu seramai 71 315 orang, Cina 63 405 orang, Jawa 30 904 orang, India 5659 orang dan orang Eropah 205 orang.

Dalam tahun 1911, Johor dapat memungut hasil berjumlah $3,954,901.12, iaitu lebih $631,716.00 daripada tahun 1910. Kejayaan itu kerana kejayaan pungutan dan pentadbiran kepada pembesaran perusahaan pertanian terutamanya bertambah luasnya ladang-ladang getah. Pada masa itu Kerajaan Johor mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk kepentingan pembinaannya.

Dalam tahun itu juga, jabatan kastam dapat menambah lagi hasil pendapatan cukai berjumlah $634,016.00 iaitu hasil kereta api sebanyak $366,955.00 dan hasil tanah sebanyak $101,652.00. Dalam tahun 1911 juga, ladang getah semakin luas. Orang-orang Jepun mengusahakan ladang seluas lebih 100,000 ekar. Kawasan-kawasan tanaman gambir dan lada hitam diusahakan oleh peladang-peladang Cina yang mengikut sistem Kangcu.

212,386 pikul gambir dan 47,512 pikul lada hitam telah dieksport. Tetapi hasil gambir dan lada hitam makin menurun dan diganti pula dengan bertambahnya hasil getah. Kelapa dan pinang juga maju di daerah-daerah Muar dan Batu Pahat dan kebanyakannya adalah kepunyaan pekebun-pekebun kecil peribumi. Padi juga ada diusahakan secara kecil-kecilan.

Pada tahun 1911, hasil-hasil cukai eksport barangan pertanian, perhutanan, perlombongan, perikanan dan cukai import *spirit* berjumlah $657,205.00 telah dipungut oleh jabatan kastam. Spirit ialah jenis-jenis seperti arak, samsu, brandi, gin, liquers, *rum*, wiski, *champaign*, *claret*, *port*, *sherry*, *vermous*, *cider* dan *perry*. Cukai import spirit itu sahaja berjumlah $158,358.00. Jumlah pembelian candu ialah sebanyak $686,608.00. Di sini nyatalah, dalam tahun 1911 penduduk Johor sudah pandai minum arak dan masih terus menghisap candu.

Berdasarkan penyata tahunan kastam Johor 1911, hasil terbesar Johor ialah eksport barangan ke negara-negara luar. Antaranya Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang), Sarawak, India, Ceylon (Sri Lanka), Siam, Pulau-pulau Indonesia, Filipina, Borneo dan lain-lain. Barang juga dieksport ke Negeri-negeri jiran seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang yang memang sentiasa berhubungan dengan Johor.

Dalam tahun 1911 juga, hasil terbesar Johor ialah cukai candu. Hasil cukai candu dan hasil cukai kastam, adalah dua pertiga. Selain daripada Bandar Maharani Muar dan Bandar Penggaram Batu Pahat, barangan import eksport tidak diketahui caranya iaitu mengikut jalan laut kerana dikatakan pemungut cukai import berkehendak beberapa orang kerani yang boleh bertutur bahasa Inggeris yang masa itu sukar didapati.

Semua ladang gambir dan lada hitam di seluruh Johor kepunyaan orang-orang Cina peranakan saudagar yang menetap di Singapura. Kebanyakan mereka suku Teo Chiu. Tanah-tanah mereka duduki mestilah mempunyai surat keterangan tertentu oleh kerajaan. Kerajaan juga memberikan surat kebenaran biasa mengusahakan tanah kepada mereka. Tetapi kebun-kebun atau ladang-ladang getah diberi geran.

Saudagar-saudagar Cina di Singapura mengambil peladang-peladang Cina untuk memajukan tanah dengan berjanji memajak gambir dan lada hitam kepada mereka dan bersetuju menjual hasil-hasilnya kepada mereka. Barangan eksport gambir dan ladang hitam itu diisi ke dalam *twakow* atau tongkang di beberapa buah tambatan atau pelabuhan seperti di Tanjung Puteri (Kuala Sungai Segget), Tanjung Surat, Pasir Gudang, Tanjung Kupang, Kukup dan lain-lain. Kemudian dihantar terus ke Singapura.

Untuk mencegah atau mengelakkan peladang-peladang itu menjual gambir dan lada hitam kepada orang lain, The Singapore Gambier & Pepper Trades ditubuhkan. Persatuan Perdagangan Gambir dan Lada Hitam dan rempah ditukar namanya iaitu The Gambier & Pepper Society dengan didaftarkan di Singapura. Pegawai yang bertugas, memeriksa tongkang-tongkang yang membawa eksport dari Johor itu.

Johor telah mengukir satu sejarah eksport barangan yang gemilang dan dapat mengalahkan Negeri-negeri Melayu lain iaitu eksport kelapa yang terbesar dari jajahan Muar, Batu Pahat dan Kukup. Kejayaan itu dapat dibandingkan dengan eskport dari seluruh Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Pada tahun 1910 Negeri-negeri Melayu tersebut telah mengeskport hasil kelapanya sebanyak 125,000 pikul. Tetapi eksport kelapa Johor ialah sebanyak 113,000 pikul dan 139,862 pikul dalam tahun 1911.

Dalam tahun 1910 sebanyak 350,000 pikul pinang kering dieksport dari Johor dan 340,000 pikul dalam tahun 1911. Tetapi eksport dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu hanya 23,000 pikul.

Cukai Eksais dan Hasil Johor Terus Meningkat Serta Pegawai Bertugas

Dalam tahun 1916, nanas merupakan permulaan cukai eksais kerana awal Januari 1916, bermula kuatkuasanya "The Exise Enactment of 1915". Dari tahun itu juga, bermulanya penguasaan penjualan runcit minuman

keras di seluruh Johor. Sejak tahun 1910, pejabat kastam dan tugas-tugas mendapatkan hasil Johor bertambah besar dan maju. Ini adalah kerana pegawai Inggeris, W.Y.B. Draper menjadi Pesurujaya Kastam dan beberapa orang pegawai Melayu bertugas dengan cemerlang. Antaranya seperti Dato' Abdullah bin Hj. Othman, Md.Taib bin Talib, Abdul Majid bin Sidek, Penguasa Kastam Muar, Syahadan bin Hj. Saadun, Penolong Penguasa Kastam Batu Pahat, Engku Ali bin Abdullah, penguasa candu.

Dalam tahun 1925, hasil Johor bertambah sebanyak $15,885,592. Harga getah naik hingga 194 peratus. Pada tahun itu, Johor mempunyai 16,000 ekar ladang nanas dengan enam buah kilang serta 1,400 ekar ladang kelapa sawit.

Hasil Johor dari setahun ke setahun bertambah besar. Contohnya, hasil dalam tahun 1939 iaitu hampir Perang Jepun, hasil import ialah sebanyak $47,262,828.00 dan hasil eksport sebanyak $80,096,939.00. Hasil eksport getah sahaja sebanyak $60,064,406.00. Eksport nanas, pinang dan kelapa kering serta bijih besi terus bertambah. Pada tahun 1939 jumlah bersih hasil import dan eksport Johor ialah $125,838.822.00.

Nama tokoh-tokoh pegawai yang mengendalikan jabatan kastam ialah Ahmad bin Awang, Penguasa Batu Pahat, kemudian Awang Cik bin Pandak; Mok bin Hj. Abdul Latif dan Ahmad bin Ibrahim. Pegawai-pegawai sebelum Perang Jepun yang terkenal ialah Muhammad bin Md. Don (Dato' Babak) hingga ke pangkat Timbalan Pesuruhjaya. Ibrahim bin Abdul Rahman (Dato' Tik) hingga ke pangkat Timbalan Pesuruhjaya; Ahmad bin Awang hingga ke pangkat Penguasa Batu Pahat; Ahmad bin Ibrahim hingga ke pangkat Penguasa Kota Tinggi; Abdul Rahim bin Kimin hingga ke pangkat Pesuruhjaya Kota Tinggi.

Selepas Perang Jepun, Raja Hj. Omar bin Cik (Dato') berpangkat Pemangku Penguasa pernah bertugas menjaga Tambak Johor. Kemudian jawatan itu dipegang pula oleh Abdul Rahim bin Kimin hingga beliau bersara dalam tahun 1952 dengan pangkat Penguasa Kanan Kastam.

Selepas Perang Jepun, pentadbiran Jabatan Kastam Johor telah disatukan dengan Jabatan Kastam Negeri-negeri Melayu yang lain, termasuk bekas Negeri-negeri Selat (Melaka dan Pulau Pinang). Ramai pegawai kastam Johor bertukar ke negeri lain dan pegawai kastam negeri lain bertukar ke Johor. Antara pegawai kastam Johor yang ditukarkan keluar negeri Johor ialah Abdul Rahman bin Arifin (Comptroller General); Wan Hamzah bin Hj. Wan Muhammad (Tan Sri-Comptroller General) dan lain-lain.

7

Johor Selepas Perang Dunia II (1941–1945)

PERJANJIAN MALAYAN UNION (MACMICHAEL TREATY)

DI DALAM risalah kecil yang bernama *Report On A Mission To Malaya* yang ditulis oleh Sir Harold MacMichael, G.C.M.G., D.S.O. ada disebutkan berkenaan dengan hal-ehwal dia diutus menjadi wakil khas Kerajaan Inggeris bagi mendapatkan persetujuan dan tandatangan sultan-sultan Melayu kerana hendak mendirikan satu cara pemerintahan baharu di Tanah Melayu ini yang dinamai *Malayan Union*.

Di antara kandungan risalah itu mengatakan Tanah Melayu masih di dalam pemerintahan Jepun. Lebih kurang dalam bulan Mei dan Jun 1945, Sir Harold MacMichael telah melawat ke Ceylon dan India. Pada 10 Oktober tahun itu juga, Setiausaha Tanah Jajahan telah mengisytiharkan bahawa Kerajaan Baginda King hendak mengadakan satu cara pemerintahan baharu di Tanah Melayu ini yang dinamai *Malayan Union*. *Malayan Union* tidak termasuk Singapura. Orang di Pulau Pinang, termasuk Seberang Perai dan Melaka tetap menjadi rakyat Inggeris. Perjanjian-perjanjian baharu terpaksa dibuat dengan raja-raja Melayu. Tuan MacMichael telah diperintahkan sebagai wakil khas Kerajaan Baginda King untuk membuat perjanjian itu.

Dengan itu akan diadakan kerakyatan *Malayan Union*. Syarat hendak menjadi rakyat *Malayan Union* itu ialah seseorang itu dilahirkan dalam Tanah Melayu atau pun diam dalam Tanah Melayu selama satu tempoh yang tertentu. Hak-hak yang khas yang didapati masa dahulu tidak akan terpakai lagi dan tiap-tiap orang tidaklah boleh mensifatkan Tanah Melayu ini sebagai tempat mencari wang sahaja.

Hasil lombong dan hasil tanaman Tanah Melayu ini berkehendakkan memberi faedah kepada Tanah Melayu dan seluruh dunia. Ini patutlah dimajukan dan sudah sepatutnya juga orang Tanah Melayu mendapat faedah yang besar daripada kekayaan ini.

Lebih kurang inilah di antara matan yang telah diisytiharkan oleh Tuan G.H. Hall iaitu Setiausaha Tanah Jajahan di Dewan Orang Ramai London pada 10 Oktober 1945. Di antara perintah yang telah diberi kepada Tuan MacMichael bagi membuat perundingan dengan raja-raja dan sultan-

sultan Tanah Melayu, iaitu Tuan MacMichael diperintahkan melawat ke Tanah Melayu, pada tarikh atau masa yang akan dipersetujukan oleh pihak pemerintahan tinggi Tentera Berikat Tenggara Asia. Tuan MacMichael dikehendaki meminta tiap-tiap seorang raja Melayu itu memberi penyertaan membantu dalam perkara mendirikan suatu pertubuhan baharu bagi Negeri Tanah Melayu iaitu seperti yang telah dipersetujukan oleh Kerajaan Baginda King. Tujuannya untuk menentukan dan menyenangkan kemajuan penduduk negeri ini supaya dapat bersatu dan akhirnya berkerajaan sendiri di dalam lingkungan jajahan takluk Inggeris.

Untuk menjayakan tujuan dan maksud ini, Tuan MacMichael diberi kuasa sebagai wakil khas daripada Kerajaan Baginda King membuat suatu perjanjian bersurat dengan setiap raja dan sultan Melayu. Dengan perjanjian itu setiap raja dan sultan akan menyerahkan sepenuh-penuh kekuasaan di dalam negerinya kepada Baginda King. Di antara perintah itu juga Tuan MacMichael telah diberi kuasa boleh mengaku dan melantik raja-raja baharu di dalam sesebuah Negeri Melayu.

Pada pagi 11 Oktober 1945, Tuan MacMichael telah mula mendarat di Port Swettenham. Kuala Lumpur telah dijadikan ibu pejabatnya. Dia pun melawat tiap-tiap negeri bergilir-gilir, tidak kira Negeri Bersekutu atau Tidak Bersekutu. Negeri yang mula-mula dilawatinya ialah Negeri Johor.

Tuan MacMichael menghadap raja-raja dan sultan-sultan dengan diiringi Brigedier A.T. Newboult M.C.S. Pada masa itu dia telah di tempatkan berkhidmat di dalam pentadbiran tentera Inggeris. Dari Kuala Lumpur lagi, Brigedier Newboult telah bekerjasama dengan Tuan MacMichael bagi menjayakan kerja kerasnya hendak mendapatkan tandatangan raja-raja dan sultan-sultan supaya bersetuju mendirikan Kerajaan Malayan Union.

Selain daripada Brigedier Newboult, Tuan H.T. Bourdillon dari Pejabat Tanah Jajahan telah juga datang bersama-sama dari England. Jadi pada masa itu MacMichael, Newboult dan Bourdillon berada di satu pihak (pihak Kerajaan King) dan sultan-sultan sendiri di pihak yang lagi satu. Sultan-sultan itu tidak termesti pula dikapit oleh seorang atau berdua penasihatnya yang utama.

Percakapan telah dijalankan dalam bahasa Inggeris atau Melayu mengikut kehendak sultan-sultan. Akan tetapi yang lebih kerap digunakan ialah bahasa Inggeris. Apabila percakapan itu dalam bahasa Melayu, Brigedier Newboult telah menjadi jurubahasa bagi pihak Tuan MacMichael. Tuan MacMichael memulakan tiap-tiap perjumpaan itu dengan menerangkan tujuan kedatangannya dan kandungan surat kuasa yang telah diberi kepadanya oleh Setiausaha Tanah Jajahan. Dia menerangkan juga keadaan pemerintahan *Malayan Union* yang dicadangkannya itu. Pemerintahan tersebut mempunyai Gabenor sebagai wakil King, ada

Majlis Mesyuarat Kerja, ada Majlis Mesyuarat Undangan, ada Majlis Mesyuarat Negeri yang dipengerusikan oleh *Resident Commissioner*, ada majlis-majlis mesyuarat yang memberi nasihat kepada raja-raja Melayu dan ada Majlis Mesyuarat Penasihat yang ahli-ahlinya daripada raja-raja Melayu dan disertai oleh gabenor. Diterangkannya juga keadaan pertubuhan dan kerja tiap-tiap satu majlis mesyuarat itu.

Sesetengah sultan terus sahaja menurunkan tandatangan mereka, tetapi yang lain telah mengadakan sedikit perbahasan sebelum menurunkan tandatangan. Perkara-perkara besar yang dikemukakan oleh raja-raja itu telah diambil ingatan dan menjadi sebagai tambahan. Ada pula raja-raja dan sultan-sultan yang menyerahkan surat mengandungi beberapa cadangan permintaan dan syor untuk ditimbangkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan. Surat ini kesemuanya dihantarkan ke London dengan seberapa segera. Perkara yang besar-besarnya ialah tentang mustahaknya diadakan perlindungan kepada anak jati negeri, supaya jangan ditinggalkan atau ditenggelamkan oleh bangsa-bangsa dagang. Seperkara lagi ialah tentang mustahaknya dihidupkan kuasa tiap-tiap satu negeri.

Berbetulan pada 16 Oktober dalam tahun itu juga, Tuan MacMichael telah menuju ke Melaka dan bermalam semalam. Dari Melaka dia terus ke Singapura. Dari Singapura MacMichael melawat dan menghadap Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim di Johor Bahru. Perjanjian telah ditandatangani pada 20 Oktober secara persahabatan yang amat teguh. Pada masa itu seolah-olah tiada suatu pun pantang larang atau undang-undang yang menegahnya. Pihak baginda telah disaksikan oleh putera baginda sendiri Tengku Ahmad Temenggung (Bekas Timbalan Menteri Besar) dan Kapten Abd. Kadir bin Dato' Hj. Md. Said (Setiausaha Sulit Sultan).

Di bawah ini diturunkan bunyi surat perjanjian menyerahkan kuasa dan pemerintahan negeri Johor kepada Kerajaan Inggeris itu:

Perjanjian di Antara Kerajaan Baginda King (United Kingdom) Dengan Negeri Johor

Bahawasanya telah ada persetujuan di antara Yang Maha Mulia Baginda King dengan Yang Maha Mulia Sultan bagi negeri dan jajahan Johor:

Dan bahawasanya patutlah diadakan kemajuan pertubuhan Negeri-Negeri Melayu yang di bawah naungan Baginda King dan bagi kerajaan yang akan diadakan bagi negeri dan jajahan-jajahan Johor.

Maka inilah diperbuat perjanjian di antara Sir Harold MacMichael G.C.M.G., D.S.O. wakil khas Kerajaan Baginda King di dalam United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara bagi pihak Baginda King dengan Yang Maha Mulia Sultan Ibarhim, G.C.M.G., G.B.E., sultan bagi negeri dan jajahan-jajahan Johor bagi pihak dirinya sendiri dan waris-waris serta ganti-gantinya:

1. Yang Maha Mulia Sultan telah mempersetujukan Baginda King mempunyai kuasa-kuasa dan hak-hak pemerintahan yang penuh di dalam negeri dan jajahan Johor.
2. Kecuali jika perjanjian-perjanjian yang ada sekarang ada mengandungi syarat-syarat yang tiada bersetuju dengan perjanjian ini atau dengan aturan-aturan pertubuhan bagi Tanah Melayu yang akan disahkan oleh Baginda King maka perjanjian-perjanjian yang ada sekarang ini akan tetap berjalan kuasanya.

Ditandatangani pada 20 Oktober, 1945 Sir Harold MacMichael, wakil khas Kerajaan Baginda King dalam United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara.

Disaksikan oleh H.T. Bourdillon.

Yang Maha Mulia Sultan bagi negeri dan jajahan-jajahan Johor Yang Maha Mulia Major General Sir Ibrahim D.K., S.P.M.J., G.C.M.G., K.B.E. (Mil.), G.B.E., G.C.O.C. (I), dan lain-lain, sultan bagi negeri Johor.
Chap Mohor

Disaksikan oleh: Tengku Ahmad Temenggung, Kapten Abd. Kadir.

Bantahan Perjanjian Malayan Union dan Berdirinya Persekutuan Tanah Melayu

Kemudian daripada Negeri Johor itu, baharulah Tuan MacMichael mendapatkan persetujuan negeri-negeri atau sultan-sultan Melayu yang lain. Pada 21 Disember 1945 siaplah kesemua raja dan sultan itu menandatangan penyerahan hak dan kuasa di atas negeri masing-masing kepada Kerajaan King Inggeris. Di antara raja dan sultan yang berasa tidak puas hati dan telah mendatangkan bantahan dengan keras ketika hendak menyerahkan kuasanya itu, ialah Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dan Sultan Kedah. Akan tetapi, oleh sebab tiada jalan lain yang dapat dituruti, mereka itu terpaksa juga menurunkan tandatangan masing-masing. Sultan yang akhir sekali menandatangani perjanjian itu ialah Sultan Ismail Terengganu.

Pada 1 April 1946, Kerajaan Inggeris telah dengan rasminya mendirikan Kerajaan *Malayan Union*. Pada hari itu sekalian raja dan sultan diminta berangkat ke Kuala Lumpur untuk menyerahkan kuasa masing-masing. Akan tetapi, kehendak itu telah di bantah oleh pihak sultan dan para pembesar serta orang ramai Melayu.

Sungguhpun sekalian sultan Melayu telah menandatangani Perjanjian Malayan Union itu, tetapi kemudiannya baginda-baginda itu telah mengemukakan bantahan kepada Kerajaan Inggeris di England. Harus juga dengan sebab Tanah Melayu pada masa itu masih di dalam kuasa pengaruh dan pentadbiran tentera Inggeris di Tenggara Asia, sesetengah raja Melayu tidak berani membantah atau berkeras dan tidak pula berani

meminta tempoh agak lama sedikit untuk berfikir. Ada di antara raja-raja itu hanya diberi masa dua atau tiga hari untuk berfikir bagi menentukan untung nasib negeri dan rakyatnya.

Bantahan raja-raja itu telah sampai ke Dewan Mesyuarat Orang Ramai dan Dewan Pertuanan di London. Di dalam Dewan Orang Ramai yang telah di adakan mesyuarat pada 13 Februari 1946, Tuan Hall, Setiausaha Tanah Jajahan telah menolak tuduhan-tuduhan yang mengatakan paksaan telah dilakukan ke atas diri Sultan Kedah bagi menurunkan tandatangannya di dalam Perjanjian MacMichael itu. Bahkan Tuan MacMichael mendakwa telah mendapat persetujuan daripada raja-raja Melayu itu sendiri.

Perlembagaan *Malayan Union* telah dibantah dengan keras oleh orang Melayu di seluruh Tanah Melayu ini. Berbelas-belas hingga berpuluh-puluh ribu orang Melayu telah berhimpun dan berarak kerana menentang perlembagaan itu seperti di Kelantan, Alor Setar, Kedah, Batu Pahat dan beberapa tempat lagi. Akhirnya pada 15 April 1946 sultan-sultan Perak, Selangor, Pahang, Kedah, Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Raja Perlis telah berhimpun mengadakan mesyuarat di Kuala Kangsar. Dalam mesyuarat itu, baginda sekalian telah sebulat suara tetap membantah peraturan atau perlembagaan *Malayan Union*. Bantahan baginda sekalian dihantar ke England dan kiranya dikehendaki baginda kesemuanya akan berangkat ke sana.

Di Johor Bahru, bantahan-bantahan yang keras telah didatangkan juga dengan berpegang kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Perhimpunan dan perarakan beramai-ramai dengan berbagai cogan kata serta seruan telah diadakan di Batu Pahat pada 10 Februari 1946. Perhimpunan itu dianjurkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang pada masa itu masih bernama Pergerakan Melayu Semenanjung Johor di bawah pimpinan Dato' Onn bin Ja'afar. Perhimpunan itu berjumlah lebih daripada 18,000 orang yang datang dari merata ceruk kampung. Bantahan-bantahan keras yang diadakan secara beramai-ramai berhimpun dan berarak itu telah disaksikan sendiri oleh beberapa orang wakil khas Kerajaan Inggeris yang telah diutuskan ke Tanah Melayu dan membuat lawatan khas dari selatan hingga ke utara itu

Sebelum kuasa negeri Johor terserah kepada Kerajaan Inggeris (sebelum Peperangan Dunia II), pemerintahan Kerajaan Inggeris di dalamnya hanya berwujud kepada perjanjian atau persetiaan yang telah diperbuat dengan sultan. Mengikut perjanjian atau persetiaan itu, sultan kekal sebagai pemerintah yang berkuasa di dalam negerinya, walau pun baginda wajib menerima apa-apa nasihat dari Tuan Penasihat Am kecuali yang berkenaan dengan Agama Islam dan adat istiadat Melayu. Raja Inggeris tidaklah ada memegang sebarang kuasa di dalam negeri Johor tetapi hanya sebagai penaung kepada negeri itu.

Akan tetapi setelah baginda menandatangani Perjanjian MacMichael itu, kekuasaan baginda memerintah negeri Johor telah luput dengan serta-merta. Kekuasaan memerintah itu telah terserah ke tangan Raja Inggeris. Kerajaan Inggeris tetap mengakukan tentang kedudukan khas bagi sultan hanya menjadi pemimpin atau ketua kepada orang Melayu dalam hal adat istiadat dan agama Islam. Apa yang dimaksudkan ialah baginda itu mestilah mengetuakan suatu majlis penasihat Melayu yang ahli-ahlinya dilantik oleh baginda sendiri, dengan syarat dipersetujukan oleh gabenor. Pekerjaan yang besar majlis penasihat Melayu itu ialah perkara-perkara yang bersangkut paut dengan agama Islam. Berkenaan dengan perkara agama Islam kecuali tentang memungut zakat dan fitrah baginda dengan pertolongan majlis penasihatnya, berkuasa membuat undang-undang di dalam negeri, itu pun lebih dahulu berkehendakkan persetujuan dari gabenor.

Di sini nyatalah negeri Johor, iaitu negeri dan kerajaan Melayu yang sedia ada mempunyai Undang-undang Tubuh Kerajaannya, telah terserah kuasa kerajaannya kepada Kerajaan Inggeris. Cadangan Perlembagaan Malayan Union itu telah tidak diperkenankan oleh orang Melayu di seluruh Tanah Melayu ini. Masa itu timbullah beberapa persekutuan atau pergerakan siasah, bagi menyatu padukan orang Melayu kerana membantah perlembagaan yang tidak dikehendaki itu.

Di dalam negeri Johor telah timbul beberapa pergerakan siasah, di antaranya yang terkenal iaitu Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (Peninsula Malay National Movement) yang dianjurkan oleh Dato' (Sir) Onn bin Ja'afar (bekas Menteri Besar Kerajaan Johor dan bekas Menteri Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu), Kesatuan Melayu dan Lembaga Kesatuan Melayu Johor. Pergerakan Melayu Semenanjung Johor itu mula ditubuhkan di Batu Pahat. Di Batu Pahat inilah mulanya timbul asas hendak mendirikan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malay National Organisation) seperti hingga apa yang tertubuh sekarang.

Orang Melayu pada masa itu bukannya membantah dengan suara sahaja, bahkan mereka itu telah mengadakan satu persidangan besar (Congress) di Kuala Lumpur iaitu dalam bulan Mac 1946. Akhirnya sekalian pergerakan dan persatuan siasah Melayu itu telah bergabung menjadi satu tubuh yang terkenal disebut Pekembar (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) atau dikenal sekarang dengan nama U.M.N.O. (United Malays National Organisation). Dato' Onn telah dilantik menjadi Yang Di-Pertua Agongnya.

Dari 2 hingga 5 September 1947, telah diadakan Persidangan Agung U.M.N.O. yang kedua di Dewan Singgahsana Takhta Kerajaan, Istana Besar, Johor Bahru. Persidangan itu telah dihadiri oleh 42 orang wakil termasuk 2 orang kaum ibu dari Selangor, iaitu daripada 22 persekutuan

seluruh Tanah Melayu dan 290 orang pemerhati. Ini ialah Persidangan U.M.N.O. kali yang kedua diadakan di Johor Bahru. Kali yang pertama diadakan di Johor Bahru juga kerana mendirikan pertubuhan itu.

Persidangan ini telah dibuka oleh Yang Amat Mulia Sir Ismail, Tengku Mahkota Johor, iaitu sebagai wakil ayahandanya Sultan Johor yang masa itu belum kembali dari England.

Di antara perkara besar yang dirundingkan ialah berkenaan dengan membahaskan Perlembagaan Baharu Persekutuan Tanah Melayu yang dicadangkan oleh U.M.N.O. dan disokong, berkenaan hadiah pelajaran anak-anak Melayu dan lain-lain lagi.

Pada hari penghabisan iaitu pada 5 September, telah diadakan pula jamuan teh di kawasan Istana Besar dengan dihadiri oleh sultan-sultan, para pegawai tinggi Inggeris dan para pembesar negeri. Di antara sultan-sultan itu ialah Sultan Ibrahim Johor, Sultan Hisamudin Alam Shah Selangor, Sultan Abd. Aziz Perak, Sultan Abu Bakar Pahang dan Sultan Ibrahim Kelantan. Di antara pegawai-pegawai tinggi Inggeris pula ialah Tuan Malcom MacDonald, Gabenor Jeneral dan isterinya, Sir Edward Gent, Gabenor *Malayan Union* dan isterinya, Lord Killearn, Pesuruhjaya Khas Inggeris di Asia Tenggara, Rear Admiral E.J. Egerton, Tuan P.A. Mc Kerron, Pegawai Pentadbir Singapura dan Sir Ralph Hone. Dif-dif istimewa yang telah hadir lebih kurang 1,000 orang.

Pada 4 September, iaitu sesudah Baginda Sultan Ibrahim kembali dari England, istiadat perbarisan Pemuda Pergerakan Melayu Semenanjung Johor telah diadakan di Padang Bukit Zahrah. Pemuda-pemuda yang mengambil bahagian dengan pakaian seragam, bersongkok hitam dan berbaju dan berseluar putih ialah seramai 500 orang, iaitu di bawah ketuanya Kapten Husain bin Dato' Onn. Lebih kurang 15,000 orang telah bersama-sama menyaksikan istiadat yang bersejarah itu. Baginda Sultan telah mengurniakan kepada pergerakan pemuda itu bendera U.M.N.O. dan bendera Pemuda.

Berhubung dengan Baginda Sultan Ibrahim menyerahkan kuasa dan negeri Johor kepada Kerajaan Inggeris, kerana menandatangani surat Perjanjian MacMichael itu, didapati ada pihak atau kumpulan di Johor yang telah berterang-terang mengatakan sultan itu tidak diaku sebagai sultan lagi. Baginda dikatakan telah melanggar kuatkuasa Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor di dalam fasal XV. Dengan sebab berlawanan dengan maksud undang-undang pertubuhan itu, Perjanjian MacMichael itu telah dipandang tidak sah.

Pada 14 September 1947, suatu perjumpaan telah diadakan oleh Lembaga Kesatuan Melayu Johor di rumah Persatuan Melayu Johor. Dalam perjumpaan itu, Engku Abdullah bin Omar telah berkata berkenaan dengan kuasa Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, Johor ada mempunyai tubuh kerajaannya yang setanding dengan tubuh kerajaan

negeri-negeri lain yang bertamaddun di dunia ini yang telah dibuat oleh Almarhum Sultan Abu Bakar pada 14 April 1895 yang telah diaku sah oleh dunia khususnya Queen Victoria, Permaisuri England, sahabat karib Almarhum Sultan Abu Bakar.

Sebagaimana agama itu wajib kepada tiap-tiap umat, maka begitulah juga tubuh kerajaan bagi tiap-tiap sebuah negeri itu wajib kepada negerinya dan faedah tubuh kerajaan Johor itu ialah mentarafkan negeri kita itu setara dengan negeri-negeri Eropah yang bertamadun pada tentang kemerdekaan, siasah, iktisad, perintahan dan lain-lain."

Engku Abdullah mengatakan tubuh kerajaan Johor telah dilanggar oleh sultan yang merdeka dengan menandatangani Perjanjian MacMichael dengan tidak setahu mereka. Melanggar fasal XV bagi Undang-Undang, yang demikian disifatkan berdosa memecahkan amanah yang diletakkan Tuhan atasnya dan tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi kepadanya. Tinggal Johor tidak beraja, bermenteri Besar dan berdewan.

Lebih kurang 500 orang telah hadir termasuk kaum ibu dan wakil-wakil. Dalam perjumpaan itu juga, Engku Abdullah telah bertanya kepada orang ramai, adakah mereka kasih kepada sultan yang ada? Dengan suara yang bergemuruh mereka menjawab, Suka.

Akhirnya perjumpaan itu telah bersetuju mengambil enam keputusan:

1. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor telah dikeluarkan oleh Sultan Abu Bakar dalam T.M. 1895 yang diiktiraf Kerajaan Inggeris, hendaklah dipegang teguh dan dihormatkan dengan tiap-tiap butir kalimah dan semangatnya dan tidak boleh sama sekali dilanggarkan.
2. Perhubungan yang ikhlas dan sukacita yang ada wujudnya di antara orang Melayu dengan orang Inggeris dari semenjak masa yang keemasan bagi raja Permaisuri Inggeris, Queen Victoria tidak boleh dirosakkan dengan apa-apa jalan pun.
3. Persahabatan yang ikhlas yang telah dibinakan bagi Johor dari semenjak zaman berzaman dahulu dengan jiran-jirannya seperti China, Siam, Vietnam, Burma dan India hendaklah digalakkan.
4. Wakil-wakil tiga orang hendaklah diangkat supaya menghadap sultan berkenaan Syarat Fasal XV Undang-Undang Tubuh dan juga apa-apa yang bersangkut paut dengannya.
5. Persidangan itu menimbangkan yang Kerajaan Malayan Union tidak dihalalkan sebab berlawan dengan Perjanjian 1885 dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan.
6. Ketetapan di atas ini hendaklah dihantar kepada Perdana Menteri Attlee iaitu bapa kepada Democracy British dan juga kepada U.N.O. (United Nation Organisation), Tuan MacDonald (Gabenor Jeneral) dan Tuan Sir Edward Gent (Gabenor Malayan Union).

Pada masa Dato' Onn bin Ja'afar memberi syarahan berkenaan dengan

Persekutuan Tanah Melayu di rumah Pergerakan Melayu Semenanjung Johor Bahru pada 19 Disember 1947, ucapannya itu telah dibidas oleh Dato' Abd. Rahman bin Md. Yasin, Yang Dipertua Persatuan Melayu Johor. Rupa teguran dan bidasan-bidasannya itu telah disiarkan berturut-turut di akhbar Utusan Melayu. Sebahagian daripada isi Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (1895) dan Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (12 Mei 1914) itu terpaksa disiarkan bersama-sama bagi pengetahuan am.

Dato' Abd. Rahman telah mengulas berkenaan dengan sultan menandatangani Perjanjian MacMichael. Dato' Onn telah mengatakan disebabkan oleh kerana tidak ada ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan pada masa sultan menandatangani Perjanjian MacMichael, maka perbuatan sultan itu tidak salah. Dato' Abd. Rahman telah berkeras mendakwakan, bahawa sesungguhnya terdiri Jemaah Menteri (Council of Ministers) dan Mesyuarat Kerajaan (Council of State) pada masa sultan menandatangani Perjanjian MacMichael yang haram itu. Dato' Abd. Rahman telah menerangkan sekali nama-nama ahli Jemaah Menteri dan ahli Mesyuarat Kerajaan Johor yang ada dalam T.M. 1945 dan T.M. 1946, iaitu kesemuanya ada di dalam Johor Baharu (terkecuali dua tiga orang sahaja). Daripada ahli-ahli yang ada itu nyatalah dengan terangnya ada cukup bilangan ahli Jemaah Menteri dan juga bilangan ahli Mesyuarat Kerajaan.

Perbuatan sultan menandatangani Perjanjian MacMichael dengan meninggalkan ahli-ahli Jemaah Menteri atau ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan itu, nyatalah salahnya kerana telah melanggar Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, bukan sahaja dalam Fasal Yang Keempat Puluh Dua, juga dalam Fasal Yang Kelima Belas dan dalam Fasal Yang Keempat dalam Tambahan Undang-undang Tubuh 22 April 1908. Di antaranya Dato' Abd. Rahman bin Md. Yasin telah menegaskan, tidak roboh atau tidak rosak Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, dengan sebab negeri Johor ditawan sementara oleh Jepun yang menjalankan pemerintahan tenteranya, kerana belum lagi jadi takluknya yang muktamad yang diaku sah oleh dunia dan lebih-lebih lagi tiada cacat sedikit pun undang-undang itu bila datang tentera Inggeris melepaskan daripada tawanan, kerana mereka menyempurnakan kewajipan dan tanggungan mengikut perjanjian-perjanjian menaung dan mengawal Tanah Melayu. Bahkan balik semula taraf negeri Melayu seperti dalam T.M. 1941.

Sungguhpun tentera Inggeris menjalankan pemerintahan, tetapi oleh malang lupanya Kerajaan Inggeris akan keadilan dan kesaksamaannya, sekonyong-konyong hendak mengulangkan taraf itu, lebih dahulu daripada keberhentian pemerintahan tenteranya.

Di bawah ini dinyatakan isi syarat-syarat Fasal Yang Keempat Puluh Dua, Yang Kelima Belas dan Yang Keempat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

Fasal Yang Keempat Puluh Dua:

Adalah Jemaah Menteri itu kaedahnya menjadi penolong-penolong dan timbalan-timbalan khas kepada raja. Maka dari sebab itu harus wajib dan berbahagia bagi raja, mengambil syor fikiran dan ikhtiar daripada jemaah itu dalam segala pekerjaan dan perkara yang berkenaan dengan kaedah-kaedah negeri dan rakyat dan demikian pula patut dan harus bagi tiap-tiap menteri itu dalam perkara-perkara yang besar-besar dan berat-berat dalam jawatannya sendiri meminta dan mengambil fikiran dan ikhtiar tulan-tulannya yakni aturannya tolong-menolong akan tetapi adalah disifatkan tiap-tiap menteri itu keadaannya memikul tanggungan baik jahat jawatannya dia sendiri jua.

Fasal Yang Kelima Belas:

Yang Maha Mulia Sultan tiada boleh dengan sebarang jalan menyerah atau membuat sebarang perjanjian atau pakatan menyerahkan negeri ini, atau sebarang bahagian daripada negeri dan jajahan Johor kepada sebarang bangsa atau kerajaan Eropah dan sebagainya; dan demikian juga diletakkan dan dihukumkan tegahan dan larangan ini, ke atas semua dan tiap-tiap seorang daripada waris-waris dan saudara-saudara Yang Maha Mulia Sultan itu.

Fasal Yang Keempat Rang Undang-undang Tambahan:

Hendaklah sultan membawa dirinya kepada semua rakyatnya dengan kelakuan yang hormat dan adil, dengan menunjukkan kasih sayang dan timbangan kepada semua mereka itu dan memerintah mengikut undang-undang (law), kerana bukanlah seorang pemerintah yang sebenarnya jika kehendak dan kesukaan hatinya yang memerintah dan bukan undang-undang (law) yang memerintah. Dan lagi hendaklah memelihara Agama Islam yang ada itu, serta hak-hak dan kemerdekaan rakyat, ingatlah yang sultan itu telah diletak di atas tempat yang tinggi itu oleh rakyat-rakyat negeri, dengan kepercayaan mereka itu yang ia bulat menyempurnakan harapan mereka itu di atasnya.

Lebih lanjut Dato' Abd. Rahman menegaskan dengan sebab Fasal Yang Kelima Belas itu telah terlanggar, itulah menjadikan raja hilang tarafnya di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Fasal Yang Kelima Belas itulah juga bersama-sama dengan Fasal Yang Keempat Puluh Dua menjadikan Perjanjian MacMichael itu haram dan batal dan berikutlah tiada sah dan tiada halal *Malayan Union*.

Dato' Abd. Rahman telah menyatakan dia dan rakan-rakannya telah menghantar satu penyata yang lanjut dan memenuhi, kepada Tuan Setia Usaha Jajahan Takluk di London berikutan dengan bantahan dan penentangannya terhadap *Malayan Union*, iaitu sebelum lagi Persidangan

Agung Melayu di Kuala Lumpur diadakan. Selain dari itu Dato' Abd. Rahman telah memberi pengakuan dirinya bersama-sama dengan taulan-taulan, rakan-rakan dan mereka yang menyertainya termasuk dalam jumlah penduduk Johor yang sangat kuat dan teguh berpegang dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan yang bertuah dan berbahagia itu serta menghormatkannya.

Dato' Abd. Rahman telah menegaskan tatkala memuji akan perjuangan U.M.N.O. dan usahanya dan tidak mengecil-ngecilkan kejayaan yang dicapainya. Akan tetapi apabila Dato' Onn bersorak-sorak dan bermegah-megah U.M.N.O. mendapat kemenangan berjuang menentang Malayan Union dan mengembalikan raja-raja Melayu ke atas takhta kerajaannya, Dato' Abd. Rahman mengatakan sebenarnya U.M.N.O. telah terhutang budi yang besar kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang telah memberi pertolongan dalam perjuangannya. Bahkan peluru yang pertama menghentam, menggoncangkan dan melemparkan Malayan Union ialah daripada meriam Undang-undang Tubuh Kerajan Johor. Daripada Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor banyak lagi memberi pertolongan, satu daripada dalilnya yang terang ialah kesemua negeri Melayu selain daripada Terengganu (sebab Terengganu sudah sedia berundang-undang tubuh) berkehendakkan membuat Undang-undang Tubuh Kerajaan seperti Johor.

Pada akhir bantahan itu, Dato' Abd. Rahman telah menyeru para pembesar dan sekalian orang Johor supaya mengawal dan memelihara hak-hak dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, jangan dapat cacat cela dan dicabul oleh munafik-munafik, kerana Undang-undang Tubuh Kerajaan itu pusaka yang mengandungi tauliah kemerdekaan dan kebebasan.

Demikianlah di antara ulasan Dato' Abd. Rahman berkenaan mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor itu.

Dato' Onn telah menegaskan di dalam ucapannya semasa Persidangan Agung U.M.N.O. Yang Kelapan di Kuala Lumpur, adalah daripada cadangan-cadangan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan dapat dihasilkan dengan dapat didirikan sebuah kerajaan bagi seluruh Tanah Melayu yang di dalamnya terkandung semua negeri Melayu.

Dato' Onn menekankan bahawa Persekutuan Tanah Melayu tidak boleh didirikan sekiranya tiap-tiap negeri yang terkandung di dalam Persekutuan itu masih hendak berpegang kepada kuasa mereka masing-masing yang dahulunya ada pada negeri-negeri itu (khasnya seperti Johor). Tegas Dato' Onn lagi, kalau mengikut keadaan berpegang kepada kuasa negeri seperti ini, tidaklah dapat hendak disatukan negeri-negeri itu dan hendak disatukan gerak langkahnya, melainkan berdirilah dengan kehendak sendiri, tidak dengan kehendak yang lebih ramai dan lebih besar.

Berkenaan dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang sedia ada bertulis itu, terpaksa menerima sedikit pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak pergabungan negeri itu masuk di dalam lingkungan Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu.

Jubli Intan dan Ucapan Tahniah dan Titah Sultan

Pada 17 September, 1955 telah diadakan sambutan Jubli Intan bagi memperingati Perajaan 60 Tahun D.Y.M.M. Sultan Ibrahim memerintah di atas singgahsana takhta Kerajaan Johor.

Antara tamu yang diundang hadir ialah Tunku Abdul Rahman Putera, Yang Dipertua Agong U.M.N.O. Tunku berjalan kaki masuk ke kawasan pintu gerbang Istana Besar dengan kebanyakan rakyat jelata yang ramai beribu-ribu orang itu. Dia telah dialu-alukan oleh kanak-kanak dengan seruan 'Merdeka'. Sambil tersenyum dia mengangkat dan menggoyang-goyangkan tangan membalas.

Menteri-menteri Kerajaan Perikatan hampir kesemuanya telah hadir di dalam istiadat Jubli Intan yang bersejarah itu.

Istiadat telah dimulakan dengan majlis membaca doa selamat di Istana Besar pada pukul 7.50 pagi. Tidak lama lepas itu, kira-kira pada pukul 8.15 pagi, angkatan sultan-sultan, raja-raja dan wakil-wakil sultan dengan permaisuri mereka masing-masing tiba. Wakil Sultan Brunei, iaitu Duli Pengeran Bendahara Seri Maharaja yang pertama sampai. Lepas empat minit, wakil Sultan Terengganu iaitu Tengku Muda Terengganu sampai. Kemudian tiap-tiap lepas empat minit baharulah Yang Maha Mulia Sultan-sultan Perak, Kelantan, Raja Perlis, Sultan-sultan Kedah, Selangor, Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dan Sultan Pahang sampai. Kesampaian setiap baginda itu telah disambut dengan lagu kebangsaan negeri masing-masing yang dibunyikan oleh Pasukan Pancaragam Askar Melayu (Malay Regiment) dan kawalan kehormatan dari Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor (Johore Military Forces).

Terdahulu sedikit pada pukul 9.00 pagi, Tuan Sir Donald MacGillivary, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dan isterinya telah sampai dan disambut dengan lagu kebangsaan Inggeris dan kawalan kehormatan dari Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor.

Sementara itu kira-kira dua batu dari Istana Besar, iaitu dari arah Jalan Sekudai, satu perarakan besar telah mula bergerak. Perarakan ini terdiri daripada pasukan-pasukan pengakap laki-laki dan perempuan, anggota Palang Merah Inggeris, St. John Ambulance, Civil Defence, Home Guard, Askar Persekutuan (Federation Regiment), Askar Melayu (Malay Regiment), Tentera Laut DiRaja Malaysia, Tentera Komonwel, Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor, Tentera-tentera Gurkha, Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu, enam atau tujuh pasukan pancaragam dan pasukan kereta perisai yang berjumlah kesemuanya tidak kurang dari-

pada 1500 orang. Pasukan perarakan ini telah diketuakan oleh Kolonel Dato' Hj. Yahya bin Abu Talib.

Lebih daripada 50,000 orang telah menyaksikan perarakan itu dan kira-kira 500 orang polis telah mengambil bahagian bersama-sama berkawal di sekitar bandar Johor Bahru. Kemalangan besar tiada berlaku, ada tidak hanya dua orang murid sekolah dari Singapura telah tertolak ke laut.

Di belakang sekali perarakan itu ialah angkatan baginda. Baginda yang berpakaian uniform Majer Jeneral penuh dengan bintang kebesaran di dadanya, di sebelah drebarnya. Sultanah berpakaian biasa cara barat, Tengku Maryam dan jurudidik Tengku Maryam di sebelah belakang. Di sebelah hadapan kereta baginda itu ialah kereta juruiring baginda, sementara di belakang kereta baginda pula ialah tiga orang askar Timbalan Setia Negeri Johor berdiri di atas sebuah jip yang terbuka dengan stengun berkawal.

Masa kereta baginda itu melalui di hadapan Tambatan Istana Besar itu, seramai 16 orang kelasi telah memberi hormat dari atas dek kapal. Sebaik-baik kereta baginda masuk ke pintu gerbang Istana Besar itu, murid-murid sekolah telah bersorak sambil menggoyang-goyangkan bendera Johor yang ada di tangan mereka dengan berseru, 'Daulat Tuanku'. Masa itu juga orang ramai yang tadinya dikawal keras tidak dibenarkan masuk ke kawasan istana itu, telah menyerbu masuk dengan tunggang-langgang jatuh. Mereka hendak memandang wajah baginda dan keluarganya itu dan terpaksa melanyak pokok-pokok perhiasan yang ada di taman istana itu.

Pada tepat pukul 9.30 pagi, baginda telah sampai di Istana Besar, disambut dengan Lagu Kebangsaan Johor. Setelah memeriksa barisan kehormatan Pasukan Timbalan Setia Negeri Johor baginda diiringi oleh sultanah dan Tengku Maryam telah naik ke Dewan Singgahsana Takhta Kerajaan. Baginda bersemayam di kerusi singgahsana di sebelah kiri dan Tengku Maryam pula bersemayam di sebuah kerusi di antara baginda-baginda itu.

Di sebelah kanan Singgahsana Takhta Kerajaan, iaitu di atas sebuah pentas khas, ialah Tuan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, Sultan Abu Bakar Pahang, Yang Dipertuan Besar Tengku Abd. Rahman Negeri Sembilan, Sultan Hishamuddin Alam Shah Selangor, Sultan Badli Shah Kedah, Raja Saiyed Putera Perlis, Sultan Ibrahim Kelantan, Sultan Yusof Perak, Tengku Muda wakil Sultan Terengganu dan Duli Pengeran Bendahara Serimaharaja wakil Sultan Brunei. Di sebelah kiri Singgahsana Takhta Kerajaan itu pula ialah permaisuri-permaisuri raja-raja Melayu tadi serta isteri Tuan Pesuruhjaya Tinggi. Baginda-baginda itu memakai pakaian kebesarannya masing-masing.

Upacara Jubli Intan dan keputeraan yang kelapan puluh dua tahun itu

telah dijalankan lebih kurang tiga jam. Di antara mereka yang membaca ucapan tahniah, ialah Tuan Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Persekutuan, Tengku Abd. Rahman Putera, Ketua Menteri Kerajaan Persekutuan, ketua-ketua kaum Melayu, Eropah, China, India, pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain lagi. Surat tahniah Tuan Pesuruhjaya Tinggi itu telah dipersembahkan di dalam sebuah tepak kayu yang berukir. Tengku Abd. Rahman Putera mempersembahkan tahniahnya itu, ialah bagi dirinya sebagai Ketua Menteri dan bagi pihak para menteri Kerajaan Perikatan Persekutuan Tanah Melayu.

Di antara isi ucapannya itu, ". . . Adalah patik yang hina, Tengku Abd. Rahman Putera ibni Almarhum Al-Sultan Abd. Hamid Halim Shah, bagi pihak diri patik sebagai Ketua Menteri dan bagi pihak sekalian menteri-menteri bagi Jemaah Menteri Persekutuan Tanah Melayu dengan hati yang tulus ikhlas dan dengan sepenuh-penuh kesukacitaan mengambil peluang pada saat dan ketika yang bertuah serta berbahagia ini menyembahkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat kesejahteraan pada ke bawah duli telapakan tuanku yang maha mulia iaitu pada ketika Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyambut dan meraikan perayaan Jubli Intan yang menandakan lanjut berkekalannya Duli Yang Maha Mulia genap bersemayam di atas Takhta Kerajaan negeri Johor Darul Takzim selama 60 tahun yang telah turun temurun sundut bersundut dengan gah masyhur kenamaannya. Bahawasanya patik sekalian percaya bahawa riwayatnya di dalam sejarah di alam dunia ini. Dengan lanjutnya zaman perajaan Duli Yang Maha Mulia itu dapatlah jua sekalian rakyat di negeri Johor ini khasnya dan penduduk-penduduknya di Tanah Melayu ini amnya menumpukan sepenuh-penuh perasaan kasih sayang kepada tuanku...".

Menutup ucapan itu mendoakan baginda mudah-mudahan dianugerahi dirgahayu selamat sentosa serta dilanjutkan usia zaman baginda berkekalan bersemayam di atas takhta kerajaan dengan bertambah-tambah daulat kebesaran dan kemegahannya. Ucapan itu ditandatangani oleh Tengku Abd. Rahman Putera, Ketua Menteri Persekutuan dan termaktub di Kuala Lumpur pada 17 September, 1955. Surat ucapan itu sebenarnya ditulis dengan penuh beradat.

Melalui Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, Baginda Queen Elizabeth telah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas sambutan dan raian perayaan Jubli Intan dan hari keputeraan baginda itu. Bagi pihak Kerajaan Singapura pula, Gabenor Sir Robert Black telah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada baginda dan kepada sultanah atas kemahkotaannya.

Baginda Sultan Ibrahim telah menjawab sekalian ucapan tahniah dan selamat itu dari singgahsana takhta kerajaannya dalam bahasa Melayu. Dalam ucapannya itu di antara lain baginda telah murka kepada penganas komunis yang cara komunis itu 99 kali lebih buruk dari Jepun.

Baginda telah membuat beberapa bidasan dan selaran terhadap orang ramai terutama rakyat jelatanya yang berkehendakkan kemerdekaan. 'Saya ada dengar orang hendak merdeka dan berkerajaan sendiri. Kalau mau merdeka mana kapal perang dan mana meriamnya?. . . Kalau saya British, hari ini juga saya keluar dari negeri ini. Tetapi apa akan jadi nanti kalau orang-orang putih tidak ada lagi di sini?' Lebih lanjut lagi baginda bertitah membidas rakyat negeri Johor, 'Kerana tak mau bersatu hati dan bekerjsama, sebab itulah negeri sentiasa huru-hara tak ada keamanan'.

Baginda mengingatkan, 'Orang-orang putih bukan datang bermain-main ke mari. Mereka datang kerana menolong kita. Tetapi mereka telah banyak mati kerana dibunuh oleh penjahat-penjahat di dalam hutan. . . . Saya sangat benci dengan kejadian-kejadian buruk yang saya tau tak berkesudahan hingga hari ini. Banyak rakyat yang mati tidak tentu kuburnya kerana dibunuh oleh penjahat-penjahat, pada hal anjing sekalipun kalau mati kita tanam dengan baik. . . . Saya sudah dengar lama darurat akan tamat, tetapi hingga sekarang keadaan tetap juga huru-hara. Saya percaya, selagi tak ada persefahaman di antara satu sama lain, sepuluh tahun lagi pun negeri masih macam ini juga keadaannya'.

Pada masa menyeru supaya seluruh rakyat negeri Johor bergiat lagi dalam usaha untuk mengadakan semula keamanan negeri baginda bertitah, 'Bekerjalah dengan ikhlas. Jangan depan saya lain di belakang saya lain pula. Kerana kalau mau semua boleh jadi dan kalau tak mau bekerja dengan bersungguh-sungguh selama-lamalah kesusahan tidak boleh habis. Kembalikanlah keamanan negeri seperti dulu'. Kemudian Baginda menekankan berkenaan hal dirinya, 'Saya kalau tidak didesak, saya tak mau balik lagi. Kerana saya tahu semua orang tidak mahu bekerja bagi kebajikan dan kemakmuran negeri Johor dan saya boleh jadi gila nanti kalau selamanya semacam ini saja'.

Pada masa hendak menutup titahnya itu, baginda berpesan, 'Bekerjalah bagi keselamatan negeri, saya tahu juga kesusahan rakyat yang di kampung-kampung yang disebabkan oleh penjahat-penjahat. Tetapi orang-orang kampung juga saya minta jangan memberi bantuan kepada penjahat-penjahat. Kalau mereka tak dapat bantuan, barulah boleh kejahatan mereka dapat dihapuskan. . . . Saya bukan bercakap bagi diri saya saja, tetapi juga bagi pihak sultanah dan Tengku Maryam. Saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada sultan-sultan dan semua sekali yang hadir dalam majlis ini kerana meraikan hari jadi saya dan hari Kemahkotaan Sultanah'.

Kemudian daripada baginda sultan bertitah dan menjawab segala ucapan tahniah itu, sekalian yang hadir telah berehat kira-kira 20 minit, kerana sultanah bersalin pakaian barat yang diperbuat daripada kain sutera bercampur benang emas warna biru muda yang bertatahkan intan berlian. Pakaian gaun itu bercampur timur dan barat, iaitu bertatah dan

bersulam dengan benang emas Perancis dan sutera Siam; dibentuk dan dibuat oleh Doris Geddes, Raffles Hotel, Singapura.

Upacara memahkotakan sultanah dengan mahkota berlian oleh Dato' Mufti Saiyed Alwi bin Tahir Al-Hadad itu diiringi dengan bacaan doa selamat, pancaragam 'Allah Selamatkan Raja' dan 21 das tembakan meriam kehormatan dari Bukit Timbalan.

Menurut sejarah negeri dan Kerajaan Johor, sebenarnya tiada diketahui sebab tiada keterangannya yang nyata siapakah isteri sultan yang mula-mula dimahkotakan. Almarhum Sultan Abu Bakar telah menaiki Takhta Kerajaan Johor dalam T.M. 1862. Bagindalah raja yang pertama dimahkotakan, iaitu dalam T.M. 1886. Akan tetapi tidak pula disebutkan adakah isteri-isteri baginda, Sultanah Fatimah dan Sultanah Khatijah dimahkotakan atau tidak.

Baginda Sultan Ibrahim mula-mula berkahwin dengan sepupunya Tengku Ampuan Maimunah binti Abd. Majid (sekarang Almarhumah) iaitu bonda Tengku Ismail Mahkota dalam T.M. 1892. Walau pun tiada keterangannya yang Baginda Tengku Ampuan itu dimahkotakan, tetapi ada sekeping gambar yang menunjukkan baginda itu sedang memakai mahkota. Demikian juga kepada isteri baginda yang kedua Sultanah Rugayah (sekarang Almarhumah) iaitu bonda Tengku Aris Abu Bakar (sekarang Almarhum), sejarah tidak menyebutkan yang baginda sultanah itu ada dimahkotakan. Akan tetapi ada juga keterangan yang mengatakan baginda itu ada memakai mahkota pada masa puteranya Tengku Aris Abu Bakar berkahwin.

Pada 18 November 1931, telah diadakan upacara di Istana Besar kerana memahkotakan Sultanah Helen, iaitu isteri baginda yang ketiga dari bangsa Eropah. Isteri baginda yang keempat dari bangsa Eropah (Rumania) juga iaitu Sultanah Marcella yang telah dimahkotakan selepas Perang Jepun. Dalam bulan Jun, 1958, Sultan Ibrahim dalam keadaan yang agak gering, diiringi oleh Sultanah Marcella dan puterinya Tengku Maryam, telah berangkat ke London. Baginda bersemayam di tempat biasanya di Hotel Grosvenor. Kegeringan baginda bertambah berat dan akhirnya, pada jam 8.05 minit pagi waktu Tanah Melayu, hari Jumaat, 8 Mei 1959, baginda Sultan Ibrahim mangkat dengan dihadapi oleh Sultanah Marcella, Tengku Maryam dan Tengku Yaakub, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di London. Ketika itu usia baginda 86 tahun dan telah memerintah Johor selama 63 tahun. (Baginda diputerkan pada 17 September, 1873 oleh bondanya Encik Besar Zabedah di Istana Bukit Bidadari, Seranggong, Singapura.)

Jenazah baginda dibawa dengan jalan laut balik ke Johor Bahru. Setelah tiba di Johor Bahru, jenazah baginda diletakkan dengan penuh istiadat kebesaran diraja di Istana Besar, selama beberapa hari.

Pada 6 Jun, 1959, putera baginda yang sulung, Tengku Ismail (Tengku

Mahkota) diisytiharkan sebagai Sultan Yang Dipertuan Negeri Johor. Pada hari itu juga, dengan disaksikan oleh Sultanah Marcella, sultan-sultan, para wakil raja-raja negeri Melayu, para pembesar, para wakil kerajaan asing, kerabat diraja, jenazah baginda Sultan Ibrahim dimakamkan di Makam Diraja Bukit Mahmudiah Johor Bahru. Upacara dijalankan dengan penuh kebesaran perbarisan tentera, berbagai pasukan sukarela dan lain-lain lagi. Perkabungan berlangsung di seluruh negeri Johor beberapa hari lamanya. Upacara pengkebumian berlangsung seperti bagi kemangkatan ayahanda baginda, Sultan Abu Bakar.

JOHOR DALAM PEMERINTAHAN D.Y.M.M. SULTAN ISMAIL IBNI ALMARHUM SULTAN IBRAHIM

D.Y.M.M. Sultan Ismail telah diangkat menjadi Sultan Johor menggantikan almarhum ayahandanya, Sultan Ibrahim pada hari Jumaat (malam) di Istana Besar, Johor Bahru, 8 Mei 1959. Baginda putera almarhum Sultan Ibrahim yang sulung dengan isterinya, Tengku Ampuan Maimunah bt. Abdul Majid. Baginda ditabal dan dimahkotakan sebagai sultan dan isteri baginda, Tengku Tun Aminah bt. Ahmad sebagai sultanah Johor pada 10 Februari 1960. Istiadat pertabalan dan kemahkotaan telah diadakan di Istana Besar, Johor Bahru. Baginda dengan isterinya, Sultanah Tun Aminah beroleh dua orang putera dan seorang puteri iaitu Y.T.M. Tengku Iskandar (Tengku Mahkota), Tengku Abdul Rahman (Tengku Bendahara) dan Tengku Maimunah.

Masa kanak-kanak, Sultan Ismail bersama adindanya, Tengku Abu Bakar (Tengku Bendahara) dan Tengku Ahmad (Tengku Temenggung) berserta Dato' Onn bin Jaafar telah dihantar menuntut ilmu di England. Baginda pernah belajar di Maktab Melayu (Malay College) di Kuala Kangsar.

Masa menjadi Tengku Mahkota, baginda beberapa kali telah memangku jawatan ayahandanya, Sultan Ibrahim (Tengku Pemangku Raja) masa ayahandanya melawat atau berada di luar negeri. Baginda mengikut jejak langkah ayahandanya, memajukan negeri dan rakyat Johor. Baginda menyokong kuat Dato' Onn bin Jaafar menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan memajukannya. Hingga UMNO itu sendiri ditubuhkan di Istana Besar dan baginda bersama-sama hadir meraikan bersama dan bergambar dengan ahli-ahli politik Melayu yang hadir di Istana Besar itu.

Sejak baginda memerintah, dengan bantuan kerajaan pusat, Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan Johor telah membuka berpuluh-puluh ribu ekar tanah hutan untuk diusahakan oleh rakyat Johor menjadikan ladang-ladang getah, kelapa sawit dan lain-lain perusahaan. Selain daripada membangunkan beberapa banyak rumah murah dan rumah-rumah yang boleh dibeli oleh rakyat Johor, kakitangan kerajaan yang masih

berkhidmat atau yang telah bersara. Untuk para penduduk, baginda mendirikan beberapa buah rumah pangsa di bandar-bandar, seperti Johor Bahru. Bekalan-bekalan air dan elektrik telah dimasukkan ke kawasan kampung atau luar bandar.

Beberapa buah jambatan telah dibina di beberapa batang sungai, seperti Sungai Muar dan Batu Pahat dan lain-lain kemudahan di antara daerah-daerah. Baginda menamakan beberapa buah bangunan seperti Bangunan Sultan Ismail, Jambatan Sultan Ismail, Lapangan Terbang Sultan Ismail dan juga beberapa buah sekolah (rendah dan menengah) dan lain-lain. Zaman baginda juga, Pelabuhan Pasir Gudang dan Kompleks Kastam Tanjung Puteri dibina. Kerana kegemarannya, pada suatu masa, baginda pernah mempunyai sebuah Zoo (Taman Haiwan) berdekatan Istana Besar, Johor Bahru.

Pada September 1963, negeri Johor bersama-sama negeri-negeri Melayu yang lain (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang), juga Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Sabah dan Singapura (kemudiannya keluar) telah masuk dalam pertubuhan negara Malaysia.

Baginda gemar bersukan seperti menunggang kuda, bermain polo, membela burung, ikan dan gemar berlumba kereta. Baginda mangkat pada 10 Mei 1981 dan jenazahnya dimakamkan di Makam Mahmudiah, Johor Bahru.

Menteri Besar Johor

Semenjak dibuat Perjanjian Setia antara Kerajaan Johor dengan Kerajaan Inggeris dalam T.M. 1885 dan dibuat Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, Johor sebuah Negeri Melayu yang berkerajaan sendiri serta mempunyai undang-undang tubuh kerajaannya. Mundur majunya negeri Johor masa itu bergantung atas keteguhan pendiriannya dikemudikan oleh sultan dan jemaah menteri. Semenjak itu, jawatan Menteri Besar telah diadakan oleh Sultan Abu Bakar untuk memimpin atau mengetuakan jemaah menteri, menyelenggarakan pemerintahan negeri dan kerajaannya.

Dalam T.M. 1914, masa Johor dalam pemerintahan Sultan Ibrahim, surat Perjanjian Setia Tahun 1885 itu terpaksa menerima pindaan sedikit untuk menyesuaikannya dengan keadaan masa dan pemerintahan negeri. Dalam masa merundingkan pindaan itu, Sir Arthur Henderson Young, Gabenor Negeri-negeri Selat, pihak Kerajaan Inggeris, mencadangkan jawatan Menteri Besar yang ada itu patutlah dihapuskan. Ini kerana *General Adviser* (D.G. Campbell) yang tarafnya dan kuasanya seperti Menteri Besar itu memadailah sebagai wakil Baginda King Inggeris untuk menasihatkan Sultan. Walau bagaimanapun cadangan itu telah ditolak oleh jemaah menteri. Jemaah menteri masa itu masih berpegang teguh dengan adat kebesaran Melayu, iaitu tiap-tiap seorang raja yang berkuasa

itu mustahak mempunyai seorang menteri. Ada juga pihak Inggeris mencadangkan supaya Undang-undang Tubuh Kerajaan 1895 itu dihapuskan. Cadangan itu juga ditolak. Ini kerana tiap-tiap pendiriannya seorang raja atau sultan itu yang sebenarnya ialah dengan kuasa undang-undang tubuh kerajaannya, bukanlah ertinya raja itu berkuasa boleh buat sesuka hatinya sendiri di dalam sesuatu hal, jikalau tidak dapat keizinan atau kelulusan dari kuat kuasa undang-undang tubuh kerajaannya.

Pindaan Perjanjian Setia di antara Sultan Ibrahim dengan Gabenor itu siap pada 11 Mei 1914. Semenjak itu *General Adviser* dan beberapa orang pegawai tinggi Inggeris telah diizinkan bercampur tangan menjadi ahli mesyuarat dan berhak bersama-sama memerintah negeri. Kedua-dua belah pihak sebulat suara bersetuju jawatan Menteri Besar itu tetap dipakai sebagai satu jawatan yang tertinggi berkekalan hingga hari ini.

Dato' Ja'afar bin Hj. Muhammad

Ketika Sultan Abu Bakar memerintah Johor, baginda telah melantik Dato' Ja'afar bin Hj. Muhammad (ayahanda Dato' Onn) menjadi Menteri Besar Johor Yang Pertama. Dato' Ja'afar dilahirkan dalam T.M. 1838 di Teluk Belanga Singapura. Dari kecil Dato' Ja'afar telah berusaha melatih dirinya memegang jawatan tinggi hingga berumur 16 tahun mula memegang jawatan kerani di bawah perintah bapa saudaranya Encik Long yang menjadi menteri kepada Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja di Teluk Belanga Singapura.

Dato' Ja'afar sebenarnya seorang daripada pembesar Johor yang tiada mendapat latihan pelajaran di Eropah. Akan tetapi dengan sebab usaha dan cekal hatinya, sebelum dilantik menjadi Menteri Besar, dia telah memegang jawatan Dato' Bendahara. Masa Dato' Ja'afar berumur 28 tahun, iaitu pada bulan Mac 1866, dia seorang daripada pembesar Johor yang telah mengiringkan Sultan Abu Bakar belayar dan melawat ke England, iaitu lawatan baginda kali yang pertama ke Eropah.

Dato' Ja'afar seorang tonggak negeri Johor yang telah bersusah payah bersama-sama campur tangan menyelesaikan pergaduhan yang berlaku di negeri Pahang dan Kelang Selangor. Kebaktiannya yang besar kepada Kerajaan Inggeris, telah menyebabkan dia dikurniakan bintang kebesaran Kerajaan Inggeris pangkat yang ketiga (C.M.G.), iaitu disampaikan oleh Gabenor C.B.H. Mitchell.

Dalam T.M. 1886 Dato' Ja'afar telah dilantik menjadi Menteri Besar Johor Yang Pertama. Semenjak itu bolehlah dikatakan untung nasib negeri dan Kerajaan Johor, sebahagian besarnya terletak di atas kebijaksanaannya. Disebabkan oleh kecergasan dan kebijaksanaannya, dia pernah diamanahkan oleh Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim menjadi wakil atau Pemangku Raja pada masa baginda-baginda itu ke luar negeri.

Satu daripada jasa besar Dato' Ja'afar ialah membentuk pakaian lelaki

dan perempuan Melayu Johor. Dato' Ja'afar telah membentuk dan mengubah pakaian Melayu Johor dari bentuk asalnya yang dibuat oleh Sultan Abu Bakar dijadikan seperti yang ada sekarang. Dia juga telah mengatur cara-cara memakainya. Kerabat-kerabat raja, para pembesar dan rakyat jelata serta orang dagang masing-masing ada dengan caranya yang telah ditetapkan. Dato' Ja'afar juga bersama-sama Sultan Abu Bakar telah menaja dan membuat Undang-undang Tubuh Kerajaan untuk mengekalkan supaya 'Johor Mesti Sentiasa Jadi Johor'.

Oleh kerana jasanya itu, Dato' Ja'afar telah dikurniakan beberapa buah bintang kebesaran seperti bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.) dan bintang Darjah Kerabat Yang Kedua (D.K.).

Pada zaman Dato' Ja'afar menjadi Menteri Besar, iaitu pada 7 Januari 1910 Johor telah menerima Douglas G. Campbell seorang pegawai Inggeris sebagai Penasihat Am (General Adviser), iaitu dipinjamkan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat untuk bersama-sama menyelenggarakan pemerintahan Kerajaan Johor. Pendek kata semenjak itu Johor mula menerima pemerintahan tamadun cara negeri-negeri Melayu lain yang di bawah pemerintahan Inggeris. Sepanjang zaman Dato' Ja'afar berbagai-bagailah helah dan cara D.G. Campbell hendak memasukkan pengaruh dan kekuasaannya yang penuh ke dalam kerajaan dan negeri Johor. Akan tetapi dengan kecekalan, kebijaksanaan dan keberanian Dato' Ja'afar segala ikhtiar dan helah-helah itu dapat disempang.

Lebih kurang dalam pertengahan bulan Februari 1915, iaitu pada masa Dato' Ja'afar itu juga, Pasukan Askar Johor (Johor Military Forces) seramai 200 orang telah bersama-sama menceburkan diri memadamkan huru-hara pemberontakan askar-askar Hindustan dari Pasukan Tentera Light V yang pada masa itu sedang berkawal di Singapura. Kesudahan pemberontakan itu dua orang askar Johor terkorban, iaitu seorang pegawai dan seorang prebet.

Pada 3 Julai 1919 Dato' Ja'afar telah meninggal dunia di rumahnya sendiri di Bukit Senyum dan jenazahnya dikebumikan di Makam Bukit Mahmudiah Johor Bahru.

Dato' Muhammad bin Mahbub

Bila Dato' Ja'afar meninggal dunia, Dato' Muhammad bin Mahbub telah dilantik memangku jawatan Menteri Besar. Dato' Muhammad telah dilahirkan dalam T.M. 1852 dan telah masuk bekerja di dalam jawatan kerajaan Negeri-negeri Selat pada masa berumur 20 tahun. Tiada berapa lama kemudian, iaitu dengan permintaan Sultan Abu Bakar dia terpaksa berpindah berkhidmat dengan Kerajaan Johor.

Dalam T.M. 1883 dia telah mengiringkan Sultan Abu Bakar ke negeri-negeri timur seperti China dan Jepun. Kemudian pada 19 April 1901 dia telah mengiringkan Sultan Ibrahim belayar ke England, iaitu lawatan ba-

ginda kali yang pertama setelah baginda dilantik menjadi sultan. Sebelum Dato' Muhammad dilantik menjadi Menteri Besar, pada 1 Ogos 1902 dia telah dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan. Pada T.M. 1909 dia menerima bintang Darjah Kerabat Yang Pertama (D.K.). Kemudian pada 17 September 1912 dia menerima pula bintang C.M.G. dari Kerajaan Inggeris.

Pada 16 Julai 1920 Dato' Muhammad diisytiharkan menjadi Menteri Besar dan bersara pada awal September 1922. Dia meninggal dunia dalam T.M. 1926 dan jenazahnya dikebumikan di Makam Bukit Mahmudiah Johor Bahru.

Dato' Abdullah bin Ja'afar

Pada zaman Dato' Muhammad bin Mahbub jawatan Menteri Besar dipangku oleh Dato' Abdullah bin Ja'afar (anakanda Dato' Ja'afar, Menteri Besar Yang Pertama). Dato' Abdullah dilahirkan dalam T.M. 1875 dan telah masuk bekerja dalam jawatan askar Johor pada 22 Februari 1897 dengan berpangkat kapten. Dia ialah Menteri Besar Johor yang mula-mula menerima latihan tentera. Dalam T.M. 1900 Dato' Abdullah telah dilantik menjadi Pelatih Pesuruhjaya Polis dan dalam T.M. 1903 telah diangkat pula memegang jawatan Pesuruhjaya Polis Muar. Pada 12 November 1906 dia dilantik menjadi Pesuruhjaya Kerajaan bagi jajahan Muar dan menerima bintang kebesaran kerajaan Darjah Kerabat Yang Kedua (D.K.) kemudian dari itu.

Dato' Abdullah pernah juga belayar ke England mengiringi Sultan Ibrahim dan beberapa kali bercuti meluaskan pandangannya melawat ke Eropah. Dalam jawatan tentera Johor dia meningkat hingga ke pangkat Mejar dan itulah pangkat yang tertinggi pegawai pemerintah pasukan askar Johor di Muar. Pada 17 September 1916 Dato' Abdullah dikurniakan bintang kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.). Bintang kebesaran Kerajaan Inggeris yang diterimanya ialah C.B.E.

Dato' Abdullah dilantik memangku jawatan Menteri Besar dalam bulan September 1922 dan pada awal bulan Januari 1926 diisytiharkan tetap memegang jawatan itu. Pada bulan September 1928 iaitu selepas dia balik ke Johor dari pelayarannya bercuti ke England, dia telah terpaksa berhenti daripada jawatannya sebagai Menteri Besar lalu berpindah ke Singapura. Dia telah meninggal dunia di rumahnya di Siglap pada 28 April 1934 dan jenazahnya dikebumikan di Teluk Belanga.

Dato' Mustafa bin Ja'afar

Setelah Dato' Abdullah bin Ja'afar berhenti daripada jawatan, Sultan Ibrahim telah melantik Dato' Mustafa bin Ja'afar (saudara Dato' Abdullah dan anakanda Dato' Ja'afar bin Hj. Muhammad) yang pada masa itu sedang memegang Jawatan Timbalan Menteri Besar menjadi Menteri Besar. Dato' Mustafa dilahirkan pada 10 Jun 1862 di Teluk Belanga Singapura dan pada

awal bulan Mei 1881 mula bekerja menjadi kerani di Pejabat Dato' Bendahara. Dalam T.M. 1892 pula dia telah dilantik menjadi Bendahara.

Dalam T.M. 1903 Dato' Mustafa dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat dan Pemeriksa Besar Kira-Kira Kerajaan. Dalam T.M. 1928 dia telah memegang jawatan Timbalan Setiausaha serta pada 3 Mac 1928 telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Besar. Pada 23 September 1928 dia telah dilantik menjadi Menteri Besar. Bintang-bintang kebesaran Kerajaan Johor yang telah diterimanya ialah Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.). Pada 1 Julai 1931 Dato' Mustafa telah bersara daripada jawatannya iaitu setelah berkhidmat tidak kurang daripada 50 tahun lamanya sebagai pegawai Kerajaan Johor.

Dato' Abd Hamid bin Yusof

Dato' Abd Hamid bin Yusof telah memangku jawatan Menteri Besar menggantikan Dato' Mustafa. Dato' Abd Hamid dilahirkan pada 17 Oktober 1876 dan telah masuk bekerja di dalam pasukan askar Johor dengan berpangkat prebet iaitu pada 9 Jun 1892. Pada 10 Januari 1894 telah dinaikkan pangkat Lans Koperal kemudian naik pangkat Sarjan. Pada 14 September 1897 naik pangkat Leftenan hingga pada awal T.M. 1903 ditukarkan ke Muar menjadi pemerintah askar di sana.

Pangkat Dato' Abd Hamid dalam jawatan tentera dari semasa ke semasa meningkat hingga ke pangkat Kapten dan Mejar. Masa berpangkat Mejar iaitu dalam T.M. 1917 dia seorang daripada pegawai tentera Johor yang telah mendapat kepujian daripada Menteri Jajahan Takluk British kerana jasanya di dalam peperangan dunia yang pertama (1914–1918).

Pada awal bulan Januari 1919 Dato' Abd Hamid telah dinaikkan pangkatnya menjadi Leftenan Kolonel dan dalam T.M. 1920 telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Pada tahun itu juga dia telah menerima bintang kebesaran Darjah Paduka Mahkota Johor (D.P.M.J.) dan diangkat menjadi Ahli Jemaah Menteri iaitu pada awal Februari 1931. Pada 23 November tahun itu juga dia telah dikurniakan jawatan Menteri Besar Johor hinggalah akhir hayatnya apabila dia meninggal dunia di Johor Bahru pada 28 Disember 1934.

Engku Abd. Aziz bin Abd. Majid

Setelah Dato' Abd. Hamid bin Yusof meninggal dunia, jawatan Menteri Besar telah dipegang oleh Engku Abd. Aziz bin Abd. Majid. Engku Abd. Aziz dilahirkan pada 7 Ogos 1887 dan telah dihantar oleh Sultan Ibrahim ke England kerana belajar iaitu dalam bulan Julai 1905 dan telah balik ke Johor dalam bulan Februari 1908.

Pada awal bulan Mei 1909 dia telah masuk berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan dan pada awal T.M. 1919 telah ditukarkan berkhidmat di dalam jawatan Pasukan Askar Johor dengan berpangkat Kadet dan

pada akhir bulan Mei 1912 telah dinaikkan pangkat Leftenan Muda serta menjadi Pemangku Pengiring Sultan.

Dalam bulan Mac 1915 Engku Abd. Aziz telah bertukar kerja di Pejabat Wang dan telah dilantik menjadi Pemeriksa Kira-Kira dan kemudiannya pada 11 September 1920 dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerja serta setahun kemudian diangkat pula menjadi Ahli Jemaah Menteri.

Pada awal bulan Ogos 1923 Engku Abd. Aziz telah dinaikkan pangkat Mejar iaitu pegawai yang memerintah Pasukan Sukarelawan di Johor Bahru. Akhirnya dia dilantik memegang jawatan Timbalan Menteri Besar dan telah pernah memangku jawatan itu beberapa kali. Pada awal bulan April 1935 dia telah diperkenankan oleh Sultan Ibrahim dilantik menjadi Menteri Besar menggantikan Dato' Abd. Hamid bin Yusof. Dia dikurniakan bintang kebesaran Darjah Kerabat (D.K.). Pada masa dia memegang jawatan Menteri Besar, Peperangan Dunia Yang Kedua telah meletus dan merebak ke Tanah Melayu.

Dato' Onn bin Jaafar

Setelah peperangan tamat, negeri Johor termasuk di bawah pemerintahan Pentadbiran Tentera Inggeris (B.M.A) di kawasan Tenggara Asia. Tidak lama kemudian, setelah terikat Perjanjian MacMichael (Perjanjian Malayan Union), Tanah Melayu terpaksa menerima corak pemerintahan *Malayan Union* yang tidak disetujui oleh orang Melayu. Dengan itu timbul seorang pembesar Melayu, Dato' Onn bin Jaafar (anakanda Dato' Jaafar bin Hj. Muhammad, Menteri Besar Johor Pertama), memimpin sebahagian besar rakyat jelata Melayu di Tanah Melayu bersatu padu mengadakan persidangan besar di Kuala Lumpur kerana menentang *Malayan Union* itu.

Akhirnya Kerajaan Inggeris telah mempersetujui *Malayan Union* itu diganti dengan *Federation of Malaya* (Persekutuan Tanah Melayu). Memandangkan banyaknya jasa dan khidmat Dato' Onn kepada raja-raja dan orang Melayu, maka jawatan Menteri Besar Johor telah dikurniakan oleh Sultan Ibrahim kepadanya, iaitu menggantikan Engku Abdul Aziz bin Abdul Majid yang telah bersara.

Dato' Onn lahir di Johor Bahru dalam Tahun 1895, iaitu anak ketiga kepada Dato' Jaafar bin Hj. Muhammad. Dia mendapat pelajaran sekolahnya yang awal di Johor Bahru, kemudian masa berumur enam tahun bersama dengan putera-putera Sultan Ibrahim (Tengku Ismail, Tengku Haris Abu Bakar Bendahara, dan Tengku Temenggung Ahmad) mendapat pelajaran Bahasa Inggeris dari seorang guru khas. Dalam bulan Februari, 1904, bersama putera-putera Sultan Ibrahim dan beberapa orang anak pembesar Johor, Dato' Onn dihantar ke England dengan bawaan Tuan dan Mem Campbell Cerr untuk melanjutkan pelajaran di sana. Lebih kurang pada 25 Mac 1910, iaitu setelah tamat pengajiannya,

Dato' Onn bersama Tengku Ismail balik ke Johor. Pernah Dato' Onn mengaku masa dirinya di England itu, hidup dan belajar seperti kanak-kanak bangsa Inggeris yang sesama baya dengannya hingga mesra dan sebati benar dengan cara kehidupannya itu, dan pernah juga beliau berkata, 'Diri saya lebih Inggeris dari Melayu'.

Sebab kelemahannya dalam serba-serbi Melayu itu, dirinya terpaksa dihantar pula belajar ke Maktab Melayu (Malay College), Kuala Kangsar. Setelah tamat dari sana, kerajaan memberinya jawatan dalam Jabatan Setiausaha Kerajaan Johor.

Beberapa lama kemudian Dato' Onn berhenti daripada jawatannya beredar keluar dari Johor berhijrah ke Singapura, hingga pada suatu masa dikenal beliau menjadi seorang pengarang majalah Inggeris yang bernama *Illustrated News* (Sunday Mirror) yang diterbitkan oleh Anglo Asiatic Press yang kemudian ditukar menjadi Warta Malaya Press Ltd., iaitu syarikat yang mengeluarkan akhbar *Warta Malaya* dan lain-lain lagi. Akhirnya Dato' Onn menjadi sidang pengarang akhbar *Lembaga* dan majalah mingguan *Lembaga Malaya*.

Pengalaman Dato' Onn dalam alam persuratkhabaran boleh dikatakan tidak kekurangan. Fikiran dan pengalamannya yang bernas banyak tersiar di beberapa akhbar. Sungguhpun Dato' Onn duduk di Singapura tetapi tulisannya di dalam *Lembaga Malaya* selalu ditujukan khas kepada Johor. Suara penanya yang amat tajam itu selalu kedengaran tersiar di ruangan rencana pengarang dan di ruangan Pak Pandir sebagai suara yang mengandungi penawar terbit dari lidah seorang tonggak negeri Johor yang berada di luar negeri Johor.

Dalam T.M. 1938, dengan sokongan dan persetujuan Kerajaan Johor Lembaga Malaya Press Limited telah dipindahkan ke Johor Bahru. Tidak lama kemudian dengan persetujuan Sultan Ibrahim, Dato' Onn telah dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang tidak berjawatan serta telah dilantik menjadi Setiausaha Sulit Tengku Mahkota (Tengku Pemangku Raja) Johor.

Dalam Dewan Mesyuarat Dato' Onn selalu membayangkan perjuangannya kerana membela dan memperbaiki nasib para pegawai Melayu supaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah setaraf dengan pegawai kulit putih. Demikian juga khidmat baktinya untuk memperbaiki negeri yang meninggikan darjah penghidupan anak-anak negeri. Dato' Onn mempunyai fikiran yang tenang, sabar dan cergas. Petah bertutur dan berpidato dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sukar mencari tandingannya di Tanah Melayu ini.

Dato' Onn selalu mendakwa bahawa perjuangan dengan cara kekerasan itu tidak dipercayai berjaya. Kepada para pengikutnya selalu dinasihatkan jangan gopoh-gapah membuat satu-satu tindakan dan perusahaan. Kemahuan hatinya selalu bertentangan dengan memper-

cayai kepada adat resam yang karut-marut dan menentang keras ke atas orang yang mengeji percampuran kaum ibu dengan kaum bapa di dalam gelanggang perjuangan politik. Sebab itu pegangannya kuat kepada 'Biar mati adat jangan mati anak'.

Sebagai seorang negarawan atau pembesar Melayu, Dato' Onn banyak mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkenaan dengan negeri-negeri asing. Dalam T.M. 1938 Dato' Onn telah dihantar oleh Kerajaan Johor ke Amerika Syarikat sebagai wakil Kerajaan Johor menjaga Gedung Pertunjukan Barang-barang negeri Johor dan di pertunjukan besar, Golden Gate San Francisco.

Dalam masa pemerintahan Jepun, Dato' Onn bekerja sebagai Pegawai Pengelola Makanan di Johor Bahru. Kemudian dia bertukar ke Batu Pahat memegang jawatan Pegawai Daerah hingga Jepun menyerah kalah. Ketika Jepun hampir hendak kalah dan Inggeris baru saja balik semula memerintah Tanah Melayu, Dato' Onn telah bertugas dengan beratnya bersama-sama berikhtiar mengamankan malapetaka pertumpahan darah yang berlaku di antara Melayu dengan Cina di Batu Pahat. Dato' Onn telah terasa benar buruknya akibat hidup berasing seperti yang telah pernah terjadi pada orang Melayu masa sebelum perang dahulu. Dia telah menaja mendirikan satu persatuan yang bernama Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang mana akhirnya persatuan itu digabungkan dengan persatuan-persatuan atau pergerakan-pergerakan Melayu yang lain di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini menjadikan satu pertubuhan bernama Pekembar (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) atau dalam bahasa Inggerisnya *United Malay National Organisation* (U.M.N.O.) dengan Dato' Onn dilantik menjadi Yang DiPertuanya.

Atas jasa Dato' Onn dapat membentuk satu badan siasah yang begitu besar, Sultan Ibrahim yang pada masa itu bersemayam di England telah melantik Dato' Onn memangku jawatan Menteri Besar Johor menggantikan Engku Abd. Aziz yang telah bercuti terus bersara. Dato' Onn berpindah dari Batu Pahat ke Johor Bahru dan pada masa merayakan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Ibrahim pada 17 September 1947 Dato' Onn telah diisytiharkan tetap memegang jawatan Menteri Besar dengan dikurniakan bintang kebesaran kerajaan Darjah Kerabat Yang Kedua (D.K.). Semenjak itu Dato' Onn terus bertugas sebagai Menteri Besar Johor beberapa lama di samping menjadi Yang Dipertua Agung U.M.N.O. itu.

Dato' Onn terkenal sebagai seorang pemimpin besar, wartawan, pengarang, ahli politik dan pembangun semangat kebangsaan, negarawan, pengasas dan pembina U.M.N.O. dan juga terkenal sebagai pemerintah ulung serta setelah keluar meninggalkan U.M.N.O. dikenal sebagai seorang pengembara politik.

Setelah Dato' Onn keluar meninggalkan U.M.N.O. pada 26 Ogos 1951,

beliau mendirikan sebuah parti politik lagi yang bernama Parti Kemerdekaan Malaya atau ringkasnya I.M.P. Walaupun terdirinya Parti I.M.P. itu ditentang hebat oleh orang Melayu tetapi Dato' Onn terus berdiri dengan tetap dan megahnya di hadapan beratus-ratus dan beribu-ribu para pengikut dan penentangnya. Kemudian dari itu Dato' Onn mendirikan pula sebuah parti politik lagi bernama Parti Negara.

Dato' Onn dikenali juga sebagai seorang pemimpin yang kuat berpegang kepada kepercayaannya, bergerak mara dengan kepercayaan dan keyakinannya, walau pun dengan fahaman pegangan dan gerakannya itu membawa dia jatuh dalam gelanggang politik. Walaupun dia telah tewas berkali-kali dalam pilihan raya seperti pilihan raya-pilihan raya yang pertama di Johor Bahru, dan yang kedua di Batu Pahat serta pada akhirnya dia telah berjaya dalam pilihan raya Dewan Rakyat di Kuala Terengganu dalam T.M. 1959. Kemenangannya itu adalah sebenarnya kemenangan keperibadian Dato' Onn sebagai pemimpin besar dan peneroka jalan bagi kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Adanya Dato' Onn dalam Dewan Rakyat sebagai seorang gergasi politik yang menyuarakan bangkangannya dari Parti Negara, tetapi ada kalanya sanggup pula dia menyokong satu-satu cadangan kerajaan dan biasa juga membangkang kepada satu-satu cadangan yang tidak sihat pada pandangan dan pendapatnya yang didatangkan dari pihak pembangkang.

Masa Dato' Onn meninggalkan U.M.N.O. kerana U.M.N.O. tidak sanggup membukakan pintunya kepada bangsa-bangsa asing, Dato' Onn telah meninggalkan ucapannya yang bernas. Di antaranya beliau berkata, '. . . Saya telah berfikir dengan sehabis-habisnya, iaitu sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi negeri-negeri yang berjiran dengannya seumpama Indonesia di sebelah selatan, Burma di sebelah utara, Filipina di sebelah timur, Ceylon dan India serta lain-lain di sebelah barat, sekiranya Tanah Melayu berkehendak menyaingi negeri-negeri yang telah bebas itu maka hanyalah satu jalan terbuka kepada pandangan saya, iaitu menuntut kemerdekaan itu beramai-ramai satu kaum dengan satu kaum menyokong dan bekerja sama-sama, lain jalan tidak ada. . .'

Masa Tengku Abdul Rahman Putera menyambut jawatan Yang Dipertua Agung U.M.N.O. yang ditinggalkan oleh Dato' Onn itu antara lain Tengku telah berucap, 'Tiada pernah orang-orang Melayu bersatu di bawah satu ketuaan dan satu panji-panji melainkan ialah dengan dipermulakan oleh Dato' Yang Berhormat. Ini satu puji-pujian kepada Dato' yang akan diingat dan akan disebut-sebut dengan kenangan-kenangan yang baik oleh turun-temurun kita. Sekarang ini jawatan itu telah diserahkan kepada saya dan saya memohon kepada Allah menolong saya'.

Pengaruh Dato' Onn sangat besar di kalangan rakyat jelata, bangsawan Melayu, kakitangan kerajaan dan juga orang Inggeris. Dalam T.M. 1951

Dato' Onn terpaksa meninggalkan jawatan Menteri Besar Johor kerana pertelingkahannya dengan Sultan Johor, iaitu baginda telah menahan Dato' Onn daripada melewati kuasanya keluar dari negeri Johor menjalankan kerja-kerja politik. Tidak lama kemudian Dato' Onn telah dilantik menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pengerusi R.I.D.A.

Untuk menggulung balik riwayat hidup Dato' Onn, sayugia diingat Dato' itu pernah menjadi pegawai pendakyah, pegawai makanan negeri, pegawai daerah, pengerusi R.I.D.A., Menteri Besar Johor dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu sebelum merdeka. Masa mula dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat negeri Johor yang tidak rasmi jawatan sebelum Peperangan Dunia II dahulu, di antara jasanya ialah mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan Biasiswa (Hadiah Pelajaran Tinggi) Sultan Ibrahim dan tambang percuma pergi balik kepada para pegawai kerajaan suami isteri menunaikan fardu haji ke Mekah.

Masa Dato' Onn meninggalkan jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan berhenti dari menjadi ahli Dewan Undangan Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan Disember 1952, dia berikrar dan berazam dengan berkata, 'Cita-cita saya akan duduk di Parlimen kelak sebagai wakil rakyat yang dipilih'. Ikrar dan azamnya telah berjaya setelah dia dipilih oleh rakyat menang dalam pilihan raya Dewan Rakyat di Kuala Terengganu dalam T.M. 1959.

Di antara kata-katanya yang bernas dan boleh dianggap sebagai cogan kata-cogan kata ciptaan Dato' Onn yang masih disebut-sebut oleh para pengikut dan orang Melayu sekarang ialah:

'Cogan saya, satu bahasa, satu bangsa, satu negara'.

'Biar mati adat dari mati anak'.

'Kalau saya mati kapankanlah saya dengan bendera U.M.N.O.'

'Apakah nama rupa bangsa Melayu, Cicak, Mengkarung atau Naga?'

'U.M.N.O. itulah Melayu, Melayu itulah U.M.N.O.'

Dato' Onn seorang pemimpin bangsa dan bekas pegawai tinggi kerajaan yang banyak sekali membaca buku dan surat khabar. Dia seorang pemimpin Melayu yang bijak berpidato. Di antara modal pidatonya untuk menarik minat orang ramai yang mendengar keterangan dan hujahnya ialah menyimpan dan menyediakan potongan-potongan surat khabar atau risalah yang telah berpuluh-puluh tahun lamanya. Dato' Onn ialah seorang anak Melayu yang pertama menerima gelaran 'Sir' daripada Kerajaan Inggeris.

Riwayat perjuangan Dato' Onn sangat panjang dan penuh dengan liku-likunya. Bahan-bahan perjalanan hidup dan hasil-hasil yang diperjuangkannya sedang saya kutip, kumpulkan dan saya susun untuk menjadikan sebuah buku khas. Semoga Tuhan izinkan saya pada menjayakan buku itu.

Dato' Syed Abdul Kadir bin Mohamed

Dato' Syed Abdul Kadir bin Mohamed, yang lahir pada 5 Jun 1900, mula berkhidmat dengan kerajaan pada 9 Januari 1918 sebagai kerani kelas III di Pejabat Bandaran Muar. Pada awal Julai 1921 dia memangku jawatan kerani kelas IIB dan dua tahun kemudian menjadi kerani kelas IIB. Pada 6 Oktober 1925 dinaikkan pangkat menjadi Setiausaha Pejabat Bandaran Muar. Dalam tahun 1927, lulus peperiksaan undang-undang rendah dan setahun kemudian lulus pula peperiksaan akhir undang-undang.

Kerana kebolehan dan kecekapannya dalam bertugas, dia telah dinaikkan pangkat menjadi Setiausaha Pejabat Bandaran Muar (Kelas III) pada 6 Oktober 1934. Kemudian pada 16 Julai 1938, dia telah ditukarkan menjadi Pemangku Setiausaha Jabatan Bandaran (Town Board) Johor Bahru (kelas II). Pada 1 Julai 1938 hingga tercetus Perang Jepun (1941–45) dia dinaikkan pangkat menjadi Setiausaha Jabatan Bandaran Johor Bahru. Selepas perang, dia pernah menjadi Yang Dipertua jabatan yang sama.

Semasa di Muar dia terkenal sebagai tokoh yang bergiat dalam lapangan 'Persekutuan Bahas Melayu' dan lapangan bahasa dan persuratan Melayu di Kelab Muar bersama beberapa orang tokoh terkenal. Antaranya Haji (Dato') Abdul Shukur bin Ismail, Nazir Sekolah-sekolah Melayu Muar.

Masa Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang kemudiannya menjadi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan oleh Dato' Onn bin Jaafar, dia salah seorang daripada tokoh penyokong kuat Dato' Onn hinggalah penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya (I.M.P) dan Parti Negara ditubuhkan dan dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Dia adalah pengikut setia dan penyokong kuatnya. Kemudian masa Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan Menteri Besar Johor ketujuh, Dato' Syed Abdul Kadir telah dilantik oleh Sultan Ibrahim menjadi Menteri Besar Johor yang kelapan iaitu dengan tunjuk dan pengakuan kuat daripada Dato' Onn Jaafar.

Dato' Syed Abdul Kadir menjadi Menteri Besar Johor kelapan dari 20 Februari 1952 hingga 5 Jun 1955. Beliau meninggal dunia pada 3 Jun 1960.

Dato Wan Idris bin Ibrahim

Dato' Wan Idris bin Ibrahim yang lahir pada 3 Oktober 1888 pernah mendapat pelajaran bersama anak-anak pembesar Johor di England. Kemudian pada 1 April 1911, dia mula menjawat jawatan kerajaan sebagai kerani di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Tidak lama kemudian dia menjadi *Dresser* di Jabatan Kesihatan. Pada akhir 1913, menjadi Pembantu Hospital dan menjadi *Dresser* gred I. Pada awal tahun 1920, dia menjadi kerani kelas BI di Pejabat Setiausaha Kerajaan. Tidak lama kemudian dilantik pula menjadi *Office Assistant* di Jabatan Pengelola

Makanan. Dalam tahun itu juga, dia dilantik menjadi pemangku kerani besar di Pejabat Penasihat Am dan kemudiannya menjadi *Office Assistant* pula di pejabat yang sama.

Beberapa lama kemudian, dalam bulan Mac 1926, dia dilantik menjadi Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Kastam kelas II di Muar. Kemudian dalam tahun 1927, dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya Kastam kelas II di Muar.

Pada awal April 1935, dia bertukar balik ke Johor Bahru dan memegang jawatan Pemangku Bendahari Negeri Johor dan tidak lama kemudian menjadi Pemungut Hasil Tanah Johor Bahru hingga Jepun menyerang Tanah Melayu.

Dato' Wan Idris yang pernah menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Batu Pahat, menjadi Menteri Besar Johor yang kesembilan, dari 1 Oktober 1955 hingga 16 Jun 1959. Dia meninggal dunia pada tahun 1973.

KESAN-KESAN SEJARAH DALAM NEGERI JOHOR

Perigi Batu Pahat

Perigi Batu Pahat terletak di tepi tebing batu kuala kanan mudik Sungai Batu Pahat. Ia adalah sebuah perigi batu dan panjang mulutnya tidak lebih sedepa dan lebarnya kurang lebih dua hasta, iaitu empat persegi bujur seakan-akan bulat. Dalamnya agak-agak seperdirian. Tutupnya juga diperbuat daripada batu dan terletak tidak jauh dari perigi itu. Tutup itu tidak boleh diangkat atau dianjak dari tempatnya kerana sudah sebati di atas tebing sungai.

Perigi yang bersejarah ini telah dibuat oleh orang Siam yang diketuai oleh Awi Dicu, semasa angkatan Siam menyerang negeri Melaka. Masa itu negeri Melaka diperintah oleh Sultan Mudzafar Syah di antara tahun 1445–1458. Perigi ini telah berumur lebih kurang 550 tahun.

Makam Kampung Raja Paguh

Hingga kini, makam Sultan Alauddin Riayat Syah (sultan yang memerintah Melaka di antara T.M. 1477 hingga T.M. 1488) masih wujud di atas bukit di Kampung Raja, Hulu Paguh. Jauhnya lebih kurang 18 batu dari Bandar Maharani, Muar. Di sebelah makam baginda itu, adalah makam saudara perempuan baginda yang kononnya mangkat tercucuk jarum jarinya dan mengeluarkan darah putih. Batu-batu nisannya berukir dengan tulisan nama baginda dan ayat-ayat suci tulisan Arab. Di bahagian kuala Sungai Paguh masih terdapat kesan-kesan kubu pertahanan dari serangan Portugis selepas Melaka ditewaskan oleh Portugis dalam tahun 1511.

Bentayan

Di bahagian tebing kanan mudik Sungai Muar, dekat Bandar Maharani Muar kini, masih ada nama Bentayan iaitu tempat Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud Syah pertama mendirikan kota pertahanan dari serangan Portugis, setelah Melaka ditewaskan Portugis dalam tahun 1511. Setelah Kota Bentayan ditawan, Portugis mendirikan pula kota batu tiga persegi bujur di tebing kanan mudik Sungai Bentayan. Kini kota itu telah lenyap.

Perigi dan Makam Acheh

Di bahagian kiri mudik Sungai Johor, berdekatan Kampung Tg. Langsat dan Kampung Kongkong, ada sebuah kampung bernama Kampung Perigi Acheh. Di sini ada sebuah makam Panglima Acheh dan sebuah perigi yang dibuat oleh orang Acheh, masa Acheh menyerang dan menakluk Johor di pertengahan abad ke-17. Seorang daripada panglimanya terkorban dimakamkan di sini. Kini makam itu masih ada tetapi periginya telah lenyap ditimbus oleh pengusaha kemajuan pembangunan. Hanya yang tinggal ialah nama Kampung Perigi Acheh.

Tempat-tempat Penting Sejarah

Dari segi sejarah Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau, tempat-tempat yang disebutkan di bawah ini sangat penting kerana terletak di sekitar kawasan Sungai Johor, di Johor Tenggara. Kepentingannya kerana warisan peninggalan sejarahnya dapat membuktikan peri kebesaran dan keagungan kerajaan itu disegi kebudayaan yang termasuk di dalamnya politik, ekonomi, seni, sosial dan sebagainya.

Warisan kesan-kesan peninggalan sejarah kebesaran Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau seperti kubu, kota, barang-barang atau khazanah-khazanah, makam dan lain-lain harus diselamatkan, dipelihara dan dikekalkan kerana warisan kesan peninggalan itu semua adalah mencerminkan identiti atau keperibadian kita, khasnya peribumi dan amnya seluruh kaum atau bangsa yang ada kaitannya dengan negara ini.

Antara tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang bersejarah itu ialah pusat-pusat Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau di tepi Sungai Johor, Bukit Piatu, Beladung (Belading), Johor Lama (Tanjung Batu dan Johor Kampung), Panchur, Seluyut, Batu Sawar, Kota Tinggi, Pasir Raja, Lubuk Pekan (Pekan Tua), Sungai Telur, Lenggiu (Gelenggi), Seluang, Batu Hampar, Rebat (Tebat), Sayung Pinang dan lain-lain. Terdapat juga beberapa buah tempat yang mengandungi sejarah perkembangan dan peninggalan warisan kerajaan itu seperti di Pengerang (Tanjung Pe-

ngelih), Tanjung Surat, Ramunia, Sungai Rengit, Tanjung Penawar, Kuala Sedili, Mersing dan juga tempat-tempat yang berisi kisah-kisah dongeng lama yang indah seperti Sungai Sisik, Belah Batu, Sayung, Gunung Panti dan lain-lain.

Keluang dan Kota Tinggi Dibuka

Nama Keluang berasal dari binatang keluang yang didapati banyak di jajahan itu. Asal kawasan Keluang itu hutan rimba iaitu tempat kediaman orang Jakun yang berpusu-pusu antara hulu cabang Sungai Endau, iaitu Sungai Keluang dengan hulu Sungai Semberung, Batu Pahat. Sebab itu bandar dan jajahan itu dinamakan Keluang. Pada masa almarhum Sultan Ibrahim memerintah Johor, baginda telah menghantar beberapa orang pegawai silih berganti dari Johor Bahru untuk menjadi ketua memajukan Keluang. Kemudian baginda bertindak menghantar seorang jurutera (bangsa Eropah) mengatur tempat itu dan mendirikan pejabat-pejabat kerajaan.

Orang Cina ramai ke Keluang dalam tahun 1915, pada masa Jabatan Kerja Raya membuka sebuah depoh di sana. Mereka bekerja memotong kayu balak, membuat landasan kereta api, membuat jalan raya, membersihkan hutan rimba dan kemudian mereka menjadi pekebun sayur dan membuka ladang. Kemudian mereka mendirikan pula bangunan-bangunan serta menjalankan perniagaan dalam bandar itu.

Tidak lama kemudian, Jabatan Kerja Raya memulakan satu rancangan membina jalan raya dari Keluang ke Renggam, Mersing dan Air Hitam. Sejak jalan raya dibina, hubungan lalu lintas perdagangan dapat dijalankan antara Keluang dengan Renggam, Mersing dan Air Hitam serta Batu Pahat. Bandar Keluang makin maju. Pada penduduknya yang makin ramai menyebabkan hasil makin bertambah. Dalam tahun 1919, kerajaan negeri telah melantik seorang pegawai daerah. Pejabat Tanah belum didirikan di Keluang hingga ke tahun 1931 dan masih berurusan di Johor Bahru.

Kemudian dengan sebab tanah yang masih banyak kosong itu hendak dibuka kepada orang ramai, barulah pejabat tanah dibuka. Kebanyakan estet getah dipersekitaran Keluang dibuka oleh orang Cina dan estet-estet itu bercampur dengan tanaman ubi kayu. Kemudian firma-firma Eropah membeli pula estet-estet itu. Wang penjualan estet-estet itu ditanam modalkan buat harta di Keluang dan persekitarannya seperti membuat rumah-rumah kedai menjual barang-barang dapur untuk catuan ke estet-estet itu.

Para pegawai Inggeris seperti D.G. Campbell (Penasihat Am Inggeris), Glendenning (Jurutera Negeri) dan J.W. Simmons (Pesuruhjaya Tanah) mengetahui keadaan kawasan tanah dalam negeri Johor yang masih luas

dan sudah ada kemudahan hubungan dengan bandar-bandar lain terutama Singapura.

Pada masa itu, kawasan tengah negeri Johor seperti jajahan-jajahan Segamat, Keluang dan Johor Bahru sudah ada jalan kereta api Johor Bahru–Gemas (dibuka dalam tahun 1909). Kawasan-kawasan atau daerah-daerah itu membuka peluang firma-firma dan syarikat-syarikat Eropah, terutama Inggeris membuka ladang getah dan kelapa sawit yang sangat luas.

Pernah pada suatu masa, antara tahun 1916 dan 1918, Sultan Ibrahim dan Majlis Mesyuarat Negeri Johor memberikan perhatian kepada satu cadangan hendak menukarkan pusat negeri Johor dari Johor Bahru ke Keluang. Pendapat hendak menjadikan Keluang sebagai ibu negeri atau pusat negeri Johor itu adalah dipengaruhi oleh D.G. Campbell, Glendenning dan J.W. Simmons. Dalam tahun 1915, tiga orang pegawai pejabat yang berkenaan telah berjalan kaki dari Johor Bahru dan memilih Keluang sebagai sebuah tempat yang dikehendaki untuk sebuah pusat negeri. Akan tetapi dalam tahun 1918, Sultan Ibrahim dan Majlis Mesyuarat Negeri Johor telah memutuskan tidak menukarkan Johor Bahru ibu negeri Johor itu ke Keluang. Pembatalan rancangan dan kehendak pegawai-pegawai Inggeris itu adalah bersebab dan berlandaskan perkiraan hubungan sejarah dan ekonomi Johor Bahru dengan Singapura dan hubungan kehidupan yang lama keluarga diraja dengan Johor Bahru.

Kota Tinggi ialah daerah yang tua dalam negeri Johor. Antara peninggalan dan kesan-kesan sejarahnya yang masih boleh dilihat ialah sebuah benteng kota yang melingkungi kawasan Kampung Makam. Dari tepi Sungai Johor hingga ke kawasan kampung atau Makam Bendahara terdapat kesan-kesan benteng kota dan kesan sebuah terusan air memanjang dan membelok hingga ke Sungai Pemandi. Terusan air diluar dan selari dengan benteng kota itu sebagai halangan serangan musuh mengikut sistem kota pertahanan zaman dahulu. Dari luar terusan terutama dari sungai, kelihatan tinggi kesan-kesan benteng kota itu. Sempena benteng kota yang tinggi itu, lahir nama bandar dan jajahan iaitu Kota Tinggi. Dahulunya kawasan dalam kota itu dinamakan Makam Tauhid dan kini termasuk dalam Makam Sultan dan Makam Saiyed yang dikenali dengan nama Kampung Makam.

Daerah Kota Tinggi, di mana letaknya kawasan Rancangan Kemajuan Johor Tenggara dan kawasan perairan Sungai Johor telah terkenal sejak dahulu lagi. Terutama sejak terdirinya Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau kira-kira empat setengah abad yang silam. Sungai itu menjadi lalu lintas kapal-kapal dagang, angkatan tentera dan para pengunjung dari berbagai-bagai bangsa, sama ada timur mahupun barat. Antaranya adalah pedagang dari China, India, Siam, Kemboja, Burma, pedagang dari seluruh Kepulauan Melayu (Indonesia) dan pedagang dari Eropah seperti

Portugis, Belanda, Inggeris dan lain-lain. Juga angkatan tentera dari Portugis, Belanda, Acheh, Jambi dan lain-lain yang datang menyerang dan membantu hendak menghapus dan menegakkan Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau itu.

Di kawasan perairan Sungai Johor itu terdiri beberapa buah pusat pemerintahan. Tetapi setelah kerajaan itu berpecah-belah kerana kancah penjajahan Belanda–Inggeris, jajahan itu tinggal menjadi kampung-kampung kecil dan hutan belantara yang menyimpan sejarah.

Namun demikian berpuluh tahun kemudian, setelah wujudnya Kerajaan Johor Moden yang diteroka oleh Temenggung Ibrahim dan dibina oleh Sultan Abu Bakar, kawasan itu dibuka semula. Pada 23 Mei 1896, selepas sembahyang hari raya di Masjid Johor Bahru yang asalnya terletak di kaki Bukit Bendera (Bukit Timbalan) berhampiran tepi Selat Tebrau, Sultan Ibrahim diiringi oleh beberapa orang kerabat diraja, pembesar-pembesar, beberapa orang tauke Cina sahabat baginda dan beberapa orang muda, dengan sebuah kapal Kerajaan Johor menuju ke sebelah timur dan mudik Sungai Johor. Tujuan utama rombongan Sultan Ibrahim itu hendak mengesahkan tugas-tugas dan aturan tempat hendak dijadikan bandar Kota Tinggi. Semasa sampai di Batu Sawar, rombongan itu mendarat kerana Sultan Ibrahim hendak menziarahi makam Sultan Mahmud Syah Marhum Mangkat Dijulang dan makam-makam lain yang ada di Makam Tauhid. Itulah tempat itu dinamai Batu Sawar kerana banyak batu-batu berlonggok seperti kota. Sejak itu, bandar Kota Tinggi dibuka dan tempat yang bersejarah seperti Makam Sultan dan Makam Bendahara di Kampung Makam masih terpelihara dengan baik.

Daerah Johor Tenggara, Kota Tinggi adalah antara tempat Sultan Ibrahim berulang memburu binatang buas seperti harimau, gajah, seladang, badak, tenuk dan lain-lain. Baginda pernah berburu di Tanjung Kukuk dan Tanjung Tenggaruh di pantai timur Johor Tenggara (Kota Tinggi).

Johor Tenggara (Kota Tinggi) Tertinggal Jadi Kampung

Sejak Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menjadi Sultan, kerajaannya berpusat di Pulau Riau (1722–1760), persekitaran perairan Sungai Johor tidak lagi dijadikan pusat Kerajaan Empayar Johor–Riau. Daerah Johor Tenggara atau Kota Tinggi berbalik menjadi kampung kecil dan hutan rimba.

Mengikut kenyataan Begbie dalam bukunya yang terbit dalam tahun 1834, kepadatan penduduk kawasan Johor Tenggara; Johor (Lama) 1000 orang, Pulau Tinggi 225 orang, dan diperintah oleh seorang Batin, Sungai Papan 775 orang dan diperintah oleh seorang Batin juga. Dalam tahun 1839, Newbold pula berkata, penduduk Johor Lama sebanyak 300 buah rumah dan Sedili 70 buah rumah.

Johor Tenggara (Kota Tinggi) Terlibat dalam Peperangan Dunia I

Dalam peperangan Dunia Pertama (1914–1918), jajahan Kota Tinggi atau kawasan Johor Tenggara terlibat dalam peristiwa pemberontakan Pasukan Askar Berjalan Kaki Hindustan Kelima (Tha Fifth Light Indian Infantry) di Singapura. Dalam pemberontakan yang bermula tercetus pada 15 Februari 1915, Pasukan Askar Timbalan Setia Negeri Johor dihantar menolong mengawal Singapura. Ramai orang Eropah terkorban termasuk dua orang pegawai Askar Johor, iaitu Kapten H. Cullimore dan Kapten Abdul Jabar bin Abdul Samad serta Prebet Yaakub bin Saleh. Sultan Ibrahim sendiri sebagai Ketua Pemerintah Askar Johor itu membawa turun sepasukan askar bantuan ke Singapura.

Pada hari esoknya, pasukan pemberontakan itu berundur ke Holland Road dan ke Punggul. Dari sana, mereka menyeberang dengan beberapa buah perahu mudik Sungai Johor dan antaranya mendarat di beberapa tempat di Selatan Johor. Akhirnya lebih kurang 50 orang sampai di Kota Tinggi. Pada petang itu juga mereka dapat dipujuk dan dibawa ke Johor Bahru dan menyerah diri dengan senjatanya kepada Sultan Ibrahim. Mereka dilayan dengan baik iaitu diberi makan minum dalam penjara besar. Pada pagi esoknya, pihak yang berkuasa Kerajaan Inggeris Singapura mengambil mereka untuk dibawa balik ke Singapura untuk dibicarakan. Keputusannya, 22 orang daripada mereka dihukum tembak.

Tempat-tempat Bersejarah Pusat Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau Tanjung Surat

Semasa negeri dan Kerajaan Johor moden diperintah oleh Sultan Abu Bakar ibni Temenggung Ibrahim yang berpusat di Johor Bahru, Tanjung Surat menjadi sebuah tempat penting. Sultan Abu Bakar memerintah secara bermenteri. Datuk Nong Jaafar bin Nong Yahya dilantik menjadi Datuk Penggawa Timur. Gelaran Penggawa Timur itu bermakna Pesuruhjaya Timur. Datuk Penggawa Timur itu ditentukan memerintah kawasan Johor Timur, kini termasuk jajahan-jajahan Kota Tinggi dan Mersing yang mana sebahagian daripadanya termasuk kawasan Johor Tenggara. Datuk Penggawa Timur bertugas menjadi Ketua Wakil Sultan Abu Bakar memerintah kawasan timur Johor. Segala hasil pungutan diserahkan kepada Sultan Abu Bakar. Pejabatnya di Tanjung Surat, siap dengan tempat menerima dan membayar cukai. Dia berhak mengawal dan mengamankan serta membicara dan menghukum penduduk dalam kawasannya yang melakukan sesuatu kesalahan. Kini kesan-kesan gedung tempat kediamannya dan juga pejabatnya masih ada dan makam lama masih dapat dilihat. Dahulu di sinilah tempat pejabat terkumpulnya surat-surat dari luar dan dalam kawasan timur Johor, sama ada surat-surat raja

(kerajaan) dengan Datuk Penggawa Timur atau sebaliknya. Sultan Abu Bakar memerintah dari tahun 1862 hingga 1895.

Johor Lama (Kota Batu)

Awal tahun 1540, Sultan Alauddin Riayat Syah Kedua yang memerintah dari 1528 hingga 1564 membuat pusat pemerintahan Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau serta sebuah kota (kubu) di tempat yang bernama Kota Batu. Kesan kotanya masih ada. Zaman baginda memerintah, Acheh menyerang dan mengalahkan Johor (Johor Lama dan Kota Batu). Baginda bersama anak isterinya ditawan dan dibawa ke Acheh lalu mangkat di sana. Di sini ada beberapa buah makam tua dan peninggalan sejarah kerajaan itu. Setengah riwayat mengatakan Sultan Alauddin Riayat Syah Ketiga mangkat di Acheh.

Panchur

Panchur ialah tempat semayam dan pusat Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Keempat (1699–1718) dari keturunan bendahara (putera Bendahara Abdul Majid Tun Habib Padang Saujana Johor). Panchur terletak kira-kira sebatu ke hilir Bukit Piatu di hulu Johor Lama. Panchur dekat dengan Sungai Tukul. Baginda mendirikan sebuah istana besar dan indah di atas bukit (Bukit Sungai Tukul). Panchur berdekatan dengan Johor Lama dan Seluyut. Istana baginda itu akhirnya terbakar. Walau bagaimanapun baginda membangunkan pula istana baru yang indah juga di atas bukit itu. Hingga tahun 1708, Panchur jadi pusat kerajaan. Raja Kechil dari Siak pernah menyerang Panchur dan akhirnya Sultan Abdul Jalil Keempat terbunuh di Kuala Pahang dan makamnya ada di sana. Di Panchur ada beberapa makam, antaranya Makam Raja Putih. Kesan kotanya 50 x 160 ela dan tingginya 8–10 kaki.

Seluyut

Sultan Muzafar Shah (putera Sultan Alauddin Riayat Syah Kedua) bersama pembesar-pembesarnya membangunkan istana dan kubu di Bukit Seluyut. Pada tahun 1570, Sultan Muzafar Syah mangkat dan makamnya ada di Bukit Seluyut disebut Marhum Mangkat di Seluyut. Baginda memerintah dari tahun 1564 hingga tahun 1570. Di samping makam baginda ialah makam Raja Fatimah, adinda baginda yang berkahwin dengan Raja Omar dari Pahang dan mendapat putera yang menjadi raja bergelar Sultan Abdul Jalil Syah Pertama. Baginda menjadi raja semasa masih kanak-kanak. Akan tetapi baginda mangkat semasa berusia lapan tahun. Makamnya ada di sisi makam Raja Fatimah, bondanya. Raja Omar, ayahandanya dilantik menjadi sultan bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah

Kedua. Bendaharanya bernama Bendahara Seri Maharaja Tun Isap Misai yang juga meninggal dunia dan makamnya di bawah Bukit Seluyut. Kini makam-makam yang tersebut masih ada kesan-kesan kota (kubu) pertahanan masih dapat dilihat.

Batu Sawar

Akhir tahun 1587, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah Kedua membuat pusat pemerintahan kerajaan di Batu Sawar (kira-kira dua batu di hilir Kota Tinggi). Baginda memerintah dari tahun 1570/1571 hingga 1597. Dalam, tahun 1597 baginda mangkat dan jenazahnya dimakamkan dan disebut Marhum Mangkat Di Batu (Batu Sawar). Batu Sawar itu terkenal sebagai Negara Tun Seri Lanang, pujangga atau pengarang *Sejarah Melayu* dalam tahun 1612. Tun Seri Lanang menjadi Bendahara Paduka Raja. Setelah Sultan Ali Jalla Abdul Jalil mangkat, puteranya Raja Mansur menggantinya dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah Ketiga. Adinda Sultan Alauddin Riayat Syah bernama Raja Abdullah (Yang Dipertuan Hilir) bersemayam di Kota Seberang di hilir Batu Sawar.

Batu Sawar semakin besar dan dilawati oleh pedagang-pedagang Eropah, Portugis, Belanda dan Inggeris. Dalam tahun 1613, Acheh menyerang Batu Sawar dan Sultan Alauddin Riayat Syah, Raja Abdullah, Tun Seri Lanang dan pembesar-pembesar Johor ditawan lalu dibawa ke Acheh. Sungguh pun Sultan Alauddin mangkat di Acheh tetapi Raja Abdullah dihantar balik ke Batu Sawar dan menjadi sultan menggantikan Sultan Abdullah Maayat Syah yang akhirnya mangkat di Pulau Tambelan. Zaman baginda memerintah, Jambi juga menyerang Batu Sawar.

Makam Tauhid (Kota Tinggi)

Tahun 1641 Sultan Abdul Jalil Ketiga (Raja Bujuang) yang memerintah Johor antara tahun 1623 hingga tahun 1677 dan membuat pusat Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau di Makam Tauhid (kini dalam kawasan Kota Tinggi). Zaman Sultan Mahmud Syah Kedua (1685–1699), baginda bersemayam di Kota Tinggi. Bendaharanya bernama Tun Habib (Habab) Abdul Majid yang meninggal dunia dan dimakamkan di Padang Saujana (kini Makam Bendahara), Kota Tinggi. Masa Sultan Mahmud berusia 24 tahun, baginda dibunuh oleh Megat Seri Rama semasa baginda berangkat ke masjid hendak bersembahyang Jumaat. Megat Seri Rama membunuh baginda kerana hendak membela kematian isterinya yang dibunuh oleh baginda. Isterinya dibunuh kerana memakan nangka baginda. Sultan Mahmud yang disebut Marhum Mangkat Dijulang dan makamnya ada di Kampung Makam, Kota Tinggi.

Di seberang Makam Tauhid atau Kampung Makam itu terletak sebuah

kampung bernama Temiu. Di sana ada sebuah makam yang indah ukiran batu nisannya. Itu ialah makam Puteri Cantik atau Puteri Jalang yang dikatakan berkahwin 99 kali. Semua suaminya mati kerana tidak tahan dengan ilmu sulit pelaris yang dipakai oleh puteri cantik itu. Tetapi suaminya yang terakhir, iaitu yang ke 99, tahan dan hidup kerana sama-sama handal ilmu sulitnya! Entahlah . . .

Sungai Kemang (Kampung Kelantan)

Di sini ada makam lama yang bersejarah. Antaranya makam Megat Seri Rama atau gelarannya Laksamana Bentan yang membunuh Sultan Mahmud Syah Kedua masa baginda dijulang berangkat ke masjid untuk bersembahyang Jumaat. Peristiwa yang bersejarah itu berlaku dalam tahun 1699. Antara makam-makam yang lain ialah makam isteri dengan anak Megat Seri Rama.

Pasir Raja

Akhir tahun 1608, Sultan Alauddin Riayat Syah Ketiga berpindah dan membuat pusat Kerajaan Empayar Melayu Johor–Riau di Pasir Raja di hulu Kota Tinggi. Baginda memerintah dari tahun 1597 hingga 1615. Bendahara Paduka Raja, Tun Seri Lanang ikut bersama ke Pasir Raja. Kesan-kesan benteng tanah tinggi seperti kubu di tepi sungai dan makam-makam lama masih kelihatan. Tanah kawasan Pasir Raja ini berpasir dan rata.

Pekan Tua

Masih terdapat kesan-kesan sejarah seperti makam lama dan sebuah danau tempat keluarga diraja bersiram. Kini tempat ini dikenali dengan nama Kangka Lubuk Pekan. Antara tahun 1529 dengan 1530, Sultan Alauddin Riayat Syah Kedua (Putera Sultan Mahmud Syah Pertama, Melaka dikalahkan Portugis dalam tahun 1511) membangunkan pusat Kerajaan Empayar Melayu Johor. Baginda mendirikan kota (kubu) di hulu Sungai Telur, hilir Pekan Tua. Kota itu ialah kota pertahanan di sebelah hadapan untuk menjaga musuh datang ke pusat kerajaan di Pekan Tua. Kota ini disebut Kota Kara.

Dalam tahun 1523, angkatan Portugis yang diketuai oleh Estevao da Gama dari Melaka menyerang Pekan Tua. Baginda terpaksa berundur membuat tempat kediaman dan pertahanan di Sayung. Askar-askar dan angkatan berundur ke Sayung dan menumbangkan beberapa batang pokok besar melintang sungai di tempat bernama Batu Belah untuk menghalang kemaraan Portugis. Tempat itu kini disebut Rebat (Tebak atau Tebat).

Nama Batu Belah, Sayung dan Sungai Sisik ada perkaitannya dengan cerita Badang. Pada masa Badang jatuh dari pokok, kepalanya terjatuh di atas batu. Kepala Badang tidak luka tetapi batu itu belah dua. Kini air sungai itu sudah surut dan boleh dilihat batu yang terbelah itu. Sungai Sisik ialah tempat Badang menahan lukahnya dan sisik-sisik ikan dibuang ke sungai itu.

Sayung Pinang

Letaknya tidak jauh dari Kuala Sayung. Terdapat banyak makam tua bersejarah, beberapa buah kubu dan parit halangan serta kolam. Sultan Alauddin Riayat Syah Kedua tidak lama bersemayam di Sayung ini. Pembesar baginda, Tun Hamzah (Seri Nara Diraja) meninggal dunia di Sayung dan makamnya disebut Datuk Nisan Besar. Di Sayung Pinang juga ada sebuah makam ganjil dengan batu nisannya berayat suci, iaitu Makam Sulaiman Syah adinda Sultan Alauddin Riayat Syah Pertama, Raja Melaka dan ayahanda saudara Sultan Mahmud Syah Pertama, Raja Melaka terakhir yang dikalahkan oleh Portugis.

Sungai Cik Omar

Ada beberapa lagi kesan atau peninggalan sejarah di sekitar Johor Tenggara terutama di utara Kota Tinggi. Di Sungai Telipok terdapat beberapa buah makam, antaranya berbentuk Melayu–Acheh. Di Sungai Cik Omar, dalam sebuah estet getah, terdapat pula 2 kumpulan makam di antara 5 hingga 22 buah. Kebanyakannya berbentuk dari abad ke-17. Batu-batu nisannya berpengaruh Barat (Kristian) iaitu berbentuk Tanglung Eropah.

Tanjung Pengelih (Pengerang)

Tanjung Pengelih (Pengerang) terlibat dalam peperangan Dunia Kedua (Peperangan Jepun). Kerajaan Inggeris membina sebuah kubu pertahanan dan sebuah lapangan terbang kecil di Tanjung Pengelih. Hingga kini masih terdapat kesan-kesan sejarah pertahanan itu.

Gunung Panti

Ia adalah sebuah gunung di Kota Tinggi. Jika dilihat dari jauh nampak seperti haluan dan lunas sebuah bahtera (kapal) terlungkup. Menurut dongengan, Gunung Panti dikatakan sebuah bahtera kepunyaan seorang anak raja yang telah derhaka kepada ibunya yang miskin. Ibunya menyumpah bahtera dan anaknya itu karam dipukul ribut dan

menjadi batu (gunung). Gunung Panti banyak memberi inspirasi (ilham) kepada penyair seperti Allayarham Pak Lomak yang pernah mencipta lagu gazalnya yang terkenal seperti Seri Mersing, Gunung Panti dan lain-lain.

Apabila menyebut Gunung Panti yang letaknya di kawasan Johor Tenggara, saya teringat pula beberapa rangkap pantun Gunung Panti:

Gunung Panti tinggi mengawan,
Nampak dari Johor Lama;
Harap hati padamu tuan,
Aku menanti janganlah lama.

Riang-riang bunyi di rimba,
Air segeluk aku tapiskan;
Terkenang siang malam berhiba,
Bantal dipeluk aku tangiskan!

Pantai Timur Johor Tenggara

Ramunia, Sungai Rengit, Punggai, Sedili, Tanjung Penyusuk, Tanjung Kelisa dan Mersing ialah tempat-tempat tua di Johor Tenggara. Kisah Pelayaran Munsyi Abdullah ke negeri-negeri pantai timur ada melibatkan nama tempat-tempat itu. Rombongan Munsyi Abdullah ada singgah di beberapa buah tempat untuk mengambil bekalan air dan kayu api. Masa itu (tahun 1838) di sepanjang pantai timur Johor Tenggara penuh de-ngan sarang-sarang lanun yang mengganggu pedagang-pedagang antara Singapura dengan negeri-negeri pantai timur, Siam, China dan lain-lain.

Nama Remunia atau Ramunia mungkin lahir dari nama pokok atau buah remenia atau rembunia atau remia kerana di tempat itu dahulunya banyak pokok-pokok ini.

Nama Punggai mungkin diambil dari nama sejenis pokok atau sebatang kayu lemparan untuk menjatuhkan buah-buah dari pokoknya.

Nama Sedili (Sungai Sedili Besar dan Kecil) besar kemungkinannya diambil sempena dari bahasa Arab iaitu nama orang alim ulama Islam yang tinggal di situ untuk mengajar fahaman mistik. Bermula pengajian fahaman inilah tercipta atau mulanya Abu' I-Hassan Shadili. Dari perkataan 'Shadili' itu bertukar menjadi Sadili atau Sedili.

Tanjung Penyusuk pula lahir dari perkataan pesuruk iaitu tempat yang menyusuk, menyorok atau tersembunyi seperti teluk, seruk atau terlindung di balik-balik batu, bukit dan sebagainya.

Nama Tanjung Kelisa mungkin diambil dari keadaan tempat itu dahulunya sesuai dijadikan tempat berehat. Mereka yang berhenti di situ terasa malas (kelisa) pula hendak memulakan pelayaran atau pekerjaannya.

Nama Tanjung Lembu terkenal sejak dahulu lagi kerana di kawasan ini sesuai untuk dijadikan tempat membela lembu. Sebab itu hingga kini masih banyak lembu berkeliaran di padang sepanjang pantai untuk memakan rumput. Sebelum perang tempat ini dikenali dengan nama Jason Bay dan kini Teluk Mahkota.

Apabila menyebut nama Sedili (Sedili Besar dan Sedili Kecil) saya teringat peristiwa sejarah peperangan saudara yang berlaku dalam tahun 1865 di antara Bendahara Wan Tahir serta anakandanya, Wan Koris dengan adindanya, Wan Ahmad. Dalam peperangan itu, Temenggung Abu Bakar, Raja Johor turut melibatkan diri membantu pihak Wan Tahir dan Wan Koris. Akhirnya Wan Tahir dan Wan Koris tewas dalam peperangan merebut takhta Kerajaan Pahang itu. Wan Tahir dan Wan Koris berundur meninggalkan Pahang ke Johor. Ketika sampai di Kuala Pahang, Wan Koris mangkat. Sampai di Kuala Sedili, Wan Tahir pula mangkat. Kedua-dua jenazah itu dibawa terus ke Iskandar Puteri (Johor Bahru) dan dimakamkan di sana. Kedua-dua jenazah itu dimakamkan di atas Bukit Bendera (Bukit Timbalan) bersama-sama makam orang Pahang di bawah Bukit Timbalan. Kini makam-makam itu termasuk makam-makam Wan Tahir dan Wan Koris telah lenyap kerana terdirinya bangunan pejabat-pejabat kerajaan baru dalam tahun 1937–1941.

Tanjung Penawar

Kita telah diterangkan oleh Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dalam karya-karya yang berjudul *Pelayaran Munsyi Abdullah* dan *Hikayat Abdullah*, keadaan dan suasana tempat-tempat di sekeliling persekitaran pulau Singapura dan pantai timur negeri Johor. Dalam pertengahan abad ke-19, keamanan terus tergugat angkara perompak lanun. Khidmat yang disumbangkan oleh Temenggung Ibrahim, Raja Johor untuk membasmi dan mengamankannya Queen Victoria bagi pihak kerajaan Inggeris telah menghadiah sebilah Pedang Keemasan kepada Temenggung Ibrahim dalam tahun 1846.

Rombongan Munsyi Abdullah ke negeri-negeri pantai timur Semenanjung Tanah Melayu telah mengalami suasana tidak tenteram di laut. Sejak bertolak dari Singapura melalui Pengerang dan sepanjang pantai timur Johor Tenggara terus ke Pahang, Terengganu dan Kelantan mereka terpaksa beberapa kali berhenti berlindung di beberapa tempat seperti tanjung dan teluk. Di samping mengambil bekalan air dan kayu api serta barang-barang makanan, mereka dapat menyelamatkan diri dari bersua dengan perompak lanun yang bersarang dan berkeliaran di sana. Perompak lanun itu sedia ada bila-bila masa untuk menunggu mangsanya yang berulang-alik membawa dagangan dari Singapura ke negeri-negeri pantai timur dan juga sebaliknya.

Di samping mengelakkan diri daripada angkara itu, angin ribut dan ombak besar yang berkecamuk pada ketikanya menggugat keselamatan pelayar. Tanjung Penawar adalah satu-satunya tempat yang menarik hati dan harapan para pelayar dan para pedagang kerana kedudukannya yang bertanjung, berteluk dan berpantai pasir serta terlindung dari angin ribut bertiup dan ombak besar mengganas dari arah Timur Laut itu. Maka tanjung itu menjadi daya tarikan kepada para pelayar dan para pedagang untuk berlindung dari mala petaka angkara perompak lanun itu.

Situasi dan suasana tempat yang serupa itu ada pada kebanyakan tempat di sepanjang pantai timur terutama di bahagian timur Johor Tenggara. Tempat ini banyak memberi tenaga dan inspirasi kepada para pujangga atau penyair atau pengarang. Antaranya Munsyi Abdullah sendiri menerima tenaga segar bugar dan mendapat ilham bersenandung:

Sayang bubut bertanya lalai,
Kelendara ada pada kita;
Angin ribut, gelombang selesai,
Bungkar sauh, belayarlah kita.

Pulau Tinggi, Terendak China,
Tampak dari Pasir Sibu;
Tuan pergi, janganlah lama,
Tidak kuasa menanggung rindu.

Apung terendam di seberang sana,
Beting berabut dari kuala;
Menanggung dendam semalam di sana,
Siang barat, malam utara.

Pisau raut berhulu tulang,
Tombak berhulu sendirinya;
Tengah laut Gunung Bulang,
Ombak berpalu sendirinya.

Pisau raut hulunya mas,
Candung berhulu sendirinya;
Dalam laut janganlah cemas,
Ombak berpalu sendirinya.

Tioman pulau yang kecil,
Kera melompat di tengahnya;
Matilah kuman kena pelantik,
Sekalian alam limpah darahnya.

Kesan-kesan Sejarah Makam Sultan dan Raja Pemerintah Johor di Luar Negeri Johor

Berhampiran Masjid Tengkira Melaka, ada sebuah makam Sultan Husain Syah, bekas Sultan Singapura dan Johor. Baginda telah menyerahkan Singapura kepada kompeni Inggeris dalam T.M. 1824. Baginda mangkat dalam T.M. 1835 dan jenazahnya dimakamkan di kawasan masjid itu.

Di kawasan Masjid Kampung Umbai, Melaka, hingga kini masih terdapat Makam Sultan Ali (putera Sultan Husain Syah) yang telah menyerahkan negeri Johor kepada Temenggung Daeng Ibrahim (Daeng Ronggek) dalam T.M. 1855. Baginda juga telah menyerahkan Jajahan Kesang pada Maharaja (sultan) Abu Bakar dalam T.M. 1877. Baginda mangkat dan jenazahnya dimakamkan di kawasan Masjid Kampung Umbai, Melaka yang ada sekarang.

Makam-makam Raja dan Para Pembesar Johor di Teluk Belanga, Singapura

Teluk Belanga Singapura adalah asal tempat kediaman dan pusat pemerintahan Johor (Johor sekarang). Makam-makam keturunan Temenggung (Bugis), dan keluarga mereka iaitu para pembesar Johor, hingga kini masih terdapat di sana. Di antaranya, Makam Temenggung Daeng Abdul Rahman dan anakandanya, Temenggung Daeng Ibrahim (Daeng Ronggek) yang mangkat dalam T.M. 1862. Kawasan tanah perkuburan termasuk bangunan masjid dan bangunan Melaka Diraja masih dikuasai oleh Kerajaan Johor.

Lampiran

PERINGATAN SALASILAH

MENURUT buku *Tuhfat al-Nafis* oleh Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, editor Virginia Matheson Siri Kajian Sastera Fajar Bakti Sdn. Bhd, Kuala Lumpur:

'Raja Maimunah putera Opu Dahing Parani dengan Tengku Tengah (nama timangan Tun Irang), bersuamikan Temenggung Johor, beranakkan Daeng Celak namanya, kedua Daeng Kecik namanya, ketiga Engku Muda namanya. Syahadan Daeng Kecik (Temenggung Daeng Ibrahim) inilah beranakkan Temenggung Abdul Rahman dan Temenggung Abdul Rahman ini beranakkan Temenggung Ibrahim (Daeng Ronggek), dan Temenggung Ibrahim beranakkan Temenggung Abu Bakar Singapura di Teluk Belanga'.

Menurut buku *Tanjung Pinang Kota Bistari*, naskhah Rida K Liamsi diterbitkan atas kerjasama Pemerintah Kotip Tanjung Pinang dan Lembaga Study Social Budaya (LSSB) Tanjung Pinang 1989:

'Tanjung Pinang (Riau) kembali ramai didiami oleh orang-orang Melayu dan keturunan Bugis. Engku Muda Muhammad anak Temenggung Abdul Jamal . . . Engku Muda diangkat menjadi Temenggung Johor menggantikan ayahnya (Temenggung Abdul Jamal). Namun Engku Muda menolak, dan digantikan oleh adiknya Temenggung (Tun) Ibrahim atau bergelar Daeng Kecil.'

Daripada keterangan kedua-dua buku tersebut, nyatalah Temenggung (Tun) Ibrahim atau bergelar Daeng Kecil (Daeng Kecik) itu putera kepada Temenggung (Tun) Abdul Jamal atau digelar Temenggung Johor dengan isterinya Raja Maimunah, puteri Opu Daeng Perani dengan isterinya Tengku Tengah. Tengku Tengah itu pula puteri kepada Sultan Abdul Jalil Keempat, Raja Johor Kesebelas daripada keturunan Bendahara memerintah Johor dari T.M. 1699 hingga T.M. 1717.

Sultan Abdul Jalil Keempat inilah yang menggantikan Sultan Mahmud Syah Kedua, Raja Johor Kesepuluh daripada keturunan Kesultanan Melaka yang akhir memerintah Johor. Kerana tidak berputera dan puteri yang sah dan baginda mangkat dijulang dibunuh oleh Megat Seri Rama (Laksamana Bentan) dalam tahun 1699, maka takhta Kerajaan Johor digantikan oleh Bendahara Abdul Jalil, keturunan Bendahara bergelar Sultan Abdul Jalil Keempat, Raja Johor Kesebelas.

Daripada keturunan Bendahara (Sultan Abdul Jalil Keempat, Raja Johor Kesebelas) ini hingga akhirnya kepada Sultan Husain Syah dan puteranya Sultan Ali, negeri Singapura terserah kepada Inggeris dalam tahun 1824 dan Sultan Ali menyerahkan pula Johor kepada Temenggung Daeng Ibrahim (Daeng Ronggek) dalam tahun 1855 dan Kesang kepada Temenggung atau Maharaja (Sultan) Abu Bakar dalam tahun 1877. Sejak itu, seluruh negeri Johor dan Kesang hingga se-

karang diperintahkan oleh raja-raja atau sultan-sultan Dinasti Ketemenggungan (keturunan Temenggung atau Bugis).

Salasilah ringkas di bawah ini mencatatkan nama raja-raja dan sultan-sultan yang memerintah negeri dan kerajaan Johor, termasuk Johor sekarang. Salasilah keluarga diraja Johor sekarang selengkapnya berkehendak dibuat khas yang lain.

Lampiran A

SULTAN-SULTAN YANG BERKERAJAAN DI JOHOR DARIPADA KETURUNAN RAJA-RAJA MELAYU MELAKA



Lampiran B

SULTAN-SULTAN JOHOR
DARIPADA KETURUNAN TUN HABIB (HABAB) ABDUL MAJID PADANG SAUJANA
BERCAMPUR KETURUNAN ANAK-ANAK RAJA BUGIS




Tengku Husain (Long)
(Sultan Husain Syah)
Raja Johor Keenam Belas
T.M. 1819–1835
Sultan Ali
(Raja Johor Ketujuh Belas)
T.M. 1835–T.M. 1855
Tengku Alam
(Kampung Gelam Singapura)
Temenggung Abdul Rahman
(Temenggung Bulang dan Singapura)
Temenggung Ibrahim (Daeng Ronggek)
Temenggung Singapura dan Johor
(Raja Johor Kelapan Belas) T.M. 1855–T.M. 1862
Sultan Abu Bakar
(Raja Johor Kesembilan Belas) T.M. 1862–T.M. 1895
Sultan Ibrahim
(Raja Johor Kedua Puluh) T.M. 1895–T.M. 1959
Sultan Ismail
(Raja Johor Kedua Puluh Satu) T.M. 1959–T.M. 1981
Sultan Iskandar
(Raja Johor Kedua Puluh Dua) T.M. 1981
Tengku Ibrahim
(Tengku Mahkota)

× = Berkahwin

Bahan Bacaan dan Kajian

Di antara buku-buku dan risalah-risalah yang telah kita baca dan siasat kerana membanding, menambah dan menjadikan sandaran ialah:

Selamat Johor 'Onn bin Ja'afar
Hikayat Johor I dan II Hj. Md. Sa'id bin Hj. Sulaiman
Tarikh Dato' Bentara Luar Johor Muhammad bin Hj. Ilias
Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi Muhammad Ibrahim bin Hj. Abdullah Munshi
Hikayat Abdullah Munshi Abdullah bin Abd. Kadir
Tuhfat Al-Nafis Salasilah Melayu dan Bugis Raja Ali al-Haji Riau
Kisah Pelayaran Abdullah Munshi Abdullah bin Abd. Kadir
Sejarah Melayu Tun Seri Lanang
The Legal Status of the Malay States Roland Braddel
The Light of Singapore Roland Braddel
The British Malaya Frank Swettenham
A History of Johore R.O. Winstedt
A History of Malaya R.O. Winstedt
Malaya and Its History R.O. Winstedt
Peninsula Malay R.J. Wilkinson
The Malay Peninsula Arnold Wright dan Thomas H. Reid
Report on a Mission to Malaya Sir Harold MacMichael
A History of Malaya for School Margery Morris
People of Early Singapore H.F. Pearson
Federation of Malaya Government Gazette Johore

Selain dari ini bagi mencari dan menambah lagi bahan-bahan buku ini, kita telah sentiasa mengikut dan mencatat kisah-kisah yang telah berlaku berkenaan Johor yang telah disiarkan oleh beberapa buah surat khabar dan majalah yang terbit di tanah air kita ini. Di antaranya ialah Utusan Melayu, Utusan Zaman, Majlis, Hiburan dan beberapa buah lagi.

Penyata Pesuruhjaya Kerajaan Bagi Muar, 1911 oleh Dato' Abdullah bin Ja'afar, *Tambahan dan Pindaan Bagi Undang-Undang Tumbuh-tumbuhan, 1900* oleh Muhammad Ibrahim bin Hj. Abdullah (Dato' Bentara Dalam); Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor serta Tambahan-tambahannya.

1 6 MAR 1996